

DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)

Shah Alam, Jumaat 13 Mac 2009

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,
PJK. (Morib)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TIDAK HADIR

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Negeri Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Pegawai BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh
Penolong Setiausaha

Cik Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Md. Saref bin Salleh
BENTARA

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Cik Siti Salina bt. Muftar
PELAPOR PERBAHASAN

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Dewan disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi mesyuarat pertama Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Kedua belas dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan sambungan.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya.

YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Tuan Speaker, soalan No. 13

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: RUMAH IBADAT DI SELANGOR

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah rumah ibadat yang ada di negeri Selangor setakat 2008 dan berikan statistik mengikut agama. Bagaimanakah prosedur untuk membina rumah-rumah ibadat di Selangor dan apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap rumah-rumah ibadat yang didirikan tanpa permit dan di luar kawalan?

TUAN SPEAKER: EXCO.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, mengikut statistik terkini, sebanyak 2,864 buah rumah ibadat berdaftar, yang merangkumi kuil, tokong, gereja, masjid dan surau telah dibina di Negeri Selangor. Berikut adalah pecahan rumah-rumah ibadat tersebut mengikut daerah.

BIL.	DAERAH	TOKONG	KUIL	GEREJA	MASJID	SURAU
1.	Petaling	58	60	12	71	369
2.	Kuala Langat	23	17	2	33	128
3.	Klang	143	56	9	40	230
4.	Hulu Langat	47	21	2	45	350
5.	Gombak	26	24	2	38	205
6.	Sabak Bernam	31	3	1	47	222
7.	Kuala Selangor	38	14	4	51	156
8.	Hulu Selangor	13	9	3	23	130
9.	Sepang	6	6	1	22	73
	JUMLAH	385	210	36	370	1863

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih lagi mengemas kini data-data berhubung rumah-rumah ibadat selain Islam mengikut pecahan PBT di Negeri Selangor,

Bagi pembinaan rumah-rumah ibadat bukan Islam, kerajaan negeri mengguna pakai garis panduan yang telah diluluskan di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang diadakan pada 13 Ogos 2008, seperti berikut:

- i) Setiap permohonan pembinaan bangunan keagamaan hendaklah dipohon atas nama persatuan melalui Pejabat Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- ii) Keluasan tanah untuk kegunaan bangunan keagamaan selain Islam sedia ada di tapak adalah mengikut keluasan asal bangunan tersebut. Keluasan bangunan keagamaan selain Islam di tapak baru sama ada disediakan oleh kerajaan atau pemaju dan bagi tujuan pemindahan adalah ditetapkan tidak melebihi 10,000 kaki persegi. Walau bagaimanapun, jawatankuasa boleh mempertimbangkan keluasan melebihi 10,000 kaki persegi mengikut kes-kes tertentu.
- iii) Tapak bangunan keagamaan selain Islam tidak boleh ditempatkan di sekeliling loji kumbahan atau pencawang TNB.
- iv) Pembinaan bangunan keagamaan selain Islam adalah tidak dibenarkan dibina di kawasan lapang.
- v) Penentuan jenis bangunan keagamaan selain Islam adalah ditetapkan mengikut komposisi kaum.
- vi) Ketinggian yang dibenarkan adalah tertakluk kepada garis panduan dan undang-undang yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- vii) Pembinaan bangunan keagamaan selain Islam tidak akan menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam atau lalu lintas.
- viii) Bangunan keagamaan yang dipindahkan dicadangkan untuk ditempatkan secara tetap.

Setiap permohonan untuk mendirikan rumah ibadat ini akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam yang diadakan 6 kali setahun untuk disokong. Setiap permohonan yang telah disokong akan dibawa ke Mesyuarat EXCO untuk diluluskan.

Kerajaan Negeri telah membuat keputusan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 18/2008 yang telah diadakan pada 9 Julai 2008 memaklumkan bahawa “ *semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengenakan kompaun/bayaran kepada pemilik-pemilik rumah ibadat yang dibina secara tanpa izin dan bayaran kompaun ini perlu dijelaskan secara berterusan sehingga pemilik-pemilik rumah ibadat tersebut memohon untuk mendapatkan pengiktirafan kerajaan* “

“ *Selain itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga bersetuju supaya semua PBT mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana struktur yang baru dibina tanpa kebenaran dan surau atau masjid juga tidak terkecuali daripada tindakan ini* “

Walau bagaimanapun, semua PBT atau agensi-agensi kerajaan yang lain, hendaklah memaklumkan terlebih dahulu kepada Kerajaan Negeri bagi mengambil sebarang tindakan perobohan rumah-rumah ibadat ini bagi mengelakkan timbulnya masalah. Terima Kasih.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima Kasih Tuan Speaker. Setakat ini adakah Kerajaan Negeri Selangor mengeluarkan bantuan-bantuan terhadap rumah-rumah ibadat bukan Islam. Kalau ada berapakah jumlahnya juga bagaimanakah mekanisme dilakukan bagi pengawalan kegiatan di rumah-rumah ibadat yang bukan Islam. Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih. Tuan Speaker, pada masa yang lampau peruntukan setahun untuk rumah ibadat selain Islam adalah sebanyak 3 juta. Tetapi sejak tahun ini, sejak 2009 bajet ini telah dipertingkatkan ke satu tahap yang lebih tinggi iaitu 6 juta setahun dan untuk mengawal kegiatan agama-agama selain Islam kita kerajaan negeri bekerjasama dengan persatuan-persatuan yang mengetuai agama-agama masing-masing. Jadi kita bekerjasama dengan Persatuan Buddha, Persatuan Hindu, macam seperti Hindu Sanggam dan sebagainya dalam hal ini. Dan cara ini kerajaan negeri rasalah lebih elok dan sesuai kerana ini dapat memupuk semangat muhibah dan persefahaman. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya apakah status rumah-rumah ibadat yang didirikan menggunakan rumah-rumah kedai sebagai tempat-tempat rumah ibadat.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: *Sorry*, sila ulangi *sir*.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Apakah status rumah ibadat yang menggunakan rumah kedai sebagai tempat beribadat.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, pada masa lampau kerana rumah-rumah ibadat selain Islam mereka sentiasa menghadapi kesukaranlah dalam hal permohonan. Sebab itu mereka selalunya membeli, membeli kedai ada yang beli rumah dua tingkat yang macam *terrace house* dan macam-macamlah sebab itu kerajaan negeri yang baru Pakatan Rakyat kita memahami kesukaran dan kerumitan itu maka kita bagi peluang kepada semua rumah ibadat yang begini, sebegini kita bagi dia *time* dan masa yang cukup supaya mereka dapat mencari satu tapak yang lebih sesuai. Dan kita juga menggalakkan mereka membuat permohonan sekiranya mereka mendapat tanah kerajaan yang sesuai. Jadi kita tidak membenarkan sesiapa menggunakan lagi rizab jalan, atau pun rizab sungai, atau pun tanah di bawah TNB dan sebagainya. Jadi kita tidak benarkan lagi lah. Tetapi kita menggalakkan mereka mencari tapak yang sesuai. Jadi sebelum mereka mendapatkan, tapi masa yang kita beri itu hendaklah berpatutanlah, bukan terlalu panjang atau pun terlalu pendeklah, sebab kita memang

mengalami masalah masih banyak rumah ibadat dibina tanpa izin seperti yang dikatakan oleh YB. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya hendak kemukakan soalan tambahan saya. Oleh kerana rumah-rumah ibadat seperti tokong dan kuil-kuil ini memainkan peranan yang penting dalam masyarakat, dan masyarakat setempat mengambil berat terhadap hak milik status tanah tapak tokong tersebut dan saya dimaklumkan dulu, kerajaan yang lampau langsung tidak memberi status hak milik tanah kepada tokong-tokong dan kuil-kuil dan saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah Pakatan Rakyat selepas kita diberi mandat pada 18 Mac yang lalu kita mempertimbangkan urusan pemberian hak milik tanah, tapak tanah kepada tokong. Sekian, terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, dalam tahun 2008 kita telah meluluskan sebanyak 30 buah bidang tanah untuk agama-agama yang berlainan selain Islam termasuk gereja, tokong, kuil dan pusat keagamaan Buddha dan sebagainya, dan tahun ini kita baru-baru saja pada dua minggu yang lalu, kita baru saja meluluskan sebanyak 25 bidang tanah tapak untuk agama-agama selain Islam. Dan ini telah menunjukkan bahawa kerajaan Pakatan Rakyat memang, memang fokus dan juga ingin memberi bantuan kepada semua agama selain Islam dengan cara inilah dan *charge* atau pun bayaran untuk semua rumah ibadat pun sangat rendah nominal sahaja, selepas itu setiap tahun mereka hanya perlu membayar sebanyak RM 1 sahaja sebagai token. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sg. Panjang.

YB DATO' SERI MOHD. KHIR BIN TOYO : Tuan Speaker, soalan No. 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO SERI MOHAMMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGGAI PANJANG)**

TAJUK : TASK FORCE TANAH SELANGOR

14. Pada Jun 2008 Kerajaan Negeri telah mengumumkan penubuhan Pasukan Bertindak Khas (*Task Force*) Tanah Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah cadangan-cadangan yang telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri atau pejabat tanah bagi menambah baik sistem yang sedia ada?
- b) Berapakah elaun ahli dan kos keseluruhan pasukan khas ini?

YAB DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahi Rahmani rahim.* Tuan Speaker, pada Jun 2008, Kerajaan Negeri menubuhkan Pasukan Bertindak Khas (*Task Force*) untuk mengkaji pentadbiran tanah negeri Selangor. *Task Force* itu diberi tempoh selama tiga bulan untuk membuat kajian dan hasil kajian sudah dibincangkan dengan ahli-ahli

EXCO, ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan para pentadbir kerajaan. Taklimat terakhir *Task Force* diadakan pada 12 Februari 2009. Secara umumnya, antara cadangan yang setebal 500 muka, meliputi:

1. Pemisahan tanggungjawab antara Pegawai Daerah dan Pentadbir Tanah, sebagaimana yang sekarang dijalankan di negeri Johor.
2. Menyediakan ruang kerja yang dapat menampung bilangan urusan, tenaga kerja dan penyimpanan rekod dan dokumen. Dahulunya disyorkan supaya disatukan tetapi terdapat banyak kelemahan daripada segi penggunaan masa untuk menyemak fail-fail tersebut. Daripada segi dasar terdapat banyak cadangan untuk mengkaji semula dasar-dasar yang sedia ada daripada segi kefahaman undang-undang. Dan juga untuk menurunkan kuasa kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah bagi urusan yang dikenal pasti. Oleh sebab itu, *Task Force* juga mencadangkan supaya diadakan latihan kakitangan, bagi meningkatkan latihan kakitangan Pentadbiran Tanah dan mencadangkan menambah bilangan tenaga kerja sesuai dengan tugas yang sedia ada.

Soalan mengenai elaun dan kos pasukan khas berhubung dengan jumlah wang sebanyak RM399,285.61 yang dibayar kepada *Task Force*. Perincian bayaran dinyatakan di sini: Kita membayar kepada Pengerusi bersama *Task Force* Dato' Dr. Tan Kee Kiong, mantan Timbalan Menteri Perumahan, sebanyak RM39,000.00; Prof Dato' Dr. Nik Mat Zain bin Yusof, mantan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan, juga sebagai Pengerusi bersama, sebanyak RM30,000.00; Hj. Dollah bin Ali, ahli profesional, sebanyak RM27,000.00; Dr. Syed Ibrahim bin Syed Omar, RM30,000.00; Hj. Muhsin bin Hj. Ahmad, RM22,000.00; Gandisnegan a/l Ramanadan, sebagai Sistem Analisis, sebanyak RM45,000.00; Nik Sharum Nizar bin Nik Mat Zain sebagai Setiausaha sebanyak RM25,000.00; Nik Noraini bt. Nik Mat Zain, RM17,000.00. Mohamad Syed bin Abdul Kadir RM15,000.00; Muhamad Affende bin Muhamad RM20,000.00; Hjh Latifah bt. Sulaiman, RM8,482.00; Kadisan S. Nadesan, RM11,362.00; Norsuhaila bt. Saad, RM15,000.00; Summati Mugayah RM15,000.00; Hj. Ismail Rejab RM19,305.00; Ramacdran a/l Sutayan, RM4,000.00; Muhamad Fharuddin Amran RM9,900.00; Khalil bin Hamzah RM9,900.00; Maziyan bt. Jamaluddin RM9,900.00; Asnizan bt. Abdullah, RM9,900.00; Rasidah bt. Abdul Rahman, RM4,800.00; Azhar bin Noraini, RM4,800.00; Mat Rudi bin Ismail, RM4,800.00; Jumlah besar, sebanyak RM399,285.61. Walau bagaimanapun, YB Engineer Mutayah Ramapillir dan YB Pillip Tan Su Su, selaku wakil rakyat, yang turut menganggotai Jawatankuasa ini, tidak layak menerima bayaran.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Tuan Speaker soalan tambahan. Berapakah tunggakan yang masih ada tentang pemprosesan Duti FT dan apakah cadangan yang dibuat oleh *Task Force* dalam masalah ini. Yang kedua apakah tunggakan *teater* selesaikan dan apakah cadangan yang dibuat *Task Force* dalam masalah-masalah ini.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Saya tidak mempunyai data yang terperinci dalam hal tunggakan ini sebab tiap-tiap minggu kita kurangkan dan saya ingin membuat jawapan bertulis berhubung perkara tersebut. Tambahan pula, *Task Force* ada membuat beberapa cadangan tentang cara kutipan dan memikirkan cara pemerolehan kutipan tersebut.

TUAN SPEAKER : Sg. Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker Soalan No.15

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: PAKEJ MERANGSANG EKONOMI

15. Kerajaan Pusat telah menyediakan Pakej Merangsang Ekonomi dengan jumlah RM70 bilion pada tahun 2008 dan akan menyediakan satu pakej lagi pada Bulan Mac 2009.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang menyediakan sebarang pakej merangsang ekonomi untuk menangani masalah kelembapan ekonomi?
- b) Apakah usaha-usaha kerajaan Negeri dalam membantu rakyat Selangor khususnya para peniaga-peniaga dan kontraktor kecil dalam menghadapi masalah kelembapan ekonomi?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker mengemukakan soalan mengenai Pakej Merangsang Ekonomi. Saya hendak membetulkan kenyataan Kuala Kubu Bharu semalam, yang mengatakan Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor dibuat selepas Pakej Rangsangan Kerajaan Persekutuan. Bagi makluman Kuala Kubu harap disemak dahulu sebelum membuat kenyataan. Pakej kita diumumkan pada 4 Mac dan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Malaysia dibuat pada 10 Mac. Jadi harap dibetulkan kesilapan, jika tidak wakil MCA diketawakan.

Baiklah. Seterusnya, saya membincangkan aspek-aspek perancangan ekonomi yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri. Seingat saya soalan ini sudah diutarakan oleh Sg. Pelek sebelum masa tersebut, dan saya hendak membincangkannya dan menerangkan perangkaan-perangkaan yang terdapat dalam tersebut. Banyak persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan tentang cara pengiraan data yang kita lakukan. Oleh itu, saya hendak menjawab soalan yang berbunyi: adakah negeri Selangor bercadang mengeluarkan Pakej Merangsang Ekonomi. Jawapannya, ya. Tetapi saya hendak terangkan dalam majlis penutupan dan majlis penggulungan oleh Ahli-ahli MMKN (EXCO).

Seterusnya, apakah usaha kerajaan negeri untuk membantu peniaga-peniaga kecil dan sederhana? Itulah sebabnya kita mengadakan rangsangan ekonomi yang besar. Apabila kita membuat perancangan ekonomi yang besar hasilnya membolehkan peniaga-peniaga kecil ini dapat bersama-sama menjalankan aktiviti perniagaan masing-masing. Itu sebabnya jika saudara melihat kajian cara KLIA dibina, hasil daripada kewujudan KLIA itu memberi peluang kepada ratusan peniaga kecil yang dapat bersama-sama menumpang dan menjalankan *business* di persekitaran kawasan tersebut. Oleh sebab itu saya juga hendak terangkan apa yang disebut dalam istilah ekonomi *the effect*, iaitu hasil saluran yang mungkin berlaku apabila kita merangsang ekonomi dengan cara yang betul. Malahan hasilnya mampu meresap ke dalam ekonomi

keseluruhannya yang disebut dalam beberapa kenyataan kajian ekonomi sebagai *the multiple effect*, atau kesan penggandaan daripada ekonomi tersebut. Terima kasih.

YB PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Sila Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI: Adakah sebarang ataupun jumlah dana yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam Pakej Merangsang Ekonomi tersebut.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Hingga kini saya juga mengikuti perbincangan dalam Parlimen, yang juga membetulkan kenyataan YB dari Kuala Kubu yang mengatakan hanya saudara Anwar yang hadir, manakala ahli-ahli pembangkang yang lain termasuk saya tidak hadir dalam perbincangan Bajet tersebut. Untuk makluman saudara saya ada di sebelah Dato' Seri Anwar, boleh cek rekod itu. Daripada dua kenyataan yang salah tersebut, saudara tidak begitu peka terhadap kebenaran fakta. Saya harap saudara belajar daripada hal ini. Jangan memalukan parti saudara kerana kenyataan yang tidak betul, saya sendiri bersama dengan Dato' Seri Anwar untuk mendengar belanjawan tersebut. Saya hendak tahu pakej belanjawan tersebut. Malah saya turut memberikan banyak komen tentang pakej tersebut dan buat masa ini belum ada lagi kenyataan tentang cara penyaluran pakej tersebut untuk negeri-negeri di Malaysia. Kalau mengikut cara Australia, Kerajaan Australia selepas membuat Pakej Rangsangan itu segera memperuntukkan kepada setiap negeri berasaskan purata pendapatan dan berasaskan jumlah rakyat di tiap-tiap negeri.

Walau bagaimanapun, saya ada membuat kenyataan akhbar tentang perkara ini. Saya juga meminta Timbalan Perdana Menteri supaya mengajak semua Menteri Besar dan Ketua Menteri datang ke Putrajaya untuk diterangkan mengenai Pakej Rangsangan tersebut, dan bagaimana kerajaan negeri boleh dapat bersama-sama dengan Kerajaan Malaysia supaya dapat menentukan kejayaan Pakej Rangsangan tersebut. Saya turut mengesyorkan kepada Menteri Kewangan yang juga Timbalan Perdana Menteri supaya memasukkan seorang atau dua orang Menteri Besar di dalam Jawatankuasa khas supaya dapat membuat usaha sama dan memantau tentang kejayaan tersebut.

Sehubungan ini, saya sukacita memberitahu Dewan ini tentang cadangan kita dalam Parlimen demi ketelusan Kerajaan Persekutuan mestilah menyediakan laman web untuk menunjukkan penggunaan wang rangsangan tersebut. Tindakan ini supaya membolehkan rakyat melihat dan mengkaji hala tuju perbelanjaan. Hal ini sebagaimana yang dilakukan oleh Presiden Obama dan pentadbirannya berhubung dengan penyaluran wang dalam pakej rangsangan ekonomi di Amerika Syarikat. Dan hari ini saya dengan sukacitanya, memaklumkan Y.A.B. Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak nampaknya mulai menerima cadangan tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Alam Shah

YB TUAN NG SUEE LIM: Kota Alam Shah

TUAN SPEAKER: Ya

YB TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker Peraturan Tetap 24.2

TUAN SPEAKER: Ya

YB TUAN NG SUEE LIM: Saya hendak mengambil soalan daripada Kota Alam Shah sebagai soalan sendiri. Soalan No.16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK: SETINGGAN SIFAR DI NEGERI SELANGOR

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah kedudukan dan peratusan setinggan tegar di Negeri Selangor pada masa ini?
 - b) Berapakah komposisi setinggan mengikut minoriti kaum di Negeri Selangor ini?
 - c) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi isu-isu setinggan ini dan adakah Kerajaan Negeri Selangor akan memberikan setinggan ini rumah kos rendah dengan harga yang berpatutan?

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: *Bismillahni rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatulallah wabarakatuh* dan salam pagi. Tuan Speaker dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian jumlah peneroka bandar dan setinggan yang masih berada di tapak di Negeri Selangor adalah 3,964 keluarga. Daripada jumlah tersebut yang paling tinggi adalah di Majlis Perbandaran Selayang sebanyak 1,750 keluarga dan Majlis Perbandaran Klang dengan 1,385 keluarga. Dan berkaitan dengan soalan peratusan mengikut kaum yang paling tinggi adalah Kaum Melayu iaitu 72.3% , Kaum Cina 7.3% dan Kaum India 19.5% dan lain-lain merupakan 0.9%. Tuan Speaker dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian Kerajaan Negeri sentiasa mengadakan perbincangan dengan hampir semua peneroka-peneroka bandar sama ada secara rasmi bersama Pihak Berkuasa Tempatan atau Pejabat Daerah atau secara tidak rasmi bersama saya, pegawai-pegawai saya. Tawaran kita kepada para peneroka-peneroka bandar itu adalah menawarkan kepada mereka rumah kos rendah dengan harga RM35,000.00 iaitu dengan subsidi 70,000.00 dan juga kos perpindahan. Bagi tidak mampu untuk memiliki rumah atau tidak mahu membeli rumah subsidi ini diberi secara tunai kepada mereka. Dan bagi yang tidak mampu untuk membeli rumah kerajaan negeri menawarkan kepada mereka rumah-rumah di projek perumahan rakyat untuk disewa. Kita juga mendapati ramai daripada peneroka bandar yang telah menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman terutamanya masalah-masalah teknikal dan kita telah, Kerajaan Negeri telah mewujudkan skim khas untuk mereka dan skim ini pada peringkat awal telah ditawarkan kepada penduduk bekas Kampung Rimba Jaya dan ianya akan di luaskan atau disebar luaskan kepada seluruh negeri Selangor kerana kita mendapati banyak para peneroka bandar yang telah menghadapi masalah. Walaupun Kerajaan Negeri menawarkan rumah untuk dibeli oleh peneroka bandar tetapi terdapat juga tuan-tuan tanah yang menawarkan kepada peneroka tanah, peneroka bandar itu tanah yang mereka duduki dengan harga di bawah harga pasaran. Contohnya seperti penyelesaian tanah milik MARDI di Klang. Terdapat juga pemaju yang menawarkan tanah sebagai ganti kepada subsidi membeli rumah kos rendah dan subsidi sewa.

Contohnya adalah peneroka bandar Kampung Batu 8 di Hulu Kelang di mana di tawarkan tanah di tempat lain ataupun di daerah yang lain. Polisi rundingan di antara Kerajaan Negeri dan para peneroka bandar ini mungkin memakan masa tetapi ia lebih berperikemanusiaan daripada kita merobohkan rumah-rumah mereka. Kebajikan para peneroka bandar sentiasa dititikberatkan. Kerajaan Negeri memantau penempatan peneroka-peneroka bandar ini dan akan bertindak ke atas aduan-aduan yang diterima selain daripada pemantauan atau perbincangan dengan wakil-wakil mereka. Contohnya baru-baru ini, penduduk daripada Kampung Bunga Raya tertunggak bil air dan ADUN, Pejabat EXCO dan Majlis Perbandaran telah membantu untuk melunaskan hutang-hutang itu. Bagaimana pula untuk mengelakkan tumbuhnya penempatan-penempatan baru, apa yang dilakukan PBT, Pihak Berkuasa Tempatan telah diarah untuk meningkatkan penguatkuasaan. Mereka diarah supaya tidak membenarkan pembinaan-pembinaan tanpa izin di tanah-tanah Kerajaan atau tanah-tanah swasta. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Soalan Tambahan. Banyak pembangunan rumah kos rendah terbengkalai. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Di antara perkara-perkara yang telah kita lakukan adalah, no. 1 adalah kita nak menyelamatkan, membaik pulih rumah-rumah. Memulihkan semula RKR. Projek-projek Rumah Kos Rendah yang terbengkalai. Apa yang kita lakukan adalah kita sama lah seperti rumah-rumah ataupun projek-projek terbengkalai yang lain. Kita panggil *Task Force*. *Task Force* rumah-rumah terbengkalai yang telah melihat kepada projek-projek rumah kos rendah ini untuk dipadankan kepada pemaju-pemaju yang baru untuk memajukannya dan satu lagi masalah apabila ditetapkan kepada pemaju untuk membina rumah kos rendah ada yang membinanya di Fasa yang terakhir apabila ia dibina di Fasa terakhir ada yang melambat-lambatkan pembinaan. Mereka membina rumah kos sederhana, kos harga tinggi dulu tetapi polisi yang baru dan juga telah dimulakan sejak dahulu lagi bahawa pembinaan rumah kos rendah ini perlu dimulakan di peringkat awal bukan setelah segala rumah-rumah kos sederhana rendah ataupun yang berharga tinggi dibina dahulu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Taman Templer.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, soalan tambahan. Kerana hampir kebanyakan daripada setinggan ni terlibat dalam kawasan Majlis Perbandaran Selangor dan saya yakin kebanyakannya juga dalam kawasan DUN Taman Templer, maka soalan saya bilakah masalah ini dijangka dapat diselesaikan yang pertama. Yang kedua, adakah pihak YB bercadang untuk memanggil ADUN tempat yang berkenaan ataupun tempat yang terlibat dengan masalah setinggan ini untuk berbincang dan mendapat pandangan kerana saya rasa setakat ni memang tidak ada langsung jadi mungkin untuk memudahkan lagi kerja wakil rakyat di kawasan berkenaan saya rasa sepatutnya pihak yang berwajib memanggil untuk memberi penjelasan ataupun gambaran bilakah dan bagaimana masalah ini akan dapat diselesaikan, terima kasih.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Terima kasih kepada Taman Templer. Soalan pertama, bila sebab ada di MPS ada lebih kurang Majlis Perbandaran Selangor mempunyai jumlah yang tertinggi. Kita meletakkan masa sekurang-kurangnya satu

tahun untuk menyelesaikan kesemua masalah-masalah tersebut dan tentang perbincangan dengan ADUN-ADUN tidak kira sama ada ADUN Kerajaan atau bukan Kerajaan, saya rasa saya terbuka dan saya akan memanggil ADUN-ADUN yang bukan Kerajaan untuk berbincang bersama dan sekejap lagi di dalam penggulungan saya, saya akan menjawab tentang isu bukit botak Taman Templer, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Setia.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Tuan Speaker, soalan No. 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK: TANAH KERAJAAN NEGERI YANG DISWASTAKAN

17. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah tanah Kerajaan Negeri atau syarikat berkaitan Kerajaan Negeri yang diswastakan secara usaha sama antara tahun 2000-2007?
- b) Berapakah pulangan kepada Kerajaan Negeri atau syarikat berkaitan Kerajaan Negeri berbanding pulangan kepada rakan usaha sama mereka?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, ini mengenai jumlah keluasan tanah di Selangor yang terlibat dalam projek penswastaaan hartanah seluruh negeri Selangor dari tahun 2000 hingga 2007, iaitu seluas 21,910.92 ekar. Tanah terlibat secara usaha sama termasuklah daripada projek penswastaaan Kerajaan Negeri Selangor dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB). Data yang terakhir yang kita dapati, sejumlah 2,118.1 ekar tanah sudah diswastakan. Perinciannya sebagai berikut: PKNS, 8,759?? ekar; PNSB (Permodalan Negeri Selangor Berhad), 11,374.74 ekar; KDEB, sejumlah 8,330.49 ekar yang kesemuanya berjumlah 21,910.92 ekar.

Daripada segi pulangan, pulangan yang didapati oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagaimana data yang dinyatakan tetapi belum diaudit oleh Menteri Besar diperbadankan (*Menteri Besar Incorporated*) sebab kita hendak menengok keuntungan yang berjaya dan kerugian yang terbengkalai. Projek-projek yang terbengkalai kita tolak, barulah kita tahu hasil yang sebenarnya.

Walau bagaimanapun, jawapan saya kali ini ialah mengenai aliran tunai ataupun kewangan yang diperolehi oleh pihak-pihak Kerajaan dan anak syarikat swasta yang menswastakan tanah-tanah tersebut. Kerajaan Negeri yang sudah menerima RM445.76 juta ini juga ada kalanya bukan dalam bentuk tunai tetapi dalam bentuk harta tanah. PKNS memperoleh RM75.97 juta, PNSB, RM679.5 juta, KDEB, RM278.5 juta, dengan jumlah besar sebanyak RM1,479.75 juta.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Saya sudah menimbulkan semalam, Talam, tentang kes Talam dilapur dalam media pada tahun 2006 memiliki 8,000 ekar tanah dan hanya 700 ekar dinyatakan berdaya maju. Soalan saya, adakah Kerajaan merancang untuk merampas semula tanah-tanah yang tidak digunakan yang telah diswastakan kepada Talam? Yang kedua adakah Kerajaan merancang untuk menjadikan Talam sebagai anak syarikat untuk dijadikan SPV dengan izin *Special Purpose Vehicle* untuk memulihkan projek-projek terbelengkalai.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, pertama masalah Talam, saya sudah membuat beberapa pembancian agak lama, lebih lama daripada Sungai Panjang. Daripada kajian, kita sudah menyediakan satu pasukan untuk mengadakan perbincangan dengan kumpulan Talam kerana sebelum diaudit, saya dapati lebih kurang RM500 juta lagi belum dibayar oleh Talam kepada Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat. Oleh itu, saya sudah menyediakan satu pasukan. Kita perlu kaji, sebab penyusunan semula Talam agak *complicated* kerana melibatkan banyak anak syarikat, tambahan pula pengalihan harta sudah beberapa kali dilakukan dan itu mesti kita pandai membuat kiraannya sebab saya rasa sebelum Jun kita perlu selesaikan perkara ini.

Saya mungkin perlu menulis kertas kerja supaya kita belajar daripada kes ini, dalam hal mengambil alih Talam, iaitu syarikat yang dalam proses kerugian. Saya berpendapat ini (ketawa) secara yang pada jangkaan saya tidaklah boleh kita fikirkan..Walau bagaimanapun, kita ada pasukan yang membuat kajian dan itulah antara sebab *Power Of Attorney* daripada KDEB tu ditarik balik supaya kuasa besar itu terletak dalam kuasa MBI. Jika tidak, kita tidak dapat menjalankan tugas tersebut dan saya berharap perkara ini dapat diselesaikan demi kebaikan kontrak-kontrak yang kita buat terutama mengenai perjanjian, termasuk pembinaan Universiti Industri Selangor.

TUAN SPEAKER: Sijangkang.

YB. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya soalan No. 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: SEKOLAH MENENGAH AGAMA

18. Taburan sekolah menengah agama di negeri Selangor

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kriteria-kriteria yang di gunakan bagi menentukan tempat pembinaan sekolah-sekolah agama di negeri Selangor?
- b) Apakah perkembangan terkini berkenaan perancangan penubuhan sekolah menengah agama teknik di negeri Selangor?

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih, *Bismillahi rahmanni rahim*, Tuan Speaker dan kepada Yang Berhormat yang menanyakan soalan tentang pembinaan sekolah-sekolah menengah agama, sukacita dinyatakan sekolah-sekolah menengah agama di negeri Selangor yang jumlahnya 23 telah pun diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk ditadbir urus sepatutnya dengan lebih baik dan penyerahan ini mempunyai makna dan pengertian yang tersendiri dan saya Kerajaan Pakatan Rakyat bila mengambil alih pentadbiran negeri ini telah pun melihat proses penyerahan itu telah berlaku sebab itu untuk membina yang baru maka tidak lah rancak dan tidak ada pembinaan baru oleh kerana proses pembinaan seterusnya oleh kerana pembinaan sekolah agama itu telah diambil oleh kerajaan Persekutuan maka proses berikutnya adalah bergantung pada kerajaan Persekutuan. Namun begitu, bagi sekolah yang berkaitan dengan sekolah menengah agama yang ditanyakan di sini apa kriteria untuk kita membina sekolah-sekolah tersebut . Kriteria yang pertama adalah bergantung pada keperluan..*needs*.. saya fikir JAIS membuat *needs assignment* nya tersendiri tentang keperluan kita mendirikan sekolah-sekolah agama di mana-mana *locality* kawasan penempatan sudah tentulah kawasan yang padat penduduknya, yang jumlah masyarakat Islamnya tinggi, sudah tentulah kawasan tersebut diberikan *priority* keutamaan untuk didirikan sekolah agama. Selain daripada itu, ialah kita menentukan kawasan itu mestilah kawasan yang agak menjadi kawasan utama..*centre* menjadi kawasan fokus *area* yang mana rakyat yang menggunakan sekolah itu tersebut mempunyai kemudahan-kemudahan seperti kemudahan *transport*, kemudahan-kemudahan yang lain, yang perlu ada , untuk anak-anak kita yang belajar di sekolah itu untuk menikmatinya selain dari kemudahan yang diberikan kepada ibu bapa yang menghantar anak-anak untuk belajar di sekolah agama. Mengenai persoalan kedua Tuan Speaker, Sekolah Agama Teknik Dato Menteri Besar satu ketika dulu telah mencadangkan supaya dibuat sekolah agama yang bercorak teknik, teknologi yang tumpuannya kepada teknologi-teknologi yang agak nya teknologi yangbegitu.. Dan kita hendak anak kita diasuh dalam teknologi-teknologi *techgiable* , teknologi-teknologi peringkat menengah dan teknologi-teknologi di peringkat tinggi bagi memungkinkan supaya anak-anak kita yang belajar di sekolah agama tidak hanya tertumpu pada mata-mata pelajaran agama. Ini kita bagikan penegasan, kita bagikan tentang, tentang pelajaran asasi agama. Selain daripada itu , kita memberikan mereka ialah penekanan tentang mata-mata pelajaran untuk membolehkan mereka hidup dalam persekitaran kehidupan yang sebenarnya. Maknanya mereka diberikan skil, mereka diberikan ilmu, mereka diberikan pengalaman dalam bidang-bidang teknologi supaya anak-anak ini boleh hidup selesa dalam suasana teknologi kerana dunia bergerak menjadi dunia teknologi. Pada masa yang sama Tuan Speaker saya hendak menegaskan bahawa pengajian asas, ilmu asas yakni ilmu agama yang merangkumi akidah, yang merangkumi syariah, yang mempunyai akhlak, tidak sama sekali diketepikan atau diringankan. Sebab itu, dalam hal penubuhan sekolah menengah teknik ini, JAIS telah mengambil langkah-langkah utama bila YAB Dato' Menteri Besar mengumumkannya kita telah segera sebenarnya *Go to drawing board*...dengan izin, untuk kita merancang menyediakan *blue print* bagaimana caranya sama ada sekolah yang ada sekarang menyebabkan *conversion* dengan keizinan Kementerian Pelajaran atau pun kita mendirikan sekolah-sekolah baru dan saya ingin menyebutkan di sini macam sekolah agama seperti yang Maahad Tahfiz misalnya, bukan hanya mereka menghafaz al-Quran *slowly gradually* dengan izin bahawa pendekatan-pendekatan yang moden tentang teknologi, tentang hal-hal teknikal, ilmu-ilmu teknikal diberikan kepada mereka. Kita mahu di negeri Selangor ini satu masa nanti, Tuan Speaker, lahir *engineer-engineer* yang di dada mereka ada 30 juzuk al-Quran, kita nak lahir doktor-doktor pakar , yang dalam kepala, dalam hati mereka ada 30 juzuk al-Quran. Dan saya

terlalu yakin, dengan teman-teman JAIS, teman-teman MAIS, Lembaga Zakat, yakin bahawa ini akan boleh dicapai. Dan kita akan lihat, dan kita telah pun lihat, di Kelantan perkara ini telah tercapai. Di Terengganu sebahagiannya perkara ini telah tercapai. Dan di beberapa sekolah-sekolah swasta, maahad-maahad tahfiz swasta, kita dapati pertimbangan antara ilmu akhirat, pertimbangan antara ilmu akhirat dengan ilmu dunia, ilmu teknologi ini, sudah disepadukan sedemikian rupa dan kita sudah melihat doktor-doktor yang menghafal Quran, ada *engineer-engineer* yang dalam dirinya memang merupakan manusia agama, tetapi pada masa sama mereka adalah *engineer*. Kenapa ini dilakukan? Kita lakukan semuanya untuk melihat *engineer* yang bertakwa, *engineer* yang beriman, *engineer* yang bertakwa, yang beriman sajalah *engineer* yang tidak akan terlibat dengan rasuah, penyalahgunaan kuasa, dan sebagainya yang saya fikir ini sangat penting dalam konteks pembangunan negeri Selangor buat dekad-dekad yang akan datang. Terima kasih.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker

TUAN SPEAKER: Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker. Bangi ingin bertanya, selepas kita menyerahkan 23 Sekolah Menengah Agama kepada Kerajaan Persekutuan, JAIS mempunyai kuasa-kuasa tertentu, ke atas sekolah-sekolah tersebut, sejauh manakah kuasa-kuasa ini dapat di praktikkan dari segi pengalaman kita, sekolah-sekolah ini seolah-olah sama dengan sekolah-sekolah kebangsaan agama kerajaan persekutuan, di mana, kita disekat dan tidak mempunyai peluang untuk menghadiri *function-function* tertentu, yang kedua, di Selangor terdapat 207 buah sekolah rendah agama, dan sekolah rendah agama integrasi, setakat kita memerintah di negeri Selangor ini, apakah usaha kita untuk mempertingkatkan kualiti pembelajaran dan juga *facilities* bagi sekolah-sekolah tersebut. Terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih YB Bangi. Tentang sekolah menengah yang telah diserahkan ke kementerian pelajaran, saya ingin menyatakan di sini, memang yang lepas-lepas ni ada sedikit kekangan-kekangan, maknanya orang-orang Selangor, pemimpin-pemimpin Selangor, tidak begitu bebas untuk datang ke sekolah itu, sama ada datang untuk melihat pelajar-pelajar, ataupun datang untuk membuat pengisian-pengisian dalam membentuk sahsiah peribadi pelajar-pelajar tersebut. Tetapi kerana rundingan-rundingan telah dibuat, saya sendiri telah berunding dengan mereka, tidak kurang 4 kali telah berunding. Dan ruangnya sangat luas sekarang ini, untuk orang-orang Selangor, pimpinan Selangor, pakar-pakar motivasi, pakar-pakar agama yang lain untuk datang ke sekolah. Dan mereka akan alu-alukan kita, untuk melakukan program-program pembinaan sahsiah pelajar-pelajar, yang saya merasakan, alhamdulillah pelajar-pelajar Selangor, Tuan Speaker, yang telah diambil alih sekolahnya, mempunyai sahsiah yang agak baik. Jauh lebih baik rasanya daripada sekolah-sekolah harian yang berada di tempat-tempat dan sekeliling kita. Jadi sebab itu, satu lagi yang saya perlu tekan kan, kuasa kerajaan negeri, dalam sekolah-sekolah agama yang diserahkan kepada kerajaan persekutuan itu, ada dua kokurikulum, satu kokurikulum kebangsaan, dan satu lagi kokurikulum Azhar, Al-Azhar namanya. Kokurikulum Al-Azhar ini membolehkan anak-anak yang mengaji di sekolah agama, menyambung pelajaran di peringkat (bahasa arab) dengan izin. Di peringkat tinggi, di Universiti Azhar ataupun di universiti-universiti luar daripada Azhar, seperti di Jordan, di Syria, di Yaman, di Saudi dan sebagainya. Tetapi yang saya nak tekan kan di Azhar, yang Azhar ini memerlukan *syllabus* yang tertentu, memerlukan *syllabus* yang tersendiri.

Bagi kita alhamdulillah, baru-baru ini EXCO dalam mesyuarat 3 minggu yang lepas telah pun meluluskan peruntukan untuk kita melantik terus guru-guru agama yang mengajar mata pelajaran Azhar. Yang mengajar *syllabus* Azhar, yang mengajar kurikulum Azhar, yang selama ini sebelum dilantik ini diajar oleh guru-guru yang tidak pakar di bidang-bidang agama, tidak pakar di bidang syariah, tidak pakar di bidang akhlak, tidak pakar di bidang akidah, sudah diminta untuk mengajar, tetapi sekarang ini, dengan lantikan-lantikan baru ini Tuan Speaker, saya sangat yakin insya-Allah, di antara sekolah yang gemilang, sekolah yang cemerlang, nanti sekolah agama di Malaysia ini, saya merasakan sekolah-sekolah agama yang telah diserahkan yang kita masih bersama-sama dengan kementerian, untuk mengurus, mengendali, dari segi kokurikulum sekolah tersebut, saya yakin kita akan dapat melahirkan satu generasi manusia yang hebat, yang gemilang, untuk mereka menangani negeri Selangor ini dan Malaysia. Adapun, Tuan Speaker mengenai tentang sekolah rendah yang ditanyakan tadi tentang bagaimana nak menjamin kualiti sekolah-sekolah rendah agama. Saya faham, saya melawat, buat lawatan bersama teman-teman JAIS, MAIS, dan sebagainya, di sekolah-sekolah rendah ni sangat daif, bilangan nya hampir dekat mencecah 200. Seratus lebih begitu, daif kedudukannya, sangat daif. Gurunya pun agak daif, sekolahnya pun agak daif. Pelajar-pelajarnya agak daif, pekelilingnya pun agak daif. Jadi saya sekarang ni, bersama-sama dengan JAIS sedang mengambil langkah-langkah yang pasti, langkah-langkah yang *solid* dengan izin, bagaimana kita mesti keluar daripada kedaifan. Kalau sekolahnya daif, outputnya daif, inputnya daif, outputnya pun daif Tuan Speaker. Maka dengan itu, dengan sokongan YB daripada Bangi, untuk pengetahuan YB-YB, YB Bangi ini telah dilantik menjadi Pembantu EXCO yang khusus untuk melihat perkara-perkara yang berkaitan dengan sekolah, berkaitan dengan masjid dan sebagainya, dengan bantuan pengalaman YB Bangi, dengan ilmu yang ada dan pengalaman yang ada, saya yakin gandingan ini menjadikan kami yang mengurus JAIS, kami yang bersama-sama dengan MAIS akan mampu dan berjaya untuk meletakkan satu asas, satu batu asas kecemerlangan bagi sekolah-sekolah rendah agama, termasuk juga sekolah-sekolah menengah agama. Terima kasih.

YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK: PUSAT PERMAINAN KOMPUTER DAN JUDI

19. Banyak premis digunakan tanpa lesen, menjalankan perniagaan *cyber cafe* termasuk judi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar.

- a) Apakah Kerajaan Negeri sedar bahawa sejak kebelakangan ini banyak premis-premis digunakan tanpa lesen untuk menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang (*cyber cafe* & judi). Apakah tindakan yang telah, sedang dan akan dilakukan untuk membanteras perkara tersebut.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih. Tuan Speaker, mengenai pusat permainan komputer ataupun pusat *siber cafe* dan sebagainya, sebenarnya saya ucapan terima kasihlah kerana YB Sabak kerana prihatin dalam hal ini, tetapi saya ingin katakan di sini

adalah tidak benar lah ... premis-premis digunakan tanpa lesen untuk menjalankan aktiviti termasuk *siber cafe* dan judi itu sebenarnya tidak benar. Sebenarnya keadaan ini telah berlaku pada masa yang dulu di bawah kerajaan barisan nasional tetapi bagaimanapun eh.. kerajaan baru telah membekukan semua pengeluaran lesen hiburan selepas kerajaan pakatan rakyat mengambil alih pemerintahan. Dan lesen pusat *siber* dan *cafe, siber* ataupun *siber cafe* turut dibekukan. Jika pengusaha ingkar, tindakan yang diambil ialah dengan merampas dan menyita premis berkenaan dan pesalah akan didakwa di bawa enakmen hiburan dan tempat-tempat hiburan Selangor 1995 dan juga undang-undang kecil pusat siber dan *cafe siber* 2007. Jika ia berlesen maka lesen tersebut akan dibatalkan serta-merta. Susulan daripada itu operasi penguat kuasa juga dijalankan oleh pihak PBT seperti carta berikut :

PBT	BILANGAN OPERASI	BILANGAN KOMPAUN	BILANGAN SITAAN
MBSA	13	15	13
MBPJ	32	11	22
MPK	121	17	157
MPAJ	49	280	49
MPSJ	24	77	54
MPS	Tiada operasi	9	12
MPKj	101	39	Tiada sitaan
Majlis Perbandaran Sepang	8	9	Tiada sitaan
Majlis Daerah Kuala Selangor	Tiada Operasi	4	Tiada sitaan dibuat
Majlis Daerah Hulu Selangor	1	4	1
Majlis Daerah Kuala Langat	30	Tiada kompaun	30
MDSB	12	Tiada kompaun	Tiada sitaan

Manakala untuk premis judi, saya ingin memberitahu semua YB bahawa lesen perjudian bukan dikawal oleh kerajaan negeri tetapi dikawal oleh kementerian kewangan. Ok. Dan tindakan hanya boleh dibuat oleh Polis Diraja Malaysia dan maklumlah semua Polis Diraja Malaysia bukan di bawah negeri Selangor juga tetapi di bawah persekutuan. Jadi selaras dengan bidang kuasa yang kita tekan di bawah akta perjudian dan rumah perjudian 1946, jadi janganlah lagi salahkan kerajaan negeri mengenai hal masih ada premis judi dan sebagainya. Tetapi kerajaan negeri Selangor mengambil satu sikap yang terbuka bahawa semua lesen perjudian untuk *Toto* ke, untuk *Magnum* ke, untuk 4D ke atau apa-apa pun atau pun mesin-mesin kuda lawan kuda kah

'*what you call that*', mesin, slot mesin dan sebagainya kita anggap satu sikap yang terbuka bahawa lesen itu apabila dikeluarkan oleh MOF kita cuma keluarkan premis-premis lesen untuk premis itu sahaja oleh PBT masing-masing. Jadi selagi dia mengikut undang-undang kita teruskan, kita memberi peluang kepada mereka untuk memperbaharui, kita tidak ada halangan dan kita haraplah tindakan penguatkuasaan akan dijalankan berterusan bersama dengan agensi-agensi luar yang lain seperti Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Masa sudah sampai. Tamat pertanyaan.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat yang seterusnya usul menurut peraturan tetap 17 oleh Yang Berhormat Lau Weng San, Kg. Tunku bagi menangguhkan mesyuarat bagi perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak di segerakan.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tuan Speaker, peraturan tetap 17 3(b) saya menghalang untuk ditangguhkan.

TUAN SPEAKER: Ya, Yang Berhormat nak halang pun nanti dulu, orang belum bawa, tunggulah...

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Sebelum bawa saya halang dulu.

TUAN SPEAKER: Bacalah, bacalah. Nanti dulu, dengar dulu, dengar dulu. Sabar. Dengar dulu, duduk, dengar dulu. Dia ada peraturannya 17, pergilah 17(1), 17(2) baru sampai 17(3), belum 17(1) dah 17(3), sabar saya akan bagi peluang untuk bangkit bantahan, tidak ada masalah. Dengar Speaker Pakatan Rakyat ini tidak ada masalah, kalau dengan UMNO memang ada masalah. Ada bantahan saya akan terima kemudian, nanti dulu..ya..orang baru jangan terburu-buru. Orang baru tapi tidak mudah.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, Speaker duduk di tengah itu kena adil tidak boleh sebut UMNO ke apa, kena cakap salah, salah tapi jangan sebut UMNO ke PAS ke tak boleh lah Tuan Speaker ya. Setakat ini dah elok dah tapi jangan

TUAN SPEAKER: Tak perlu tegur, tak perlu tegur ini. Itu bukan tugas kamu.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tuan Speaker, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya terima teguran Yang Berhormat Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya betul, terima kasih. Itulah cara Kuang betul. Taman Templer jangan pandai-pandai sangat.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker. Kg Tunku ingin memohon izin untuk mencadangkan dewan ditangguhkan dengan tujuan merundingkan satu perkara berkenaan dengan orang ramai

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tuan Speaker, Yang Berhormat Tuan Speaker..

TUAN SPEAKER: Nanti dulu, ya-ya Kg. Tunku tunggu sebentar.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Oleh kerana saya kira pembahasan usul titah Tuanku lebih diutamakan jadi yang ini saya bawa teruslah perkara 17 3(b) ini supaya tidak kita membuang masa. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Baik, ya untuk Yang Berhormat, untuk menjawab bantahan Yang Berhormat, saya memang juga setuju penggulungan untuk perbincangan titah ucapan Tuanku itu lebih penting tapi kita kena ikut peraturan dewan. Mengikut peraturan 13 ya, tolong baca 13 memang dah urusan itu ikut agenda, ikut aturan jadi kita kena ikut, selepas pertanyaan kepada Menteri Besar kemudian baru sampai permintaan hendak menangguhkan dewan kerana perkara kepentingan kepada orang ramai yang berkehendak disegerakan. Selepas itu baru boleh masuk ucapan, jadi itu peraturan kita kena ikut peraturan. Walau pun yang itu penting tapi ikut peraturan dulu. Faham?

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Yang Berhormat Tuan Speaker, kalau dah dibentangkan habislah juga masa itu Tuan Speaker. Saya ingat nak diberhentikan masa itu untuk berbahas.

TUAN SPEAKER: Ini Yang Berhormat, Yang Berhormat kena tahu, ini memang dulu dah ada kebijaksanaan bila dewan ini membuat peraturan tetap. Ini dah buat 50 tahun, ini memang ada kebijaksanaan kenapa kita perlu buat sedemikian, jadi terimalah ini peraturan, ya saya tidak buat perkara yang tidak ikut peraturan.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya akur dengan Yang Berhormat Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Hah.....terima kasih. Itulah cara lebih baik. Ya, silakan Kg. Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, terima kasih Tuan Speaker, kalau Kuang berminat nanti kita boleh berbahas. Jadi perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan di bawah peraturan 17(1), peraturan-peraturan dewan usul saya berbunyi bahawa di bawah peraturan mesyuarat 17(1) dewan ini memberi laluan kepada ADUN Kg. Tunku untuk membawa satu usul berkenaan perkara tertentu berkepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan iaitu pelaksanaan program *People Centric* oleh Pejabat Pembangunan Negeri Selangor dengan matlamat menjatuhkan kerajaan Negeri Selangor adalah satu penyalahgunaan kuasa yang bercanggah dengan prinsip demokrasi. Dewan ini digemparkan dengan pelaksanaan *People Centric* oleh Pejabat Pembangunan Negeri yang dibongkar di dewan yang mulia ini pada 2 hari yang lalu dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Persekutuan Negeri Selangor Bil.1/2009 bertarikh 26 Februari 2009. Program ini telah dirangka dengan matlamat menjatuhkan kerajaan Negeri Selangor. Ini adalah satu penyalahgunaan kuasa. Antara tujuan program ini adalah meningkatkan sokongan rakyat kepada kerajaan persekutuan dengan meningkat imej dan kredibiliti pemimpin sekali gus menjatuhkan imej dan kredibiliti pembangkang. Program ini juga bertujuan untuk memenangi Pilihan raya Umum ke-13 dengan majoriti 2-3 di Parlimen dan membantu Barisan Nasional menawan kembali Negeri Selangor daripada pembangkang. Malahan dari anggota-anggota khas *Task Force* yang dicadangkan untuk program ini ialah Majlis Keselamatan Negara dan Suruhanjaya Pilihan raya (SPR). Ini menimbulkan tanda soal apakah peranan yang boleh dimainkan oleh SPR dalam menjalankan program mesra rakyat. Apakah udang di sebalik batunya? Justeru itu adalah jelas bahawa program ini juga merupakan tindakan subversif untuk mensabotaj

kerajaan Pakatan Rakyat yang telah diamanahkan oleh rakyat Selangor untuk mentadbir Negeri Selangor dalam pilihan raya umum ke-12 yang lalu. Tindakan ini pasti akan mendatangkan kesan-kesan negatif kepada rakyat Selangor secara umum. Lebih-lebih lagi kerajaan persekutuan tidak harus menyalahgunakan jentera kerajaan untuk menjalankan agenda politiknya. Pada halnya kerajaan persekutuan harus menerima keputusan rakyat dan bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk sama-sama membangunkan Negeri Selangor demi kepentingan rakyat. Perkara ini juga perlu disegerakan memandangkan rakyat dan kerajaan Negeri Selangor perlu menumpukan segala perhatian menghadapi kegawatan ekonomi pada masa setiap sekarang dan tidak terus dikacau ganggu oleh tindakan sabotaj ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima dan mempertimbangkan usul menangguhkan dewan di bawah peraturan 17(1) peraturan-peraturan tetap dewan daripada Yang Berhormat Kg. Tunku tersebut. Saya berpuas hati bahawa usul tersebut menepati tiga syarat yang diperuntukkan di bawah peraturan 17sub-1, peraturan-peraturan tetap dewan iaitu ia adalah satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Ada bantahan.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Perkara 17 3(b) saya membantah.

TUAN SPEAKER: Mengikut ... 17 berapa..?

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: 17 3(a) dan (b).

TUAN SPEAKER: 3(a) dan (b) ya. Baik, terima kasih. Ada sebabnya.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Sebabnya kita nak membahaskan usul titah Tuanku terlebih dahulu. Ia lebih penting saya kira dan saya mohon lima di dewan untuk bangun dalam perkara (b).

TUAN SPEAKER: Sebenarnya perbahasan terhadap usul menjunjung kasih titah ucapan Tuanku sudah tamat. Jadi tidak ada soal perbahasan tapi walau bagaimanapun disebabkan ada bantahan mengikut peraturan 17 3(a) daripada Yang Berhormat Kuang, maka saya rujuk pada peraturan 17 3(b) ya, jika ada bantahan tetapi sekurang-kurangnya lima orang ahli berdiri di tempatnya menyokong permintaan tersebut. Jadi dengan itu saya minta sekiranya ada yang menyokong sila bangun untuk menyokong ini jika melebihi lima orang maka boleh diteruskan. Berdiri ya. Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, sebelas, dua belas, tiga belas, empat belas, lima belas, enam belas, tujuh belas, lapan belas, sembilan belas, dua puluh, dua puluh satu, dua puluh dua, dua puluh tiga, dua puluh empat, dua puluh lima, jadi sudah melebihi lima, terima kasih Yang Berhormat sekalian. Jadi disebabkan melebihi lima orang seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan 17 3 sub (b) maka dengan itu saya dengan ini menangguhkan dewan ini sehingga 2.30 petang hari ini untuk merundingkan perkara tersebut. Sekian, terima kasih.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya sambungan usul menyembah ucapan titah terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER: Sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan... Ya, Yang Berhormat Kuang ada apa?

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Bahas...

TUAN SPEAKER: Bahas dah habis semalam. Semalam balik awal ya. Lain kali tunggulah.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Demam Speaker.

TUAN SPEAKER: Demam ya. Baik, sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan ataupun pembawa usul yang ingin memberikan apa-apa penjelasan di atas perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian sebelum ini. Dipersilakan Gombak Setia.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat saya melihat ada beberapa bidang yang telah dibangkitkan yang jatuh dalam portfolio saya pertama ialah mengenai hal ehwal Islam yang kedua ialah mengenai PBT yang berkaitan dengan kontraktor Alam Flora dan yang ketiga ialah perkhidmatan bandar yang kebanyakannya timbulkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berhubung dengan '*transportation*' atau pun pengangkutan perkhidmatan di bandar-bandar. Mengenai hal Islam ini saya nak memulakan Tuan Speaker perkara yang sangat penting dan perkara yang sedang di bincang akhir-akhir ini iaitu mengenai penggunaan kalimah Allah oleh agama selain agama Islam yang dibangkitkan daripada Yang Berhormat Bukit Malawati. Saya akan membacakan teks yang telah disediakan ini Tuan Speaker kerana benda ini teknikal dan perlu difahami dan saya menganggap bahawa bila diterangkan perkara ini bahawa kita akan dengan sejelas-jelasnya faham kenapa perkataan Allah dilarang digunakan oleh agama yang selain daripada Islam. MAIS ingin menegaskan bahawa perkataan Allah merupakan tunjang konsep ketuhanan dalam Islam melalui lafaz syahadah yang merupakan rukun Islam yang pertama. Perakuan kepercayaan keimanan seseorang Islam terhadap Allah di ekspresikan melalui *khalimah 'Lailahahillah'* bermaksud tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan '*Muhammadurrasullallah*' yang bermaksud nabi itu adalah pesuruh Allah. Ini menunjukkan seorang yang beragama Islam membuat perakuan ketuhanan mereka dalam bentuk negatif iaitu memperakukan kewujudan satu tuhan yang esa yang dinamakan Allah di atas penafian tuhan-tuhan lain. Unsur penafian tuhan-tuhan lain inilah yang menjadi tunjang konsep ketuhanan dalam Islam. Ini merupakan satu inti pati tauhid pengesahan *Subhanahuwataala* dalam konsep ketuhanan Islam berbeda dengan konsep ketuhanan dalam agama-agama yang lain. Larangan penggunaan khalimah Allah oleh agama selain Islam adalah untuk mengelakkan kekeliruan di kalangan penganut agama Islam tentang konsep keesaan Allah SWT. Allah yang dimaksudkan di dalam agama selain daripada Islam biasanya tidak tunggal dan mempunyai anak dan ini dinyatakan dengan jelas di dalam surah At-Taubah ayat 30 yang bermaksud "*dan orang-orang Yahudi berkata Uzib ialah anak Allah dan orang-orang Nasrani berkata al-Masihir anak Allah, demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka sendiri*". Manakala bagi orang Islam konsep tauhid bagi Allah berbeza dengan kefahaman-kefahaman yang lain di dalam surah Al-Ikhlash yang tuan-tuan selalu membacanya

hampir hari-hari membacanya ayat 1 – 4 berbunyi (**surah**) *'katakanlah wahai Muhammad, Tuhanku ialah Allah yang maha esa, Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat dia tidak beranak dan dia tidak pula diperanakkan dan tidak ada sesiapa pun setara dengannya'*. Oleh itu, pendirian bahawa Jabatan Agama Islam berserta MAIS berpendirian bahawa penggunaan kalimah Allah hanya eksklusif untuk orang Islam sahaja. Malah penggunaan kalimah Allah telah pun diwartakan pada bahagian 1 jadual kepada enakmen bukan Islam kawalan dan perkembangan di kalangan orang Islam 1988 sebagai perkataan yang tidak boleh digunakan oleh orang-orang bukan Islam. Mana-mana orang bukan Islam yang menggunakan perkataan Allah dalam kitab-kitab agama atau penerbitan agama bukan Islam adalah melakukan kesalahan dan boleh didakwa di bawah enakmen tersebut. Seksyen 9 Tuan Speaker, Enakmen agama bukan Islam kawalan dan perkembangan di kalangan bukan Islam 1988 telah tersebut memperuntukkan bahawa seseorang adalah melakukan kesalahan jika:

- a) dalam apa-apa tulisan yang diterbitkan
- b) dalam apa-apa ucapan atau pernyataan awam
- c) dalam apa-apa ucapan atau pernyataan yang di terbit atau disiarkan

dan pada masa yang sama ucapan atau pernyataan itu dibuat dia tahu atau munasabahnyanya dia patut tahu yang ianya akan diterbitkan atau disiarkan menggunakan mana-mana perkataan yang disenaraikan dalam bahagian 1 kepada jadual di dalam enakmen tersebut untuk menyatakan atau memerihalkan sesuatu fakta, kepercayaan, idea, konsep, perbuatan, aktiviti, perkara atau hal mengenai atau berkaitan dengan agama berkenaan Islam. Enakmen ini telah diwujudkan oleh badan perundangan negeri-negeri selaras dengan perkara-perkara 11 (iv) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa undang-undang negeri boleh digubal untuk mengawal dan menyekat perkembangan apa-apa etika atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganut agama Islam. Dalam pada itu, Jabatan Agama Islam, MAIS sedang mendapatkan pandangan undang-undang daripada peguam MAIS terutamanya tentang tindakan Majlis Peguam Malaysia yang mendapat maklum balas melalui undian di laman webnya berkaitan penggunaan perkataan Allah di dalam kitab-kitab agama bukan Islam. Seandainya tindakan Majlis Peguam Malaysia di dapati melanggar mana-mana peruntukan enakmen 1988 maka tindakan sewajarnya di bawah undang-undang akan di ambil di atas Majlis Peguam.

Tuan Speaker, apa yang nak ditekankan dengan cara-cara teknikal yang dipersembahkan sebentar tadi inilah rumusan yang didapati dan negeri Selangor sebagaimana yang disebutkan kita telah pun mengadakan seminar khas lebih kurang dalam dua bulan yang lalu untuk menerangkan perkara-perkara ini dan kehadirannya sangat-sangat menggalakkan. Lebih daripada hampir 300 orang daripada Islam. Yang bukan Islam telah sama-sama hadir untuk membincangkan perkara di antara tajuk yang dibincangkan ialah sebagaimana yang saya sebutkan sebentar tadi. Mengenai masjid ramai antara Ahli-ahli Yang Berhormat kebanyakannya bangun untuk membincangkan mengenai masjid. Mereka prihatin dan saya mengucapkan tahniah kepada mereka yang sama-sama prihatin tentang konsep, pelaksanaan, pengimarahannya dan guna masjid yang sebenarnya dalam membentuk rakyat di negeri Selangor ini. Saya ingin mengatakan Tuan Speaker, masjid adalah merupakan salah satu daripada institusi rakyat, institusi orang Islam terutamanya yang begitu penting boleh dikatakan kita tidak boleh hidup tanpa masjid, kita tidak boleh hidup tanpa surau, kita tidak boleh hidup tanpa madrasah, hidup dalam pengertian yang sebenar-benarnya hidup. Maknanya

jasadnya hidup, akalnya hidup dan rohnya hidup. Kalau salah satu daripada kehidupan ini dinafikan maka agak *lope sided* dengan izin orang-orang Islam yang akan membangun, anak-anak yang membangun tanpa gabungan ketiga-tiganya. Jasad, akal dan roh, anak-anak ini biasanya akan tergelincir dalam hidupnya sebagaimana yang kita saksikan sekarang ini kajian-kajian yang dibuat masalah sosial dikaitkan dengan mereka yang tidak dapat didikan agama, mereka yang tak dapat melaksanakan agama, mereka yang mencuaikan agama dalam kehidupan. Sebab itu paksi kepada agama ini yang merupakan universiti rakyat yang merupakan kolej kepada rakyat yang berada di mana-mana kawasan *locality* kawasan kediaman kita ialah masjid. Sebab itu dalam Islam kalau kita lihat bila Nabi Muhammad SAW berhijrah daripada Mekah ke Madinah antara mula-mula dibina baginda bukan membina rumah banglo, bukan membina *mansion*, bukan membina hotel tetapi yang dibina ialah masjid yang namanya masjid Kuba. Inilah yang dibina. Bila ditanyakan oleh para sahabat kepada Nabi Muhammad SAW dalam perjalanan hijrah ini yang kami lapar kami minum, kami tak minum kami lapar kenapa tak dicari makanan dan minuman. Jawab Nabi Muhammad SAW makanan dan minuman akan habis esok tetapi mendirikan masjid akan habis sehingga kita menghadap Allah SWT. Begitulah pentingnya masjid dalam ruang lingkup seorang Islam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang pertama sekali dan seterusnya bagaimana kita hendak mengimarahkan masjid. Kita telah memutuskan bersama dengan JAIS, MAIS Alhamdulillah satu keputusan telah dibuat. Apa keputusan yang telah dibuat ialah kita hendak ikut peraturan dan undang-undang. MAIS, JAIS akan mengikut peraturan undang-undang ertinya lantikan-lantikan AJK masjid yang telah tamat tempoh perkhidmatannya 30 Mei ini maka lantikan seterusnya akan mengikut peraturan dan undang-undang enakmen yang telah dizahirkan untuk kita mengikut yang selama ini enakmen ini tidak dipatuhi minta maaf kepada kerajaan yang lalu. Apa yang hendak dibuat sekarang ini, Ahli-ahli Jawatankuasa masjid yang akan dilantik yang pertama kita nak manusia yang berwibawa, nazir-nazir yang berwibawa. Bila kita sebut perkataan wibawa Tuan Speaker, wibawa bermakna ilmunya dapat diketengahkan. Amalannya dapat diketengahkan. Akhlaknya dapat diketengahkan. Bimbingan kepada dirinya, keluarga dan masyarakat dapat diketengahkan. Dan akhirnya dia adalah *small icon* dengan izin dalam masyarakat di mana nazir-nazir itu berada. Ertinya seorang nazir tidak boleh tidak menutup aurat, isteri nazir tidak boleh tak tutup aurat. Anak-anak nazir tidak bolehlah petang-petang waktu maghrib berkeliaran dengan motosikal begitu. Sebagaimana yang kita saksikan laporan yang diberikan kepada kita ini berlaku kepada sebahagian daripada nazir. Sebab itu kita ambil imam-imam yang berwibawa, bacaan-bacaan yang berwibawa. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam mesyuarat kita, kita menyebutkan imam besar masjid negeri bila mereka interviu para imam, yang hafaz Al-Quran tetapi bacaannya masih jauh lagi daripada standard lulus untuk membaca Al-Quran. Sebab itu kalau nak jadi imam bacaannya masih tidak betul makhrajnya juga tidak betul, tajwidnya juga tidak betul, fasahahnyanya juga lari maka imam-imam itu tidak termasuk dalam golongan imam-imam baik mengikut tafsiran dalam Islam. Maka sebab itu kita nak imam-imam ini imam-imam yang berwibawa, naik sahaja mimbar dia boleh membaca dengan baik dengan nada yang baik, intonasi yang baik, merumus yang baik, menghujah yang baik dan kita saksikan sekarang kalau Yang Berhormat pergi masjid nak tengok orang nyenyak tidur, nak tengok orang berdengkur pada masa orang membaca khutbah itulah. Ini tak boleh sebab khutbah adalah rukun kepada Jumaat. Sebab itu kita nak imam yang berwibawa imam yang naik roh imam itu, roh ilmunya ada, roh amalannya ada. Di mukanya terbayang roh-roh yang dapat memimpin waktu sembahyang dan memimpin juga di luar waktu sembahyang. Rukuk dia rukuk makmum pada masa sembahyang di luar pun kata-kata imam itu menjadi kata-kata keramat bagi membentuk masyarakat tempatan di mana imam itu berada.

Kemudian kita ambil setiausaha. Setiausaha masjid ini sangat kritikal. Setiausaha adalah satu jawatan yang terpenting. Dalam lawatan kita ke Singapura bersama-sama dengan teman lain naik satu bas kita pergi kita dapati setiausaha-setiausaha masjid di Singapura kebanyakannya terdiri daripada golongan orang berumur antara 30an dan 40an. *Who are they?* Siapakah mereka? Mereka *lawyer*, mereka adalah *engineer*, mereka adalah *accountant*. Kebanyakan bendahari di masjid-masjid Singapura terdiri daripada *accountant-accountant*. Sebab itu rekod kewangan *up to date*. Pembentangan kewangan *up to date*. Saya nak bagi tahu laporan daripada Jabatan Audit pentadbiran masjid semasa kerajaan lama hampir-hampir 50% belum dapat membentangkan laporan kewangan. Ada di antara pegawai-pegawai masjid saya tak nak sebut siapa pegawai masjid, wang kutipan Jumaat tidak dimasukkan ke dalam bank berminggu-minggu, berbulan-bulan. Dalam tak masuk di dalam bank itu wang tersebut hilang. Saya tak tahu sapa yang ambil wang itu. Bayangkan kalau wang kutipan Jumaat boleh hilang, duit orang derma untuk masjid boleh hilang, bayangkan bagaimana taraf kita. Bagaimana kedudukan kita sebagai seorang Islam yang diamanahkan untuk mentadbir masjid yang merupakan ruang utama dalam kehidupan orang Islam. Saya tak tahu kerajaan lama buat apa tentang hal *auditing* ini. Laporan audit telah disediakan. Saya tak tahu yang menjaga Sementa, yang menjaga agama buat apa. Apa yang mereka lakukan? Oleh kerana ini adalah masalah yang hampir-hampir parah yang perlu diperbaiki. Inilah yang kita nak buat di bawah pentadbiran baru, Kerajaan Pakatan Rakyat kita bagi tumpuan dan kita akan bagi kursus khas kepada *Simple Book Keeping* dengan izin. Bagaimana caranya dengan duit masuk macam mana, duit keluar macam mana, item duit keluar macam mana, item duit masuk macam mana, *balancing* macam mana, *simple* nak buat bajet macam mana. Ini kita ajar mereka. Saya bersama-sama dengan teman JAIS dan MAIS sedang merangka program-program tersebut bersama dengan YB dari Selat Klang, EXCO kita, bersama-sama untuk memberikan kursus *SPIES* kepada seluruh jawatankuasa masjid. Bila *SPIES* sudah diberikan, ilmu sudah diberikan, kemahiran sudah diberikan, tuan-tuan bayangkan agak-agaknya setahun dua lagi bagaimana masjid ditadbirkan. Bagaimana indahnya masjid. Soal keindahan masjid ini kami telah mengatakan bahawa masjid paling tidaknya satu bulan tanam seribu pokok satu bulan. Masjid-masjid di luar Negara terutamanya di Singapura, saya minta maaf untuk memuji orang Singapura, yang baiknya tentu baik, yang tak baik tentu tak baik. Masjid dalam taman, taman dalam masjid. Kenapa ini boleh berlaku? Padahal kalau kita tengok bunga-bunga yang ada di Malaysia lebih banyak dari yang ada di Singapura. Pokok-pokok buah-buahan di Malaysia lebih banyak dari Singapura. Bunga-bunga yang kuntum-kuntumnya besar-besar banyak yang ada di Malaysia. Tapi saya rasa kerana kerajaan lama tak mementingkan itu, kerajaan baru ini saya nak menyebutkan dalam pembangunan jangka panjang 2025 hal estetika ini diberikan. Kita nak rakyat kita membangun hebat dalam industri, hebat dalam teknologi tetapi dalam hati dan jiwanya terdapat unsur-unsur estetika. Mereka faham yang indah, mereka faham yang tak indah. Mereka faham suara yang indah, mereka faham erti kemerduan, mereka faham erti kesyahduan, yang ini sebenarnya yang hendak disampaikan dalam jawatankuasa masjid yang kita akan lantik. Kemudian untuk menentukan masjid benar-benar berfungsi sebagaimana yang disebutkan oleh wakil Meru, hendakkan masjid berfungsi menjadi tempat-tempat persinggahan pelancong-pelancong inilah yang sedang kita buat dan kita nak tengok kalau saudara-saudara membuat lawatan di Negara-negara Asia ini pun masjid di Malaysia ni bangunannya hebat. Hatta di Arab Saudi pun kecuali Masjidil Haram dan Masjid Nabawi itu memanglah nampaknya hebat tetapi dari masjid-masjid yang lain saya merasakan masjid di Malaysia ini adalah masjid yang *berstandard* dunia. Tetapi kalau standardnya standard dunia, pengimarahannya tidak standard dunia, tak jadi. *Standardnya standard* dunia tetapi kecantikannya tidak

bertaraf dunia tak jadi. *Standard* dunia tapi pengurusan ahli-ahli masjid dan amanah orang masjid tidak *standard* ini tidak jadi. Maka sebab itu kita hendakkan rangkaian daripada kemampuan kebolehan-kebolehan ini dari segi ilmunya, dari segi penghayatannya, dari segi pengalamannya, bagi seluruh anggota ahli jawatankuasa masjid kita hendakkan mereka yang benar-benar berwibawa. Dalam konteks ini saya nak menyimpulkan tentang ahli jawatankuasa masjid ini. Pertama kita nak mereka yang berilmu dan sebab itu kita mengatakan nazir seboleh-bolehnya biar ada diploma, seboleh-bolehnya biar ada persijilan, seboleh-bolehnya tetapi bagi tempat-tempat yang tidak ada manusia yang sedemikian katakan jauh-jauh tempat terpencil kita boleh terimalah. Rabik senawi kita boleh terima, sekolah rendah kita boleh terima sebagaimana yang lepas-lepas kita dapati hampir keseluruhannya adalah terdiri daripada golongan sekolah rendah, sekolah menengah seperti itu. Dan begitu juga dengan kesetiausahaan kita nak orang yang menjadi setiausaha masjid betul-betul yang layak yang dapat mengendali dan menguruskan mesyuarat tetapi mengendalikan keseluruhan sistem pengurusan masjid itu mengikut piawaian. Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat kita sudah ada KPI, *we have come out with some KPI* dengan izin *Key Performance Index* bagi pelaksanaan masjid bagi penyelenggaraan masjid bagi pengurusan masjid bagi masa depan masjid bagi bangunan masjid bagi duit masjid dan ini kalau dapat dijalankan dan saya yakin dengan kekuatan yang ada pada teman-teman di JAIS kekuatan teman-teman yang ada di MAIS dan kepimpinan yang ada ini, saya terlalu yakin kita akan dapat membawa masjid-masjid kita ke era yang baru. Era yang betul-betul mencerminkan bahawa kita hidup pada zaman yang maju kita nak kemajuan ini jelas terbayang dalam pengurusan masjid kita. Selain dari itu, kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menanyakan masjid ini selain dari jawatankuasa dan sebagainya tentang pemilihan baru-baru ini. Saya nak menyebutkan bahawa pemilihan baru-baru ini antara yang telus yang dulu senarai datang daripada jawatankuasa yang kebanyakan dari minta maaf orang UMNO, Ketua Bahagian akan *sign, endorse*nya juga orang politik, sampai kepada pihak berkenaan orang itu akan dilantik. Akhirnya *too much politics in masjid* dengan izin. Terlalu banyak politik. Apa yang kita buat ini seperti yang timbul sekarang mungkin memang ada saya tak nafikan, memang ada dalam lantikan-lantikan baru ini orang-orang politik. Kalau kita pergi di kampung-kampung misalnya orang politik itulah dalam politik, orang politik itulah dalam masjid. *There is* hampir *no clear demolition between those people having profession* kerja mereka di masjid pada masa yang sama mereka juga adalah ahli di dalam politik dan sebagainya. Tetapi yang ini pun tak ramai bilangannya. Kita saring, saring, saring dan saring. Banyak proses penyaringan ini yang dibuat. Dan kita dapati sekarang ni dalam senarai akhir yang kita ada boleh dikatakan 95% sudah pun menjalankan mesyuarat masing-masing dan kita dapati senarai yang kita ada ini kot-kot ada pun orang politik bilangannya sangat minima sekali dan Insya-Allah kita akan menentukan orang-orang politik ini. Kita akan adakan pertemuan khas dengan mereka supaya kita nak menjunjung titah Duli Tuanku. Apa dia? Masjid adalah zon larangan politik dan ini kita akan tentukan supaya ini dapat dijalankan. Kemudian tentang masjid juga, yang tentang pemilihan ini kita yakin pada 1hb Jun maka mulalah satu era baru, era di mana pegawai-pegawai masjid akan mula memegang jawatan sebagai mereka yang mengendalikan masjid. Sebagaimana yang saya sebutkan JKK baru-baru ini kita himpunkan 6700 JKK. Saya juga dengan keizinan Menteri Besar nanti kita akan berhimpun dan seluruh jawatankuasa masjid ini, biar dia dapat satu taklimat yang khusus daripada Menteri Besar kita apa *vision* negeri Selangor, di mana letaknya peranan masjid. Di mana letaknya peranan orang Islam. Apa yang kita nak daripada setiausaha. Apa yang kita nak kepada nazir. Semuanya akan diberikan kepada mereka dan saya akan berunding

dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Bila masa yang sesuai selepas lantikan selepas 1hb Jun yang akan datang ini.

Kemudian saya nak beralih Tuan Speaker kepada kontraktor-kontraktor di Alam Flora. Saya nak pergi dulu kepada Semenyih semalam. Semenyih menyatakan terdapat unsur-unsur kezaliman, penganiayaan bila kita memilih kontraktor-kontraktor baru dan kita terpaksa menggugurkan kontraktor-kontraktor lama. Saya nak sebut, cuba kita tanya penganiayaan ke atau kezaliman? Pertama, kontraktor-kontraktor baru yang dipilih ini adalah kontraktor yang berwibawa yang sudah di cek ada dua, dia mengalami *2 process of filtering* dengan izin. Pertama ialah kita tentukan di peringkat UPEN (Unit Perancang Ekonomi Negeri) yang akan menentukan bahawa kontraktor-kontraktor ini memiliki seluruh surat cara-surat cara yang diperlukan untuk mereka menjadi seorang kontraktor. Itu yang pertama. *Filtering* yang kedua Tuan Speaker ialah untuk kita melihat *the technical component of the selection* dengan izin. Apa dia komponen teknikalnya. Sama ada kontraktornya mampu atau tidak, ada *compact* atau tidak, duit dalam bank banyak mana. Berapa banyak NTC dia dah dapat, dia bayar ke tidak NTC itu, ada perubahan atau tak, teguran itu mendapat sambutan atau tak, seluruh pekerjaannya akur atau tak akur dengan teguran-teguran yang dibuat. Dan berbagai-bagai lagi sebenarnya. Dan kalau kita lihat kesalahan-kesalahan yang seperti ini di jaja orang ke mana ke mana. Tetapi kebaikan-kebaikan yang berlaku. Tapi kebaikan-kebaikan yang berlaku kepada kontraktor-kontraktor ini Tuan Speaker, kita dapati *rating* kepada Alam Flora-Alam Flora ini kebanyakannya melepasi 80%. *Rating..rating* kebolehan kemampuannya, tapi adalah *black sheeps are everywhere* sebab itu kita akan menidakkan memungkinkan, mengambil langkah-langkah memungkinkan *the lesson number...the lesson number* dengan izin, *black sheeps* yang berada di kalangan kontraktor-kontraktor yang mengusahakan kerja-kerja di bawah Alam Flora kepada 11 PBT, PBT Hulu Selangor tidak termasuk dalam..dalam takrif ini. Kemudian kita nak menyebutkan, selain daripada lantikan-lantikan kontraktor-kontraktor itu, kezaliman dia mengatakan, saya nak tanya bila kita nak memilih yang lebih berwibawa...

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Puan Speaker, boleh saya...

PUAN SPEAKER: Silakan...Bangi

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Dari penyelidikan yang kita buat sejak dua hari yang lepas, yang menuduh zalim kontraktor yang dikatakan akan dipecat daripada kontrak di Hulu Langat, Majlis Perbandaran, beliau sebenarnya adalah salah seorang daripada dua kontraktor penting di PBT di MPKj. Jadi sebenarnya, dia adalah orang yang berkepentingan dari apa yang telah disuarakan. Saya fikir adalah wajar kontrak-kontrak ini dibahagi-bahagikan kepada orang lain supaya keadilan lebih berlaku, tidak dimonopoli oleh hanya dua kontraktor ini yang telah lama berpeluang mendapat keuntungan daripada kerja di MPKj itu sendiri.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih. Semenyih tak ada dekat sini hari ini. Kalau Semenyih ada, rasanya saya nak jawab, saya nak betul-betul, nak khusus tetapi saya tak mahulah. Semalam kita dinasihatkan oleh Sungai Air Tawar, kita kena hormat orang, hormat pekerja orang, hormat imej orang, bertakwa..bertakwa..bertakwa.. saya pun nak ikutlah *line* itu hari ini. Saya pun tak bercadang nak *pick point* kepada mana-mana orang. Tapi apa yang nak saya katakan, dia punya..dia punya inti sari dia memang ada sebenarnya *some kind of sponsorship* minta maaf dengan izin, memang ada *collaboration* yang rapat di antara satu-satu parti

politik dengan kontraktor-kontraktor tersebut. Memang ada yang dikatakan *patronage...patrionising..* minta maaf dengan izin. *Patrionising.. patronage* memang ada unsur-unsur tersebut. Jadi inilah yang di bawah Yang Amat Berhormat telah menasihatkan saya dan teman-teman kita kena kurangkan kalau boleh *eliminate* seterusnya elemen-elemen yang ada ini. Tapi inilah yang kita buat. Macam mana kita nak buat melalui *selection...selection* nya lebih telus. Apa yang kita buat sekarang ini, pusat dia...pusat data kontraktor ini ada satu saja tempat iaitu di UPEN. Kita sudah menubuhkan Unit Kontraktor di UPEN dan Unit Kontraktor ini telah meng *key in* dalam masa yang singkat ni..dalam masa yang singkat ni telah *key in* kalau tak salah saya hampir dekat 3,000 kontraktor-kontraktor yang telah di *key in*. Daripada rangkaian kontraktor inilah, kita akan memilih mereka-mereka dan Alam Flora akan mendapat rangkaian-rangkaian ini dan Alam Flora membuat pilihan, pilihlah pilihan atas dasar berwibawa, pilihan atas dasar kemampuan, pilihan atas *track record*, pilihan berdasarkan tentang kemampuan dan juga apa yang telah ditunjukkan, pilihan atas dasar. Kalau mereka ada dua..tiga kontrak di PBT-PBT yang lain dalam sistem yang ada sekarang ini, satu kontraktor satu saja projek, satu kontraktor satu kerja, satu kontraktor satu lot. Juga disebutkan semalam tentang..tentang bilangan, tentang angka dia kata. Angka yang tidak, angka yang tidak sesuai untuk mendapatkan keuntungan bagi kontraktor itu terus *survive* dalam dunia perniagaan. Apa yang kita lakukan sekarang, *we create more...we created more lots* dengan izin, kita buat lot-lot yang kecil yang dulu, semalam Semenyih semua nak menafikan..nak menafikan mana ada dua ratus ribu orang sebulan dapat, saya nak mengatakan angka itu, kalau ikut dalam saya punya ni bukan dua ratus ribu, tiga ratus ribu, hampir tiga ratus ribu. Satu kontraktor sebulan dibandingkan dengan ada yang mendapat lima ribu, ada yang dapat hanya seribu lapan ratus dua puluh tujuh sahaja sebulan. Kini jurang itu, apakah yang Pakatan Rakyat buat? Jurang itu dikecilkan, jurang itu dipendekkan, jurang itu ditimbus akhirnya diharapkan satu masa nanti tak timbullah jurang yang begitu mendadak di antara orang yang mendapat kontrak yang besar dan orang yang mendapat kontrak yang kecil. Dulu-dulu kontrak besar dan kontrak kecil ini pula dibuat secara *arbitrary*, *arbitrary* tidak ada pengundian yang dibuat...sebahagiannya tidak ada pengundian yang dibuat akhirnya kemungkinan-kemungkinan kalau mengikut semangat Bangi tadi aku kenal orang ini, maka besarlah dia, aku tak kenal orang ini, maka kecillah dia. Jadi apa yang kita nak buat sekarang ini, saya mengharapkan dengan seluruh,saya sekarang nak mengharapkan Tuan Speaker bantuan daripada teman-teman di sebelah sana. Sebab satu masa dulu merekalah yang menanganinya, merekalah yang menunjanginya. Kalau misalnya ada.. ada sikit kekangan-kekangan daripada sebelah sana, fitnah-fitnah daripada sebelah sana, keji-keji daripada sebelah sana, maka sukarlah kontraktor-kontraktor itu untuk berfungsi. Saya dah berjumpa dua kali dengan persatuan kontraktor-kontraktor ini. Bila saya jelaskan, apa yang kita hendak, kerajaan baru hendak apa, mereka akur, tak ada seorang pun membantah tapi bila balik ke Semenyih, orang Semenyih dikumpulkan, saya tidak tahu siapa yang mengumpulkan maka diadakan piket, diadakan demonstrasi dan sebagainya. Dan yang ke- 4 yang nak saya menyebutkan tentang hal mengenai kontraktor ini yang saya mesti sebutkan di sini ialah bahawa apa yang kita lakukan sekarang ini, kita cuba-cuba pakai..cuba pakai, kita tengok, saya tak mengatakan sistem yang ada ini, sistem inilah yang paling baik sekali. Tidak. Kita masih menerima cadangan-cadangan, sebab itu Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana tolonglah bagi cadangan-cadangan yang baik, bagi cadangan-cadangan yang membina, kalau betul orang yang dizalimi ada, bagi bawa ke Alam Flora, jumpa Alam Flora, dia dizalimi sebab-sebab dia dizalimi, satu..dua..tiga..empat. Macam mana nak keluar dari proses penzaliman, satu..dua..tiga..empat.

YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL: Mohon laluan...

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Sila...

YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL: Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Gombak. Apa pun saya mengucapkan syabas dan tahniahlah ke atas *solution* ketelusan pemilihan kontraktor untuk Alam Flora dan di sini saya ingin bertanya kepada Gombak yang mana di Sabak Bernam khususnya kontraktor-kontraktor yang melibatkan kerja-kerja pemotongan rumput dan juga pengutipan sisa-sisa pepejal adalah kepada kontraktor-kontraktor yang melibatkan kumpulan orang ramai iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan Pasir Panjang dan juga Koperasi Pembangunan Daerah Sabak Bernam dan yang mana nilai kontrak yang mereka perolehi saya rasa pun setahu saya sewaktu saya menjadi Ahli Majlis ketika itu pun tak besar tetapi telah ditamatkan perkhidmatannya. Dan apa yang mengecewakan pada saya oleh kerana saya mendapat khabar-khabar angin sama ada benar ataupun tidak, mungkin nanti pihak Majlis Daerah Sabak Bernam boleh menjelaskan ataupun pihak Ahli Yang Berhormat boleh menerangkan, oleh kerana kontraktor-kontraktor tersebut telah ditamatkan perkhidmatannya dan setakat ini mereka masih belum lagi mendapat bayaran selama 6 bulan tentang perkhidmatan yang telah mereka telah lakukan, jadi saya mengharapkan kepada Kerajaan Negeri. Oleh kerana kontrak-kontrak mereka telah ditamatkan, saya mengharapkan agar belas ihsan daripada Kerajaan Negeri untuk menyegerakan pembayaran yang masih tertunggak. Sekian, terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih..Sabak. Saya ucapkan terima kasihlah. Sabak ni bagi komen *fair* lah. *Very fair comment* kan. Betul Sekinchan, *very fair comment* dan inilah semangat yang ada dan saya hormatilah Sabak. Dan untuk itu saya nak mengatakan sehingga ini proses untuk kita melantik yang baru ini, baru hanya bermula kepada satu..dua PBT sahaja. Belum lagi kepada Sabak Bernam.. belum lagi, yang sampai kepada saya ialah, Sabak Bernam belum lagi. Jadi khabar-khabar angin tu, masih lagi anginlah. Khabar dalam angin, angin dalam khabar. Jadi sebab itu Yang Berhormat tak payah ambil kiralah khabar-khabar angin ini. Dan yang kedua saya nak menyebutkan ya, apa pun khabar-khabar angin, benda-benda macam ni saudara-saudara, benda-benda yang macam ini yang melibatkan kononnya ini Pakatan Rakyat... Pakatan Rakyat zalim. Pakatan Rakyat memang nak mengkhianati rakyat. Tak betullah, saya harap Yang Berhormat dah mendengar hujah saya tadi, bagi tahu mereka, kita cuba berlaku adil. Bagi tahu mereka juga, proses yang ada sekarang ini, proses ini terbuka kepada pembaikan, *we are always open for further improvement* dengan izin, jadi sebab itu, saya mengharapkan Sabak tolong bagi tahu kata, tapi saya nak jelaskan sekali lagi, Sabak Bernam belum lagi melalui proses pemilihan kontraktor-kontraktor ini dan kontraktor-kontraktor lama masih beroperasi dan kita akan lihat bagaimana nanti dan memang...memang saya ada diberitahu hari ini pun mungkin ada *press conference* yang akan dibuat oleh sebahagian daripada PBT untuk kompelin bahawa bayaran-bayaran tidak dibuat, ada yang setengahnya tiga bulan, ada yang setengahnya enam bulan dan sebagainya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat, seolah-olah ada satu *Task Force* telah ditubuhkan. Saya bersama-sama dengan Alam Flora, bersama-sama dengan PWN, Pegawai Kewangan Negeri sedang melihat *request* ataupun tuntutan daripada PBT-PBT, bagaimana mereka mendapat sedikit-sedikit, kalau tidak pun bagi *grand advance* bagaimana mereka mendapat *advance* untuk kita membayar kontraktor-kontraktor dah saya yakin kontraktor-kontraktor kecil ini kalau dua bulan tak dibayar, mereka pun rasa dalam

keadaan tertekan apa lagi kalau dalam 6 bulan tidak dibayar. Jadi apa pun proses ini sebenarnya, saya nak menyebutkan, ini kita ambil daripada lepas ini, daripada kerajaan yang lalu. Kalau timbunan-timbunan itu, saya pun tak mahu *blame* kerajaan yang baru tapi *what ever this is second thing* dengan izin apa yang berlaku dalam kerajaan baru dan apa langkah-langkah yang sedang kita nak ambil. Tapi saya nak yakinkan kepada kontraktor seluruh Negeri Selangor ini, apa juga yang berlaku kepada saudara-saudara sebagai kontraktor soal bayaran misalnya, kita tidak ketepikan, kita tidak sunyi, kita tidak pekakkan telinga, sesuatu yang konkrit telah diambil untuk menangani perkara ini.

YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM: Minta izin..lalu. Minta izin..lalu Tapi dah setahun tak akan tak dapat selesai di bawah Pakatan Rakyat bayaran-bayaran.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Setahun dalam Pakatan Rakyat, 10 tahun di bawah Barisan Nasional, 10 tahun di bawah Barisan Nasional, 1 tahun dalam Pakatan Rakyat, semuanya *earliest in equity*. Kalau ambil misalnya betik tu muda maka mudahlah sekarang, ambil betik yang busuk maka busuklah sekarang, yang saya nampak betik tu bersarang-sarang ulatnya yang kita ambil dan konteks Alam Flora ini. Jadi...

YB TUAN YAP EE WAH: Minta laluan..

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Sila..sila.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih. Sejak semalam saya dengar tentang kontraktor Alam Flora ini. Jadi sedap bunyi juga, saya dengar bahawasanya semua rakyat negeri Selangor ini dapat menikmati kekayaan Negeri Selangor. Tetapi setahu saya kontraktor Alam Flora ini mesti mempunyai lesen PKK, baru sahaja dibenarkan menjadi kontraktor. Macam mana kalau saya buat satu cadangan bahawa kerajaan Pakatan Rakyat mulakan dengan tak payah lesen PKK dan bagi kepada kontraktor Melayu termasuk juga kontraktor Cina dan juga India. Maksudnya betul-betullah rakyat Negeri Selangor betul-betul dapat menikmati semua kekayaan Negeri Selangor. Terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih..terima kasih Sg. Pelek. Saya sebenarnya tertawan dengan cara perbincangan Sg. Pelek ini yang selain daripada Sekinchan tapi nombor dua di bawah Sekinchan. Sg. Pelek soal tadi ya lah..soal tentang kontraktor tadi yang tentang soal bayaran dan sebagainya yang disebutkan itu. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita mengambil langkah-langkah yang pasti dan macam mana dan sebagaimana yang disebutkan tadi ini adalah konstitusi, adalah penerusan daripada...daripada..yang lama maka sebab itu masih ada lagilah...saya bercakap secara *general* aja ni sebab jawapan *general* ini akan mengenai seluruhnya sekali dan kita bersimpati dan cadangan itu, cadangan daripada Sg. Pelek tadi supaya dia tidak perlu berdaftar dengan PKK ke, dengan CIDB ke. Cadangan YB ni *little beat out of date*. Kita dah melaksanakan awal-awal lagi atas nasihat dari Menteri Besar, cukup dengan mendaftar dengan Kementerian Kewangan sahaja, cukup dengan mendaftar dengan Kementerian Kewangan sahaja yang itu akan diterima dan dimasukkan dalam satu *reservoir*, *southerly* begitu dan orang-orang inilah yang akan ada peluang diberikan kerja-kerja dalam melaksanakan untuk membantu PBT-PBT dalam melaksanakan Alam Flora. Untuk yang Melayu, Bukan Melayu ni memang dah jelas, itu memang dah jelas. Kalau *method* yang kita beritahu teman-teman, kalau ada teman-teman yang bukan Melayu 51%, 49% bolehlah daripada teman-teman yang

bukan Melayu. Itu memang dikhususkan sebab ini dalam persidangan dasar ekonomi baru awal-awal dulu, dulu-dulu lagi waktu melahirkan Bank Bumiputra, waktu melahirkan MARA dan sebagainya. Ini telah diputuskan secara jama'i sudah diputuskan bahawa untuk membantu bumiputera untuk membantu memberikan sedikit bagi mereka satu rangsangan supaya mereka dapat bersaing dengan teman-teman yang lain, maka yang ini dikhususkan kepada bumiputera. Walau macam mana pun, kita akan mengemukakan satu polisi, satu dasar nanti polisi yang saya rasa yang akan empok di kalangan bumiputera dan empok juga di kalangan bukan bumiputera.

Kemudian yang akhir sekali tentang Alam Flora ini Puan Speaker, saya ingin menekankan sekali lagi bahawa apa pun Alam Flora ni tentang sisa pepejal ni sebenarnya adalah merupakan satu perkara yang besar, agenda yang besar. Kalau kita ambil jumlah perbelanjaan daripada hasil 41% misalnya, perbelanjaan untuk MP Kajang Majlis Perbandaran Kajang 41.08% daripada *revenue* mereka digunakan untuk sisa pepejal ini. Kemudian 39% bagi Majlis Kuala Selangor, 36% bagi Majlis Perbandaran Selayang ertinya, ertinya, selama ini belanjanya besar dan sebagainya dan kita sedang merundingkan dan kemungkinan dengan izin Menteri Besar kita nanti sedang merundingkan bukan sahaja soal pengutipan, bukan sahaja soal pembersihan, ada satu lagi faktor yang paling besar namanya *waste disposal system* bagaimana kita dapat membuang sampah-sampah, menghapuskan sisa-sisa pepejal ini dengan menggunakan teknologi yang terkini dan kita sudah ada data-data, data daripada Eropah sudah ada, data daripada Asia sudah ada, data dari Timur Jauh pun sudah ada, data daripada negara Scandinavia sudah ada dan data-data ini di kumpul, di rumus dan saya mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam tiga, empat bulan yang akan datang kita adakan konvensyen khas betul untuk membincangkan *what's is the right technology*. Apa teknologi yang sesuai dan bagaimana kita nak menangani teknologi itu tersebut *the transfer technology* dan berbagai-bagai lagi. Kita sedang mengenal pasti *expert-expert* dalam dunia ini. Siapa yang paling hebat sekali, *method* mana yang paling hebat sekali, teknologi mana yang paling hebat sekali. Kehebatan dari segi *the list cost that involve* kos yang paling murah. Kehebatan teknologi yang paling canggih. Kehebatan dari segi kemampuan *durability, sustainability* itu sangat penting untuk kita melaksanakan program-program besar seperti.

Apa pun saya mengucapkan ribuan terima kasih dan akhirnya saya ingin menyentuh tentang jalan. Sebagaimana yang tuan-tuan lihat dalam rangsangan salah satu daripada pakej rangsangan yang dikemukakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pakejnya ialah untuk kita buat *dispersal system*, sistem penguraian, trafik jumlah-jumlah trafik sistem-sistem pengangkutan yang ada di bandar-bandar besar seperti Petaling Jaya, Klang dan sebagainya sistem penguraian ini mungkin melalui LRT, mungkin melalui komuter, mungkin melalui *rail and the non rail, rail and the no rail system*. Pada masa yang sama saya nak beritahu Yang Berhormat -Yang Berhormat bahawa di Malaysia ini berbeza dengan Scotland, Malaysia berbeza dengan Norway, Sweden dan Denmark termasuk Jepun di mana pengguna-pengguna basikal, pengguna-pengguna kenderaan yang tidak bermotor, atau separuh bermotor itu bilangannya sangat tinggi, yang menggunakan kereta-kereta *public* itu, kenderaan-kenderaan *public*, pengangkutan *public* sangat tinggi berbanding dengan Malaysia. *The rivers is Malaysia*. Malaysia pula yang menggunakan *public system* tu tak ramai, yang menggunakan kenderaan sendirilah yang ramai. Apa yang kita nak buat sekarang, kita *change the mode, change the mind set, change the attitude* dengan izin kita nak ubah *attitude* masyarakat supaya lebih mengutamakan kenderaan *public*. Dan kenderaan *public* sekarang ni saya diberitahu dengan transit sistemnya, dengan sistem bas, sekarang

tuan-tuan pergi Petaling Jaya Yang Berhormat basnya dah ada sekarang ini. Bas ini lalu di sini pukul ni, pukul ini berada di sekian sebagaimana yang didapati di Eropah senang dipraktikkan dan saya mengharapkan sistem ini akan terus berjalan dengan sokongan teman-teman dari pembangkang sekarang ini kita mengharapkan ini dapat berjalan dengan baik. Apa pun sistem yang ada dengan rangkaian penguraian *system transport* ini menelan belanja berbilion-bilion sebab itulah Menteri Besar telah mengambil keputusan supaya ini juga dijadikan sebagai rangsangan ekonomi untuk membaiki keadaan global *reassertion* yang sedang melanda dunia termasuk kita di Malaysia dan di Selangor ini. Jadi dengan itu Puan Speaker saya ingin mengundur diri dan mengucapkan ribuan terima kasih lagi kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, mungkin saya tidak menjawab semua, tak mungkin kita dapat jawab semua, tapi saya telah jawab memberikan inti-inti dia, inti-inti yang ditimbulkan yang saya fikir dah berbincang dengan teman-teman kita menyusun balik perkara-perkara yang dibincangkan mengikut *priority* keutamaan dan saya telah pun menjawab soalan-soalan yang telah diberikan keutamaan tersebut. Cukup setakat itu *wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh*. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Pihak kerajaan ada yang ingin memberi penjelasan. Silakan Sri Kembangan.

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH: Puan Speaker. Terima kasih kepada Puan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menggulung mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai bidang kuasa Jawatankuasa Tetap Kampung baru. Puan Speaker, pemilihan Pengerusi JKKK Kampung Baru, Kampung Bagan dan Kampung Tersusun telah dibuat melalui Jawatankuasa yang terdiri dari wakil-wakil parti dalam Pakatan Rakyat dan Pengerusi-pengerusi yang terpilih telah melalui proses temu duga oleh Jawatankuasa Khas dan kemudiannya dirujuk kepada Penghulu Mukim dan Pegawai Daerah untuk sokongan sebelum disyorkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Tidak seperti semasa pemerintahan Kerajaan Lama semua Pengerusi JKKK Kampung Baru, Kampung Bagan dan Kampung Tersusun dilantik di kalangan penyokong komponen Parti Barisan Nasional. Tidak dapat dinafikan juga Pengerusi JKK yang dilantik pada tahun lepas terdiri daripada bekas-bekas Ahli MCA. Yang telah menyokong Pakatan Rakyat dan juga Ahli-ahli NGO. Ini membuktikan mereka benar-benar mahu berkhidmat untuk Pakatan Rakyat. Yang Berhormat Teratai telah membangkitkan mengenai isu pemilihan Pengerusi JKKK Kampung Baru Ampang, seperti pemilihan pengerusi JKKK kampung yang lain pemilihan bagi Pengerusi JKKK Kampung Baru Ampang juga telah dibuat melalui Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan. Oleh kerana kedua-dua calon banyak untuk dipertimbangkan perkara ini telah dirujuk kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan beliau telah mengadakan perjumpaan dengan kedua-dua calon tersebut. Setelah mengambil kira latar belakang, sumbangan dan penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan bersetuju Kerajaan Negeri untuk melantik Encik Fan Foo Seong untuk menjadi Pengerusi JKKK Kampong Baru Ampang. Selain daripada itu....

YB PUAN YEE LING HA: Puan Speaker, minta laluan.

TUAN SPEAKER: Silakan Teratai.

YB PUAN YEE LING HA: Ya.., bolehkah saya tanya adakah satu-satu kriteria pelantikan Ketua Kampung, adakah beliau boleh memahami sekurang-kurangnya

memahami atau berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia. Adakah pelantikan ini mengikut kriteria, proses pemilihan ikut kriteria. Tak mengapakan ahli-ahli yang lompat dari MCA ke Gerakan sekarang lompat ke Parti Pakatan Rakyat boleh dilantik ke. Sila jelaskan.

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH: Memanglah Pengerusi JKKK ni perlu mahir Bahasa Kebangsaan yang sekurang-kurangnya memahami boleh berkomunikasi dengan penduduk semasa mesyuarat dan tidak menafikan tadi yang saya telah sebutkan bahawa kita juga ada Pengerusi JKKK dilantik mereka bekasnya dari Ahli-ahli MCA. Itu kita nak tahu adakah mereka ni benar-benar mahu berkhidmat untuk rakyat itu kriteria kitalah. Selain itu mengenai pengambilan balik balai raya dan dewan JKKK Kampung Baru

YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Puan Speaker, minta laluan.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya

YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Yang Berhormat, saya ingin bertanya, apakah *specialnya* Ketua Kampung Baru di Ampang itu, biasanya pencalonan ketua itu akan ditandatangani oleh ADUN sedangkan proses yang dibuat untuk Kampung Baru itu tidak melalui proses tersebut. Apa istimewanya Ketua Kampung Baru di Ampang. Terima kasih.

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH: Proses untuk melantik Pengerusi JKKK telah ditemu duga oleh Jawatankuasa Khas yang telah ditubuhkan dan kerana kedua-dua calon ini di Kampung Baru Ampang ini, kita rasa mereka juga *qualify* dan kita telah merujuk kedua-dua calon ini kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Menteri Besar telah membuat perjumpaan dengan kedua-dua calon ini dan beliau telah buat keputusan untuk melantik Encik Fan Foo Seong. Itulah keputusan dia.

YB PUAN LEE YING HA: Puan Speaker minta laluan.

TUAN SPEAKER: Silakan.

YB PUAN LEE YING HA: Saya ingin bertanya kalau katakan kedua-dua yang layak mengapa yang salah seorang yang boleh berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia tidak dilantik tetapi seorang yang tidak boleh berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dilantik di samping itu melantik juga Ahli Majlis menjadi penolongnya dan bagaimanakah itu proses yang pemilihan khas itu kenapa tidak terlibat dengan ADUN Kawasan setempat. Terima kasih.

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Teratai. Tak apalah sekarang mereka dalam masa percubaan. Jikalau jika kita dapati Encik Fan Foo Seong tak sesuai jadi kita boleh tukar apabila tamat tempoh percubaan itu. Mengenai masalah mengambil balik dewan dan balai raya JKKK Kampung Baru juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Sampai hari ini masih terdapat segelintir Ahli-ahli Barisan Nasional enggan serah balik bangunan balai raya kepada kerajaan dan ini berlaku di Sekinchan. Kerana Sekinchan ini mungkin banyak masalah yang timbul dan juga Kampung Baru Batang Kali dan lain-lain. Untuk makluman, Kerajaan Negeri tidak teragak-agak untuk mengambil balik atau mengambil tindakan yang tegas supaya balai

raya dan dewan yang sebelum ini dijadikan Bilik Gerakan Barisan Nasional dapat dikembalikan kepada rakyat.

Puan Speaker, mengenai isu hak milik tanah Kampung Baru. Walau pun kerajaan lama kerajaan Barisan Nasional telah memerintah negeri Selangor lebih daripada 50 tahun tetapi sampai hari ini masih terdapat sebahagian daripada penduduk-penduduk Kampung Baru, Bagan, Tersusun belum memperoleh hak milik tanah atau pun lesen menduduki sementara TOL untuk kediaman mereka. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun lepas Kerajaan Negeri telah memberi pemberimilikan tanah kepada penduduk di Kampung Tersusun Bukit Angkat Kajang dan Kampung Baru Gurney Hulu Yam Baru. Sebelum ini mereka telah membuat permohonan kepada kerajaan lama selama 7 hingga 10 tahun. Ini merupakan satu-satunya menunjukkan bukti keprihatinan daripada Kerajaan Pakatan Rakyat. Dan akhirnya kita cuba sedaya upaya untuk membantu penduduk kampung untuk mendapat kelulusan permohonan tanah mereka. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ada lagi pihak kerajaan yang ingin buat penjelasan. Silakan Pandamaran.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih Puan Speaker. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh mengenai portfolio saya iaitu PBT. Saya amat bersetuju dengan Sri Muda bahawa Pegawai dan Ahli Majlis termasuk Datuk Bandar dan juga YDP merupakan orang hadapan dan juga orang harapan bagi rakyat. Saya rasa bukan sahaja untuk rakyat dan juga Kerajaan Negeri kerana mereka yang menjalankan tugas masing-masing setiap di akar umbi. Ada yang membangkitkan isu spesifik ada yang membangkitkan mengenai PBT secara umum. Saya akan cuba sedaya upaya untuk memberi jawapan kepada soalan-soalan yang spesifik terlebih dahulu.

Yang Berhormat Bukit Antarabangsa membangkitkan ada keperluan satu *electronic command centre* yang dilengkapi dengan sistem CCTV di setiap PBT Selangor seperti yang dibangunkan di MPSJ dan beliau juga nak Kerajaan Negeri menggalakkan pihak swasta memasang CCTV di premis mereka bagi membantu pihak polis dalam mencegah jenayah.

Puan Speaker, dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri terdahulu telah pun melantik sebuah syarikat untuk membangunkan sistem yang sama sepertimana yang dibangunkan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya. Syarikat tersebut juga merupakan syarikat sama yang dilantik oleh MPSJ. Syarikat yang dilantik akan membina *command centre* yang dilengkapi dengan sistem GIS yang dapat menunjukkan lokasi setiap kamera yang dipasang di PBT dan pihak syarikat akan memasang sebanyak 414 kamera CCTV. Kamera CCTV tersebut berfungsi untuk memantau kejadian jenayah trafik dan kesalahan-kesalahan lain seperti pembuangan sampah haram. Lokasi pemasangan kamera dipilih dengan mengambil pandangan pihak polis dan ditempatkan di kawasan yang kerap berlakunya jenayah seperti di pusat perniagaan, padang permainan, di hadapan sekolah, kawasan kesesakan lalu lintas dan kawasan pembuangan sampah haram. Pada masa ini pemasangan 414 kamera CCTV ini ditangguhkan sementara bagi membolehkan Kerajaan Negeri mengadakan perundingan semula dengan syarikat dilantik bagi menentukan spesifikasi teknikal yang dicadangkan oleh pihak syarikat benar-benar sesuai dan harga yang ditawarkan adalah berpatutan

kepada Kerajaan Negeri. Namun demikian proses perundingan dijangka akan selesai pada 18 Mac 2008 ini sebelum Kerajaan Negeri dapat memuktamadkan tarikh projek tersebut diteruskan semula. *Sorry* ye 18 Mac 2009 bukan 2008 ye. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa menggalakkan premis-premis perniagaan swasta untuk memasang CCTV. Misalnya PBT telah mensyaratkan premis-premis hiburan yang beroperasi di kawasan zon hiburan supaya memasang CCTV di premis berkenaan. Dan satu Jawatankuasa yang khas telah ditubuhkan baru-baru ini untuk mempercepatkan perundingan dengan syarikat yang terlibat itu. Bagi soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat

YB TUAN LAU WENG SAN: Puan Speaker, Puan Speaker, minta penjelasan

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: sekejap lagi ye, sekejap lagi. Yang Berhormat Sungai Panjang sebab Sungai Panjang masih di sini. Tuan Speaker, berhubung dengan persoalan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang, tujuan penyediaan pejabat Ahli-ahli Majlis PBT adalah bagi memudahkan seorang Ahli Majlis tersebut melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa di mana tanggungjawab Ahli-ahli Majlis lebih fokus kepada penduduk-penduduk setempat dan keadaan kawasan berdasarkan zon masing-masing. Dengan adanya kemudahan pejabat ini dan juga dilengkapi dengan kerani Ahli-ahli Majlis mahupun penduduk sekitar lebih mudah dan selesa untuk bertemu serta berinteraksi terus sekiranya terdapat aduan, pandangan ataupun maklum balas. Inisiatif juga dapat membantu semua Ahli Majlis membuat pemantauan ke atas kawasan-kawasan berdekatan terutamanya yang melibatkan masalah pembuangan sampah, jalan berlubang, longkang tersumbat dan masalah penyelenggaraan rumput. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri tidak melihat perkara ini sebagai pembaziran kerana ia bertujuan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan PBT kepada penduduk setempat.

Tuan Speaker, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan mengenai; nombor satu mengenai pengurusan penyelenggaraan dan penggunaan bangunan tempat letak kereta bertingkat di No. 2, Jalan Anggerik Vanilla, Kota Kemuning, Seksyen 31, Shah Alam. Untuk makluman tempat letak kereta bertingkat yang terdiri daripada blok A, B, C telah diserahkan oleh Hicom Gamuda Development Sdn. Bhd. kepada MBSA pada 26 hari bulan Julai 2007 melalui syarat perintah pembangunan bina dan serah. Jumlah petak letak kereta yang disediakan bagi ketiga-tiga blok tersebut berjumlah 2,324 petak. Walaupun banyak tempat letak kereta telah disediakan dan tiada cas dikenakan akan tetapi pemilik kenderaan lebih gemar meletakkan kenderaan mereka di tepi jalan dan menjadikan bangunan tempat letak kereta tersebut kosong dan tidak digunakan. Bagi mengelakkan bangunan tersebut terus kosong dan terbiar, mesyuarat penuh MBSA yang bersidang pada 31 hari bulan Januari 2009 telah meluluskan kepada Syarikat Sunny Tanjung Bunga untuk menjadikan sebahagian daripada bangunan tempat letak kereta di Blok B dua tingkat sebagai pasar raya. Manakala Blok A dan C, MBSA secara pentadbiran telah mensyaratkan kepada syarikat untuk menguruskan penyelenggaraannya secara percuma, secara percuma ye bagi pihak MBSA. Kerja-kerja penyelenggaraan melibatkan pembersihan, kawalan keselamatan, bangunan dan membaiki kerosakan kecil. Segala kos ditanggung oleh syarikat dan syarikat tidak dibenarkan menggunakan bangunan tersebut untuk tujuan lain selain tempat letak kereta. Pengurusan penyewaan untuk Blok A dan C masih di bawah bidang kuasa MBSA dan sebahagian Blok C telah disewakan oleh Majlis kepada DRB-HICOM sebagai tempat penyimpanan kenderaan. Bagi gerai yang terdapat di Blok A pula, pihak Majlis telah menyewakan kepada syarikat

Supreme Corporate Advisory Bhd. dan saya berjanji saya akan meneliti lagilah mengenai aduan daripada YB Sekinchan.

Yang kedua; pemberian *power attorney* kepada syarikat Khidmat Makmur bagi projek penswastaan cadangan pembinaan bercampur di atas tanah yang di jalan ramai-ramai itu juga di Shah Alam. Permohonan untuk membangunkan ketiga-tiga lot tanah tersebut juga telah diluluskan kepada syarikat Khidmat Makmur oleh Mesyuarat EXCO MTES bertarikh 7 Ogos 2001 dengan syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- 1) Membenarkan MBSA melupuskan tanah kepada syarikat bagi tujuan pembangunan.
- 2) Membenarkan syarikat pemaju membangunkan tapak situ bagi mendirikan kuarters bagi kakitangan MBSA yang juga sebagai sumbangan ataupun pulangan kepada MBSA.

Power attorney yang diberikan oleh MBSA kepada Khidmat Makmur pada 31 Januari 2002 adalah perkara yang telah dipersetujui di dalam perjanjian penswastaan tersebut yang bertujuan memberi kuasa kepada mereka bagi melaksanakan projek dengan lancar. Sewaktu borang permohonan kebenaran untuk menggadai tanah tersebut untuk ditandatangani syarikat pemaju telah pun menyerahkan jaminan bank berjumlah 7.5 juta yang menyamai nilai pulangan yang akan diperoleh oleh MBSA daripada projek tersebut. Bagi mengatasi masalah tersebut MBSA telah pun melantik kontraktor penyelamat iaitu Semangat Ulung Sdn. Bhd. pada 31 Disember 2008 untuk menyiapkan projek tersebut. Pada masa ini pihak kontraktor baharu sedang menyelesaikan isu-isu perundangan dan pembiayaan dan dijangka akan memulakan kerja-kerja pembinaan pada Julai atau Ogos 2009.

Yang ketiga, mengenai perjanjian penyewaan kedai pejabat di antara Pandan Prima dan Majlis Bandaraya Shah Alam. Tuan Speaker, tawaran untuk penyewaan premis tersebut adalah bermula pada 1 Mac 2008 dan perjanjian penyewaan telah siap disediakan pada 25 hari bulan Februari 2008 dan diserahkan untuk ditandatangani oleh Datuk Bandar, Timbalan Datuk Bandar dan seorang Ahli Majlis yang lama di mana pelantikan mereka masih berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, berlaku kelewatan di pihak MBSA untuk mematikan sistem setem di mana proses tersebut telah dilakukan pada tarikh 19 Ogos 2008.

Berhubung dengan klausa kenaikan kadar sewa sebanyak 10% setiap 3 tahun yang tidak dimasukkan dalam perjanjian penyewaan perkara tersebut telah pun disedari oleh MBSA dan perjanjian tambahan untuk memasukkan klausa tersebut sedang disediakan oleh Majlis. Walau bagaimanapun, dalam surat tawaran MBSA pada 4 hari bulan Februari 2008 kepada Pandan Prima ada menetapkan syarat tersebut dan juga saya akan janji dengan YB Sekinchan saya akan menyemakkan fakta-fakta yang di, yang di...

PUAN SPEAKER: Pandamaran, Sekinchan minta laluan

YB TUAN LIU TIAN KHIOW: Yang diberikan oleh MBSA. Dan sekiranya ada penyelewengan dan kita akan buat, kita akan adakan tindakan dengan sewajarnya. Ya, dipersilakan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Puan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya tadi beritahu tentang jawapan mengenai dengan syarikat Khidmat Makmur Sdn. Bhd. di mana tanah tersebut telah diberi secara pelupusan. Saya hendak tahu berapa besar bilangan tanah tersebut, berapa besar tidak diberikan jawapan berapa keluasan tanah tersebut. Yang kedua tentang tandatangan di dalam kontrak, di dalam kontrak oleh Ahli Majlis yang *expired* yang tamat tempoh, luput tarikh. Mana boleh kita tandatangan satu dokumen tanpa ada tarikh dan kemudian tarikh itu dibiarkan sesiapa untuk isi, bolehkah begitu. Secara lazimnya, beranikah kita buat macam ini tanpa kalau tidak ada sebarang penyelewengan. Saya minta Yang Berhormat EXCO tolong siasat MBSA ini dan siasat Ahli Majlis ini demi keadilan untuk rakyat negeri Selangor. Dan jangan lupa Pengarah-pengarah yang saya sebutkan pada ketika saya bahaskan itu. Empat Pengarah Pelesenan, Penilaian, Kejuruteraan dan Penguatkuasaan. Ini sudah jadi satu amalan biasa di dalam MBSA saya dimaklumkan. Sila ambil tindakan yang sewajarnya, terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih Puan Speaker. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sekinchan memang ada asaslah kalau mengikut satu dokumen yang diberikan kepada saya iaitu perjanjian sewa yang ditandatangani pada 19 hari bulan lapan maksudnya Ogos 2008 dan di antara Pandan Prima dan MBSA memang ditandatangani oleh seorang, seorang Ahli Majlis yang dikatakan telah tamat tempohnya perkhidmatan sebagai Ahli Majlis dan ini saya akan membuat siasatan dan sekiranya, sekiranya ini adalah satu tindakan yang menyalahi undang-undang, tindakan yang sewajarnya harus diambillah terhadap Ahli Majlis yang dikatakan telah berhenti itu. Terima kasih.

YB PUAN LEE YING HA: Minta laluan, boleh minta laluan Puan Speaker.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Saya akan pergi ke Teratai dulu,

YB PUAN LEE YING HA: Berkenaan tanah isu MBSA

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Selepas Teratai, MBSA juga,

YB PUAN LEE YING HA: Ya

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Ok

YB PUAN LEE YING HA: Saya Cuma nak tanya YB EXCO adakah Kerajaan bersedia supaya merujuk kes ini kepada *SELCAT*. Jadi kita boleh mengadakan satu sidang bersama dengan ADUN untuk meneliti isu-isu tersebut.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, saya rasalah kalau sekiranya kesalahan telah diadakan selepas penyiasatan, saya rasa bukan sahaja *SELCAT*lah, SPRM pun kita boleh rujukan hal ini kepada mereka. Kepada Yang Berhormat Sekinchan dan Yang Berhormat Teratai yang menyentuh mengenai pertukaran Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan yang bermasalah. Puan Speaker, untuk makluman, Kerajaan Negeri telah pun mengarahkan setiap Datuk Bandar, Yang Dipertua Majlis menilai prestasi ke atas setiap Ahli Majlis masing-masing bagi tempoh enam bulan pertama dengan menggunakan borang prestasi yang telah diselaraskan oleh Kerajaan Negeri dan seterusnya penilaian tersebut akan dinilai oleh satu pertubuhan jawatankuasa Kerajaan Negeri. Penilaian prestasi tersebut merangkumi penglibatan, sumbangan,

komitmen, kemahiran, kerjasama, komunikasi, disiplin dan juga integriti yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Majlis sepanjang melaksanakan perkhidmatan di PBT. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri juga telah bersetuju supaya semua Ahli Dewan Undangan Negeri boleh membuat penilaian berasingan ke atas Ahli-ahli Majlis PBT mengikut kawasan masing-masing dengan mengemukakan ulasan prestasi tersebut terus kepada pihak Kerajaan Negeri, kepada pejabat saya berdasarkan ulasan prestasi yang dikemukakan oleh ketiga-tiga pihak berkenaan ia akan digunakan untuk membantu Kerajaan Negeri untuk membuat penilaian ke atas

YB TUAN LAU WENG SAN: Puan Speaker, minta penjelasan

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Ahli-ahli PBT sama ada

YB TUAN LAU WENG SAN: Puan Speaker, minta penjelasan

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Ke atas Ahli-ahli Majlis PBT sama ada perlu diteruskan perkhidmatannya ataupun ditukarkan dengan calon-calon lain yang lebih sesuai dan berkebolehan. Silakan

YB TUAN LAU WENG SAN: Sedikit sahaja, terima Puan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Pandamaran. Saya ingin bertanya sama ada kerajaan juga bercadang sebab Ahli Majlis tempoh pelantikannya akan tamat dalam tahun ini supaya kita memperketat syarat-syarat pelantikan mereka dengan mengadakan lebih banyak ujian saringan, seperti *interview*, temu janji dan juga menerima pakai pandangan ataupun nasihat, teguran daripada Ahli DUN dan juga Ahli Parlimen jika ada supaya ianya diberi pembelaan yang lebih tinggi di dalam pelantikan ini dan pada masa yang sama kita perketatkan syarat pelantikan mereka. Kita juga mempertimbangkan tugas mereka itu memandangkan mereka menyandang tugas yang amat berat. Sekarang mereka ini sudah menjadi Ahli Majlis yang *functioning* yang berfungsi di kawasan mereka berbanding dengan zaman dahulu di bawah Barisan Nasional supaya mereka juga bolehlah dipertingkatkan elaun mereka dan membolehkan mereka menumpukan segala perhatian terhadap hal ehwal pentadbiran PBT. Dan masalah-masalah ini seperti yang dibangkitkan oleh Sekinchan itu bolehlah dipantau dan disemak dengan betul-betul oleh Ahli Majlis kita di peringkat PBT dan tidak perlulah di bawa ke Kerajaan Negeri. Jikalau ini boleh berlaku saya rasa ini adalah satu cadangan yang cukup baik untuk dipertimbangkan, terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih. Puan Speaker, memanglah matlamat Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat untuk memantapkan lagi prestasi di semua PBT khususnya Ahli Majlis. Dan sebab itu, sebab itu Kerajaan Negeri telah menetapkan tempoh perkhidmatan sebagai satu tahun, tidak seperti dahulu secara automatiknya dapat tempoh perkhidmatan selama dua tahun dan ini telah memberi satu peluang kepada Kerajaan Negeri untuk menyemak semula prestasi mereka. Dan memang juga matlamat kita untuk memberi segala bantuan kepada Ahli Majlis supaya mereka boleh menjalankan tugas masing-masing dengan lebih berkesan dan untuk makluman semua Yang Berhormat di sini di Dewan yang mulia ini beberapa, beberapa perubahan telah diadakan untuk PBT termasuk zon yang diberikan masing-masing termasuk Jawatankuasa Audit dan *Corporate Government* yang baru sahaja diadakan dengan garis panduan yang tetap dan sebagainya. Kita juga telah sebolehnya, sebolehnya menjauhkan orang politik supaya mengelakkan mereka campur tangan

YB TUAN YAP EE WAH: Minta laluan, minta laluan

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Campur tangan dengan urusan PBT seperti masa yang lampau.

YB TUAN YAP EE WAH: Minta laluan Yang Berhormat

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Dipersilakan.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih. Sebentar tadi Yang Berhormat jawab fasal pejabat Zon ini. Setahu saya satu daerah itu mempunyai sekarang ada pejabat 24 pejabat Zon Ahli Majlis. Jadi kalau kiranya kali dengan anggaran perbelanjaan pejabat sebulan itu lima ribu (5,000) kali dengan 24 pejabat Zon, jadi jumlah dia akan jadi 120,000 sebulan. Kalau kali dengan 12 bulan akan jadi satu juta empat ratus empat puluh ribu (1,440,000). Kalau dengan 12 PBT maka hampir, hampir menjangkau atau menjejak 20 juta setahun. Sedangkan perbelanjaan atau peruntukan yang dibagikan kepada sekolah-sekolah yang baru-baru ini 4 juta setiap sekolah setahun itu hanya 12 juta. Perbelanjaan 17 juta dua ratus lapan puluh ribu (17,280,000) untuk pejabat JPT Zon ini bagi saya memang tak kenalah, tak kena. Dulu kita ada juga pejabat Zon, lima (5) ke, lapan (8) ke, sepuluh (10) ke *and then* bagi saya

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Jangan nak ceramahlah

YB TUAN YAP EE WAH: Bagi saya banyak pejabat yang tak buka sama seperti sungutan Teratai. Saya *agreed with that*, memang apa yang dia nampak saya nampak tu, *and then* Ahli Majlis tu bukan orang tempatan, tak ada buka pejabat

PUAN SPEAKER: Sungai Pelek diminta terus kepada soalan

YB TUAN YAP EE WAH: Ini menunjukkan apa, bazir, boros, perbelanjaan duit rakyat pejabat JPB Zon. Tadi lagi kata daripada mana ni, Yang Berhormat tu, elaun Ahli lagi nak naik, jadi ini bukan beban rakyat Kerajaan Negeri, rasa saya beban rakyat negeri Selangor. Sebab duit tu, duit rakyat negeri Selangor. Jadi boleh tak saya cadangkan di sini Yang Berhormat cuba bilangan pejabat Zon itu dikecilkanlah. Jangan 24, 20 Ahli Majlis 24 pejabat JPB Zon itu yang saya minta, terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, Yang Berhormat Sungai Pelek merupakan seorang yang baru, dia tak tahu pada masa yang lampau apabilanya sistem zon tidak dilaksanakan dengan secara sepenuhnya, ada ADUN dilantik sebagai Ahli Majlis dan bukan sahaja itu, mereka dapat peruntukan yang begitu banyak daripada PBT masing-masing. Perkara ini kita jarang membangkitkan tetapi kerana Yang Berhormat Sungai Pelek nak tahu, saya beritahulah sekarang. Pada masa itu peruntukan yang begitu tinggi khas disalurkan kepada Ahli Majlis yang merupakan ADUN, ha ini merupakan satu perkara yang benar. Dan saya nampak tidak ada pembaziran di sini kerana seorang Ahli Majlis yang di zon-zon masing-masing itu, mereka diberi tanggungjawab yang agak besar dan kawasan mereka untuk menjaga pun besar, jadi tak salahnya kita bagi pejabat atau pun dan juga kerani dan kita pun selalu gunakan pejabat dimiliki oleh kerajaan. Dalam keadaan itu kita tak perlu bayar sewa dan kerani kita kena bayarlah. Jadi bila ada kerani apa-apa aduan setempat itu dapat disalurkan dengan cepat. Jadi sistem zon ini telah sedikit sebanyak telah membantu semua ADUN semua Ahli Parlimen bukan sahaja PBT untuk memberi

perkhidmatan yang lebih berkesan dan lebih cepat dan pantas kepada penduduk-penduduk setempat. Sebab itu kita tidak nampak ini sebagai satu pembaziran. Dan bagi Ahli-ahli Majlis yang ada peruntukan tetapi tidak menggunakan peruntukan dengan baik, kita tarik balik peruntukan itu, kita tidak akan berikan wang itu terus kepada mereka. Dan kita juga memberitahu semua PBT mereka menjalankan sistem zon ini mengikut kedudukan kewangan mereka, kita tidak tetapkan jumlah berapa dan sebagainya, tidak. Kita bagi peluang kebebasan kepada PBT masing-masing memandangkan kedudukan kewangan mereka untuk memberikan peruntukan untuk memberikan pusat perkhidmatan dan sebagainya.

Puan Speaker, Yang Berhormat Hulu Klang ingin membangkitkan pembangunan cerun. Saya nak beritahu Dewan yang mulia ini pemotongan cerun yang dijalankan di kawasan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Klang adalah bagi tujuan untuk pembinaan jalan utama selebar 50 kaki ke kawasan perumahan baru yang dibangunkan oleh Aset Satu AUS Sdn. Bhd. Pembangunan tersebut telah diluluskan kebenaran perancang pada 7 hari bulan Mac 2007 setelah mendapat sokongan Jawatankuasa Sensitif Alam Sekitar dan jabatan-jabatan teknikal termasuk IKRAM, JKR, JPS dan Jabatan Mineral dan Geosains. Kerja-kerja pemotongan cerun yang dijalankan adalah mematuhi plan kelulusan yang dikeluarkan oleh MPAJ dan tidak berlaku kacau ganggu kepada kawasan sekitar. MPAJ telah mengadakan lawatan tapak bersama Yang Berhormat Hulu Klang pada 28 hari bulan Februari 2008 dan penerangan telah diberikan oleh MPAJ dan pemaju kepada penduduk sekitar pada perjumpaan tersebut. Pada masa ini MPAJ sentiasa memantau pelaksanaan projek tersebut melalui lawatan tapak secara berkala bersama agensi-agensi teknikal berkaitan.

Yang Berhormat Seri Muda, mengenai pertukaran di antara pegawai-pegawai di PBT. Puan Speaker, merujuk kepada pertukaran di antara pegawai-pegawai di PBT yang dibangkitkan oleh YB Seri Muda, cadangan ini telah pun dibincangkan di peringkat Kerajaan Negeri terdahulu pada tahun 2007. Kaedah yang dipersetujui ialah melalui pertukaran secara pinjaman *loan*. Melalui kaedah tersebut, pegawai-pegawai PBT yang ingin ditukarkan keluar akan ditempatkan di PBT-PBT lain yang bersedia menerima mereka dengan faedah yang akan diperoleh pegawai tidak akan berkurangan daripada faedah yang diperoleh di tempat yang asal. Ini bermakna perlu ada PBT yang menawarkan dan ada PBT yang sudi menerima. Kaedah tersebut belum dilaksanakan sepenuhnya kerana pertukaran yang melibatkan pegawai-pegawai bermasalah agak sukar dilaksanakan kerana PBT yang akan menerima mereka agak keberatan untuk melepaskan pegawai mereka yang menunjukkan prestasi tinggi sebagai pertukaran dengan pegawai yang bermasalah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang melihat secara serius untuk melaksanakan pertukaran pegawai dengan menggunakan kaedah tersebut dengan perbincangan dengan PBT-PBT terlibat akan diadakan untuk melaksanakan kaedah pertukaran ini. Saya juga dimaklumkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam sedang dalam usaha untuk meminda peruntukan mengenai Pihak Berkuasa Melantik Pegawai-pegawai PBT di dalam Akta Kerajaan Tempatan bagi membolehkan mereka diletakkan di bawah satu Pihak Berkuasa Melantik yang sama di setiap negeri. Dengan adanya perubahan itu nanti Pegawai-pegawai PBT akan mudah untuk ditukar ganti di antara PBT dalam negeri yang sama tanpa perlu menggunakan kaedah pinjaman. Dan saya berjanji kepada Yang Berhormat Seri Muda bahawa kita tidak akan teragak-agaklah kalau kita mendapati masih ada pegawai-pegawai ataupun pengarah-pengarah yang tidak sehaluan dengan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Sebab kita telah memberi masa yang cukup sudah lebih satu tahun, kalau masih lagi degil, masih lagi tidak mahu

bekerjasama dengan rakyat dan juga kerajaan, kita terpaksa mengambil tindakan yang tegas.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Soalan,

PUAN SPEAKER: Ya, silakan Yang Berhormat Batu Caves.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Yang Berhormat EXCO dan Puan Speaker. Saya ingin menarik perhatian terhadap jawapan yang diberikan EXCO tadi kerana pertukaran ini akan melibatkan Pengarah-pengarah ataupun penjawat-penjawat yang berbeza daripada gred. Sebab di kalangan Majlis Bandaraya dan Majlis Daerah terdapat perbezaan gred di mana Majlis Bandaraya kebanyakan mereka yang dalam gred 48 dan Gred 52 berbanding dengan Majlis Daerah yang dalam Gred 41. Oleh itu saya ingin mencadangkan dan adakah pihak EXCO bersedia untuk menyelaraskan gred ini supaya pertukaran di kalangan Pengarah-pengarah itu tidak timbul masalah teknikal sebagaimana yang disebutkan oleh EXCO tadi.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker,

PUAN SPEAKER: Yang Berhormat Pandamaran, jam sudah menunjukkan pukul 12.00 tengah hari.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Saya akan cuba mempercepatkan ya...

PUAN SPEAKER: Saya mencadangkan

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Sambung

PUAN SPEAKER: Saya cadangkan sambung selepas 2.30 petang ini. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 12.00 tengah hari, dengan itu saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.

Dewan disambung semula

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Dewan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER: Ya silakan...ADUN Rawang mendakwa bahawa berlaku rasuah

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, tunggu sebentar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pagi tadi saya telah pun menumpukan usul tergepar yang dibawa oleh YB Kampung Tunku sehingga 2.30 petang jadi dengan itu saya membuka untuk perbincangan usul tersebut untuk setiap ahli yang akan mengambil bahagian dan saya berikan waktu sebanyak 10 minit untuk berbincang. Dan ia 10 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan memberi penjelasan dan selepas itu untuk usul tergepar tidak ada keputusan yang akan diambil hanya untuk perbincangan dan sekarang saya buka untuk Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk berbincang dan saya persilakan Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin memaklumkan pertama sekali bahawa teks ini boleh di *download* dimuat turun daripada laman web saya. Pertama sekali saya ingin menyentuh tentang negara Malaysia ini sebagai sebuah Negara Persekutuan. Persekutuan bermaksud satu sistem pemerintahan yang terdiri dari beberapa buah negeri yang disekutukan demi kepentingan bersama. Setiap negeri mempunyai kuasa eksekutif tanpa perundangan ke atas perkara-perkara yang tidak memerlukan keseragaman seperti kerajaan tempatan. Meletakkan hal ehwal perhutanan di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Pusat pula mempunyai kuasa perundangan dan eksekutif ke atas perkara-perkara yang berhubung dengan luar negara dan perkara-perkara umum yang memerlukan keseragaman seperti pendidikan, pertahanan dan kewangan. Ini bermakna Kerajaan Negeri mempunyai kuasa bebas dalam hal pentadbiran negeri tanpa campur tangan daripada Kerajaan Pusat. Negara Malaysia ini amalan *federalisme* ini dinyatakan melalui agihan kuasa secara jelas sebagaimana yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan. Perlaksanaan Program *People Centric* yang saya sebutkan tadi oleh Pejabat Pembangunan Negeri Selangor dengan matlamat menjatuhkan Kerajaan Negeri Selangor adalah satu penyalahgunaan kuasa di mana ini bercanggah dengan prinsip demokrasi. Dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Persekutuan Negeri Selangor Bil. 1/2009 yang bertarikh 26 Februari 2009 telah dinyatakan program ini dirangka untuk menjatuhkan Kerajaan Negeri Selangor ianya juga bertujuan untuk meningkatkan sokongan rakyat kepada Kerajaan Persekutuan dengan meningkatkan imej dan kredibiliti pemimpin sekali gus menjatuhkan imej dan kredibiliti pembangkang. Program ini juga bertujuan untuk memenangi pilihan raya umum ke13 dengan majoriti 2/3 di Parlimen dan membantu Barisan Nasional menawan kembali negeri Selangor daripada pembangkang. Berbandinglah program ini dengan berbagai program yang dilaksanakan oleh program Pakatan Rakyat di Selangor sepanjang satu tahun yang lalu di bawah Tema Besar Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Program MES ini telah dilaksanakan dengan cara yang adil dan saksama di mana ianya dibuka kepada semua warga negeri Selangor tanpa mengira keturunan etnik dan agama dan tanpa mengira fahaman politik.

Tuan Speaker, ingin saya tekankan bahawa perkataan “Tanpa Mengira Fahaman Politik” ini adalah amat penting dalam penghayatan erti sebenar program ini. Ini bermakna program ini akan memanfaatkan sesiapa sahaja yang memenuhi syarat permohonan termasuk ahli-ahli parti UMNO, MIC, MCA dan sebagainya. Dan ini ialah semangat baru yang ingin kita bawa dalam mentadbir negeri ini tanpa sebarang diskriminasi. Walau macam mana pun program *People Centric* ini ianya amat berlainan kerana ianya telah dirangka sedemikian rupa di mana ianya telah dijadikan sebagai alat untuk menjaga kepentingan politik. Saya tidak fahamlah pada petang yang mulia ini saya ingin membentangkan usul ini untuk kepentingan bersama semua rakyat negeri Selangor, rakan-rakan kita dari pembangkang pula kaget. Semua tidak hadir kecuali 3 sahaja tetapi walau macam mana pun Tuan Speaker, izin saya teruskan dan alasan bahawa program-program ini dijalankan di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Barisan Nasional sahaja adalah tidak benar kerana mengikut apa yang saya perolehi program-program telah dijalankan di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat juga iaitu di kawasan Parlimen Ampang, yang meliputi kawasan DUN Lembah Jaya dan DUN Bukit Antarabangsa. Program-program yang sama juga telah dijalankan di DUN Seri Muda yang dimenangi oleh rakan saya yang duduk di sebelah kanan saya ini. Saya tidak kecil hati sebenarnya dengan program-program yang dijalankan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Selangor di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah mengarahkan supaya butiran terperinci penggunaan peruntukan pembangunan kawasan di setiap DUN di Selangor di paparkan dalam laman web setiap Pejabat Tanah dan Daerah. Dan kita telah melakukannya. Ini menunjukkan tahap ketulusan yang dapat kita pamerkan malahan dalam kawasan DUN telah terdapat rakan-rakan saya yang telah secara sukarela mempamerkan dengan lebih awal cara-cara bagaimana peruntukan digunakan. Contohnya rakan saya dari Pandamaran, rakan saya dari Subang Jaya dan saya sendiri pun melakukan sedemikian. Ini adalah amat penting. Kita telah melakukan sebegini di Pakatan Rakyat tetapi saya pula ingin bertanya di bawah Program *People Centric* ini adakah Barisan Nasional setia untuk mengisytiharkan cara bagaimana wang rakyat ini digunakan di setiap kawasan Parlimen dan di setiap kawasan DUN. Adakah mereka bersedia untuk berbuat demikian. Jawapannya diberi oleh Ketua Pembangkang, YB Sungai Panjang 2 hari yang lalu ialah ia. Dan kami akan memegang kata-kata atau janji dia dan kami akan meminta beliau melaksanakan.

Tuan Speaker, saya juga tidak kecil hati dengan program-program yang dilaksanakan di bawah Pejabat Pembangunan Negeri ini asalkan ianya memanfaatkan rakyat negeri Selangor jelata tetapi persoalannya ialah mengapa ianya perlu dilakukan atas nama menjatuhkan imej dan kredibiliti pembangkang. Mengapa, mengapa ianya perlu disyaratkan dengan niat jahat sebegini. Mengapa tidak bolehkah kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan bekerjasama untuk membangunkan, memajukan negeri Selangor ini seperti yang di titah oleh DYMM Tuanku Sultan Selangor. Mengapa, mengapa kita bertanya banyak mengapa tetapi di sebelah kanan kosong tetapi soalan tetap soalan dan kami akan meminta jawapannya. Dan satu lagi perkara yang memeranjatkan saya Tuan Speaker ialah cadangan pengangkutan program *People Centric* ini salah satu ialah Majlis Keselamatan Negara yang kedua Suruhanjaya Pilihan raya (SPR) SPR seharusnya satu badan yang bebas dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana unsur politik apabila nama SPR ini wujud dalam senarai keanggotaan ini ianya telah menimbulkan tanda soal apakah peranan yang dimainkan oleh SPR. Khususnya apabila program *People Centric* ini adalah untuk menjalankan Program Mesra Rakyat. Apa kaitannya dengan SPR. Apakah undang di sebalik batu ini kita tanya. Kita dimaklumkan bahawa

proses perkhidmatan semula kawasan-kawasan DUN dan Parlimen telah dimulakan awal tahun ini dan ianya akan berjalan selama setahun dua lebih. Adakah kawasan sebarang kawasan akan ditukar sehingga ianya akan memihak kepada pihak-pihak yang tertentu, saya tidak tahu. Tetapi saya ingin mendapatkan jawapannya daripada rakan-rakan kita dari Barisan Nasional yang semuanya kaget pada petang ini. Program *People Centric* ini hanya merupakan salah satu program bertopengkan unsur politik yang dapat kita ketahui sehingga sekarang. Saya tidak tahu berapa banyak program seperti ini yang masih ada saya merasakan bahawa perbahasan ini diperlukan kerana mungkin akan diwujudkan lebih banyak program yang kita tidak tahu mungkin program-program ini dijalankan secara sulit dengan lebih dahsyat saya tidak tahu rakan-rakan saya dari Pakatan Rakyat tidak tahu, Y.A.B. Dato' Menteri Besar tidak tahu, Barisan EXCONya tidak tahu dan kami memintalah mana-mana yang tahu bagi tahu kami. Kampung Tunku juga amat terkilan dengan taktik-taktik politik murahan yang ditunjukkan di sini malahan tindakan sedemikian rupa pernah berlaku di Selangor dan di negeri-negeri lain. Saya di sini ada 9 contoh bagaimana Kerajaan Persekutuan menggunakan jabatan kerajaan mensabotaj Kerajaan Negeri. Ini termasuk yang pertama proses penstrukturan semula industri air di Selangor. Kerajaan Persekutuan telah memberi persetujuan kepada Kerajaan Selangor untuk mendahului dan mengetuai rundingan dengan 4 syarikat konsesi air tetapi tiba-tiba Kerajaan Persekutuan melalui SPAN mengambil alih rundingan itu selepas Kerajaan Negeri Selangor membuat tawaran harganya. Yang kedua pembinaan 6 buah sekolah SRJKC yang di janji kan oleh Kerajaan Persekutuan sehingga sekarang satu batang besi pun tak nampak walaupun tanah telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Yang ketiga arahan secara tidak rasmi dan rasmi kepada Guru Besar dan Pengetua Sekolah untuk tidak menjemput Wakil Rakyat Pakatan Rakyat menghadiri program-program di dalam sekolah. Malahan terdapat Wakil-wakil Rakyat Pakatan Rakyat dihalang daripada memasuki sekolah walaupun mereka datang dengan niat untuk membatu menyelesaikan masalah di dalam sekolah contohnya tak lain tak bukan YB dari Kinrara. Terdapat juga ahli-ahli lembaga pengelola yang diugut kononnya peruntukan kepada sekolah mereka akan ditarik balik kalau mereka melibatkan Wakil Rakyat Pakatan Rakyat dalam program-program yang dianjurkan sekolah contohnya apa yang berlaku di SJKC Seng Meng Puchong. Yang keempat, LRT. Kerajaan telah mewar-warkan pembinaan LRT 2,3 tahun yang lalu sehingga sekarang satu batang besi pun tak nampak. Kelima ..

YB TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker, Tuan Speaker, boleh minta celah.

TUAN SPEAKER: Nanti dulu speaker belum cakap, nanti dulu, benarkan, benarkan, sila...

YB TUAN YAP EE WAH: Boleh minta celah,

TUAN SPEAKER: Boleh, boleh...

YB TUAN YAP EE WAH: Pasal peruntukan atau Sekolah Seng Meng yang tadi Yang Berhormat Kampung Tunku yang ceritakan tu bagi sayalah, memang saya tahu pihak sekolah menjemput Y.A.B kita pergi ke sekolah tu untuk merasmikan bangunan 4 tingkat yang baru tu. Aaa sebelum ini I nak bawa I bawa Lembaga Pengarah Sekolah Seng Meng di Puchong itu jumpa dengan YB Timbalan Menteri Wee Kar Chong dalam perbincangan itu memang tak ada sebut nak bagi pun sudah selesai 3 buah sekolah, 2 di dalam DUN saya, 1 ialah Sekolah Chee Chiaw Salak, 1 ialah Poo Liau Salak dan 1 apa yang disebut oleh Kampung Tunku tadi Sekolah Seng Meng Puchong. Dalam

perbincangan kita lebih kurang 1 jam itu, kita selesai. Setiap sekolah sekurang-kurangnya boleh dapat anggaran sahaja projek yang mustahak yang perlu di bikin dengan segera kerana dimakan anai-anai RM 120,000.00 yang 3 buah sekolah. Kemudian Pengerusi Lembaga Pengarah bagi tahu saya program itu jemput, saya pergi ok jadi kerana, kerana tapak di sebelah tu 2. *same thing* ekar tu ada di bawah pemaju Bukit Hitam memang pun kita ambil perhatian dan bantu macam mana nak selesaikan hal semasa kerajaan negeri adalah Kerajaan Barisan Nasional. Oleh kerana pemaju itu boleh jual dan keputusan itu pemaju boleh jual,

YB TUAN YAP EE WAH: Biar saya jelaskan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Sebab ini memakan masa saya.

YB TUAN YAP EE WAH: Saya nak jelaskan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Boleh ringkaskan.

YB TUAN YAP EE WAH: Ok saya cuba seberapa yang boleh.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya nak jawab soalan kamu tetapi

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sg. Pelek, sepatutnya tanya penjelasan. Kalau nak jelas sekarang ini sepatutnya Sg Pelek minta penjelasan daripada Kg Tunku, kalau Sg. Pelek sendiri nak beri penjelasan nanti saya beri peluang untuk bincang.

YB TUAN YAP EE WAH: Tak pa, terima kasih Tuan Speaker.

YB TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat Sg Pelek boleh membahaskan nanti. Kalau benar-benar peruntukan itu akan dan akan dilepaskan kepada sekolah-sekolah ini maka akan mengalu-alukannya apa salahnya. Ini untuk kebaikan semua rakyat. Tetapi saya ingin membuat teguran sedikit, kalau ini berlaku maka kita kena tegurlah. Kalau tak berlaku maka kita sambut dengan besar hati ya. Ini hanya salah satu contoh sahaja Yang Berhormat. Saya ada berapa, satu, dua, tiga empat dan ini yang kelima saya akan masuk. Tentang pembanteras jenayah. Kita menghadapi masalah kekurangan anggota polis untuk membanteras kadar jenayah di Selangor dan kita menghadapi masalah di kalangan PDRM di mana terdapat kekurangan inisiatif untuk membanteras pusat permainan komputer haram seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Pandamaran tadi. Sebenarnya PPD Selangor mempunyai hasrat yang kuat untuk membanteras jenayah tetapi PPD sendiri pun kalau ada wang dan peruntukan yang mencukupi kalau itu pun tak cukup kerana kita perlu melepasi berbagai halangan untuk melaksanakan program-program yang membentuk sebuah Bandar yang selamat khususnya di Petaling Jaya. Kalau kita nak bentuk pasukan polis bantuan ini, pegawai-pegawai penguatkuasa kita perlu bertungkus lumus pergi minta daripada Ketua Polis Daerah dan mendapatkan kelulusan daripada Bukit Aman baru boleh dimulakan, itu pun belum selesai lagi. Baru boleh mula menjalankan program-program seperti polis bantuan dan permintaan aktiviti jenayah *gis crime mapping*.

Keenam, kelas-kelas tabika KEMAS di premis Kerajaan Negeri sengaja dikosongkan sebagai satu taktik yang mengelirukan rakyat bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat menganiaya pelajar tadika seperti yang berlaku di Terengganu dahulu. Tetapi isu ini

dapat diselesaikan apabila kerajaan Pakatan Rakyat mengarahkan kelas tadika berjalan seperti biasa.

Ketujuh, perbuatan mencabul konsep federalisma berterusan apabila Menteri Pelancongan membatalkan MOU berkaitan program pelancongan di lima buah negeri berkaitan kerana kononnya ianya tidak bersefahaman. Adakah rakyat di lima buah negeri ini bukan rakyat Malaysia. Mereka juga merupakan rakyat Malaysia. Malahan merupakan rakyat Malaysia yang membayar cukai yang paling banyak di seluruh Negara kita.

Kelapan, peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan Selangor juga dikatakan bukan disalurkan kepada Pejabat Pembangunan Negeri dan bukannya seperti dahulu. Iaitu disalurkan kepada PBT atau disalurkan kepada Pejabat Tanah dan Daerah. Untuk itu berasa agak bimbang kerana sama ada peruntukan MARRIS yang sangat penting untuk PBT kerana PBT menyelenggarakan untuk jalan-jalan mereka akan sampaikan kepada mereka atau tidak. Kerana peruntukan MARIS ini adalah nadi yang amat penting untuk PBT kita memantau, menyelenggarakan jalan mereka. Yang Berhormat Taman Templer ada menyatakan jalan berlubang dan sebagainya. Sebenarnya Majlis Perbandaran Selayang amat memerlukan wang ini daripada Persekutuan. Dan ini adalah peruntukan wajib daripada Kerajaan Persekutuan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Sama ada Pakatan Rakyat pegang Kerajaan Negeri, sama ada Barisan Nasional pegang Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan sama ada Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat atau parti lain pun mesti

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Minta perhatian.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya, terima kasih, silakan.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat tidak berpendapat bahawa Barisan Nasional tidak belajar daripada pengalaman mereka di Kelantan dan cuba sabotaj Kerajaan Negeri Kelantan tetapi sudah 19 tahun sudah dapat bertahan di sebalik sabotaj mereka.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, Yang Berhormat Seri Setia, saya amat mengetahui tentang fakta ini malahan pada tahun 2004, Kerajaan PAS di Kelantan hanya memerintah dengan satu kerusi majoriti sahaja dan mereka dapat bertahan sehingga sekarang malahan Pilihan raya 2008 mereka tambah kerusi, kerusi yang kalah mereka menang, kerusi yang menang mereka menang, menang dengan majoriti yang lebih besar. Ini adalah semangat yang akan kita tunjukkan.

Seterusnya yang kesembilan, peruntukan-peruntukan untuk menjalankan program *Local Agenda 21* kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya, ini spesifik. Ia sepatutnya diberi kepada MBPJ oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tetapi sekarang, sampai sekarang masih tunggu, masih tunggu, masih *elek*. Sembilan perkara, sembilan contoh. Tuan Speaker, justeru itu saya percaya bahawa program ini *plan central* ini adalah tindakan subversif yang khusus untuk mensabotaj Kerajaan Pakatan Rakyat di mana kita telah menang, telah diberi amanah oleh rakyat Selangor untuk mentadbir negeri ini pada 8 Mac 2008 yang lalu. Tindakan *subversif* ini akan mendatangkan kesan-kesan *negative* kepada rakyat Selangor secara umum lebih-lebih lagi Kerajaan Persekutuan harus menggunakan jentera kerajaan untuk melaksanakan agenda politiknya. Pada hal Kerajaan Persekutuan harus memahami konsep

Persekutuan ini federalisma dan menerima keputusan rakyat dan bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk bersama-sama membangunkan Kerajaan Negeri Selangor dan bukan mensabotaj. Saya di sini membuat seruan dan memohon pihak-pihak yang berkenaan untuk menerangkan perkara ini secara terbuka khususnya Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan, Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Selangor Tuan Haji Abdul Ghani bin Salleh serta Ketua Pengarah ICU, Tan Sri Khalid Ramli bukan Khalid Ibrahim. Saya juga berharap Kerajaan Negeri juga dapat meneliti perkara ini dan sama-sama kita berfikir bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini. Jadi itulah sedikit sebanyak yang ingin saya kongsi di sini. Sekian terima kasih kepada Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker. *Bismillahi rahmani Rahim* saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul. Pertamanya saya melihat langkah yang telah dilakukan oleh pihak yang mengadakan *Task Force People Centric* ini terutamanya mencabul semangat Perlembagaan Persekutuan kerana sudah difahami oleh nenek moyang dan bapa-bapa kita lagi sejak pilihan raya yang pertama 1959 bahawa Kerajaan Persekutuan boleh diwujudkan oleh satu parti yang lain, kerajaan negeri boleh diwujudkan oleh parti yang lain. Kalau wujud permuafakatan bahawa rakyat membayar cukai di seluruh Negara diuruskan oleh pihak Persekutuan dan diagihkan sebahagiannya untuk pembangunan negeri. Ini telah difahami lebih 50 tahun yang lalu. Tetapi malangnya apabila Kerajaan Perikatan memerintah di Pusat, langkah-langkah untuk mencabul semangat ini, semangat hidup persekutuan telah dilakukan di Kelantan, di Terengganu secara berterusan hinggalah runtuh Kerajaan Terengganu selama dua tahun setelah memerintah di Terengganu. Apa yang nak saya tegaskan di sini ialah semangat Perlembagaan Persekutuan ini menegaskan bahawa wujud hubungan di antara Pusat dan Kerajaan Negeri. Hubungan itu adalah hubungan kerjasama. Tetapi program ini menjelaskan bahawa motif utama *People Centric* adalah untuk menjatuhkan imej dan kredibiliti pembangkang. Paradime ini sikap inilah yang tidak betul, sikap sepatutnya Kerajaan Pusat dan kerajaan Negeri bukan di antara kerajaan dengan pembangkang. Jadi selagi kerajaan Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpin kerajaan Barisan Nasional tidak berganjak memikirkan bahawa Kerajaan yang diberi mandat untuk mentadbir negeri-negeri selain daripada Barisan Nasional adalah Kerajaan Negeri yang sah selagi itulah tidak selesai. Sebagaimana dilakukan di Terengganu yang hingga menarik royalti minyak Terengganu menimbulkan banyak masalah kepada rakyat dan kesannya buruk hingga pada hari ini pentadbiran kerajaan BN di Terengganu itu sendiri. Jadi ini satu perkara yang saya lihat sebagai langkah *malafide* dengan izin niat jahat, iaitu mencabul dan terus merosakkan semangat hidup berperlembagaan secara persekutuan dan negeri di peringkat negara kita dan negeri-negeri di Persekutuan.

Keduanya, saya melihat bahawa program ini bukanlah *Centricism program people Centric* kerana dalam *management* dengan izin dalam pengurusan ini ada matriksnya. Matriksnya *low-high-low-high* penglibatan dan jenis program. Maksudnya kalau *people centry* ini program itu merakyat seperti merakyatkan ekonomi Selangor yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Rakyat merasakan terlibat sama seperti mesra emas, ibu tunggal, hadiah seribu ringgit anak-anak masuk universiti dan, *participation*, dengan izin, penglibatan itu meluas dirasakan. Apa yang berlaku adalah program ini bukan *people Centric* tetapi konspirasi. Saya boleh buktikan pertamanya, dalam menjayakan program ini dipergunakan JKKKP satu institusi tidak sah dalam konteks negeri kerana

kampung, pengurusan kampung adalah di bawah kuasa negeri. Dan apabila ada satu kuasa di peringkat Persekutuan mewujudkan institusi yang sama mencampuri bidang negeri ini merupakan konspirasi, niat jahat. Dan sama juga NGO sebagai *instrument* yang nak melaksanakan program ini. NGO ini maknanya *None Government Organisation*, Pertubuhan Bukan Kerajaan maknanya *civil society*, dengan izin, masyarakat madani. Masyarakat Organisasi yang digerakkan oleh kehendak rakyat, oleh kemahuan rakyat, motivasi rakyat bukan disogok dengan wang dengan paksaan dan dicetuskan, ditubuhkan dengan niat jahat oleh kerajaan. Ini berbeza dengan Pakatan Rakyat, kita mahu memperkasakan *civil society* dengan izin, mahu memperkasakan NGO, kita mahu mereka ada demokrasi akar umbi tetapi apa yang berlaku dalam konteks program ini, program ini menaja membiayai bahkan mungkin mengeluarkan dana yang besar untuk menghidupkan NGO dengan motif sama dengan JKKP untuk melakukan konspirasi kepada Kerajaan Negeri yang sah di Selangor yang dipilih oleh rakyat.

Kemudian yang ketiganya, merupakan salah guna kuasa. Kerana sebagaimana yang dijelaskan dalam perbahasan tadi agensi-agensi yang dicadangkan keahlian *Task Force people centric* ini melibatkan Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Penerangan Malaysia dan SPR. Jabatan-jabatan ini merupakan institusi-institusi yang sepatutnya ditaja oleh dana rakyat. Tidak ada salahnya dalam konteks demokrasi sebuah parti merancang, berusaha, berkempen untuk mengeluarkan dana menubuhkan satu parti yang lain membentuk kerajaan dalam satu pilihan raya. Tapi merupakan satu salah guna kuasa, satu pencabulan hak rakyat, satu pencabulan undang-undang, apabila sebuah kerajaan menggunakan jabatan-jabatan, institusi dan dana untuk merobohkan, menubuhkan dan menggulingkan sebuah kerajaan. Ini perlu difahami dalam konteks demokrasi. Dan itulah sebabnya bukan hanya kita membahaskan usul, ini langkah-langkah yang wajar perlu dilakukan oleh SPRM membuat siasatan terhadap salah guna kuasa dan rasuah yang dilakukan oleh pihak yang terlibat dalam merangka dan menggerakkan program ini.

Keempatnya, saya melihat ini merupakan satu sabotaj. Dan lebih khusus lagi satu pengkhianatan kerana di antara keputusan Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 1/2009 pada 10 Februari 2009, bersetuju antaranya melantik Majlis Keselamatan Negara Negeri Selangor, kalau disiasat pegawainya, ketuanya, kakitangannya, semuanya berada di SUK. Siapakah mereka, adakah mereka kakitangan Kerajaan Pusat, ataupun Persekutuan ataupun dikongsi bersama di bawah senarai Persekutuan. Kiranya ini mereka dibayar sepenuhnya ataupun dikongsi gaji mereka, peruntukannya oleh Kerajaan Negeri, ini merupakan sabotaj betul-betul di Pusat Pentadbiran Negeri Selangor di SUK. Ini merupakan satu pengkhianatan yang sangat curang yang perlu kita atasi dan dengan itu saya juga melihat bahawa Pejabat Pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan ini perlu disiasat siapakah dalang di sebalik mereka dan saya mahu perkara ini ditangani secara tegas oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sg Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin sambung apa yang saya sebutkan tadi. Sebab gambaran yang ada pada hari itu dan surat khabar keluaran dengan harapan saya ada dekat saya memang lain. Berbalik pada keputusan yang sudah dibuat pemaju Bukit Hitam ini dengan Lembaga Pengarah SJK© Ming

Puchong. Itu syarat sahaja dikenakan, kalau Bukit Hitam jual dua ekar lebih tanah itu kepada sekolah itu, syaratnya ialah

YB PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Tuan Speaker, Peraturan Tetap...

TUAN SPEAKER: Ya, Sila duduk Sg Pelek ada Peraturan Tetap

YB PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: 38 Sub 1, Perbahasan atas apa-apa usul selain usul hendak menangguhkan dewan dan perbahasan apa-apa rang undang-undang pindaan hendaklah berkaitan dengan usul dan rang undang-undang dan pindaan itu. Sg. Pelek membincangkan yang lain daripada usul yang dibawa.

YB TUAN YAP EE WAH: Ini mengenai *public interest*. Peruntukan daripada Persekutuan

TUAN SPEAKER: Sg. Pelek, Sg. Pelek mesti ada sekarang di mana kamu. Sekarang terus masuk Sekolah Sin Ming saja. Tetapi usul bukan Sekolah Sin Ming. Usul berkenaan dengan Pejabat Pembangunan Negeri Selangor.

YB TUAN YAP EE WAH: Ok, lepas itu saya sambung.

TUAN SPEAKER: Tak kenalah perkenalkan apa Yang Berhormat

YB TUAN YAP EE WAH: Tunggu, saya sebut pasal *public interest*. Memang kalau peruntukan nya itu tak dibagi oleh Kementerian Pelajaran, memang jadi apa, *public interest* kan. Betul tak Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Tak, sekarang bukan soal *public interest* tetapi kepentingan orang ramai, semua usul, semua isu berkenaan dengan kepentingan orang ramai. Sekarang ini adalah soal Jabatan Pembangunan Negeri Selangor. Jadi kenalah tajuk itu, percakapan itu berkenaan tajuk berkenaan Jabatan Pembangunan Selangor.

YB TUAN YAP EE WAH: Tapi Kg Tunku, masuk dalam Sekolah Sin Ming yang usul.

TUAN SPEAKER: Dia memang kaitkan. Tapi Yang Berhormat kena kaitkanlah. (Ketawa) Tapi Yang Berhormat kena kaitkan lah. Tapi Yang Berhormat tak sebut pun Jabatan Pembangunan Selangor. Tak ada kena mengena dengan usul.

YB TUAN YAP EE WAH: Lepas yang ini saya sebut.

TUAN SPEAKER: Sebut dulu, sebut dulu, baru masuk tu. Kena ada ceritanya bukan di mana masuk pada contoh. Sekarang orang faham, tak ada orang faham apa Yang Berhormat cakap tu sebab dah keluar tajuk.

YB TUAN YAP EE WAH: Ok . ok terima kasih Tuan Speaker. Pasal, sambung apa yang tadi disebut oleh Kampung Tunku itu. Setahu saya *people centric* ini ditubuhkan untuk program-program mesra rakyat. Lebih kurang apa program yang kita nak buat itu, rasa saya macam Jom Heboh, adakan khemah-khemah, ujudkan khemah-khemah untuk jabatan persekutuan mengadakan khemah-khemah supaya terangkan apa peranan jabatan. Salah satu yang disebut SPR. Bagi saya kalau diadakan khemah di sana dan adakan lebih kurang macam *carnival* atau *expo* itu saya rasa tak salah. SPR

boleh buat pendaftaran pada masa itu untuk orang ramai, tak kira dia Barisan Nasional ke, tak kira dia Pakatan Rakyat ke semua orang boleh pergi daftar. Apa salah. Lagi pun boleh kita buat pergi buat semakan. Sudah *ditransfer* ke tidak. Saya nak *transfer* sudah dapat ke tidak. Setahu saya macam itu.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Minta laluan.

TUAN SPEAKER : Ya penjelasan daripada Seri Setia macam mana.

Y. B. TUAN EE WAH: Bagi saya *on* dulu baru you tanya dia.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: OK. Sekarang *off* lagi lah.

YB TUAN YAP EE WAH: Jadi apa salahnya, apa salah. Dia jemput *people centric* ini jemput jabatan-jabatan persekutuan untuk *participate*, untuk ambil bahagian. *And then* itu program orang ramai boleh datang. Macam kawasan saya apabila banjir saya pergi, PPN yang bantu saya. Saya bagi itu kepada orang kampung itu semua itu sumbangan daripada PPN. Sedangkan peruntukan wakil rakyat Barisan Nasional tak ada pun.

TUAN SPEAKER: Ya Sungai Pelek, Subang Jaya minta penjelasan. Macam mana.

YB TUAN YAP EE WAH: Tak apalah, rasa saya apa yang saya nak cakap tadi, nak sambung itu tak bagi, yang ini, yang setahu saya, saya sudah bagi tahu di sini, tak payah jelas, tapak payah minta penjelasan, itu, setakat itu sahaja yang saya nak cakap di sini. Terima kasih Tuan Speaker.

YB PUAN HANNAH YEOW TSEOW SUAN: Dia tak ada jawapan Tuan Speaker. Itu sebab tak boleh beri penjelasan.

TUAN SPEAKER: Tapi dia tak beri laluan.

YB PUAN HANNAH YEOW TSEOW SUAN: Tak apa *thank you*.

TUAN SPEAKER: Bangi

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker. Bangi berdiri untuk menyokong usul tergepar yang di bawah oleh Kampung Tunku. Sebenarnya Bangi agak terkejut mendapat maklumat bahawa ujudnya apa yang dinamakan *People Centric, Task Force* ini bertujuan untuk berusaha bagi menjatuhkan kerajaan Pakatan Rakyat yang dilakukan oleh berpejabat di Pejabat Pembangunan Negeri Selangor. Sebenarnya dari segi dia nak mengalah atau menjatuhkan kerajaan, memang dari segi organisasi parti, memang sudah dibenarkan, kalau dia bergerak atas nama BNnya UMNOnya dan kita ertinya parti-parti pemerintah negeri ini. Tetapi mengapa dia mengambil pendekatan menubuhkan *People Centric* ini dengan tujuan untuk menjatuhkan kerajaan Pakatan Rakyat. Saya fikir barangkali mereka sudah merasa bahawa jenama BN itu sudah tidak mendapat tempat di hati rakyat. Sebab itu mereka berusaha mencari cara-cara yang lain dengan tujuan untuk menjatuhkan Kerajaan Pakatan Rakyat.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Taman Templer hendak minta penjelasan.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Sila, sila.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Terima kasih. Tuan Speaker, saya ingin mencelah sedikit. Saya pun terkejut bila saya tengok banyak wakil-wakil rakyat yang ada di sini pun orang lama-lama yang ada pengalaman. Ini perkara ini sebenarnya saya pun tak tahu lah, saya pun terkejut bila dimaklumkan ada mesyuarat sebegini rupa kerana saya sendiri pun memang tak pernah hadir dan tak pernah dijemput. Jadi saya pun hairan. Tapi walau bagaimana pun saya berani mengatakan di sini bahawa perkara ini bukanlah perkara baru, masa di Sabah sendiri pun, masa kerajaan *under* PBS ditubuhkan SDO. Benda itu sama juga. PPN maksudnya SDO. Maka ini dari segi politik, saya hairan kerana kalau kata kerajaan negeri Selangor sekarang ini dipimpin oleh Pakatan Rakyat, kononnyalah Pakatan Rakyat hampir setahun telah melakukan kerja dengan begitu elok, merakyatkan ekonomi, telah mendapat sokongan rakyat dan sebagainya kenapa pula begitu takut sangat dengan penubuhan PPN ini. Ini adalah satu cara untuk wakil rakyat-wakil rakyat Barisan Nasional dapat menyalurkan bantuan kepada rakyat. Kalau kita biarkan saja memanglah, *this is politics* dengan izin. Saya hairan kerana ini bukan isu yang sebenarnya. Kalau datang kedewaan ini kita berdebat, bercakap benda yang tak berlaku, ada perkara yang, yang sokong, saya sokong. Tetapi perkara ini saya nampak seolah-olah terlalu takut. Kenapa nak takut kalau betullah Kerajaan Pakatan Rakyat telah melakukan dengan terbaik, maka saya rasa insya-Allah pilihan raya akan datang lebih ramai, Taman Templer pun dah dapat dah. Ini kan saya hairan benda yang tak sepatutnya kita membuang masa di sini. Benda yang sepatutnya kita bercakap, kita bercakap. Saya pun hairanlah, minta maaf tuan speaker. Tuan Speaker boleh bagi kebenaran untuk perkara ini, usul ini diberikan. Jadi saya berharap sangatlah kalau boleh perkara ini saya rasa kita semua ini orang politik. Orang politik kena faham-fahamlah. Kalau tak kan kita duduk, dan kita nak biarkan kerajaan ini, kerajaan itu, memanglah cara kita nak dapatkan balik. Tetapi saya hairan kerana seperti yang dimaklumkan, saya sendiri pun tidak tahu adanya satu mesyuarat sebegini rupa kerana saya pun tak dijemput. Jadi saya berharap sangat kalau boleh dari segi kita orang politik ini biarlah kita pun fikir-fikirkanlah. *This is politics* kan. Ya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Taman Templer. Jangan cabar, jangan cabar keputusan Speaker. Kalau nak cabar keputusan speaker buat ikut peraturan. Peraturan 43 kalau nak cabar. Ya. Jangan tanya kenapa speaker.....

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, bukan mencabar mengingatkan sahaja.

TUAN SPEAKER: Tak perlu mengingatkan. Speaker memang buat pertimbangan.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Saya tahu Speaker ini baik, sebab itu saya nak mengingatkan saja.

TUAN SPEAKER: Tak perlu mengingatkan. Speaker memang jalankan tugas. Saya baca ni lima kali sehari.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Ok. Tuan Speaker, tapi kalau lupa saya ingatkan balik ya.

TUAN SPEAKER: Ingat. Jangan-jangan cabar speaker dengan itu. Kalau

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Bukan cabar. Saya rasa ramai yang dengar. Saya tidak pernah mencabar Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Tapi, tapi cara itu seolah mencabar.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Oh tidak mencabar, saya rasa Tuan Speaker ni, minta maaflah mungkin dah keliru sedikit. Saya tidak mencabar. Saya hanya memperingatkan sahaja.

TUAN SPEAKER: Ya. Sebab kamu kata tak faham kenapa Tuan Speaker buat keputusan itu. Memang Tuan Speaker mempertimbangkannya.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Saya bukan kata tak faham. Saya hairan sahaja. Minta maaf.

TUAN SPEAKER: Sebab saya diberi tempoh dua puluh empat jam mempertimbangkan usul tersebut. Jadi saya pertimbangkanlah. Tapi Yang Berhormat juga berhak mencabarnya. Bukan tidak berhak, berhak. Tapi ikut peraturan kena buat secara usul di bawah peraturan 43. Tengok hafal ini tengok. Kena bila cakap tu kena cakap betul, kena hormat speaker. Speaker buat keputusan selepas pertimbangan ya.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Saya minta maaf Tuan Speaker. Mungkin Tuan Speaker dah banyak penggal dan saya baru penggal pertama. Jadi minta maaflah ya. Saya belajar dari kesilapan. Insya-Allah saya tak akan lakukan lagi ya.

TUAN SPEAKER: Bila cakap tu kena betul ya. Jangan kata tak faham kenapa Speaker berbuat sedemikian. Speaker memang buat ada alasannya.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker. Kita tidak menafikan bahawa pihak BN atau UMNO berhak sebenarnya berusaha untuk meningkatkan prestasi mereka untuk menjatuhkan kita. Jika sekiranya dilakukan secara halal melalui pertubuhan yang halal. Sekarang kalau kita lihat ia melibatkan Majlis Keselamatan Negara, Suruhanjaya Pilihan raya. Ini badan bebas yang sepatutnya mereka bersifat berkecuali. Jika nama-nama ini dikaitkan, ini bermakna dia akan menjadikan badan-badan ini terseret sama. Dari sifatnya yang berkecuali kepada berpihak. Sekiranya pihak badan-badan ini akur dengan cadangan yang dibuat oleh *Task Force* ini. Saya melihat usaha ini adalah merupakan lanjutan usaha dalam mana mereka telah menjatuhkan kerajaan negeri Perak secara haram. Jadi apa yang mereka lakukan ini dilihat sebagai satu kejayaan walaupun secara haram dan ini mahu dilanjutkan kepada Negeri Selangor. Sebagaimana kita telah lihat mereka telah mengait-kaitkan dengan persoalan-persoalan misalannya yang pernah disebut tentang pemberian lembu pada hari Raya Aidiladha, mengenai *spare part* kereta *Lexus* Yang Amat Berhormat. Tetapi perkara ini nampaknya tidak berjaya mereka mengeksploitasi. Maka ini diambil satu cara lagi iaitu dengan menubuhkan *Task Force, People Centric*, dalam mana ini mahu dijadikan sebagai landasan bagi mereka bekerja bagi menjatuhkan kerajaan yang dipilih secara sah di negeri Selangor ini. Sebab itu kita harap, kita dalam pemerintahan Pakatan Rakyat Negeri Selangor perlu berhati-hati. Saya telah bangkitkan beberapa hari, dan cuba buat pertanyaan dua hari yang lepas. Adakah kemungkinan ujudnya elemen-elemen musuh dalam selimut di dalam jabatan kerajaan khususnya di jabatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Besar

kita sendiri. Saya fikir ini kemungkinan ujud. Sebab itu kita hendaklah berhati-hati dari segi elemen ini yang boleh jatuhkan kita dari dalam. Sebab itu saya bertanya apakah tindakan yang di ambil oleh Yang Amat Berhormat dari segi membersihkan jabatan beliau daripada elemen-elemen yang akan menyusuk dari dalam yang membongkar rahsia-rahsia jabatan kepada pihak luar. Kerana kita tidak dapat mengetahui hati budi pegawai-pegawai kita yang mungkin mereka ini terus bekerja kepada ketua-ketua mereka yang telah lepas. Jadi saya melihat kerja *Task Force, People Centric* ini adalah benda ini adalah suatu kerja yang sebenarnya haram. Yang menyalahi dari segi peruntukan perundangan dalam mana ianya mengujudkan suatu badan, suatu yang kita katakan yang *task force* ini secara haram. Dan sebenarnya kalau kita lihat badan-badan yang saya katakan tadi umpamanya SPR sendiri, memang kita mengharap selepas perubahan pimpinan dari Tan Sri Abdul Rashid bin Abdul Rahman dulu kepada pimpinan yang baru iaitu Dato Ahmad Hamdan ya, kita harap SPR ini akan menjalankan tugasnya dengan jujur, adil dan tidak berpihak. Memang pada peringkat permulaan kita melihat elemen-elemen ini ujud. Tetapi apabila ada baru-baru ini elemen dalam mana dia memperlihatkan sifat berpihaknya dan dengan adanya bukti ini bahawa pihak *Task Force* ini mengaitkan SPR ini ke dalam *People Centric* ini maka kita menjadi was-was dan timbul tanda Tanya. Ertinya SPR kemungkinan tidak boleh dipercayai juga, lebih kurang dengan yang lama juga. Ini akibat daripada usaha Pejabat Pembangunan Negeri Selangor yang menubuhkan *Task Force, People Centric* ini. Sebab itu saya ingat oleh kerana tindakan ini adalah secara haram dan bagi menyekat daripada ianya berterusan pihak kerajaan Pakatan Rakyat seharusnya mengambil tindakan membuat laporan polis yang kalau benda ini dapat dibuktikan boleh di bawa ke mahkamah untuk kita melihat dari segi benar atau tidak apa yang cuba dilakukan oleh pihak sebenarnya di belakang ini kita ketahui BN sendiri. Jadi kita harap sebenarnya kita dapat bekerja di atas landasan politik dengan secara jujur. Tetapi kalau perkara ini dilakukan dengan secara tidak adil, saya ingat ia akan merosakkan perjalanan demokrasi di Negara kita ini. Sebab itu saya melihat usaha-usaha ini barangkali belum tiba pada peringkat pelaksanaan betul. Tetapi dengan melibatkan dengan berbagai-bagai jabatan lain, seperti Jabatan Belia dan Sukan, yang baru digeledah semalam.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, tolong gulung ya. Dah sepuluh minit dah.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Dan beberapa Jabatan Penerangan, Jabatan Kemajuan Masyarakat, Perpaduan Negara ini membawa, menjadikan jabatan-jabatan ini rosak dari segi imej pada pandangan kita. Dan juga akan merosakkan pandangan kita terhadap pemerintah itu sendiri. Maksud saya BN itu sendiri. Sebab itu kita perlu berusaha menyekat elemen ini dari terus merebak yang merosakkan kerajaan Pakatan Rakyat khususnya di negeri Selangor. Saya menyokong usul tergepar yang dibawa oleh Kampung Tunku. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Sekinchan juga ingin turut serta perbahasan usul tergepar mengenai perkara tertentu berkepentingan orang ramai dan berkehendakkan segera yang di bawa oleh Yang Berhormat daripada Kampung Tunku. Saya memang kagetlah ya, terperanjat dengan pendedahan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa rakan seperjuangan saya yang begitu hebat mendedahkan perkara ini dua hari yang lalu. Tentang penglibatan dan peranan Majlis Keselamatan Negara dan Suruhanjaya Pilihan raya SPR dalam *Task Force, People Centric* yang dikelola oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Speaker, dalam taklimat mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Persekutuan mengenai, Persekutuan Negeri Selangor Bil 1/2009 jelas diperkatakan, saya tengok jelas dinyatakan Jabatan Perdana Menteri dan Barisan Nasional memeralatkan dan memperkuda jentera kerajaan tanpa segan silu demi kepentingan politik sehingga Majlis Keselamatan Negara, SPR juga dipergunakan dengan begitu rupa demi untuk mempertahankan politik, nyawa politik Barisan Nasional umpama nyawa-nyawa ikan, umpama diambang senja. Kerana mereka tahu, mereka tahu rakyat tidak bersetuju dengan tingkah laku mereka, jadi mereka mempergunakan jentera kerajaan ini demi kepentingan politik. Saya yakin dengan cara seperti ini, pendedahan kita seperti ini, rakyat akan lebih faham terhadap perkara perkembangan semasa.

Tuan Speaker. Apa yang ingin saya jelaskan, selepas Pakatan Rakyat mendapat mandat penuh daripada rakyat pada 8 Mac 2008 yang lalu, banyak perubahan, banyak perubahan dan reformasi landskap politik dilakukan di Negeri Selangor ini. Kalau dulu lah saya nak cerita sedikit- sedikit pengalaman ya, lalu di mana saya sebagai pembangkang, Yang Berhormat Bukit Antarabangsa pun 1999 pun pembangkang, duduk di sebelah sana. Bersama dengan Yang Berhormat Sungai Pinang, sekarang ini Tuan Speaker kita, kita dulu waktu pembangkang begitu peliklah, begitu teruk diserang, serang tak apa kita nak gunakan dewan, dewan kerajaan kita nak pinjam sebagai ADUN tak dapat, JKK, balai JKKK, masuk pun tak boleh, masuk pun tak boleh, tetapi sekarang ini apa yang berlaku, sekarang ini selepas Pakatan Rakyat kita izinkan barang siapa rakyat negeri Selangor kalau dia mengikut peraturan sama ada dia UMNO, MCA, MIC, Gerakan kita izinkan gunakan, saya bagi sebagai contoh.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Yang Berhormat, tak sedar ke, sekarang ini dah tampal semua dewan-dewan, JKKK yang dulu tu dah diambil balik oleh Ahli-Ahli Majlis dan juga PBT-PBT, saya pun hairan nampaknya Yang Berhormat ini saya pun banyak kali dah bercakap supaya naik pangkat jadi EXCO, tapi saya pun terkejut lah dengan seumpama tak baca *paper* langsung, selalu kan timbul masalah dewan-dewan orang ramai dirampas, saya pun menimbulkan soalan ini, tetapi soalan ini ada jawatankuasa khas yang menolak soalan saya.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Templer, saya rasa macam ini Templer, sebab Templer ini antara wakil daripada Barisan Nasional khususnya daripada UMNO yang kita nampak kerja kuat sikitlah, ada berperanan dalam dewan yang mulia ini, dan saya nampak peranan Sungai Panjang ini tak payahlah, saya minta pengundi lain kali pandailah, sebab, saya nak cadangkan pada dewan ini yang mulai ini Tuan Speaker, Sungai Panjang ini kita turunkan daripada Ketua Pembangkang kita naikkan Templer, ini yang kita nak, supaya dia jadi ketua pembangkang yang lebih efektif/proaktif, saya minta begitu ha,, ini yang penting....Taman Templer Ketua Pembangkang. Setuju ya semua setuju(riuh semua bersetuju)....ha.. Alhamdulillah... Kalau setuju baguslah..ha. yang setuju kata ya..ok. Tuan Speaker, segala kerja-kerja Barisan Nasional yang tidak bertamadun dan jijik serta jelek ini, bercanggah dengan amalan demokrasi berparlimen .dengan pendedahan ini...

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, yang saya tanya tadi benar tak..yang saya cakap tadi,

YB TUAN NG SUEE LIM : Oh.. lupa saya nak jawab ha.. tersasul..sebab hari tu surat tak baca terlupa la tu..ha. Tentang benda-benda seperti ini masalah berlaku di PBT dan

PTD tu ada setengah dewan itu memang digunakan oleh UMNO, MCA sebagai markas sebagai cawangan, sekarang kita pejabat daerah ataupun PBT ambil balik mesti ada notis, tetapi kalau nak pinjam nak sewa kita silakan, (kapan-kapan iso boleh, ngak apa-apalonghat jawa).

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, saya nak minta..Tuan Speaker, satu je, satu je,

TUAN SPEAKER : Benarkan tak..

YB TUAN NG SUEE LIM: Cukuplah, sebab masa 10 minit, nak satu lagi, tak apalah, sebab kita nak naikkan dia jadi ketua pembangkang bagi can, dia ada *priority*, ok.ok.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, saya nak apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat itu, di ambil kira oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kerana kalau gitulah benarnya maka saya rasa banyaklah permohonan yang akan kita hantar kerana setakat ini banyak permohonan daripada kita dah hantar, hantar tapi tak dijawab langsung, walhal telah di kunci dan sebagainya maka saya rasa perkara ini pun samalah berlaku masa dulu juga, tapi saya berharap sangatlah benda ini direkodkan, Insya-Allah kalau betullah Yang Berhormat cakap tadi kalau di permohonan itu kalau diterima, tolonglah dipertimbang-timbang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: termasuk permohonan Ketua Pembangkang. (semua ketawa)...

YB TUAN YAP EE WAH: Ya, Tuan Speaker,

YB TUAN NG SUEE LIM: Ya nanti kita pertimbangkan, nanti, nanti saya jawab dulu, nanti Sungai Pelek, Sungai Pelek ni, kadang-kadang terlepas lah..

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek, Sungai Pelek nanti dulu, belum jawab, nanti you tunggu jawab dulu baru Templer boleh bangun..

YB TUAN NG SUEE LIM: Saya nak jawab apa yang dibangkitkan oleh Taman Templer, tentang perkara ada rungutan dan suara-suara daripada Taman Templer kita kena dengar dan kita pertimbangkan ya.. Yang Amat Berhormat Tan Sri ya, tak ada masalah kita akan pertimbangkan kalau betul ada masalah kita selesaikan. Tapi yang Sungai Pelek, ha teruskan.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih, Tuan Speaker, terima kasih Sekinchan, mungkin angka itu dia dengan saya lebih sensitif la, ha sebut ha apa ini SPR, saya nak tanya Yang Berhormat Sekinchan di dalam dewan ini ada berapa banyak wakil rakyat Pakatan Rakyat, 36 betul, Barisan Nasional 20, dulu pun macam ini juga selalu salahkan SPR digunakan oleh Kerajaan Barisan Nasional, untuk buat itu, buat ini supaya Barisan Nasional boleh menang, jadi betul tak kalau rakyat nak tukar, segala apa yang you buat tu tak kan jadi, apa yang nak takut, cakap SPR, SPR sahaja, apa nak takut, dulu selalu ketuk SPR, lepas menang pilihan raya 2008 tu, diamlah.... ha yang itu sahaja, yang saya nak tanya..ha Sekinchan setuju ke tidak tu.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih daripada Sungai Pelek ini, yang pelek-pelek lah, tapi kena jawab juga sebab ini wakil daripada MCA, yang tunggal lah, yang tak

berapa hendak, ha nak lari, lari la,..dia pun tak minat sangat dalam politik., jadi pilihan raya akan datang kita pencenkan lah senang sikit. Tapi Sungai Pelek ini kita boleh *consider* yang penting ini saya tengok tentang SPR ini, peranan SPR ini, SPR ini sepatutnya adil dan bebas, dan kita memang dalam pilihan raya kita ada menang ada kalah, itu memang kita setuju, tapi kita kena dedahkan apa salah dilakukan oleh SPR, kalau tak dedah nasib baik rakyat faham, baru kita menang, kalau rakyat tak faham kita tersungkur, itu penting, paling penting saya tengok di sini ini ditulis untuk menjatuhkan, memenangi pilihan raya ke 13 dengan majoriti 2/3 di parlimen dan Barisan Nasional menawan kembali Selangor daripada pembangkang, ha ini bukan kerja SPR, kerja SPR adalah kalau ada Tuan Speaker mana-mana dewan mengutus surat kepada SPR mengatakan mana-mana ada kerusi, kerusinya kosong maka SPR akan menyusun nama dan masa untuk menetapkan di adakan pilihan raya kecil itu kerja SPR dan pilihan raya besar, betul tak.. tapi sekarang ini SPR kita bagi surat Speaker bagi surat SPR bukan jadi kerja SPR dia buat kerja apa, mempertikaikan kesahihan surat tersebut ini bukan kerja SPR, ini yang kita pertikaikan, kalau dia adil saya pun sokong, termasuk Sungai Pelek kalau dia bagus pun kita sokong. Ha ini masalah dia yang berlaku di Selangor dan di Perak khususnya tentang peranan SPR yang tidak bertamadun dan seolah-olah menjadi komponen Barisan Nasional ke 13. Kalau nak jadi komponen Barisan Nasional tolong letak jawatan Pengerusi SPR saya minta dia letak jawatan dan masuk MCA, MCA dia tak boleh masuk Cina, Melayu tak boleh masuk MCA kena masuk UMNO, masuk UMNO dan berjuang dalam pilihan raya kita tak ada masalah, tapi jangan berselindung di sebalik SPR, menjadi tali barut kita tak nak, ha ini penting jadi saya tidak mahu panjang sangatlah masa pun mencemburui kita.

Oleh yang demikian seruan daripada Y.A.B Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Dato' Seri Najib Tun Razak, pada pembentangan bajet mini rangsangan kronik 10hb. Mac yang lalu, beliau mengajak ayuh marilah rakyat semua, tidak kira fahaman, Melayu, Cina, India semuanya marilah kita bersatu kita ketepikan fahaman politik kita naikkan ekonomi bangun negara, ayuh tapi saya tengok apa yang diajak itu, omong-omong kosong tidak ikhlas, kenapa saya kata tak ikhlas, apa kerja mereka menggunakan agensi kerajaan gunakan SPR, gunakan Majlis Keselamatan Negeri, hah ini tidak ikhlas dalam seruan dia suruh kita berpakat kerjasama, senyap-senyap, *meneng-meneng* kalau dia buat kerja (*meneng-meneng* – dengan izin – longhat jawa) senyap-senyap dia buat kerja yang tidak seronok ha ini yang tak bertamadun bakal Perdana Menteri Malaysia yang disangkutkutan dengan macam-macam kes ya.. ha ini perkara serius.

Jadi akhir sekali lah,. saya nak bagi tahu Barisan Nasional untuk menggulung ini nak bagi tahu Barisan Nasional marilah kita, ayuh kalau nak bertembung dalam politik nak lawan dalam politik sebagai ahli politik kalau nak bersilat pun boleh, bersilat pun boleh tak ada masalah, silalah, marilah kita lawan, waktu pilihan raya kita serahkan kepada rakyat kita lawan, tak ada masalah tapi kita jangan gunakan kerja-kerja seperti ini menjijikkan, malu kalau orang tengok orang ketawakan kita, ini kita tak nak, dan saya cabar kalau di Perak pun serahkan, bubarkan, serahkan kepada rakyat untuk rakyat tentukan rakyat itu sebagai ketuanan rakyat, mesti kita sokong dan beri penghormatan yang sepatutnya, penting, kalau tak faham besok kita bagi kursus *SPIES*. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa..

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berhubung usul yang telah di bawa oleh teman

saya Kampung Tunku berhubung pelaksanaan program *People Centric* oleh Pejabat Pembangunan Negeri Selangor. Bagi memulakan perbahasan pada petang ini, saya ingin menyatakan dan menegaskan bahawa usul yang dibawa ada hubung kait yang cukup rapat tentang prinsip *federalisme*. Sebab itu saya rasa sikit sedih kerana teman-teman saya daripada Barisan Nasional kurang faham khususnya daripada Taman Templer, dia kata mengapa kita takut kalau program-program seperti ini dilaksanakan.

Taman Templer, ini bukan soal takut, ini soal percanggahan prinsip perlembagaan *federalisme* di mana kalau kita mengikut konsep *federalisme* ini dengan jelas, pusat dan kerajaan negeri mempunyai kedaulatan yang sama taraf. Sebab itu Raja-Raja Melayu pada satu ketika dahulu bersetuju untuk mendukung prinsip *federalisme* ini, di mana kedaulatan kerajaan negeri dan kedaulatan kerajaan pusat itu sama tarafnya tidak ada *superior* tidak ada *subordinate* itu kena jelas, tetapi apa yang berlaku pada hari ini jelas menunjukkan kerajaan pusat telah menggunakan seluruh dana yang dikutip daripada rakyat bukan sahaja daripada pusat tapi peringkat negeri bukan untuk kembalikan semangat *federalisme* ini tetapi menggunakan jumlah yang begitu besar berbilion ringgit semata-mata untuk menjamin kelangsungan kuasa politik mereka. Saya juga melihat teman kita daripada Sungai Pelek dia tak faham ini masalah MCA, kadang-kadang saya pun kesian dengan MCA, kerana berterusan menjadi budak suruhan kepada UMNO, saya lihat ini bukan soal program mesra rakyat kalau kami boleh dapat kenapa UMNO dan BN tidak boleh dapat matlamatnya jelas pengenalan matlamat program *people centric*.

YB TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker, UMNO, MCA cakap, MCA sendiri yang cakap.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek, lain kali kalau nak cakap tolong bangun ya.. tolong hormat pada speaker ya. cakap bangun. ya nak bantah pun bangun., nak buat apa bangun dulu.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih. Tuan Speaker, tapi tak apalah dia nak nafikan, tetapi pandangan umum begitu, semua rakyat setuju, lihat pengenalan program *people centric ini*, apa yang disebut meningkatkan sokongan rakyat kepada kerajaan persekutuan dengan meningkatkan imej dan kredibiliti pemimpin sebab dia tahu pemimpin di peringkat pusat UMNO dan BN tidak ada kredibiliti, maka gunakan peruntukan ratusan juta ringgit untuk meningkatkan imej dan kredibiliti pemimpin, apa maknanya? Maknanya tidak ada kredibiliti. Terlibat dalam pembunuhan, terlibat dalam komisen submarine, terlibat dalam komisen sukhoi. Sebab itu semalam saya hendak bacakan surat khabar daripada Perancis. Tetapi Seri Serdang tak bagi, ada beberapa orang tak bagi sebab ini penting bukan saya kata. Sekarang Kerajaan Pusat sendiri mengaku bahawa kredibiliti mereka jauh telah musnah dan hari ini menggunakan Jabatan Pembangunan untuk meningkatkan kredibiliti berkenaan. Dan sekali gus menjatuhkan imej dan kredibiliti pembangkang. Apa maknanya? Matlamatnya jelas kemudahan memenangi Pilihan Raya Umum Ke Tiga Belas dengan majoriti dua pertiga di Parlimen dan Barisan Nasional menawan kembali Selangor daripada pembangkang. Ini semua menunjukkan bahawa berlaku diskriminasi terhadap rakyat yang telah membuat pilihan dalam sistem demokrasi dalam pilihan raya yang lepas. Dan sudah tentulah pendekatan-pendekatan yang saya sebut ini bercanggah dengan konsep *federalisme* yang telah saya nyatakan tadi.

Pertama, yang disebut oleh Sekinchan tadi. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan semalam beberapa hari lepas menyeru agar kita bekerjasama. Saya tidak ada masalah untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dalam konteks hari apabila Negara sedang dilanda masalah ekonomi yang begitu parah kita harus bersama-sama untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan yang dapat membantu rakyat keseluruhannya. Tetapi apakah ikhlas? Kita lihat ini satu contoh. bila kita dedahkan contoh-contoh yang menunjukkan Kerajaan Pusat telah menyimpang jauh daripada semangat *federalisme* ini bagaimana mungkin saya nak letakkan keyakinan saya kepada Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan? Yang daripada awal saya memang tidak percaya dengan Timbalan Perdana Menteri kerana banyak kes-kes yang masih belum terjawab oleh beliau sama ada pembunuhan, sama ada rasuah, sama ada penyalahgunaan kuasa, penculikan. Sampai hari ini dia gagal berdepan dengan rakyat untuk menjawab.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker,

YB TUAN SPEAKER: Ia

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: 36

YB TUAN SPEAKER: Ia, Bukit Antarabangsa tolong duduk kechap. Ada peraturan?

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Sangkaan jahat ini nombor berapa ini, 36 berapa? Saya pun tak faham.

YB TUAN SPEAKER: 36 (6)

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Ha ni 36 (6). Sangkaan jahat. Saya ingat hari itu, baru ini bila Seri Serdang bangkit maklum pada Tuan Speaker kalau boleh benda yang masih dalam perbicaraan itu jangan dikait-kaitkanlah. Jadi saya berharap sangat Yang Berhormat daripada Bukit Antarabangsa kalau boleh patuhlah pada peraturan tersebut. Terima kasih.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Tuan Speaker, bila kes komisen *submarine* dibicarakan di dalam mahkamah? Bila kes

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tadi pasal kes penculikan dan pembunuhan. Tadi Yang Berhormat bercakap tadi pasal penculikan dan pembunuhan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Bila Dato' Seri Najib diheret ke mahkamah dan dibicarakan?

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Timbalan Perdana Menteri?

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ia, siapa Timbalan Perdana Menteri?

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Ialah, itu yang kata kes itu masih dalam perbicaraan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Siapa? Bila dia dibicarakan?

YB TUAN SPEAKER : Sekejap. Sekarang kita berada di mana ni? Saya pun tak tahu dah.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Tak, bila sebut ja Altantuya, UMNO ni dia hilang pertimbangan, hilang kewarasan, takut apa?

YB TUAN SPEAKER: Tapi tak apalah Bukit Antarabangsa, Altantuya tak ada kena mengena dengan Pejabat Pembangunan ya?

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ada Tuan Speaker, sebab kredibiliti pemimpin sudah merudum ke dalam longkang dan parit, sebab itu dia gunakan Jabatan Pembangunan. Apa matlamatnya? Untuk meningkatkan imej dan kredibiliti pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. Jelas ini matlamat Jabatan Pembangunan. Sebab itu dia gunakan Majlis Keselamatan Negara. Untuk apa? Saya sebut dalam ucapan saya. Nak korek longkang kena Majlis Keselamatan Negara? Nak buat parit kena Majlis Keselamatan Negara? Jangan memperbodohkan rakyat, jangan melembukan rakyat. Mungkin ketua-ketua UMNO dan cawangan boleh diheret sebagai lembu tetapi rakyat Selangor tidak boleh diperbodohkan oleh UMNO dan Barisan Nasional.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, saya hendak bertanya pada Yang Berhormat Antarabangsa

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Nanti dulu saya belum bagi laluan.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Nak tanya boleh?

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Bila bangun kena ikut peraturan. Bangun minta laluan.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Minta laluan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: OK saya bagi.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Jadi kalau begitulah anggapan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, dulu masa jadi Ahli UMNO tu pun kena heretkah? Saya pun hairanlah.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Sebab itu saya tinggalkan UMNO. Nak kata

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Minta, minta laluan, minta laluan Tuan Speaker, minta laluan

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Nanti, nanti dulu.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Minta laluan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Saya belum jawab. Nak kata bodoh tak boleh dalam Dewan Undangan Negeri tapi

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, sangkaan jahat.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Tak, tak saya kata

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tapi dia sebut bodoh tu, dia sebut bodoh.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Tak saya kata tak boleh.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Dia kata nak kata bodoh tak boleh tapi dia cakap bodoh.

YB TUAN SPEAKER: Tak begini.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Mana boleh dalam Dewan cakap bodoh Tuan Speaker? Saya cakap Tuan Speaker tadi Tuan Speaker cukup marah. Ini dia cakap bodoh. Mana boleh bodoh.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Dak, saya kata tak boleh cakap bodoh.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Empat puluh ribu rakyat saya mengundi saya takkan saya bodoh kalau jadi Wakil Rakyat.

YB TUAN SPEAKER : Nanti dulu, nanti dulu, nanti dulu.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Saya minta tarik balik.

YB TUAN SPEAKER : Tak, nanti dulu

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, minta tarik balik.

YB TUAN SPEAKER: Baik, baik, baik. Nanti, tenang, tenang, tenang. Tuan Speaker jawab ni ya. Sebab ada bantahan di bawah 36 (6). Lain kali sebut Peraturan 36 (6), ya sangkaan jahat. Tapi yang saya dengar ucapan tadi Yang Berhormat Bukit Antarabangsa kata nak kata bodoh tak boleh.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tapi dah kata dah.

YB TUAN SPEAKER: Saya belum cakap lagi

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tak boleh, tak boleh, tak boleh cakap, tak boleh, bodoh tak boleh.

YB TUAN SPEAKER: Biar saya jelaskan. Nanti dulu, nanti dulu, nanti dulu. Yang Berhormat dengar Speaker ni, ini kalau, kalau Speaker nak cakap

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Kalau saya bodoh siapa nak cakap pada emak saya Tuan Speaker?

YB TUAN SPEAKER: Nanti dulu, sabar, sabar. Nak Speaker buat petua? Kena dengarlah. Jangan celah Speaker cakap ni. Jadi kalau dia kata, kalau Bukit Antarabangsa kata Yang Berhormat Taman Templer bodoh itu tak boleh. Itu memang melanggar Peraturan 36 (6) Speaker cakap ni. Tolong duduk Sungai Pelek ya. Jadi,

tapi yang di cakap ialah nak cakap bodoh tak boleh. Jadi dia tak kata tak tuduh Taman Templer bodoh. Jadi saya tak nampak dia melanggar di mana-mana peraturan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Tuan Speaker yang bijaksana.

YB TUAN SPEAKER: Ia, Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker, sama juga apa tadi yang saya nak cakap tu

YB TUAN SPEAKER: Apa tu?

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Apa pula yang dia ke tidak

YB TUAN SPEAKER: Ini, ini nak celah ke?

YB TUAN YAP EE WAH: Budak, budak suruhan UMNO.

YB TUAN SPEAKER: Nanti, nanti, nanti, nanti dulu, nanti dulu, nanti dulu, dengar dulu, nanti dengar dulu Sungai Pelek. Sekarang ini bangun untuk apa, nak minta laluan atau nak bangkit Peraturan Tetap?

YB TUAN YAP EE WAH: 36 (6) Sangkaan jahat.

YB TUAN SPEAKER: Nak bangkit Peraturan Tetap. Ia apa tu? 36, ia sangkaan jahat apa tu?

YB TUAN YAP EE WAH: Dia sebut tadi

YB TUAN SPEAKER: Ia,

YB TUAN YAP EE WAH: Budak suruhan UMNO.

YB TUAN SPEAKER: Itu, yang Sungai Pelek lain kali kalau nak bangkit Peraturan bangkit bila dia orang cakap. Ini dah berbatu-batu dah pergi, balik lagi. Jadi

YB TUAN YAP EE WAH: Rasa saya

YB TUAN SPEAKER: Kata, orang kata dah *miss* tu. Kalau dah *miss* tu, terlepas itu terlepas.

YB TUAN YAP EE WAH: Tak, rasa sayalah dipilih sebagai seorang Wakil Rakyat itu adalah budi bahasa dia. Jangan cakap apa yang dia ingat dan sebenarnya itu bukan. Saya bukan ahli Wakil Rakyat yang lepas. Ini kali pertama sahaja. Memang dalam hati saya dengar memang tak sedap.

YB TUAN SPEAKER: Ok, baik, terima kasih.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Sungai Pelek, terima kasih Sungai Pelek. Saya nak jawab sikit Tuan Speaker. Saya setuju kita ada budi bahasa, kita mesti amanah dan Sungai Pelek *concern* tentang perkara-perkara seperti ini. Bunuh orang tak mengapa, rasuah tak, nanti dulu duduk, duduk. Saya hendak jawab

dulu ya. Apa makna budak suruhan? Kalau faham Bahasa Malaysia. Budak suruhan ini orang suruh, dia ikut faham? Bila ada Ketua UMNO di Pulau Pinang mengatakan orang-orang Cina ini adalah orang-orang luar, orang-orang pendatang, senyap, MCA tak buat apa pun. Nak ajar Matematik dan Sains tak mahu dalam bahasa ibunda, ajar bahasa Inggeris ada MCA bangun? Tak ada bangun pun. Itu makna budak suruhan UMNOlah tu, faham? Dah cukup, saya hendak teruskan Tuan Speaker. Begitu juga apa yang berlaku di Negeri Perak. Menunjukkan bagaimana prinsip *federalisme* ini

YB TUAN SPEAKER: Ia, Sungai Pelek.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Telah dicabuli oleh UMNO dan Barisan Nasional. Di mana Speaker yang diberikan kuasa untuk memanggil mesyuarat dan Persidangan Dewan Undangan Negeri dihalang untuk memasuki Persidangan Dewan, dihalang memasuki mesyuarat. Siapa yang menghalang? UMNO dengan menggunakan FRU dan Polis. Sebab itu kita bawa usul ini supaya perkara-perkara seperti ini tidak berlarutan sampai berlaku di Negeri Selangor. Saya tak mahu tengok Tuan Speaker saya duduk di bawah pokok dan kami bersidang di bawah pokok. Sebab ini kita hendak mempertahankan hak rakyat negeri Selangor.

YB TUAN SPEAKER: Itu tidak akan berlaku di Selangor.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Insya-Allah, *God willing*, dengan izin tidak akan berlaku di Negeri Selangor. Sebab

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker.

YB TUAN SPEAKER: Ia.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Minta laluan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Nantilah, banyak dah.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Sekejap, satu.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Yang lain mana?

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Satu.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Yang lain?

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Satu soalan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Yang lain mana?

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Satu soalan

YB TUAN SPEAKER : Hei ini, ini bukan kedai kopi ni. Bukan tawar menawar, nak bagi ke tak nak bagi.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tak, satu soalan, satu.

YB TUAN SPEAKER: Oklah.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, saya rasa seronoklah bila Yang Berhormat Bukit Antarabangsa maklumkan bahawa Tuan Speaker akan mesyuarat bawah pokok.

YB TUAN SPEAKER : Tidak.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Adakah ura-ura dari belah sana nak melompat dekat sini?

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ini, ini sangkaan jahat

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Kalau ada bagi tahu sayalah kot, kot saya boleh duduk sana kot.

YB TUAN SPEAKER: Baik. Tapi Taman Templer kenapa selalu dapat mesej yang lain?

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ha, itulah tak faham.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Bukan, bukan Tuan Speaker. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa takut Tuan Speaker mesyuarat bawah pokok. Jadi kalau macam tu hanya boleh bermesyuarat bawah pokok kalau tak jadi Speaker.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Tuan Speaker

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Kan? Adakah ura-ura belah sana nak melompat kat sini?

YB TUAN SPEAKER: Tapi tak apalah kalau Taman Templer dia faham lain tu kita terimalah dia fahaman dia lain sikit.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Inilah pepatah.

YB TUAN SPEAKER: Ia, Seri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE: Nak mencelah sikit.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Pepatah orang Jawa bagi tahu, Sekinchan dengar betul-betul. Pepatah orang Jawa cerdik tak boleh diikuti, bodoh tak boleh diajar. Ini masalah.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker 36 (6) sangkaan jahat. Dua kali dah dia sebut bodoh.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Saya tak kata dia.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker sepatutnya adil. Mana boleh sebut bodoh dua kali.

YB TUAN SPEAKER: Ia nanti, saya belum..

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Kalau sebut empat puluh empat kali memang betul jadi bodoh Tuan Speaker.

YB TUAN SPEAKER: Inilah dah, dah, dah, nanti dulu. Kalau nak buat bantahan kena tunggu Tuan Speaker keputusan. Jangan Speaker belum keputusan dia dah tuduh Speaker. Kena tarik balik dulu tadi dah tuduh Speaker tu.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Saya tarik balik.

YB TUAN SPEAKER: Ha baik, terima kasih. Baik, yang dia sebut peribahasa. Peribahasa tak boleh batal. Kan peribahasa tu peribahasa.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, pakai peribahasa lain. Kita orang Melayu banyak peribahasa. Orang India pun banyak peribahasa. Saya tahu Bukit Melawati banyak peribahasa dia. Baru ini hari tu pun dia sebut ada peribahasa. Saya tak faham tapi lebih kurang bolehlah. Jadi kalau boleh pakai peribahasa lain. Yang peribahasa yang ada bodoh ni semua tak usahlah.

YB TUAN SPEAKER: Itu permintaanlah, permintaan tapi memang kalau dia pakai peribahasa saya tak boleh kata dia *unparliamentarily*. Ia, dia pakai peribahasa. Cuma mungkin dia kalau Taman Templer rasa Bukit Antarabangsa kena belajar lebih daripada itu Bukit Antarabangsa tolong ambil notalah. Minta banyakkannya lagi ya.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Sebab Taman Templer dia belajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Tapi kita dah ada satu dasar.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, minta laluan Tuan Speaker.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Nanti dulu.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Saya *medium SPM*. Saya buat SPM. Saya tak ada buat Matematik dalam bahasa Inggeris. Saya lahir tahun enam puluh lima.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ha, yang itu saya tarik balik.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Itu sangkaan jahat Tuan Speaker.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ha, yang itu saya tarik balik.

YB TUAN SPEAKER: Tarik balik dah.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Saya tarik balik

YB TUAN SPEAKER: Seri Muda hendak minta laluan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE: Ok Bukit Antarabangsa terima kasih. Saya dengar di awal tadi Taman Templer sebut yang beliau tidak dapat surat, tidak dijemput. Jadi saya rasa, nak tanya Bukit Antarabangsa agaknya dengan cara itulah kot. Sebab

pertama dia tidak kroni, yang kedua sebab selalu tanya lain jawab lain, maka sebab itu dia tidak dijemput. Setuju atau tidak.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Saya kalau setuju karang dia kata sangka buruk pula. Tapi saya setujulah dengan Seri Muda nampak dia tak berapa faham. Jadi kita ada satu program tuisyen RM30.00 kan? *SPIES*, ha, kena *SPIES* kan Taman Templer suruh dia faham. Saya hendak rumuskan Tuan Speaker. Kita bahas ini kerana kita tidak mahu kerakusan, Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional di peringkat pusat ini

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, dah habis dua puluh minit dah Tuan Speaker. Tuan Speaker tak ketuk pun. Dah habis dah.

YB TUAN SPEAKER: Ia baik, baik, baik.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Bukan dah habis Tuan Speaker, dua puluh minit.

YB TUAN SPEAKER: Terima kasih, terima kasih kerana ingatkan.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: EXCO Setinggaan bercakap.

YB TUAN SPEAKER: Ialah, dengarlah bila Speaker nak cakap tu tak bagi peluang Speaker cakap, macam mana nak buat keputusan? Jadi sebab tadi banyak gangguan, jadi terlupa saya juga. Jadi saya bagi dua minit untuk menggulung.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Dia teringin nak jadi Speaker. Tak apa, masuk Pakatan Rakyat kita letak dia situ.

YB TUAN SPEAKER: Jadi mana saya hendak pergi?

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, ha... Kesian Tuan Speaker. Tuan Speaker kena berhati-hati. Saya setuju dengan Sekinchan, ada musuh dalam selimut Tuan Speaker. Ada konspirasi hendak jatuhkan Tuan Speaker.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ini sangkaan jahat Tuan Speaker. Tak apa saya hendak rumuskan Tuan Speaker. Kita tidak mahu perkara ini berterusan sebab kita dah tengok berlaku di Negeri Perak. Prinsip *federalisme* ini dicabuli oleh UMNO dan Barisan Nasional. Kita lihat berlaku di Negeri Terengganu bagaimana hak rakyat Negeri Terengganu. Royalti minyak dirampas oleh UMNO dan Barisan Nasional. Bila dia menang dia bagi balik. Bila dia kalah dia isytihar wang ihsan. Inilah perangai buruk UMNO dan Barisan Nasional. Dan kita tidak mahu berlaku di Negeri Selangor. Dan apabila kita dapat bukti bahawa sudah ada usaha untuk mengulangi kerakusan-kerakusan seperti ini maka Dewan ini bertanggungjawab untuk membahaskannya. Kerana bagi saya tindakan UMNO ini yang menolak *federalisme* ini adalah pengkhianatan kepada kedaulatan Raja-Raja Melayu termasuk Tuanku Sultan Selangor. Kerana kedaulatan Negeri Selangor ini di bawah naungan Tuanku, UMNO dan Barisan Nasional mestilah menghormati keputusan rakyat yang dibuat melalui sistem demokrasi pada bulan Mac 2008 yang lalu. Jadi Tuan Speaker dengan kata-kata itu saya bangun untuk menyokong usul yang berkenaan dan marilah kita memastikan supaya perkara ini tidak berterusan dan kita kuburkan UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang akan datang.

TUAN SPEAKER: Baik terima kasih kepada Ahli-ahli Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan untuk memberi penjelasan. Dipersilakan.....

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Aaiik.....

TUAN SPEAKER: Penjelasan usul.....

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Ooh.....

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih ...eer....Tuan Speaker. Eerrr.....saya amat setuju dengan usul yang dibawa oleh Kampung Tunku mengenai eerrr....program errr.....polis...eerr...apaprogram *People Centric* yang dibawa oleh Pejabat Pembangunan Negeri Selangor ini dan kita juga rasa amat hairanlah bahawa agensi-agensi kerajaan yang sepatutnya bebas, *independent* seperti SPR, Polis dan Majlis Keselamatan Negara diperalatkan diperkudakan oleh Barisan Nasional untuk aarr...cub...aar....komplot mereka untuk merampas balik negeri Selangor. Dan aa.....kita *same*....semua tahu pada..aa..tahun yang lepas pada bulan Mac bila kerajaan Pakatan Rakyat aarr...menerajui kepimpinan negeri Selangor ini kita tahu ini adalah mandat daripada Tuhan dan juga mandat daripada rakyat kepada kita. Dan kita juga sedar bahawa sesebuah kerajaan ataupun seseorang pemimpin selagi ia ingin mendapat sokongan daripada rakyat dan juga....aaa.....rakyat jelata ia haruslah mengamalkan keadilan dan integriti. Dan ini adalah apa yang cuba dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat selama ini dan kita telah pun melancarkan pelbagai program untuk merakyatkan ekonomi Negeri Selangor....aaarr..dan...dan juga kami juga telah pun cuba *correct the wrong* ataupun membetulkan apa yang..aa... telah pun salah...yang telah pun aa...salah pada...yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lepas dan ...aaa...kita tahu ...eee...dengan melakukan kesemua dasar-dasar yang baru dan juga dalam proses untuk membetulkan apa yang salah apa yang dibenci oleh rakyat ..aa..sebelum ini kita tentu akan menjejaskan...aaa....poketlah haa...menjejaskan peluang ekonomi sesetengah...aaa....golongan dan juga...aa...dan juga ...apa...aarr...peluang ekonomi sesetengah orang dan itulah sebabnya aah....kita lihat yang Barisan Nasional dia cuba membalas balik bukan pada ..aaa...dari segi untuk mengadakan dasar untuk bersaing dengan Pakatan Rakyat aa...dalam satu *level playing field* tapi pelbagai taktik kotor telah pun dimainkan dan diadakan. Ini termasuk juga isu yang terbaru adalah isu..aaa....kereta dan juga lembu sehingga MACC menjadikan *Malaysia Agency for Cows and Car* dan kita juga telah lihat yang mana seperti saya tiba-tiba dimasukkan di bawah ISA dan hari ini saya telah pun saman Kerajaan Barisan Nasional di Mahkamah Tinggi hari ini atas penahanan saya di bawah ISA. Ada perkara yang saya tak langsung tak berlaku pun. Kesemua taktik yang dilakukan oleh Barisan Nasional ini adalah cuba memecah...bukan sahaja memecahbelahkan aa.kita tapi ia juga bertujuan untuk mencerca dan mencaci imej Pemimpin Pakatan Rakyat. Dan.....aaahhh...saya tidak ingin mengulang lagi apa yang telah pun diulas oleh Ahli-ahli Berhormat tadi, tapi saya....aaaa... untuk membuat seruanlah kepada pihak Barisan Nasional sekarang ada tiga orang wakil rakyat...aa....berada di sini bahawa kalau kita nak...menjadi pemimpin dan juga parti yang terus disokong oleh rakyat, kita haruslah me...melakukan kesemua ini dengan mengamalkan prinsip profesionalisme. Profesionalisme dari segi mengadakan dasar yang dekat pada rakyat, yang disukai oleh rakyat dan mesra pada rakyat. Dan juga kita haruslah juga hormat proses demokrasi yang ada di negara kita ini bahawa semua parti

politik haruslah bersaing atas *level "playing field"*, atas satu platform yang sama yang mana kita bagi rakyat untuk pilih yang dasar mana yang..aa...polisi mana yang amat disukai oleh mereka, amat di..aa..pemimpin mana ataupun cara pendekatan rakyat yang.....aa....macam mana yang paling disukai oleh mereka. Dan bukannya dengan melalui cara-cara taktik-taktik kotor yang telah pun dilakukan kepada semua EXCO kita aa...pada tahun yang...pada setahun....tempoh setahun yang lepas ini dan juga bukan guna...mempergunakan agensi-agensi kerajaan yang patutnya bebas dan juga *independent* untuk eem...dalam..emm...usaha mereka untuk menumbangkan kerajaan Barisan Nasional. Jadi saya berharap ketiga-tiga ADUN aa....Barisan Nasional yang berada di sini ..aaa...boleh menyampaikan kesemua seruan daripada wakil rakyat-wakil rakyat daripada pihak Pakatan Rakyat kepada pihak Barisan Nasional kerana kalau taktik kotor ini terus diadakan kesemua agensi ini..arr...masih terus di...aa.rr...peralatkan oleh Barisan Nasional saya bimbanglah dalam pilihan raya yang akan datang Barisan Nasional mungkin tak ada 20 kerusi di Dewan yang mulia ini tapi mungkin lebih kurang kerana kalau semua taktik ini terus dilakukan kami juga percaya bahawa pihak Barisan Nasional akan lebih dibenci oleh rakyat. Sekian terima kasih.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, saya menyokong penuh usul yang dibawa oleh Kampung Tunku berkaitan isu yang dibawa tadi, pertamanya bila kita menang di dalam pilihan raya saya mengharap satu wajah politik baru nak kita perkenalkan di Negeri Selangor. Rakyat, sekalian lama telah dikongkong, rakyat sekalian lama tidak diberi peluang. Saya ingat ketika saya belum di dalam kerajaan dulu nak makan pun telah dikepong oleh polis. Tuan Speaker saya teringat satu *dinner* yang berlatar belakang FRU dan ada wartawan daripada luar mengatakan "*ours surprise even eating is a crime in your country*". Kita malu dengan amalan begitu sebab itu bila kita menang, kita bersikap terbuka. Kita maafkan kawan-kawan kita yang tersalah jalan. Tetapi tindakan, ini mesyuarat kedua, kertas JKTP Negeri bil.21/2009 yang Taman Templer dia pura-pura tak tahu ye...Jabatan Pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan, 26 Februari 2009, yang mana dana yang sepatutnya diberikan untuk pembangunan Negeri Selangor telah diambil dan digunakan sebagai dana parti politik yang mana ini bertentangan sekali dengan prinsip politik baru yang nak diketengahkan. Kita berterus-terang bahawa JKKP adalah tidak diiktiraf di negeri Selangor. Tetapi dalam *paper* ini mengatakan bahawa JKKPlah yang akan diperkasakan menggunakan dana-dana memperkasa raya JKKP dan NGO. Program memperkasa JKKP dan NGO. Objektif memperkasakan jentera kerajaan di peringkat akar-umbi, Peruntukan Parlimen. Kita tahu bahawa di Selangor mengikut struktur yang ada di bawah pentadbiran Duli Yang Maha Mulia, JKK adalah pekeliling kerajaan yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional. Kami tidak mengubah pekeliling yang ada tetapi bila mereka kalah dalam pilihan raya ditubuhkan JKKP dan digunakan dana peruntukan Parlimen yang mana peruntukan ini sepatutnya disalurkan ke Pejabat Daerah dan digunakan untuk majukan rakyat. Tetapi ratusan juta dana digunakan untuk memperkasakan UMNO. Ini sama sekali bertentangan dengan politik baru yang kita nak perkenalkan. Sejak itu bila kita menang pilihan raya kita beritahu bahawa UMNO, MIC, MCA boleh gunakan dewan-dewan yang ada. Saya bertanggungjawab Taman Templer untuk menjaga dewan-dewan tersebut. Kalau permohonan daripada UMNO tak dilayan, hantar pada saya. Saya pastikan kita akan layan. Tetapi bila Taman Templer tak mahu serahkan balai raya yang milik UMNO kepada Pejabat Daerah, itu tidak boleh. Kemudiannya program *People Centric* PPN Selangor bersama JKP Sg. Kandis di Jabatan KeselamatanJabatan Keselamatan Jalan raya Selangor...ini jugak saya rasa tindakan yang keterlaluan dan kita harus membendung usaha-usaha buruk sebegini. Kita bersikap terbuka sanggup bertembung UMNO dan Barisan Nasional dalam wadah politik yang

dibenarkan tetapi menggunakan dana yang rakyat bayar cukai untuk kepentingan-kepentingan politik sama sekali tidak dibenarkan. Dan yang melampaunya Tuan Speaker ialah jawatankuasanya Suruhanjaya Pilihan Raya yang sepatutnya bebas. Sepatutnya Suruhanjaya Pilihan Raya bebas. Macam mana Suruhanjaya Pilihan Raya akan dibawa dalam *Task Force* Jabatan Pembangunan Negeri. Aaaa....ini yang timbul pengundi-pengundi hantu. Agak berapa ramai hantu-hantu nak diimport masuk ke Selangor menjelang pilihan raya yang akan datang? Taman Templer nanti kalau tengok yang mengundi ni hantu-hantu negeri Selangor, aarr....kena berhati-hati sikit. Kemudiannya, dan agensi lain, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Hal-ehwal Khas, Jabatan Belia dan Sukan yang sepatutnya ditugaskan untuk memajukan belia dan sukan tapi belia dan sukan gunakan dana ini jugak untuk..aaa. apa ni...untuk...digunakan oleh parti politik. Ya tuan-tuan...apa ni....Yang Berhormat sekalian saya rasa...saya minta wakil-wakil UMNO yang berada di dalam Dewan ini beritahu pada persekutuan jangan sampai rakyat marah, bukan lima negeri yang diserahkan kepada kami, satu Malaysia nanti diserahkan kepada kami semua, tak ada peluang pulang....apa ni...UMNO untuk duduk di dalam Dewan ni. Jadi, saya...terima kasih Tuan Speaker, saya menyokong penuh usul ini.

TUAN SPEAKER: Ya Sri Andalas..

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker, saya menyokong penuh usul yang dibawa oleh Kampung Tunku dan saya nak bagi penjelasan sedikit tentang isu berkenaan. Saya dari mula dah nak katakan kepada Kerajaan Persekutuan kalaulah dengan izin, *you want to be respected you have to respect the others as well*. Tetapi jangka yang digunakan sekarang dengan apa yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa di dalam Dewan mulia ini menampakkan bahawa mereka ada segolongan dia di negeri Selangor dari Barisan Nasional nak buat niat jahat atas Kerajaan Pakatan Rakyat yang telah dipilih oleh rakyat negeri Selangor. Kalau inilah maksudnya demokrasi di dalam negeri kita, dan kita anggapkan bahawa ada peminat seorang nak jadi menteri be...eerr...Perdana Menteri di dalam Negara kita yang ambil alih kuasa sebagai Perdana Menteri, kalau inilah caranya permulaan beliau sebelum pun mengambil posisi Perdana Menteri di dalam negeri memang susah kita akan nampak ke hadapan demokrasi di dalam Negara kita. SPR memang langsung tidak boleh ambil bahagian di dalam mana-mana rancangan yang diakurkan oleh Barisan Nasional. Dia adalah satu-satu Badan yang bebas di dalam Negara kita. Memang betul dia boleh buka payung di mana-mana untuk membuat pendaftaran pemilih-pemilih masing-masing ataupun kita boleh panggil mereka datang. Tetapi sebagai satu kumpulan di mana dia merancang sesuatu dia jadi "*part and parcel of that think tank*", itu kita tidak boleh terima langsung. Itu menunjukkan bahawa SPR ini bukanlah sebuah Badan bebas dan kita telah nampak pun tiga Pilihan raya kecil yang kita menghadapi dalam akhir bulan ni, tiga-tiga pun harinya sama dengan apa yang ditentukan, lepas pemilihan UMNO bukan sebelumnya. Takut sangat Barisan Nasional ini kepada Pakatan Rakyat dalam Pilihan raya kecil ini nampaknya. Baru-baru ini, dengan mengagihkan 50 bilion ringgit Malaysia sebagai *stimulous package* untuk Malaysia keseluruhannya. Tetapi pada hari ini saya baca dalam surat khabar Kementerian Kesihatan menggunakan *Stimulous Package* itu nak bukakan seberapa eerr ...*center* ataupun *center dylasis* di seluruh Malaysia. Saya nak bacakan *center-center* itu yang nak dibukakan. Dan bagilah maklumat balik apa jadi kepada negeri Selangor. *Cameron Highlands*, Pahang satu pusat *dialysis* terbaru akan dibuka, saya tak tahu berapa orang duduk di *Cameron Highlands*. Setiu, Kuala Terengganu, Jasin di Melaka, Jempol di Negeri Sembilan, Tuaran, Kunak, Kuala Penyu dan Pintas di Sabah.

Apa jadi kepada Selangor? Takkan ada orang yang di Selangor lah yang kutipan yang terlebih dari kutipan cukai dari penduduk-penduduk di Negeri Selangor sampai 30% dari

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker minta laluan....

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tak ada...tak ada...saya...saya...nak....katakan

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tak minta laluan la....

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tak pe...tak pe...saya nak....

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Bagi saya jawab.....

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya nak habiskan dulu

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Dah tuduh tu, bagilah saya cakap.....

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya nak habiskan dulu, lepas saya bagi you laluan.....

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Bagilah saya cakap sikit.....Tuan Speaker.....

TUAN SPEAKER: Ok, cakap.....

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan speaker saya rasa Yang Berhormat ni keliru sikit kerana satu surat khabar mana yang dia baca tadi saya dengar dia kata 50 bilion bukan 50 bilion, 60 bilion. Saya rasa silap tu , satu lagi dari segi perancangan Kementerian Kesihatan yang saya tahu sebenarnya apa yang dilakukan adalah buka pusat-pusat *dialysis* di tempat yang belum ada pusat *dialysis* kerana kita tahu masalah ni satu masalah besar. Di negeri Selangor bukan tak ada memang dah ada banyak dah. Contoh di Selangor pun memang dah ada banyak. Saya rasa EXCO ni pun kena tukar lah. Mungkin kalau tak bagi PPT bagi Sekinchan duduk EXCO Kesihatan pun boleh kot...

YB TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tak tahu Templer di hospital-hospital di negeri Selangor tak cukup tempat untuk mengadakan dialisis. Penuh pun sungguh, orang semua yang tidak boleh bayar pun nak kena pergi buat di *private sector* tidak boleh bayar dah. Ada beberapa orang yang meninggal tanpa mendapatkan dialisis di negeri Selangor. Faham tak? Ini yang maksud saya kalau negeri Selangor tidak dapat *centre* dialisis pasal apa bagi kepada tempat-tempat ni yang penduduk nya memang kecil sangat. Keperluannya di negeri Selangor. Pasal apa di negeri Selangor tidak ada *centre*? Pasal apa Pulau Pinang tidak ada *centre*? Pasal apa Kedah tidak ada *centre*? Pasal apa Kelantan tidak ada *centre* dinamakan bukan ke orang-orang ini bayar cukai di dalam kawasan ni. Kefahaman saya tiap-tiap tahun dekat 3,500 lebih orang menghendaki dialisis di dalam negara kita. Kalau lah *centre* sebagai Seri Andalas 35,000 pengundi di dalam kawasan itu, bukan kira yang tidak belum daftar lagi. Memang keperluan *dialysis centre* di dalam kawasan.

TUAN SPEAKER: Cukup lah *dialysis centre*. Masuk yang baru.

YB TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Kata dia tak tahu fakta, nak cabar, so tuan-tuan dan puan-puan, *I mean* Yang Berhormat sekalian, saya menggunakan kesempatan ini mengatakan kalaulah kita nak memerintah sesuatu negeri berilah peluang kepada Pakatan Rakyat untuk mengalihkan tugasnya. Jangan lah kacau dengan buat rancangan-rancangan seperti Perak langsung tidak boleh mengambil alih Kerajaan Pakatan Rakyat. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dipersilakan.

YA B DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Tuan Speaker, saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Kampung Tunku. Benda ini satu usaha supaya kita dapat menyelesaikan satu perkara yang terpenting dalam pelaksanaan dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Negeri. Perkara ini sangat penting kerana masa depan pengurusan negara dan pengurusan negeri dan bentuk penggunaan dana cukai negara dapat kita gunakan dengan sebaik-baiknya. Ada beberapa perkara yang saya jelaskan sebelum saya beri kesimpulan. Pertama, satu perkara yang jelas Tuanku Sultan Selangor telah dalam ucapannya semasa Sambutan Hari Jadi Tuanku Sultan telah mengatakan bahawa Baginda tidak mengiktiraf Jawatankuasa Keselamatan Persekutuan JKKP, dia tidak mengiktiraf dan itu telah dinyatakan dalam kenyataan yang dibuat oleh Tuanku dan oleh sebab itu saya harap dan saya pernah memberi soalan tersebut dalam Parlimen dan soalan itu masih belum dijawab tetapi satu soalan yang saya soal dalam Parlimen selaku Ahli Parlimen Bandar Tun Razak. Saya memberikan soalan yang berbunyi, adakah Kerajaan Persekutuan memperuntukkan dana untuk kawasan-kawasan Parlimen di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri dan bagaimana dana-dana itu dapat disalurkan. Jawapannya ada, 500,000 disalurkan dan jawapan yang paling baik saya rasa ialah dana-dana itu disalurkan mengikut keperluan dan tidak mengambil kira fahaman politik atau pun tidak mengambil kira tentang dari mana permintaannya dan apabila rakan kita daripada Kampung Tunku membawa usul ini, ini timbul satu perkara yang terpenting yang saya harap kita mesti perbetulkan kerana dalam konsep *federalisme* ini bukan sahaja Kerajaan Persekutuan penting. Bukan sahaja Kerajaan Negeri penting tetapi ada konsep yang dipanggil *civil service*, perkhidmatan awam dan perkhidmatan awam itu, ialah satu perkhidmatan yang bebas dari kongkongan politik dan jika kita dapati perkhidmatan awam ini sudah memihak ke satu kumpulan politik, pegawai yang berkenaan tidak layak memang jawatan tersebut. Itu sebab perkhidmatan awam ada mempunyai, dia Undang-undang yang tercatat dalam Perlembagaan dia di asing. Serupa juga dengan pemerintahan polis, pemerintahan tentera, kehakiman dan perkhidmatan awam. Dia dilindungi oleh Perlembagaan Malaysia. Jadi yang saya takut, yang saya takut ialah pegawai-pegawai pembangunan negeri tersebut oleh kerana keghairahannya untuk mendapat sokongan daripada rakan-rakan politik dan untuk mendapat pangkat dia sanggup, sanggup membelakangkan tanggungjawab terbesar ini dan cuba bersekongkol walaupun perkara ini tidak betul dari segi pelaksanaannya. Jadi oleh sebab itu, adalah sangat penting kita melihat perkara ini. Perkara ini mesti kita selesaikan. Saya sendiri bercadang untuk menulis surat kepada Ketua Setiausaha Negara supaya beliau dapat memberikan kenyataan tersebut supaya benar-benar dia dapat menyelesaikan perkara ini kerana perkara ini memperlihatkan terdapat pegawai-pegawai Kerajaan yang dianggap bebas dari cara pentadbirannya tidak membelah pihak tetapi memberikan nasihat-nasihat yang betul kepada ketua-ketua politiknya dan dapat menjalankan pengurusan negara yang lebih

baik. Contoh boleh kita dapati di Britain, sivil *servant* akan berada walaupun ahli politiknya berubah dari *labour* ke konservatif tetapi the sivil *service stay*. Dia akan dapat menjalankan usaha itu yang dipanggil *parliamentary democracy*. Serupa juga di Australia, di Australia kita dapat pengalaman *The Federal System, The State System* semua ni pula dapat dilaksanakan kerana apabila pegawai dan ahli politik tu menjadi Menteri dia juga mempunyai kuasa *executive* tetapi atas nasihat perkhidmatan awam supaya dia dapat menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya dan tidak mengira. Tidak mengira fahaman politik dan itu sebab apabila kita dapat memegang dan memerintah negeri Selangor kita mula mengatakan bahawa hak bandar, apa tu bangunan orang ramai adalah hak masyarakat dan tidak boleh diasingkan. Itu cara kita melihatnya. Bila kita merakyatkan menggunakan duit Kerajaan Negeri Selangor kita tak boleh mengasingkan siapa yang sepatutnya kita berikan. Jadi itu sebab, saya merasakan Kampung Tunku telah membangkitkan satu perkara yang sangat *fundamental* dalam kematangan politik kita dalam usaha kita menjana satu negara Malaysia masa hadapan. Saya percaya sudah tentu rakan-rakan politik kita akan tidak lagi memikirkan bahawa hanya satu parti sahaja ataupun satu kumpulan parti yang akan menerajui negara ini. Ini sudah terlihat kepada masa 8hb. Mac, satu tahun yang lepas, ini perkara akan berlaku dan rakyat juga merasakan *option* untuk pilihan ini adalah baik untuk demokrasi dan saya rasa sivil *service* juga, mereka-mereka yang bekerja dalam perkhidmatan awam juga merasakan ini satu kebaikan untuk mereka. Oleh sebab itu, saya merasa kita mesti melihat bagaimana kita boleh dapat bersama-sama dengan perkhidmatan awam mengubah fikiran itu. Itu sebab kita telah minta pegawai-pegawai dari PBT, Datuk Bandar, YDP, Pegawai Daerah supaya bersama-sama sebab, sama-sama sebab tugas kita ialah melalui walaupun apa pun politik kita, kita akan bekerja untuk supaya saluran yang melalui dana rakyat itu kita kembalikan dengan perkhidmatan yang sebaik-baiknya kepada rakyat. Jadi kita, jika terdapat ketua-ketua perkhidmatan awam yang bersikap ingin mengubah Kerajaan dengan membelakangkan kehendak rakyat ini akan menimbulkan persoalan yang sangat besar. Saya difahamkan di Perak juga dan ada terdapat keadaan begini dan ini merunsingkan rakyat, adakah kita percaya kepada 900,000 perkhidmatan awam yang bekerja untuk ditugaskan untuk membawa pekerjaan kepada rakyat. Jadi oleh sebab itulah saya berharap perkara ini penting. Itu sebab saya setuju kita mesti memikirkan, mengasingkan apa yang dipanggil *The Justice System*, Sistem Kehakiman kita, *the executive system and the legislative system*. Itu yang diperjuangkan dalam penghayatan kita dalam Perlembagaan dan juga Enakmen Negeri dan saya juga akan meminta pandangan dari *Bar Council* dan juga SUHAKAM tentang perkara ini dan bagaimana kita dapat mengendalikan dan menyelesaikan masalah ini. Saya percaya usaha untuk menolong rakyat dan usaha untuk menghebahkan kepada rakyat kuasa mereka mengundi adalah baik tetapi bukan cara yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihan raya. Dia boleh, kita tidak menghalang perkara tersebut. Kedua, usaha Kerajaan Persekutuan untuk mengalihkan dana untuk pembangunan juga digalakkan tetapi dana ini mesti sampai ke *target* atau tujuannya dan saya berharap pada di Dewan yang mulia ini kita ambil iktibar bahawa ini lah masanya yang sebaik-baiknya kita mula memikirkan bagaimana pembaharuan pemikiran politik kita, bagaimana pembaharuan pemikiran pengasingan *check and balance* di antara kehakiman di antara *executive* dan di antara *legislative* yang membuat undang-undang dan saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan termasuk rakan-rakan daripada Sg. Pelek, Semenyih dan juga Taman Templer yang bersama-sama berbincang dengan satu perkara yang agak bersejarah. Ini satu perkara demokrasi in *action* yang satu tapak baru dan satu tanda baru yang kita berani berbincang satu perkara yang sangat penting demi kesejahteraan rakyat. Jadi Tuan Speaker, saya berharap perkara ini dapat

dipanjangkan dan supaya kita dapat menjamin bahawa rakyat Selangor mempunyai satu demokrasi yang telus dan dapat dipertahankan. Terima Kasih.

TUAN SPEAKER: Terima kasih YAB. Menteri Besar. Demikian tadi usul tergepar yang dibawa oleh Yang Berhormat Kampung Tunku yang telah pun dirunding oleh Dewan yang mulia ini. Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, aturan seterusnya adalah untuk sambung usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan DYMM Sultan Selangor dan sebelum kita, sebelum saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk meneruskan penggulungan, ingin saya maklumkan bahawa oleh kerana urusan ini masih panjang dan perlu disambung selepas waktu yang ditetapkan maka dengan ini saya mempersilakan YAB. Dato' Menteri Besar untuk membawa usul.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut: Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah disambung Persidangan sehingga semua Ahli EXCO selesai penggulungan perbahasan masing-masing. Terima kasih.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

Dipersetujui.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk lanjutkan mesyuarat ini sehingga pukul 7 suku sekiranya tidak dapat habis sebelum 7 suku kita akan rehat pada 7 suku dan sambung semula pada pukul 8.00 malam. Baik. Dipersilakan Pandamaran.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih Tuan Speaker, izinkan saya balik kepada isu pertukaran di antara pegawai-pegawai di PBT. Mengikut pertukaran secara pinjaman kita tidak perlu bimbang bahawa pegawai-pegawai yang ditukar itu adalah mempunyai gred yang tidak sama kerana faedah-faedah yang mereka akan menerima akan mengikut pangkat dan gred yang mereka yang sedia ada.

Tuan Speaker, ADUN Rawang mendakwa berlaku rasuah dalam membaharui lesen rumahurut dan karaoke di MPSJ. Sebenarnya lesen rumahurut dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan 2007. Mulai 2007 MPSJ telah menetapkan kuota iaitu 25 untuk rumahurut dan kuota tersebut telah pun penuh sejak tarikh tersebut. Pembaharuan lesen diberikan hanya kepada pemilik premis yang mematuhi segala peraturan yang ditetapkan di samping itu lesen-lesen lain seperti SPA, refleksologi, sauna, bekam, fisioterapi, akupunktur juga dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil yang sama tanpa kuota asalkan pemohon memenuhi syarat yang ditentukan. Berkenaan dengan pusat karaoke ia diluluskan di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Selangor 1995 pindaan 2001. Pada masa ini MPAJ telah meluluskan 15 pusat karaoke di kompleks perniagaan termasuk hotel dan rumah kelab tetapi sejak 2008 tidak ada lesen baru dikeluarkan di premis kedai melainkan di kompleks perniagaan. Dalam memproses permohonan-permohonan

tersebut pertimbangan dan keputusan di buat di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan yang dianggotai oleh 8 orang Ahli Majlis dan dipengerusikan oleh YDP atau Timbalan YDP. Mesyuarat diadakan sekali dalam sebulan, disahkan di dalam mesyuarat penuh majlis. Kebiasaannya kelulusan pembaharuan lesen diberikan kepada pengusaha yang mempunyai rekod bersih seperti telah melunaskan kompaun dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Dalam hal ini, proses pembaharuan lesen dilaksanakan secara telus melalui semua peringkat yang dinyatakan di atas tetapi kalau ada Ahli Majlis yang tidak bersih, yang cuba meminta daripada pengusaha saya rasa pengusaha-pengusaha tertentu yang terlibat haruslah membuat laporan kepada kita sebab kita tidak boleh mengambil tindakan selagi kita tidak ada bukti yang kukuh.

TUAN SPEAKER: *Sorry.*

YB TUAN NG. SUEE LIM: Tuan Speaker, saya nak minta penjelasan sikit. Terima kasih Yang Berhormat Pandamaran, saya juga menerima makluman tentang perkara yang dibangkitkan oleh Rawang semalam. Tentang penguat kuasa yang menggunakan khidmat orang tengah. Khidmat orang tengah. Orang Tengah termasuk Ahli Majlis. Ya! Sengaja menyusahkan rumah-rumah urut ataupun karaoke, refleksologi dengan tujuan mereka akur kepada orang tengah ini dan disita apabila penguat kuasa datang mereka enggan patuh, akur akan disita dan kemudian disita akan ada orang tengah datang menawarkan, menawarkan harga 10,000.00, 15,000.00, 20,000.00 dan 30,000.00 tertentu dan dalam kuota 24 yang tadi disebutkan 24 rumah urut tu yang akan hanya dibenarkan itu, itu juga membawa masalah. Saya diberitahu lesen yang orang lama, beroperasi sekian lama tiba-tiba sampai bulan 11 kalau tak akur lesen itu akan tukar kepada orang lain. Akan berpindah. Berpindah kepada orang lain sedangkan dia sudah berniaga di situ lama dan mematuhi arahan dan membayar semua kompaun. Mereka gunakan benda ini sebagai umpan, senjata untuk dapat *under table money*. Jadi saya minta pihak PBT, bukan sahaja bagi PBT uruskan benda ni adakan satu Jawatankuasa Khas daripada ADUN, EXCO dan sebagainya untuk pantau seluruh PBT di negeri Selangor yang berkaitan dengan urusan hiburan ini. Ini adalah lubuk rasuah yang paling senang dapat duit. Ini paling penting. Saya minta ambil tindakan.

YB. TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Sekinchan ini kalau adalah benar, ini merupakan satu kesalahan yang besar yang memang tidak boleh diterima oleh Kerajaan Negeri dan saya minta lah, saya minta sesiapa ada maklumat-maklumat yang lebih kukuh salurkan kepada kita dan kita akan, kerana memandangkan tuduhan itu sangat serius atau pun yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu agak serius, jadi saya akan, saya akan mengadakan satu mesyuarat yang khas bersama-sama dengan semua-semua YDP dan Datuk Bandar dalam sebelum hujung bulan Mac ini.

Tuan Speaker, Subang Jaya ingin nak tahu kaedah penangkapan anjing MPSJ didakwa kejam dan zalim itu. Jabatan Kesihatan MPSJ telah menjalankan operasi penangkapan anjing mengikut prosedur dan kaedah yang dibenarkan iaitu Garis Panduan, Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar pada Mei 2008 oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Untuk tujuan tersebut MPSJ menggunakan kaedah *look and rode*. Merujuk kepada dakwaan bahawa kakitangan telah menzalimi anjing semasa penangkapan dibuat adalah tidak benar oleh kerana gambar yang ditunjukkan dalam akhbar bahawa anjing tersebut cedera, cacat, berkudis sebelum penangkapan. Perkara tersebut telah disahkan oleh Ketua Seksyen Aneka Haiwan Veterinar, Putrajaya bahawa anjing

tersebut memang telah cedera sebelum penangkapan dan bukan akibat penangkapan. Gambar yang menunjukkan anjing terputus dua, bukan berlaku di kawasan MPSJ. Untuk tujuan penambahbaikan MPSJ sedang menguji kaedah-kaedah baru yang boleh, yang lebih praktikal seperti *security net launcher*, *dog catching net*, *look and rode* terbaru yang mempunyai kunci dan bukannya dijerut dan saya sendiri akan membuat cadangan kepada MPSJ dan PBT yang lain supaya mengadakan mesyuarat dengan NGOs seperti SPCA supaya kita dapat memantapkan lagi garis panduan mengenai penangkapan anjing itu.

Mengenai pemberian *sticker* kepada golongan orang kurang upaya saya ingin memuji MPSJ kerana merupakan aktiviti pertama

YB PUAN GAN PEI NEI: Puan Speaker, minta penjelasan sikit.

PUAN SPEAKER: Pandamaran, Rawang ingin mencelah.

YB. TUAN LIU TIAN KHIEW: Sekejap ya, sekejap. MPSJ adalah PBT yang pertama yang mengeluarkan stiker OKU semenjak tahun 2005 secara percuma dan telah membuat kerjasama dengan ADUN Subang Jaya tahun lepas dengan membuka kaunter khas untuk pendaftaran OKU. Syarat-syarat bagi menerima pelekat ialah no. 1, berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan kedua tinggal atau bekerja di kawasan MPSJ. Dipersilakan.

YB PUAN GAN PEI NEI: Mengikut apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Subang Jaya juga bahawa operator atau pun pengusaha yang tangkap anjing ini adalah juga dimonopoli oleh syarikat tertentu sahaja jadi adakah Yang Berhormat bercadang untuk *review* dengan izin semula kontraktor dan operator yang sedia ada.

YB. TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih. Memang ada cadangan dan kita akan menghadkan kontraktor tidak boleh membuat *business* ini lebih daripada satu kawasan PBT supaya mengelakkan kontraktor yang tidak bertanggungjawab ataupun pekerja di bawah kontraktor yang tidak bertanggungjawab.

Mengenai pewartaan Taman Tasik Subang Ria, Taman Tasik Subang Ria adalah merupakan tanah hak milik *Sime Darby* dengan keluasan anggaran 80 ekar. Oleh sebab ia tanah milik pewartaan tidak dapat dilakukan kerana hanya tanah Kerajaan sahaja yang boleh diwartakan di bawah Kanun Tanah Negara. Walau bagaimanapun pihak pemaju atau pemilik tanah pernah mencadangkan untuk membangunkan kawasan di pinggir tasik dan akan menyerahkan kawasan taman dan tasik-tasik telah dinaiktarafkan kepada pihak Majlis dan saya bercadang satu pendengaran awam akan di adakan sebelum sebarang kelulusan diberikan kepada syarikat tertentu untuk supaya semua penduduk di Subang Jaya memahami isu ini, sebab saya pada fikiran saya, saya rasa ramai penduduk membuat bantahan kerana mereka dalam fikiran mereka anggapkan Tasik Ria itu sebagai kawasan lapang kawasan Kerajaan Negeri sebenarnya tidak dan

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Minta penjelasan.

PUAN SPEAKER: Minta penjelasan. Silakan Subang Jaya.

YB. TUAN LIU TIAN KHIEW: *Sorry*, boleh-boleh.

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Tahukah Yang Berhormat Pandamaran bahawa satu pendengaran awam pernah dibuat di Subang Jaya dan banyak kakitangan Kerajaan Negeri Selangor tahu mengenai kes ini dan lebih 1,000 orang telah datang menghadiri pendengaran awam tersebut dan keputusan yang telah dibuat melalui pendengaran awam iaitu jelas mereka tidak mahu melihat sebarang pembangunan di kawasan tersebut dan ada satu keratan akhbar, saya tak ada bawa dekat sini tetapi ada maklumat yang mengatakan dalam surat khabar itu bahawa tanah tersebut telah diberi pemberimilikan kepada, pemaju telah salah dibuat, ada keratan akhbar tersebut dan pihak penduduk telah menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar beberapa bulan yang lalu untuk Kerajaan Negeri mengambil tindakan dan mewartakan kawasan lapang tersebut.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, apa yang saya jelaskan tadi ramai penduduk dalam fikiran mereka tempat itu adalah kawasan lapang, dan sebenarnya tidak. Tetapi kalau sekarang kalau kita mahu katakan dalam keadaan yang mana, macam mana tanah itu yang pada ketika itu merupakan kawasan lapang dan sekarang sudah jadi milik, sudah jadi milik syarikat tertentu itu, ini satu perkara yang kita kena buat siasatan. Kalau tidak tanpa siasatan kita tak boleh buat apa-apalah, komen di sini dan kerana ini merupakan satu projek yang penting, yang agak besar. Saya bercadang agar sebelum apa-apa kelulusan diberi mungkin kes ini boleh dibangkitkan ataupun dibentangkan di MTES atau juga EXCO sebelum kelulusan didakan.

Pegawai yang telah ditukar ke SUK masih menggunakan kemudahan MPSJ. Sebenarnya pegawai tersebut masih merupakan kakitangan MPSJ dan dibayar gaji dan elaun oleh MPSJ sampai hari inilah. Oleh yang demikian, beliau sesekali ada datang ke pejabat untuk menyelesaikan masalah kerja yang tertunggak. Saya faham cara ini tidak merupakan satu cara yang sihat tetapi saya terpaksa mencari satu jalan yang lebih sesuai kerana pegawai yang tersebut itu pada pandangan kita pun kita tidak harus dia tidak harus berbalik kepada MPSJ lagi kerana ini akan menimbulkan kekeliruan ramai termasuk Ahli-ahli Majlis.

Isu bangunan pejabat MCA yang dibina atas tanah kerajaan. Pihak MPSJ ada menerima permohonan kebenaran berancang untuk tujuan penggunaan bangunan pejabat MCA dan tadika. Walau bagaimanapun, MPSJ hanya meluluskan kebenaran merancang untuk tadika berdasarkan syarat TOL yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Petaling. Kelulusan ini adalah sehingga 31 hari bulan Disember 2009, dan diarahkan pindah ataupun ditutup selepas tempoh tamat.

Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, inilah isu-isu yang spesifik yang dapat saya memberi jawapan dan saya meminta, saya menjemput ADUN-ADUN yang rasa saya belum jawapan yang lengkap ataupun tidak langsung memberi jawapan bolehlah berjumpa dengan saya selepas Dewan ini dan

PUAN SPEAKER: Ada Sekinchan ni minta penjelasan

YB TUAN NG SUEE LIM: Minta penjelasan sikit lagi, sikit lagi.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Ok

YB TUAN NG SUEE LIM: Tadi saya terima, apa penjelasan daripada Yang Berhormat Pandamaran berkenaan dengan projek usaha sama tu. Tadi tu saya minta berapa luas tanah tersebut, tanah-tanah yang MBSA terpaksa digadaikan kepada Bank Islam, saya minta berapa luas tanah tu tidak diberitahu. Ha.. ini penting, ini penting saya nak tahu berapa luas tanah tersebut. Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, saya tidak dapat menjawab ini kerana saya tidak ada data dengan saya tetapi saya akan beritahulah selepas Dewan ini.

PUAN SPEAKER: Ya, Seri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Ya, terima kasih. Terima kasih Puan Speaker. Yang Berhormat Pandamaran, saya daripada pagi tadi sehingga sekarang ini, saya melihat jawapan yang diberikan oleh Pandamaran tidak memenuhi apa yang kebanyakan Ahli-ahli Dewan inginkan. Saya nampak apa yang dikemukakan jawapan yang diberi lebih kepada jawapan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada Yang Berhormat Pandamaran, tetapi ianya tidak diolah. Saya nampak tadi tentang jawapan di Kota Kemuning, sebab Kota Kemuning ini dalam kawasan saya. Saya tahu apa yang berlaku. Persoalannya, bukan kita menentang apa-apa bentuk jenis pembangunan yang nak dibawa, kalau nak ditukarkan bangunan, kalau tak ada orang guna *parking lot* dengan izin, kemudian kita nak tukar nak dibuatkan kedai dan sebagainya kita setuju, tetapi apa yang kita nak utarakan ialah inti pati dan juga syarat guna itu. Isi perjanjian dan juga peraturan tentang perkara-perkara yang ditulis, yang direkodkan, kenapa waktu dibentangkan di dalam Majlis ceritanya lain dan bila dibuatkan perjanjian bila turun tandatangan isi dalamnya lain, itu yang perlu diperjelaskan. Dan kita punya banyak bukti. Saya hari ini saya bawa ni tebal ni, nak angkat pun tak larat, berat. Ini berat ni bukti ni, beratkan Sekinchan, beratkan (Dewan ketawa) tebal ni, ni. Kalau Yang Amat Berhormat Tan Sri nak dalam bentuk kes saya bawa hari ini, berat ni, lebih 5 kilo saya rasa, ada Sekinchan 5 kilo. Ini kertas ini berat ni tetapi salah laku ini lagi berat, kalau perkara sebegini Yang Berhormat EXCO yang bertanggungjawab kepada PBT tidak dapat diselesaikan saya bimbang, ini cuma satu PBT, PBT yang lain. Jadi tolong dapatkan jawapan yang konkrit yang boleh diperjelaskan kepada semua Ahli Dewan. Saya gunakan bahasa yang lembut semalam tetapi Taman Templer dia terus menggunakan bahasa yang keras, tetapi hari ini pun saya nak keras juga.

PUAN SPEAKER: Seri Muda, terus kepada apa yang nak diperjelaskan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Sebab apa, saya, jadi

PUAN SPEAKER: Terus kepada apa yang nak diperjelaskan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Puan Speaker. Jadi soalan saya, Yang Berhormat Pandamaran tolonglah apa yang kita bicarakan ini ialah perkara berkaitan hak rakyat keadilan kepada rakyat untuk rakyat, duit rakyat. Jadi jawapan yang diberikan itu saya amat tidak setujulah supaya, kalau nak bagi jawapan tolong kaji, dapatkan yang betul, jangan Cuma *copy* daripada PBT, bawa *explain* kepada kita, kita tak nak yang macam itu. Kita nak ubah, kalau tak boleh tukar pegawai, cari satu jalan macam mana pegawai tu boleh ditukar, bukannya ikut sahaja apa yang diurus dalam zaman BN dulu.

PUAN SPEAKER: Baik Seri Muda, saya fikir

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Geram, geram

PUAN SPEAKER: Yang Berhormat Pandamaran dah faham apa yang dimaksudkan itu.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, bukannya saya sudah kata saya minta, saya sudah kata kita akan membuat siasatan dengan lebih teliti

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Tuan Speaker, saya setuju buat siasatan itu

PUAN SPEAKER: Seri Muda, kalau sekiranya

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Bagi masa

PUAN SPEAKER: Seri Muda, jika ingin bercakap mesti minta izin dahulu

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih, minta maaf

PUAN SPEAKER: Ini bukan amalan Pakatan Rakyat.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, saya telah kata kita akan mulakan siasatan dan perkara ini baru sahaja dibangkitkan hari ini. Jadi mintalah kesabaran Yang Berhormat dari Seri Muda dan sebenarnya ada satu lagi isu yang sangat penting dibangkitkan oleh Subang Jaya iaitu mengenai cadangan pembangunan di atas tapak telekom USJ 6. Pihak Telekom *Facilities* dengan usaha sama Pujangga Budiman telah mengemukakan permohonan kebenaran merancang bagi cadangan 9 tingkat bangunan pejabat di atas sebahagian tanah tapak telekom. MPSJ telah menguruskan permohonan ini mengikut prosedur kebenaran merancang di bawah kaedah-kaedah kawalan perancang am Selangor dan Akta Perancangan Bandar dan Desa. Seramai 30 penduduk telah diberi notis, pemunya tanah berjiran dan sebanyak 23 bantahan telah diterima. Pendengaran bantahan telah diadakan pada 17 Jun 2008 dan seramai 36 penduduk telah hadir. Pihak Majlis telah merujuk permohonan ini kepada Jawatankuasa Perancangan Negeri untuk mendapatkan arahan sama ada tapak telekom boleh dimajukan dengan pembangunan perniagaan berdasarkan surat hak milik tanah yang dinyatakan sebagai kegunaan perniagaan. Jawatankuasa Perancangan Negeri yang bermesyuarat pada 25 November 2008 telah membuat keputusan untuk menyokong permohonan ini setelah mengambil kira semua perkara berkaitan hal tanah dan perancangan serta bantahan penduduk. Seterusnya Mesyuarat Jawatankuasa OAC, MPSJ telah meluluskan kebenaran merancang permohonan ini berdasarkan sokongan Jawatankuasa Perancangan Negeri. Walau bagaimanapun, penduduk yang membantah masih boleh membuat rayuan di lembaga rayuan terhadap keputusan yang telah diberikan di Lembaga Rayuan Negeri Selangor di tingkat 18, Wisma Darul Ehsan. Pihak pembantah telah dimaklumkan mengenai prosedur bantahan tersebut.

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SWAN: Minta penjelasan Puan Speaker.

PUAN SPEAKER: Ya, silakan Subang Jaya.

YB PUAN HNNAH YEOH TSEOW SWAN: Saya nak tanya, Yang Berhormat Pandamaran tahu tak baru semalam saya menerima *e-mel* daripada pegawai MPSJ setelah mereka menemui fail lama dan saya telah diberitahu pada tahun 2006 Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Bandar telah diadakan pada 15 Februari 2006 dan mesyuarat penuh MPSJ pada 27 Februari tahun 2006 telah membuat keputusan menolak rayuan Telekom dan mengekalkan tapak tersebut, tapak kemudahan awam telekom. Ini maklumat, ini baru saya terima semalam. Saya nak tanya sama ada MPSJ ada tak salurkan maklumat ini kepada EXCO di Jawatankuasa Perancang Negeri sebelum meluluskan permohonan ini. Saya rasa ini satu kes *clear sabotage* oleh MPSJ kerana tidak memberitahu maklumat penuh ini kepada EXCO. Saya baru terima *e-mel* ini semalam dan tahun 2006 mereka telah menolak rayuan ini dan telah membuat keputusan mengekalkan tapak tersebut tapak kemudahan awam telekom. Kenapa tahun ini, tahun lepas 2008 mereka tak beritahu kita dah luluskan. Sila buat siasatan, saya minta, terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, saya rasa permintaan Subang Jaya adalah munasabah kerana nampaknya, nampaknya tanah yang dipertikai itu sekarang telah disyaratkan sebagai perniagaan. Jadi mungkinlah, mungkin ada kesalahan ataupun kesilapan berlaku pada zaman yang dulu. Tetapi saya tidak dapat memastikan pada setakat ini saya akan buat siasatanlah terhadap macam mana satu permohonan yang telah ditolak dan akhirnya pula boleh dijalankan, kerana dan macam mana

PUAN SPEAKER: Pandamaran,

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Macam mana syarat guna tanah itu boleh daripada tapak TNB dan menjadi perniagaan. Jadi saya hanya bolehlah buat cadangan untuk mengadakan satu penyiasatan yang lebih teliti ataupun lebih mendalam.

PUAN SPEAKER: Seri Muda ingin minta penjelasan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Saya daripada tadi dah saya sebut, kita di Dewan ini nak satu *time frame* dengan izin, kita nak satu tempoh masa, jangan siasat, akan siasat, bagi ruang siasat, buatlah satu tarikh yang spesifik kerana semua orang akan boleh bantu. Apa yang kita nak ialah satu penjelasan konkrit bahawa perkara ini akan diselesaikan dalam tempoh 2 bulan, 3 bulan, 5 bulan, 6 bulan. Ini diberi satu yang subjektif, yang kita tak tahu bila akan selesai, bila akan dilakukan. Saya nak supaya Yang Berhormat Pandamaran tolong ambil kira kerana ia melibatkan wang rakyat dan duit rakyat. Kita, satu contoh saya nak bagi, kita bersetuju dengan tol tetapi kita tidak setuju ialah inti pati perjanjian dalam tol di mana setiap tahun meningkat dan sebagainya. Jadi kita minta Pandamaran tolong siasat ini, dan bagi satu tempoh masa supaya semua ADUN kawasan-kawasan kita semua tahu apa yang berlaku dan kita boleh jelaskan kepada pengundi-pengundi dan rakyat di kawasan tersebut. Saya minta sangatlah, terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, terima kasih. Isu ini baru saja dibangkitkan oleh Subang Jaya katakan ada mendapatkan satu dokumen yang atau pun *e-mel* yang dia baru saja terima. Bagi saya, saya tidak pasti siasatan ini akan mengambil berapa lama. Saya hanya boleh berjanji saya akan mengadakan penyiasatan dan kalaulah Sri Muda ada caranya atau pun ada cadangan dalam masa berapa satu bulan ke, dua bulan ke, mesti boleh disiapkan. Sila memberi cadangan. Tapi pada setakat ini saya tak boleh. Sebab saya tak tahu isu ini akan mengambil

berapa lama. Tetapi saya berjanji penyiasatan akan dijalankan dengan serta merta. Dan sebelum saya mengakhiri gulungan hari ini saya ingin beritahu Sg. Burong walau pun Tuan Speaker dia tidak ada di sini bahawa ..

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Puan Speaker, penjelasan.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: *Sorry, ya.*

PUAN SPEAKER: Adakah Pandamaran benarkan.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Ok.

PUAN SPEAKER: Sila.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tentang pembangunan cerun, jawapan itu tidak memuaskan, apa yang telah dijawab tentang kawasan Melawati dan Kemensah. Itu adalah jawapan sebahagian daripada masalah keseluruhan. Apa yang perlu diperhatikan oleh pihak kerajaan adalah pembangunan di kawasan Melawati dan Kemensah itu cukup kritikal. Kerana kalau kita buat *google search* kawasan permukaan di kawasan Klang Gate yang ditutup dek air itu, dam itu lebih besar daripada kawasan seluruh Taman Melawati. Jadi kita boleh bayangkan sekiranya penerokaan-penerokaan dilakukan. Saya turun sendiri, saya bawa anggota daripada Jabatan dan saya tahu semalam MPAJ memanggil pemangku pengarah kejuruteraan dan saya sudah berbincang dengan dia. Jadi masalahnya adalah saya tengok pelan itu sendiri, latar belakang saya pun seorang Jurutera walau pun mekanikal tetapi saya tahu sedikit sebanyak. Jadi masalah saya tengok dalam pelan itu patutnya cerun itu dipotong tiga *burm*. Bila saya naik ke tempat itu, tinggal dua *burm* sahaja. Maknanya terlalu cerun dan bila kita hendak tengok *the platform* jalan itu memang tidak ada tempat lagi nak buat. Jadi persoalannya mungkin dia boleh *rectify* tetapi apabila diserahkan kepada Kerajaan Tempatan, Kerajaan Tempatan yang nak kena *maintain*. Kosnya terlalu tinggi. Inilah masalahnya yang kita tidak mahu diulangi, peristiwa di Bukit Antarabangsa. Jadi, saya minta pihak kerajaan menangani bukan *piece-meal* dengan izin seperti melihat *totality* masalah pembangunan di kawasan Melawati, Hulu Kelang, Bukit Antarabangsa dan kawasan Kemensah. Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, saya memang setuju dengan Hulu Kelang bahawa jawapan yang kita beri itu tidak memuaskan kerana kuasanya untuk cerun itu bukan sahaja di dalam tangan PBT dan juga lebih-lebih lagi di tangan JKR. Dan kita masih menunggu satu laporan yang terperinci yang akhir daripada JKR hujung bulan Mac ini dan walau bagaimana pun negeri Selangor memberi perhatian serius berkenaan dengan kejadian tanah yang berlaku kebelakangan khusus di kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa. Dan untuk makluman sehingga hari ini terdapat sebanyak 99 projek yang telah diluluskan oleh PBT di negeri Selangor pada masa yang lampau. Dan di kawasan tanah tinggi dan cerun khususnya di kelas tiga. Daripada jumlah tersebut sebanyak 50 projek diluluskan dari tempoh tahun 2000 hingga Januari 2005. Manakala dari tempoh Februari 2005 sehingga Februari 2008 sebanyak 49 projek lagi telah diluluskan. Jadi daripada 99 projek tersebut sejumlah 69 projek sedang berjalan, 20 belum mula dan 4 projek didapati terbengkalai serta bagi 6 projek di Majlis Perbandaran Sepang lagi tiada maklumat. Jadi apa yang telah diluluskan pada masa yang lama kerajaan yang baru tidak dapat menolak, tidak dapat menolak selagi kita tidak rela, kita atau kita boleh *afford* dalam bahasa orang putih boleh *afford* membayar pampasan

kepada pemaju-pemaju tertentu. Maksud saya kita tak boleh tolak begitu saja, tetapi apa yang boleh kita buat kita dengan kerjasama JKR, dengan PBT kita akan membuat pemantauan yang lebih terperinci dan lebih telitilah supaya kita dapat mengelakkan tragedi tanah runtuh seperti Antarabangsa itu. Itu sahaja yang kita boleh buat. Tetapi sedia maklumlah kerajaan baru sejak kita mengambil alih kita telah melarangkan sebarang pembangunan di lereng bukit di atas kelas tiga dan kelas empat. Puan Speaker, dengan ringkasnya walau pun Sg. Burung tidak ada di sini saya ingin memberitahu dia di dewan yang mulia ini kalaulah Pakatan Rakyat ada peluang di TV, radio dan mas media dan sebagainya kita tidak perlu pergi ke jalan raya. Jadi katakan saya naik turun, naik turun itu saya pun rasa sedih, sekarang saya pun diheret ke mahkamah banyak kali. Itu bukan yang kita mahu. Tetapi kalau kita tidak ada peluang yang adil di mas media itu janganlah salahkan kita akhirnya saya ingin mengingatkan semua kawan-kawan di UMNO bahawa sejarah UMNO, UMNO terjadi sejak hari ini...

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Puan Speaker, minta maaf Puan Speaker, Puan Speaker minta laluan, minta laluan, Puan Speaker minta laluan.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Nanti, nanti dulu ah, sekejap, sekejap,

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tak kalau nak sebut jangan sebut UMNO. Kalau hendak sebut, sebut pakatan Barisan Nasional ke apa, jangan sebut UMNO. Nak jawab, jawab soalan PBT, Jangan main politik di sini.

PUAN SPEAKER: Templer, Templer.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: UMNO, UMNO menjadi sebuah

PUAN SPEAKER: Templer, kalau nak bercakap minta izin dahulu, jangan serbu macam itu sahaja.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Yalah, bersopanlah sikit.

PUAN SPEAKER: Ini budaya apa ni!

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tidak bersopan

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Memang tidak bersopan.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Memang saya tidak bersopan, jangan sebut UMNO.

PUAN SPEAKER: Duduk Templer.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Saya akan terus sebutkan UMNO kerana UMNO ini bukan satu nama yang kotor. Betul tak. Apa salahnya saya sebut UMNO?

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Jawablah pasal PBT, Puan Speaker, saya minta laluan. Puan Speaker.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Sebab Sg. Burung katakan Pandamaran naik turun, naik turun di mahkamah.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Sg. Burung, Sg. Burunglah.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Eh! Sg. Burung pun dari UMNO. Okey, jadi saya mengingatkan saudara-saudara dari UMNO bahawa UMNO menjadi sebuah parti kerana UMNO pada mulanya mengadakan demonstrasi terhadap apa-apa isu yang mereka tidak boleh terima di dalam di bawah jajahan British pada masa itu. Jadi, ingatlah balik itulah sejarah UMNO janganlah lupakan sejarah itu. Itu sahaja mesej saya. Sekian saya ucapkan terima kasih kepada semua yang berhormat.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker. Tuan Speaker.

YB TUAN LAU WENG SAN: Kita ada perkara-perkara lainlah.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Saya anggap sudah habislah. Boleh. Boleh.

PUAN SPEAKER: Cempaka.

YB TUAN NG SUEE LIM: Mana? Kg. Tunku?

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya hanya beberapa *point* di sini, saya minta ulasan daripada EXCO. Pertama sekali ialah tentang pindaan garis panduan Perancangan Bandar dan Desa. Kedua tentang pewartaan RT PJ 2 sampai sekarang kita belum ada apa-apa keputusan lanjutan. Apakah status. Ketiga tentang Ahli Majlis yang dilantik menjadi JKP, ketua JKP adakah mungkin kita boleh melonggarkan sikit kalau Ahli Majlis ini menghadapi masalah bolehkah kita katakan memberikan kebebasan, kalau yang mampu itu boleh menjadi pengerusi majlis, kalau yang tidak mampu itu boleh menjadi seorang wakil daripada seorang persatuan yang mempunyai *star* kepimpinan yang tinggi supaya kita boleh apa ni bagi peluang dan mungkin individu ini pun boleh dimasukkan sebagai Ahli Majlis di bawah tiket NGO, dan sebab saya lihat ini adalah satu *option* untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh majlis yang selalunya dibebankan dengan tugas-tugas yang berat dan sehingga ada yang terpaksa mengorbankan kerja sepenuh masa mereka. Hanya ingin meminta ulasan daripada Yang Berhormat Pandamaran.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih, Kg. Tunku, sebenarnya memang seperti yang dikatakan oleh Sri Muda dua hari yang lalu katakan PBT merupakan orang hadapan dan orang harapan. Dan usaha kerajaan setakat ini memanglah ke tujuan itu supaya kita boleh memperkasakan bukan sahaja pegawai dan juga termasuk Ahli Majlis dan juga Datuk Bandar dan YDP sendiri. Tetapi, kita perkara ini atau pun perubahan ini mengambil masa yang agak panjang sikit, kerana ada banyak masalah yang berlaku di masa yang lampu, ada banyak yang tidak betul. Jadi kita ambil masa untuk membetulkan perkara-perkara yang tersebut dan sistem dan juga sistem yang sedia ada itu sekarang kita telah cuba membuat perubahan melalui *stanco meeting* bagi makluman dewan yang mulia ini setiap bulan kita ada *stanco meeting* di mana semua YDP di jemput datang bersama-sama dengan agensi kerajaan yang terlibat, yang *relevan* untuk membuat perbincangan, untuk mencari penyelesaian dan sebagainya. Dan selain daripada itu kita telah mengambil langkah seperti mengadakan mengeluarkan garis panduan yang baru termasuk untuk *billboard*, untuk burung walit dan sebagainya supaya kita dapat memperkasakanlah pentadbiran PBT, dan PBT sekarang dibantu oleh UPEN dengan pegawai-pegawai yang agak berpengalamanlah. Jadi kita tak ada

masalah yang besar. Cuma kita menjemputlah, kita menjemput semua ahli Yang Berhormat ada-ada cadangan atau pun pandangan atau pun teguran datanglah, datanglah ke pejabat saya atau pun menulis kepada saya supaya kita dapat bersama-sama mencari memperkasakan semua PBT. Tetapi saya ingin menegaskan bahawa kita hanya boleh mengambil tindakan terhadap kes-kes yang ada bukti yang kukuh, kita tak boleh bertindak kerana kita dengar ada cerita itu, ada benda itu. Kita kena buat siasatan terlebih dahulu. Itulah saya minta kesabaran semua ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Terima kasih.

YB TUAN NG SUEE LIM: Sedikit, sebelum habis. *Last ya, last.* Janji Puan Speaker ya, ini *last.* Saya memang tahu kita faham Pandamaran hendak menerajui PBT ini berat bukan senang. Terutama Pandamaran bukan Menteri Besar. Dulu ini portfolio PBT ini di bawah Menteri Besar. Jadi waktu itu bukan senang Yang Berhormat Sg. Panjang dulu nak mentadbir dengan baik, bukan senang. Kita faham. Tapi masalah tadi, jawapan yang diberikan berapa keluasan tanah itu sepatutnya....

PUAN SPEAKER: Sekinchan, tadi Yang Berhormat Pandamaran kata dia akan susuli dengan jawapan bertulis. Dia tidak data tersebut.

YB TUAN NG SUEE LIM: Bukan, saya tak minta data, saya nak tahu kenapa perkara ini boleh berlaku.

PUAN SPEAKER: Jangan bangkitkan soalan yang sama.

YB TUAN NG SUEE LIM: Ya, bukan saya nak beritahu kenapa dia tak dapat jawapan. Sebab apa, siapa yang sepatutnya nak beri jawapan Yang Berhormat Pandamaran? Sepatutnya dua hari yang lepas kita dah bangkitkan perkara ini, sepatutnya PBT yang berkenaan mesti beri jawapan dengan secepat mungkin. Dengan *detail* termasuk berapa tanah, siapa pemaju, siapa pengarah dia. Mesti mahu ada. Bagi kepada PBT kepada Yang Berhormat EXCO, tapi pegawai tak bagi. Ah! Ini masalah dia. Ini masalah. Jadi, saya di sini bukan nak tentang kepada semua pegawai, tidak. Kita ini sebenarnya cakap benar, benda benar orang sakit hati. Tapi saya terpaksa cakap. Walau pun saya dibenci, dimaki saya tidak mengapa. Sebab saya orang politik, masuk politik saya bukan kerana hendak jawatan, kalau menang dalam politik sebagai ahli politik mesti sentiasa bersedia. Bila-bila kalah tidak ada masalah. Tapi, hak rakyat hendak memperbetulkan pentadbiran ini mesti kita lawan. Mesti kita perbetulkan. Tak ada masalah. (Dewan bertepuk). Mungkin ada pegawai tak suka dengan saya. Ini Sekinchan, *dino-dino ngomong waie iki waie ngopo.* Tapi saya terpaksa cakap juga.

PUAN SPEAKER: Sekinchan, Bahasa apa yang guna itu.

YB TUAN NG SUEE LIM: Bahasa Jawa.

PUAN SPEAKER: Bahasa Jawa tidak dibenarkan bercakap.

YB TUAN NG SUEE LIM: Sebab apa tadi apa yang saya cakap ini Yang Berhormat Sekinchan hari-hari bangkit benda-benda macam ini buat apa. Hendak merosakkan imej, tidak. Saya hendak tegaskan di sini, saya tidak berniat sama sekali. Lagi baik saya berniaga, saya cari makan sendiri lagi senang. Buat apa saya nak buat kerja macam ini, orang benci sama saya. Kawan mesti dicari, jangan musuh dicari. Tapi terpaksa, kalau saya tak cakap siapa nak cakap. Ah! Ini penting. Kalau saya tak

bangkit, semua diam sahaja macam pak turut macam Barisan Nasional dululah. Apa pembaharuan yang kita hendak bawa. Apa demokrasi yang kita hendak bawa untuk rakyat. Tak ada sama sekali. Baik sokong Barisan. Ah! Ini juga penjelasan saya.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, memang benarlah Puan Speaker.

YB LAU WENG SAN: Sebelum saya terlambat, saya hendak bagi...

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku, tunggu dulu, mesti minta izin.

YB TUAN LAU WENG SAN: Puan Speaker, minta izin.

PUAN SPEAKER: Adakah Pandamaran benarkan.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Minta izin dulu.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, ada satu *point* yang tadi saya bangkitkan tentang garis panduan Perancangan Bandar dan Desa dan juga RT PJ 2. Belum lagi dijawab. Boleh buat sikit ulasan. Kalau boleh minta supaya dipercepatkan. Kemudian beritahu pegawai-pegawai berkenaan supaya dipercepatkan. Dan saya akan berunding dengan pegawai-pegawai berkenaan untuk betul-betul percepatkan.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Puan Speaker, setahu saya sebarang draf rancangan tempatan itu akan sebelum diluluskan akan kerajaan negeri akan mengadakan pendengaran awam. Jadi, tunggulah sedikit masa dan kita akan mengadakan pendengaran awam sebelum draf rancangan Petaling Jaya kedua itu diluluskan. Dan untuk, untuk Perancangan Bandar dan Desa jawatankuasa ini atau pun jabatan ini memang ada mesyuarat yang kerap dan dalam mesyuarat itu mereka kita semua akan berbincanglah, berbincang semua isu-isu yang penting dan atau pun projek-projek yang dibentangkan untuk kelulusan dan kita akan bincang. Saya tidak faham apa maksudnya garis panduan untuk perancangan Bandar dan Desa. Sudah ada, memang sudah ada garis panduan dan garis panduan yang sedia ada pun selalu dibaharui memandangkan perkembangan semasa dari ke semasa. Jadi, kalaulah hendak minta garis panduan, ada, ada dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Terima kasih.

YB TUAN LAU WENG SAN: Saya tahu, memang ada dan terima kasih Puan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO saya tahu ada. Saja dua hari yang lalu saya ada cadangkan, pindaan dilakukan terhadap garis panduan yang ada sebab saya nampak apabila kita menangani isu-isu setempat di kawasan kita, kita nampak garis panduan yang diterima pakai ini sudah lapuk, sudah lama dan saya tak tahu bila dia disediakan. Saya boleh *download* seluruh garis panduan dari laman web Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Tapi saya rasa ada *detail, detail* di dalamnya yang perlu dirujuk kembali. Contohnya yang saya bangkit ialah tempat letak kereta. Peruntukan dia di bangunan perumahan bertingkat. Ianya perlu ditambah tetapi sekarang kita masih guna *standard* yang sama padahalnya bilangan kereta telah bertambah. Kebanyakan jalan raya masih yang sama atau bertambah dengan kadar yang rendah. Jadi lama kelamaan kita akan menghadapi masalah ini. Kereta-kereta kena diletak di luar jalan dan semua akan susah.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Ya, Puan Speaker, Terima kasih, saya minta Kg. Tunku menulis surat atau pun datang ke pejabat saya atau pun kita buat satu lawatan ke

Jabatan Perancang Bandar dan Desa supaya kita boleh tahulah apa yang Kg. Tunku mahu dan apa yang dikatakan tidak sesuai lagi dan kena ada pindaanlah. Jadi datanglah ke *office* atau pun menulis kepada saya. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Cempaka.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Sikit lagi, satu lagi.

TUAN SPEAKER: Cempaka.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim.* Selamat petang kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Puan Speaker dan YB-YB sekalian, DYMM Tuanku telah menyatakan hasrat Baginda agar perumahan kos rendah di bandar seharusnya diberikan perhatian yang lebih teliti. Hasrat ini difahami oleh ahli-ahli YB sekalian yang telah menyentuh akan perkara ini di dalam ucapan-ucapan dan terutamanya perumahan bertingkat yang melibatkan perumahan rakyat dan rumah kos rendah telah disentuh ataupun terkandung banyak kali di dalam ucapan YB-YB sekalian. Sebenarnya ramai penduduk tidak menyedari bahawa akhirnya urusan kediaman-kediaman mereka adalah tanggungjawab penduduk menerusi Badan Pengurusan Bersama ataupun JMB ataupun Perbadanan Pengurusan atau MC. Ini tidak mengejutkan kerana Akta yang berkaitan iaitu Akta 663 masih baru dan mempunyai banyak kelemahan. Pihak yang bertanggungjawab mentadbir dan menguatkuasakan Akta ini iaitu Pesuruhjaya Bangunan ataupun COB (*Commissioner Of Building*) juga masih baru di dalam tugas mereka. COB sekarang ini adalah Dato' Bandar-Dato' Bandar dan Yang Dipertua-Yang Dipertua, Pihak Berkuasa Tempatan. Ada beberapa langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah yang timbul daripada perumahan bertingkat. Yang pertama adalah untuk menguatkan atau memperkasakan COB. Ini telah dicadangkan oleh Subang Jaya dan saya amat bersetuju. Sehubungan itu, Mesyuarat EXCO telah meluluskan kajian untuk menubuhkan satu Jabatan baru iaitu Jabatan COB yang mungkin dikenali sebagai Jabatan Pengurusan Bangunan Dan Harta Bersama di setiap PBT. Jabatan yang baru ini diharap akan dapat menyelesaikan banyak masalah-masalah yang berhubung-kait dengan perumahan-perumahan bertingkat. Walau bagaimanapun, ia memerlukan sedikit masa kerana melibatkan perjawatan, pelantikan dan bajet PBT. Dijangkakan kajian ini akan siap pertengahan bulan Mei dan sasaran penubuhan Jabatan ini adalah selewat-lewatnya pada 1 Januari 2010. Sementara itu, setiap COB diminta untuk menyatakan keperluan kakitangan mereka sehingga Jabatan ini ditubuhkan. Setiap COB diminta menyatakan keperluan kakitangan mereka supaya dapat dilakukan pergerakan kakitangan dalaman untuk mengukuhkan COB-COB. Setakat ini terdapat 29 orang Pegawai-Pegawai baru dari Kerajaan Persekutuan di PBT-PBT untuk menjalankan tugas COB. Selain dari itu, Mesyuarat EXCO telah juga meluluskan apa yang dipanggil sebagai Petugas-Petugas Khas Akta 663 untuk membantu kerja-kerja COB di PBT-PBT. Seramai 12 orang Petugas Khas yang dibayar gaji akan membantu COB untuk tempoh 6 bulan. Petugas ini akan diberikan kursus pada bulan April sebelum menjalankan tugas mereka. Tetapi masalahnya tidak ramai yang telah memohon untuk menjadi Petugas COB ini. Petugas Khas Akta 663 ini dan saya ataupun kita membuka seluas-luas ruang kepada mereka yang mempunyai pengalaman dan sekarang ini *source* kita adalah atau sumber kita adalah NGO-NGO atau Persatuan-

Persatuan Bukan Kerajaan yang begitu aktif di dalam Persatuan Penduduk dan juga perihal-perihal yang melibatkan pembangunan-pembangunan bertingkat.

Selain daripada itu, kursus juga kerap diberikan kepada Pegawai-Pegawai COB untuk mempertingkatkan kemampuan mereka sebab terdapat banyak ataupun terdapat aduan-aduan yang sebenarnya yang kadangkala tidak dapat diselesaikan oleh kerana masalah-masalah sama ada masalah pentadbiran atau masalah yang ada pada Akta itu sendiri. Langkah kedua adalah penambahbaikan kepada Akta 663 itu sendiri. Akta ini mempunyai sekurang-kurangnya 37 kelemahan. Walau bagaimanapun, meminda Akta hanya boleh dibuat di Parlimen. Cara yang lebih mudah adalah dengan pihak Negeri mewujudkan garis panduan kepada Akta ini. Seksyen 41 Akta ini menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri berhak membuat tafsiran kepada Akta ini dan tidak boleh dicabar di Mahkamah. Jadi untuk Fasa I, garis panduan bagi *prosiding* mesyuarat penubuhan JMB telah diedarkan kepada PBT-PBT untuk diguna pakai. Ini untuk di Negeri Selangor, ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri, kita mewujudkan suatu garis panduan yang tidak ada sebelum ini.

Bagi Fasa II, garis panduan lengkap bagi Akta 663 akan disiapkan untuk edaran kepada PBT-PBT selewat-lewatnya pada akhir bulan Mei ini. Kita berharap dengan penambahan kakitangan Petugas Khas Akta 663 dan akhirnya penubuhan satu Jabatan COB, perhatian boleh diberikan kepada perumahan bertingkat sama ada penguatkuasaan ke atas agen pengurusan atau pemaju yang ingkar atau kempen-kempen kesedaran di kalangan penduduk. Masalah seperti kebersihan, keselamatan, vandalisme dan juga penyelenggaraan yang tidak sempurna selalunya berpunca sama ada daripada kecuaiannya pemaju atau agen pengurusan atau sikap penduduk itu sendiri. Kerosakan dan kerja-kerja baik pulih bangunan bertingkat adalah tanggungjawab penduduk apabila JMB atau MC telah ditubuhkan. Ianya akan dibiayai oleh satu dana yang dinamakan *sinking fund* yang dipungut secara bulanan daripada penduduk. Masalahnya yang timbul adalah di rumah-rumah kos rendah, kadang-kadang *sinking fund* ini tidak mencukupi untuk melakukan sebarang kerja-kerja baik pulih dan masalah utama adalah kerana ramai yang tidak membayar yuran penyelenggaraan. Satu penyelesaian yang mungkin kita usahakan adalah seperti di mana Kerajaan mendahulukan bayaran untuk membaiki atau membaik pulih tetapi penduduk membayarnya secara berjadual. Satu contoh adalah di mana RKR di Hulu Selangor ataupun di Bukit Sentosa di mana terdapat berlaku kerosakan bumbung yang teruk kepada 54 blok rumah kos rendah di sana. Kerajaan Negeri telah berjanji ataupun telah mengadakan suatu inisiatif iaitu untuk membetulkan atau membaik pulih bumbung-bumbung tersebut. Untuk Fasa I, Kerajaan telah membelanjakan lebih kurang RM26,000.00 untuk membuat kajian dan untuk konsultan membuat suatu cadangan pembaik pulih dan tindakan seterusnya adalah untuk kita tender, melantik perunding untuk di tender kerja-kerja membaik pulih atau menyerahkannya kepada JKR. Sasaran untuk kita memulakan kerja adalah pada pertengahan bulan Mei. Bajet Kerajaan Negeri untuk kerja-kerja ini adalah lebih kurang RM7 juta. Bagi Projek Perumahan Rakyat ataupun PPR, pengurusannya adalah oleh Kerajaan Negeri. Maka permohonan yang dibuat oleh atau cadangan yang dibuat oleh Kota Damansara boleh dipertimbangkan.

Kerajaan Persekutuan sebenarnya di dalam pakej rangsangan ekonomi telah berjanji RM200 juta untuk membaik pulih Projek Perumahan Rakyat. Oleh kerana Negeri Selangor mempunyai banyak PPR ataupun kebanyakan PPR adalah di Negeri Selangor. Maka kita berharap sebahagian besar daripada RM200 juta ini akan diperuntukkan untuk Negeri Selangor. Jika benar-benar rangsangan ekonomi ini adalah

untuk seluruh rakyat Malaysia bukan untuk negeri-negeri yang tertentu sahaja. Kota Damansara juga telah membangkitkan tentang sewa PPR dan *Council Home*. Sewanya sebenarnya tidak diturunkan, ia masih RM250.00 tetapi pengurangan kepada RM124.00 iaitu seperti sedia kala sebelum kenaikan pada bulan Jun 2007. Kepada mereka yang berpendapatan kurang dari RM1,500.00 sebulan atau per kapita kurang dari RM300.00 bagi seorang ahli keluarga, Lembaga Perumahan Hartanah Selangor telah mengadakan bancian pada 3 tarikh di PPR....pada 3 PPR iaitu pada 3, 4 dan 5 Disember. Dari 3,113 penyewa bagi 3 PPR ini, hanya 1,260 yang telah membuat permohonan pengurangan sewa dan seramai 860 disahkan layak untuk mendapat pengurangan sewa. Untuk memastikan setiap penyewa yang layak mendapat pengurangan, saya memohon penyewa agar terus ke pejabat PBT untuk membuat permohonan. Sementara itu, mereka yang merasakan diri mereka layak, sila bayar hanya RM124.00 sahaja walaupun permohonan mereka belum lagi diluluskan. Kita akan terima *in good faith* dengan hati yang suci. Kota Damansara memberitahu bahawa pejabat beliau ada menghantar senarai mereka yang layak. Lembaga Perumahan akan diarah untuk mengkaji senarai tersebut untuk dimasukkan kepada mereka-mereka yang layak menerima pengurangan sewa kepada RM124.00. Taman Templer telah bertanya tentang Bukit Botak, Kerajaan Negeri amat prihatin dengan nasib penduduk Bukit Botak. Kerajaan Negeri amat prihatin dengan nasib penduduk Bukit Botak. Kerajaan Negeri mengakui hak penduduk ke atas tanah mereka dan tidak akan sama sekali menafikannya. Oleh itu, permintaan Taman Templer agar tanah-tanah itu dikembalikan kepada penduduk tidak menjadi persoalan. Tanah itu masih milik penduduk, Kerajaan tidak akan mengambilnya tetapi masalahnya sebahagian dari penduduk telah menandatangani surat wakil kuasa atau *power of attorney* dengan pemaju asal iaitu Delpuri. Dengan itu, dari aspek perundangan, Kerajaan Negeri atau mana-mana wakilnya tidak boleh masuk ke dalam tapak. Pejabat Daerah Gombak telah diarah untuk meminta penduduk membatalkan PA ini. Apabila PA ini dibatalkan, barulah Kerajaan boleh berbincang dengan penduduk jika mereka mahu Kerajaan membangunkan tanah-tanah mereka jika tidak tanah itu milik penduduk.

Alternatif kedua, jika penduduk tidak boleh atau tidak mampu membatalkan PA, Kerajaan boleh mengambil balik tanah tersebut dan kemudiannya dikembalikan kepada penduduk tanpa sebarang bebanan. Saya rasa, tetapi adalah, Kerajaan yakin bahawa adalah lebih mudah dan cepat mereka membatalkan PA ini bersama yang telah dibuat bersama Delpuri, diserahkan kuasa kepada Delpuri. Kerajaan juga memahami masalah kewangan yang dihadapi oleh bekas penduduk Bukit Botak. Kerajaan telah mengumpulkan maklumat penduduk yang menghadapi masalah dan dikenal pasti lebih kurang 200 hingga 300 daripada 1,400 keluarga yang menghadapi masalah kewangan. Kerajaan akan mengusahakan bantuan-bantuan kepada mereka yang memerlukan menerusi saluran-saluran yang ada. Tetapi hanya kepada mereka yang layak sahaja yang akan kita usahakan bantuan kerana ada Peguam pun yang mendapat tanah di Bukit Botak. Saya rasa beliau tidak layak untuk mendapat sebarang bantuan. Sebagai Negeri berkebakjikan, Kerajaan tidak akan.....

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Puan Speaker, minta laluan. YB EXCO kalau sekiranya hasil....

PUAN SPEAKER: Taman Templer ni tak sabar-sabar ya. Saya belum lagi cakap boleh cakap. Awak terus je cakap.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Oh minta maaf. Minta laluan ye.

PUAN SPEAKER: Silakan ye Taman Templer.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: OK lah, terima kasih. Puan Speaker ni *confusekan* saya tapi tak apa. YB EXCO, sebenarnya hasil daripada maklumat yang telah di dapat oleh YB EXCO bahawa ada Peguam juga yang ada tanah di kawasan Bukit Botak. Ini sebenarnya bagi saya sendiri menjadi satu kejutan. Seperti yang dimaklumkan oleh Sekinchan, biarlah orang tak suka kita tapi kita berada di sini untuk menegakkan kebenaran. Tidak kiralah fahaman apa politik kita dan sebagainya. Jadi kalau benarlah dakwaan YB EXCO, maka saya rasa satu tindakan perlu diambil kerana sebenarnya 1,600 lebih ataupun 1,300 lebih lot tanah itu sebenarnya adalah hak orang-orang susah, setinggalan di Bukit Botak. Tapi kalaulah ada unsur-unsur di mana tanah-tanah yang sepatutnya diperuntukkan kepada mereka-mereka yang duduk di setinggalan itu telah diambil alih oleh orang-orang yang berkemampuan dan yang paling teruk orang-orang yang memang bukan asalnya daripada Bukit Botak itu sendiri, saya rasa ada unsur-unsur penyelewengan. Maka, apakah tindakan yang seharusnya ataupun tindakan yang akan dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa perkara ini menjadi satu pengajaran dan tidak akan dibuat oleh sesiapaupun. Terima kasih.....

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Taman Templer, bukan itu sahaja penyelewengan iaitu mereka yang berkemampuan mendapat tanah yang sepatutnya diberikan kepada penduduk setinggalan. Tetapi kami ataupun pihak Kerajaan Negeri telah mengumpul data-data mereka yang telah mendapat tanah dan ada di antara mereka, tanah-tanah itu sebenarnya yang STG dan Z itu diberikan kepada mereka berdasarkan kehadiran mereka di tapak itu pada tahun 1988. Dan ada di antara mereka yang pada tahun 1988 yang sekarang sudah dapat hak milik tanah umurnya kurang daripada 18 tahun. Jadi inilah di antara perkara-perkara yang amat mengejutkan kita memang kita ada senarai penyelewengan-penyelewengan dan perkara ini akan kita ambil tindakan. Jadi jangan bimbang. Yang kedua...

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Yang Berhormat Speaker, satu lagi. Mintak izin.

PUAN SPEAKER: Silakan, Taman Templer.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Saya juga nak Tanya, saya amat besar hati dengan keprihatinan Yang Berhormat EXCO tapi dua soalan, satu, bilakah masalah ini dijangka dapat diselesaikan dan kedua adakah pihak kerajaan negeri akan mengadakan satu majlis di mana maklumkan kepada penduduk-penduduk di situ yang masih hingga ke hari ini terpinga-pinga kerana terlalu banyak parti-parti atau terlalu banyak pihak-pihak yang memberi gambaran-gambaran yang tidak betul, maka saya berharap jika sekira pihak Yang Berhormat EXCO Kerajaan Negeri ada rancangan untuk memaklumkan kepada mereka saya sanggup turut serta bersama supaya gambaran yang sebenarnya dapat dijelaskan kepada penduduk-penduduk di situ. Terima kasih.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Isu atau perkara Bukit Botak ini ataupun arahan di mana kita mengarahkan kepada Pegawai Daerah Gombak untuk memaklumkan kepada penduduk bahawa supaya mereka *re-seen* dengan izin ataupun menarik balik ataupun menghapuskan *power of attorney* dengan izin telah diberikan kepada pihak Gombak pada bulan lepas. Jadi bermakna bahawa perkara ini arahan ini

sepatutnya telah sampai kepada mereka dan penerangan kepada penduduk saya rasa selepas Dewan ini kita boleh..

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Minta izin Puan Speaker. Mintak maaf ya. Tapi kalau sekiranya dah sebulan kebenaran diberi kenapakah pihak Majlis Daerah Gombak tidak maklum kepada Yang Berhormat atau ADUN di tempat berkenaan. Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Kerajaan Pakatan Rakyat memang telus dan tidak ada membezakan sama ada ADUN Barisan atau ADUN Pakatan. Sekiranya inilah arahan yang dikeluarkan maka saya amat berharap sangatlah ianya ada perancangan atau makluman yang diberikan kepada penduduk khususnya bukan di tempat lain tetapi di kawasan DUN Taman Templer saya berharap makluman itu juga disampaikan kepada pihak saya.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Kalau ada apa-apa maklumat juga kita boleh berkongsi bersama dan selepas ini saya yakin apa yang kita lakukan adalah penerangan kepada penduduk-penduduk di Bukit Botak, bukan EXCO yang turun, Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun akan turun, insya-Allah. Tentang kenapa Daya Puri yang tidak mampu masih dibangkitkan oleh Taman Templer tentang kenapa Daya Puri yang tidak mampu diberikan yang tidak sebagai kontraktor tidak mampu tetapi masih diberikan projek Bukit Botak, saya tidak mempunyai jawapan khusus sebab ini berlaku bukan di zaman kerajaan ini tetapi kenapa mereka kontraktor-kontraktor yang tidak berwibawa diberikan satu projek yang besar mungkin kerana ketika itu kerajaannya bukan kerajaan Pakatan Rakyat, mungkin itu sebab lah. Tentang siapa yang menerajui Daya Puri ini sebagaimana yang ditanya oleh Taman Templer, ia sebenarnya diterajui di antara Ahli Lembaga Pengarah nya kalau boleh saya bacakan, yang utama atau pun nama yang paling ke hadapan adalah bekas Pegawai Daerah Hulu Selangor sendiri dan beberapa individu-individu yang lain. Dan pemegang saham utama Syarikat Daya Puri ini adalah Ciptaan Antero Sdn. Bhd, nama pun antero. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, Bukit Botak seperti Berembang seperti Kampung Batu 8 di Hulu Klang akan diberi perhatian dan akan diselesaikan. Perkara yang ingin saya sentuh adalah Bukit Antarabangsa dan Teratai telah membangkitkan tentang kuota bumiputera di dalam perumahan. Perkara ini telah dibincangkan dengan panjang lebar di dalam Mesyuarat EXCO dan dalam perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Buat masa ini terdapat mekanisme memproses permohonan daripada pemaju-pemaju untuk menjual unit-unit bumiputera kepada bukan bumiputera. Ada dia punya mekanisme dia, mekanisme untuk melepaskan rumah-rumah yang tidak dapat dijual dan EXCO juga meluluskan dalam beberapa minggu yang lepas EXCO telah meluluskan kes-kes yang *genuine* seperti projek *Sepang Gold Coast* yang telah di *release* kan dengan izin kepada pembeli-pembeli bukan bumiputera. Terdapat pemaju yang memohon tetapi terdapat pemaju yang tidak *genuine* dengan izin ya yang memohon untuk menjual kuota bumi walhal unit-unit kuota bukan bumi masih banyak lagi belum dijual. Dia belum jual lagi dia punya kuota *non- bumi* tetapi dia telah membuat permohonan untuk menjual kuota bumiputera. Satu cadangan telah diketengahkan di dalam Mesyuarat EXCO di mana kerajaan sendiri membeli kuota-kuota bumiputera yang tidak terjual daripada pemaju-pemaju. Ini sebenarnya dilakukan oleh J Corp. ataupun Johor Corporation di Johor. Di harap ia akan dapat meringankan beban para pemaju yang sekarang ini mungkin tertekan akibat daripada keadaan ekonomi. Saya sebenarnya telah cuba mengkaji amalan kuota menurut kaum di negara-negara lain adakah Selangor ataupun Malaysia merupakan unik di dalam negara-negara lain di dunia. Contoh yang paling dekat saya lihat adalah di Singapura di mana HDB, *Housing Development Board* yang membina lebih daripada lapan puluh peratus rakyat mempunyai apa yang dipanggil sebagai

Ethnic Intergration Programme, program penyatuan kaum, terdapat kuota kaum bagi setiap pembangunan HDB untuk menggalakkan penyatuan dan perpaduan kaum. Bagi setiap pembangunan tidak dibenarkan kaum Cina lebih daripada lapan puluh peratus dan orang Melayu tidak lebih daripada dua puluh dua peratus. Inilah perkara yang saya telah lihat dan kuota mengikut daerah bagi Negeri Selangor ini sebenarnya akan dikaji dan akan dilihat dari masa ke semasa sebab saya memahami perasaan mereka seperti mana yang dibangkitkan oleh Teratai yang tidak dapat membeli rumah di kawasan yang mereka hasratkan sebab saya pernah cuba menyewa pejabat di Pandan Indah kawasan saya tetapi diberitahu tuan punya hanya mahu orang Cina sahaja beli, orang Melayu dia tak mahu, jadi bermakna saya memahami perasaan kita semua. Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian, Duli Yang Maha Mulia Tuanku berhasrat program Perumahan Rakyat Bersepadu atau PRB difikirkan kerana ramai rakyat Baginda yang tinggal di kawasan Bandar amat tertekan dengan kos sara hidup yang tinggi terutamanya untuk memiliki rumah. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menghasilkan beberapa pembangunan rumah contoh iaitu rumah-rumah mampu milik. Anak-anak syarikat Kerajaan Negeri telah dilibatkan dengan PKNS sebagai peneraju kepada projek ini. Beberapa tapak telah dikenal pasti iaitu di Bangi, Puchong dan Selayang. Satu reka bentuk telah dihasilkan untuk tapak di Bangi, reka bentuk dan konsepnya akan diseminarkan agar ia benar-benar mantap sebab kita mahu bahawa projek ini menjadi tumpuan bukan sahaja di Negeri Selangor, bukan sahaja di Malaysia tetapi hasrat kita supaya projek ini adalah projek yang *world class* bertaraf dunia dan seluruh dunia akan datang untuk belajar, untuk belajar tentang apa yang telah kita buat sebagai projek Perumahan Mampu Milik yang patut dicontohi oleh semua pemaju-pemaju. Seperkara lagi yang ingin saya sentuh, Paya Jaras telah tertanya tentang projek terbengkalai Atlaw Housing Sdn. Bhd ingin saya maklumkan di sini bahawa projek ini termasuk di dalam senarai projek yang menunggu untuk dipadankan dengan pemaju-pemaju penyelamat oleh *Task-Force* projek terbengkalai. Tapi Paya Jaras ada hari ini? Tak ada, tak apalah, Templer boleh beritahu dia. Akhir sekali saya ingin menyentuh apa yang telah dibangkitkan oleh Kampung Tunku tentang garis panduan baru ataupun taman tempat letak kereta yang sudah ketinggalan zaman, oleh kerana ratio atau nisbahnya tidak boleh dipakai lagi. Saya sebenarnya selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar dan Desa Negeri dan perkara ini telah banyak dibincangkan sama ada di peringkat STANCO Perumahan ataupun di peringkat *State Planning Committee* sendiri dengan izin, jadi kita berharaplah dan saya akan bercakap dengan Setiausaha ataupun Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri supaya dibentangkan suatu garis panduan ataupun garis panduan yang baru untuk tempat-tempat letak kereta sebab kita melihat begitu banyak kondominium-kondominium yang ada, apartmen-apartmen yang ada, rumah kos rendah yang ada dan jalan-jalan di tepi pembangunan tersebut penuh sesak sebab dijadikan tempat letak kereta oleh kerana garis panduan yang ada sekarang ini dibuat atau dihasilkan beberapa tahun yang lampau di mana orang tidak mempunyai kereta dan sebagainya kurang pemilikan keretanya. Terima kasih.

YB TUAN LAU WENG SAN: Boleh saya Puan Speaker, boleh saya tanya satu soalan tambahan tentang perkara itu tempat letak kereta.

PUAN SPEAKER: Silakan, Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, terima kasih. Sebenarnya bukan sahaja tempat letak kereta saya hanya membangkitkan satu contoh sahaja. Sebenarnya garis panduan ini bolehlah dan perlulah dinilai kembali semua perkara lain termasuklah peruntukan rizab

untuk pembinaan CCTV, *delco* yang dulu-dulu sepuluh tahun yang lalu, dua puluh tahun yang lalu memang tak wujud, sekarang ini sudah wujud tapi kita nak pasang *facilities-facilities* seperti ini penduduk membantah kerana kita tidak ada satu garis panduan untuk diikuti dan saya meminta supaya garis panduan yang sedia ada bukan buat yang baru tetapi panda apa yang diperlukan dan saya juga ingin meminta ulasan kalau Yang Berhormat EXCO mungkin tertinggal ulasan tentang projek perumahan pangsapuri Lembah Subang Dua yang dibangunkan oleh KPKT di atas tanah Kerajaan Negeri sekarang ini tidak dapat didiami kerana masalah tapak tidak bersesuaian dan sekarang ini ramai penduduk tidak dapat rumah ini. Jadi dua perkara satu ialah garis panduan dan dua ialah Lembah Subang Dua. Bukan Lembah Subang Satu ya, Lembah Subang Dua. Terima kasih.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Yang pertama tentang garis panduan bukannya tempat letak kereta sahaja tetapi ianya menyeluruh, menyeluruh kepada garis panduan-garis panduan lain ataupun perkara-perkara lain yang melibatkan perumahan dan perancangan yang perlu kita kaji balik. Sebenarnya ada beberapa garis panduan lain yang telah dikeluarkan dari masa ke semasa yang diberikan kepada PBT-PBT untuk *comply* dengan izin contohnya tentang kawasan lapang, tentang kawasan permainan, padang bola, dan banyak lagi. Perkara yang kedua ialah berkenaan Lembah Subang Dua, Lembah Subang Dua sebenarnya di Kampung Tunku pun tahu dan semua pun tahu Yang Berhormat-Yang Berhormat pun tahu bagaimana ianya dibina di atas *landfills*. Perkara yang terakhir ataupun maklumat yang terakhir yang saya terima adalah mereka menunggu kajian tentang keselamatan sama ada kawasan itu selamat atau tidak, itu yang terakhir saya dengar dan kalau selamat seterusnya PBT akan mengambil tindakan lah. Tetapi yang terakhir perkara yang terakhir, maklumat yang terakhir adalah kita nak kita menunggu kajian sama ada kawasan itu selamat atau tidak, kalau tidak selamat maka kita terpaksa meletakkan keselamatan rakyat di tempat yang paling atas, terpaksa roboh, roboh lah, itu ceritanya. Terima kasih.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Puan Speaker.

PUAN SPEAKER: Ya, Bangi. Silakan.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Ya, terima kasih. Tadi ada disebut akan dibina di Bangi, perumahan *world class*, bunyi *world class* tu mahal tu tapi boleh dimiliki. Masalahnya sekarang, ramai yang tak mampu memiliki rumah. Di Bangi tu dah melompat naik harga rumah biasa kepada suatu nilai yang lebih tinggi daripada Shah Alam. Jadi kebanyakan mereka tidak mampu memilikinya, jadi contoh rumah macam mana tu yang boleh dimiliki yang sebenarnya sekarang tidak mampu dimiliki. Yang kedua saya nak tanya tentang *council homes* ni yang di Bandar Baru Bangi terlampau banyak masalah. Kita nak tolong orang miskin tetapi oleh kerana kita syaratkan pendapatan rendah dan kita bagi dia duduk tetapi kebanyakan daripada mereka tidak membayar sewa. Saya mempunyai salinan apa ni surat-surat desakan daripada pihak pengurus yang tidak bayar sewa ni, ya lah tiap-tiap minggu dah bertimbun-timbun. Ertinya mereka dah tak bayar berterusan, jadi delima antara dia orang susah kita nak buang dia kesian dia, kekalkan dia, dia tak bayar sewa, so bagaimana kita nak atasi dia, jangan buat cara macam itu, ertinya kita buat kos rendah yang benar-benar mampu milik sehingga tidak timbul masalah berhutang yang berterusan sehingga tak terbayar. Terima kasih.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Terima kasih Bangi. Model ataupun perumahan projek perumahan mampu milik contoh ini bukan sahaja di Bangi yang kita cadangkan, satu di Bangi, satu di Puchong dan satu lagi di kawasan Damansara ataupun di Petaling Jaya. Dan apa yang kita cadangkan adalah rumah mampu milik bukan rumah kos rendah.. Rumah kos rendah kalau mengikut akta adalah bawah empat puluh dua ribu dan kalau penduduk setinggan mereka mendapat tiga puluh lima ribu, tapi *affordable homes* dengan izin rumah mampu milik yang boleh dimiliki oleh mereka-mereka yang mempunyai pendapatan, dia ada dia punya pendapatan-pendapatan yang tertentu. Kalau kita lihat takrif *affordable homes* dengan izin atau pun rumah mampu milik di luar negeri di luar negara seperti di Amerika ataupun di Eropah bukan dari segi kos rumah tetapi itu dari segi bahawa seseorang boleh membeli rumah itu di mana dia punya perbelanjaan perumahan untuk membeli rumah itu ataupun ansuran dia kurang daripada 30%. Puan Speaker pun tahu. Dia, dia juga berminat dalam hal ini. Jadi itu sebabnya ianya bukan rumah kos rendah tetapi rumah mampu milik untuk kumpulan-kumpulan yang tertentu. Bermakna kalau kumpulan yang 1,500 ke bawah ada dia punya rumah mampu milik, Kalau 2 ribu setengah yang ke bawah ada rumah mampu milik dan begitulah seterusnya dan saiznya juga.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Puan Speaker ganggu sedikit adakah rumah ni rumah yang naik ke atas ertinya rumah pangsa atau rumah yang melebar yang boleh sorang-sorang satu-satu unit atas tanah.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Macam inilah saya jemput Bangi datang ke seminar untuk kita sama-sama kita sama-sama merumuskan projek perumahan yang kalau nak bersyarat tentang perumahan mungkin kita memerlukan lagi tiga jam. Tapi itulah kita sama-sama memikirkan satu konsep yang baru itu yang kita nak buat. Yang pentingnya kita mahu penglibatan daripada itu sebab kita seminarkan. Sebab kita nak melahirkan sesuatu yang baru. Kita mahu *input* dengan izin daripada *profesional* daripada akademik, daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian daripada ketua-ketua masyarakat supaya kita dapat satu reka bentuk yang begitu mantap. Perkara kedua tentang mereka yang tidak mampu untuk membayar sewa *council home*. Sebenarnya ada banyak, ada banyak akan bantuan-bantuan yang boleh disalurkan kepada mereka yang tidak mampu. Selain daripada pengurangan sewa kepada 124 ringgit kepada mereka yang telah yang pendapatannya kurang daripada 1,500 atau per kapita *income* dia bagi setiap ahli keluarga kurang daripada 300. Ada bantuan daripada Kebajikan daripada Lembaga Zakat dan seterusnya. Saya rasa lebih baiklah saya, saya turunkah Bangi minggu depan. Kita sama-sama melihat akan keadaan tersebut. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Silakan Kinrara.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih Puan Speaker. Saya ucapkan terima kasih ke atas prihatin Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah portfolio saya. Puan Speaker untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri Selangor terus berusaha meningkatkan pelaburan bagi mengekalkan prestasi cemerlang pelaburan yang diterima sebanyak 11.87 bilion pada tahun 2008 sepertimana yang dilaporkan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Sehubungan dengan itu usaha-usaha terus dirancarkan bagi menarik pelaburan dari Taiwan, Cina, Negara-negara Asia Timur, Negara Timur eh di Timur Tengah selain terus menggalakkan pelaburan *domestic*. Usaha-usaha menarik pelaburan ini perlu seiring usaha memberi layanan agar pelabur merasa selesa dengan perkhidmatannya yang disediakan. Oleh demikian peranan Selangor *State Investment Centre* SSIC akan terus

dimantapkan di mana peranan SSIC sebagai *one stop centre* kepada pelabur-pelabur yang berminat melabur di Negeri Selangor.

Puan Speaker, bagi menggerakkan lagi penglibatan pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membantu melancarkan usaha-usaha menarik pelaburan satu Jawatankuasa Pengurusan Taman Perindustrian *Industrial Park Management Committee* IPMC di PBT telah pun ditubuhkan. IPMC adalah bermatlamat untuk membantu pengilang-pengilang menyelesaikan masalah mereka dengan pihak PBT. IPMC berfungsi sebagai persatuan penghuni di kawasan taman-taman industri di Selangor. Anggotanya terdiri daripada wakil rakyat tempatan, Ahli Majlis PBT, pegawai PBT dan juga pegawai daripada syarikat ataupun agensi perkhidmatan awam seperti TNB, Telekom, SYABAS, JKR, Indahwater dan juga sebagainya. Tujuannya mereka boleh adakan mesyuarat sama ada sebulan sekali ataupun sebulan dua bulan sekali. Ini bergantung kepada keperluan tempatan dan ia merupakan satu mekanisme pelabur dan pengusaha memberikan maklumat balas kepada pihak PBT mengenai masalah infrastruktur dan perkhidmatan yang perlu diperbaiki. IPMC yang dipengerusikan bersama Yang Di Pertua PBT ataupun wakil yang dilantiknya dan juga wakil pengusaha pengilang akan bermesyuarat dengan berlandaskan peraturan dan prosedur operasi sendiri yang bersesuaian dengan keperluan taman industri. Segala maklum balas yang telah diminitkan pegawai PBT akan dipanjangkan ke Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan Perindustrian dan Perdagangan Negeri untuk memantau dan tindakan lanjut IPMC.

Puan Speaker, usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan sepanjang tahun 2009 ini akan diteruskan bagi menarik pelaburan antaranya lawatan teknikal pelaburan, misi promosi perdagangan dan pelaburan di Selangor, misi lawatan pelaburan ke luar negeri. *Hightea* dengan pelabur-pelabur asing, *trade* dan *investment* bersama dengan MIDA. *Lan cin tok* dengan kedutaan dan juga *foreign business council* di Selangor. Penyertaan dan penganjuran pameran tempatan dan antarabangsa, kajian semula pelan induk perindustrian Negeri Selangor, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pelaburan dan Perindustrian Negeri Selangor.

YB TUAN LAU WENG SAN: Puan Speaker minta penjelasan.

YB PUAN TERESA KOK SUN SIM: Sekejap ya. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri, Bengkel Hala tuju Perindustrian Negeri Selangor dan Bengkel Memperkasakan Pelaburan Negeri Selangor dan juga Dialog Bersama dengan Pertubuhan-pertubuhan Perniagaan Selangor termasuk dan juga Selangor *Business Council*. Ya dipersilakan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Puan Speaker saya ingin bertanya tentang IPMC ini khususnya untuk zon perindustrian bebas Sungai Way. Saya telah menyatakan bahawa aduan telah diterima dan di mana saya rasa. Saya merasa amat bimbang kerana kita akan dapat e-mel daripada jurutera-jurutera, juruteknik yang bekerja di kawasan itu. Dan saya ingin mencadangkan sebenarnya adakah apa-apa permasalahan yang dihadapi oleh IPMC di apa ni di Sungai Way FIZ ini dan jika ada macam mana kita menyelesaikannya.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih Yang Berhormat. Eh saya memang pernah mengadakan satu mesyuarat bersama dengan Ahli-ahli Majlis MPPJ dan juga wakil rakyat di tempat itu dan juga saya juga tahu tentang aduan-aduan daripada para pelabur di *Free Trade Zone* dekat Kelana Jaya ye, Sungai Way sana, dan sebenarnya

aduan mereka banyak yang kawasan itu sepatutnya dipertingkatkan dari segi infrastrukturnya dah lamalah. MIDA yang saya difahamkan, MIDA Selangor dulu mendapat peruntukan sebanyak 29, 20 atau 29 juta daripada pihak Kerajaan Persekutuan untuk mempertingkatkan *facility* di *freetrade zone* sana tapi akhirnya kerana berlakunya Johor berlakunya banjir yang serius di Johor yang semua wang yang diperuntukkan di kawasan itu telah pun disalurkan ke sana. Dan saya pada tahun lepas beberapa bulan yang lepas saya difahamkan daripada pegawai MIDA bahawa mereka kali ini dapat agaknya 20 juta ringgit daripada Kerajaan Persekutuan, 29 juta ringgit daripada Kerajaan Persekutuan untuk naik taraf infrastruktur di taman-taman industri di Selangor dan mereka beritahu saya mereka akan memberi *priority* kepada *free trade zone* di dekat Sungai Way kerana ini adalah merupakan janji daripada MIDA kepada pelabur-pelabur di sana dan lama dan keadaan di sana memang agak mengecewakan kerana banjir berlaku dan juga jalannya sempit tak ada tempat letak kereta dan semua ini adalah masalah dihadapi oleh para pelabur di sana. Bagi saya, saya akan *follow up* tentang isu ini dengan pegawai kita di MIDA dan juga IPMC dan kita cuba, saya juga ingin minta kalau adanya pegawai daripada MPPJ yang berada di sini saya berharap kalau apa-apa yang MPPJ boleh membantu para pelabur dan pengilang di *free trade zone* sana minta kerjasama daripada pihak MPPJ untuk mendahulukan dana ataupun melihat masalah yang dihadapi oleh para pengilang di dekat *free trade zone* sana.
Puan Speaker

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAAIRI: Puan Speaker

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Kejap

PUAN SPEAKER: Dipersilakan Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAAIRI: Terima kasih Puan Speaker saya ingin bertanya setakat ini berapa banyakkah jawatankuasa taman-taman perindustrian dan ataupun dalam bentuk peratus yang telah ditubuhkan kerana saya melihat kalau terlalu lama, saya khuatir beberapa bentuk kemudahan awam infrastruktur yang mana mungkin tidak dapat dilaksanakan dan akhirnya akan menyebabkan pelabur-pelabur akan keluar daripada Negeri Selangor. Sebagai contoh saya melihat di Kuala Langat antara daerah yang menarik pelabur yang begitu banyak sekali melebihi 4 bilion pada tahun yang lepas, saya khuatir kalau berlaku banjir dan sebagainya seperti tahun yang lepas sehingga melibatkan beberapa industri terpaksa ditutup dan saya melihat juga Kuala Langat ini contohnya bomba yang masih di tahap yang terlalu daif sekali sehingga untuk menyelesaikan kebakaran sekalipun untuk rumah kedai terpaksa menunggu Putrajaya dan juga Klang dan saya mengharapkan sesuatu keadaan yang lebih *serious* kemungkinannya Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan ini walaupun kita tahu bahawa bomba ini di bawah Persekutuan supaya ada bentuk inisiatif kita ke depan supaya pelabur-pelabur yang akan datang ke Negeri kita tidak akan lari dan tidak akan mempunyai masalah untuk datang dan yang ada ini dapat kita kekalkan. Terima kasih.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih Yang Berhormat. Eh saya pernah melawat ke tempat Majlis Kuala Langat dan ada mesyuarat dengan para Majlis di sana dan saya juga dapat aduan daripada pelabur dekat sana yang mana banjir telah pun berlaku sehingga dua orang pekerja mati ye akibat itu. Yang saya juga difahamkan bahawa masalah dihadapi di sana adalah jauh lebih daripada kemampuan sana pihak Kerajaan Negeri tapi saya atas desakan daripada pelabur sana dan juga Majlis Kuala Langat saya telah pun hantarkan memorandum mereka kepada UPEN kita dan untuk

menyelesaikan masalah yang agak kritikal pada waktu itu tentang membesarkan longkang dan sebagainya dan saya berharap kerja ini telah pun dilakukanlah. Saya berharaplah saya lepas tu saya tak dapat apa-apa maklum balas. Tentang bomba dan juga lain ini telah jauh juga daripada bidang kuasa saya. Ini adalah isu pihak Kerajaan Persekutuan dan saya berharap Ahli Majlis Kuala Langat boleh panjangkan isu ini kepada pihak Kerajaan Persekutuan dan sekarang yang masalah yang dihadapi oleh banyak taman industri kita yang mana saya semalam, sebenarnya bila saya juga pernah bangkitkan ini di Dewan Rakyat di Parlimen, bila membahaskan mini bajet pada semalam dalam bidang dalam Kementerian Perindustrian dan Perdagangan dan saya pernah keluarkan perasaan yang sama dengan Ahli Parlimen Selayang. Saya kata ia Selangor ada menarik begitu ramai pelabur asing di Selangor. Pelaburan yang begitu banyak di Selangor. Tapi kadang kita lihat banyak taman-taman perindustrian di Selangor ini memang infrastrukturnya adalah agak teruk sangat dan juga banyak keadaan ini jauh daripada kemampuan eh Majlis ataupun PBT kita. So kerajaan sepatutnya menyalurkan wang untuk menaik taraf jalan dan juga longkang, parit di kawasan-kawasan perindustrian itu. Ini adalah kesemua ini memakan perbelanjaan yang agak banyak yang jauh dari kemampuan PBT kita. Saya pernah panjangkan ini dan saya berharaplah pihak Majlis dan juga Kerajaan Negeri bersama dengan MIDA kami kita boleh bersama-sama memberi desakan yang dan juga tekanan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menaik taraf keadaan infrastruktur di kawasan-kawasan perindustrian kita. Ok Puan Speaker saya sekarang nak alih ke satu ke bidang tentang pelancongan. Yang Berhormat DUN, ADUN Sungai Panjang telah pun menyatakan isu-isu berkaitan pelancongan iaitu program promosi pelancongan kesihatan dan pendidikan, *homestay* Negeri Selangor, pusat kebudayaan kaum Melayu, Cina dan India. Puan Speaker berdasarkan statistik kedatangan pelancong ke Selangor pada tahun 2008 Negara-negara ASEAN merupakan antara negara yang mencapai bilangan pelancong yang tertinggi. Antara negara tersebut adalah Singapura yang mana pelancong yang datang ke Negeri Selangor adalah 762,683 orang. Pelancong dari Indonesia adalah seramai 173,703 orang dan juga pelancong dari Thailand ialah 99 ribu 4 ratus dan 6 orang. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri akan mempergiatkan kempen promosi ke Negara-negara ini. Tourism Selangor telah merancang untuk menyertai *fascinating Malaysia Travel Fair* yang diadakan di Singapura pada 15 hingga 17 Mei tahun ini dan juga *NATAS Travel Fair* diadakan di Singapura pada 1 hingga 3 Ogos tahun ini. ITB Asia di Singapura pada 21 hingga 23 Oktober tahun ini dan juga *Visit Tourism Malaysia Fair* Pekan Baru Indonesia pada Ogos tahun ini dan juga *International Travel Expo* yang diadakan di Vietnam pada 7 hingga 9 Oktober tahun ini.

Puan Speaker, Bagi meningkatkan pelancongan kesihatan dan pendidikan, Tourism Selangor akan memberi fokus untuk mempromosikan pelancongan, kesihatan dan pendidikan. Sehubungan dengan itu Tourism Selangor telah merancang dan akan mengenal pasti lokasi yang bersesuaian di Indonesia untuk mengadakan *road show*. Antara lokasi tersebut adalah provinsi Pekan Baru Indonesia dan dijangka potensi untuk menarik pelancong ketika penyertaan Tourism Selangor di *Visit Malaysia Tourism* di Pekan Baru, Indonesia nanti. Selain itu Tourism Selangor dengan kerjasama pihak Hospital Swasta dan Kolej Swasta di Negeri Selangor akan menjalankan promosi ini bagi menggalakkan kedatangan pelancong asing ke Selangor. Kerajaan Negeri bersedia menawarkan pakej kesihatan dan pendidikan yang menarik dengan harga yang berpatutan di samping menawarkan perkhidmatan yang efisien. Pelancongan Kesihatan dan Pendidikan adalah pasaran yang berpotensi bagi Negeri Selangor untuk meningkatkan pelancongan di Negeri Selangor.

Puan Speaker bagi promosi pelancongan *homestay*, Kerajaan Negeri dan Tourism Selangor telah menyediakan brosur-brosur *homestay* untuk diedarkan di seluruh negara, termasuk KLIA sebagai pintu masuk utama ke negara. Pihak *Tourism* Selangor telah mengenal pasti negara jiran iaitu Singapura sebagai pasaran utama yang yang dapat menarik masuk pelancong ke Selangor. Selain itu negara-negara seperti Jepun, Korea dan Eropah turut dijadikan sebagai sasaran promosi pelancongan Selangor. Kerajaan Negeri akan melaksanakan kempen promosi secara agresif ke pasaran Singapura dan negara-negara berkenaan semasa pameran-pameran yang akan disertai oleh Tourism Selangor.

Puan Speaker, dalam usaha dalam mempromosi negeri Selangor Kerajaan Negeri dengan kerjasama Persatuan *Homestay* Negeri Selangor akan menyertai promosi ke Singapura sebanyak tiga kali dalam tahun ini. Oleh itu kesemua 16 *home stay* ini berpeluang untuk mempromosikan *homestay* masing-masing secara bergilir-gilir. *Tourism* Selangor juga akan berusaha untuk mendapat kerjasama daripada agensi pelancongan dari Singapura bagi membawa pelajar dari Singapura yang berminat untuk menyertai program *homestay* di Selangor. Lawatan ini melibatkan kawasan perindustrian, kawasan pelancongan, eko pelancongan Negeri Selangor seperti Kelip-kelip Kuala Selangor, Taman Alam Kuala Selangor dan FRIM. Inilah usaha-usaha kerajaan Negeri untuk menarik lebih pelancong luar negara dan domestik untuk meningkatkan kedatangan pelancong asing. Kerajaan Negeri juga akan mengkaji pelaksanaan *homestay* bagi kaum Cina juga India.

Puan Speaker, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri amat prihatin tentang perpaduan kaum di Selangor. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri akan mengkaji dengan teliti pembinaan pusat kebudayaan Cina, Melayu dan India di lokasi yang akan dikenal pasti tidak lama lagi. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri yakin bahawa pembinaan pusat-pusat kebudayaan ini dapat dijadikan sebagai pemangkin kepada pembangunan sosiobudaya dan menjadi salah satu tapak pelancongan di Selangor secara amnya. Sekian. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Batu Tiga.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Puan Speaker. Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian *Assalamualaikum warahmatullahi Ta'ala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya mendapati ada beberapa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat sekalian iaitu di bawah portfolio Kebajikan, Wanita dan Sains Teknologi dan Inovasi serba sedikit. Puan Speaker di bawah isu kebajikan beberapa persoalan telah ditimbulkan antaranya tadbir urus iaitu isu permohonan, isu pembayaran tidak menepati piagam pelanggan dan sebagainya yang ditimbulkan oleh YB Meru, Kota Damansara. Begitu juga isu kebajikan orang kurang upaya yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Subang Jaya, Sungai Panjang telah menimbulkan isu Taman Asuhan Kanak-kanak dan juga beberapa Yang Berhormat Sungai Pelek dan Batu Caves telah menimbulkan isu skim usia emas. Terima kasih saya ucapkan di atas teguran dan saya akan terus menegur dan memastikan pentadbiran urus di bawah jagaan saya akan mengikut tadbir urus yang cekap dan amanah. Ingin saya perjelaskan setelah saya diamanahkan mengetuai Jawatankuasa Tetap Kebajikan ini di antara perkara yang saya lakukan adalah membuat lawatan mengejut meninjau sendiri beberapa premis-premis Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berurusan secara langsung dengan rakyat. Apa yang saya dapati adalah agak mengejutkan iaitu pertamanya sistem

maklumat yang bermasalah kadang-kadang kala *hang* ataupun tergantung tak boleh *key-in* maklumat dan sebagainya dan bila didapati bahawa ini disebabkan sistem *online* seluruh Malaysia yang diwujudkan iaitu SPBK ini yang berpusat di Sarawak telah tepu dan perlu ditingkatkan. Yang keduanya ruang kerja yang tidak selesa, sempit, malah ada yang terpaksa berkongsi meja. Tunggu meja kosong setelah mana-mana kakitangan selesai mengerjakan kerja mereka baru kakitangan lain boleh duduk dan melaksanakan kerja-kerja mereka yang lain. Ketiganya tempat menunggu yang ramai yang begitu daif, berpanas, kerusi yang tidak mencukupi, laluan orang kurang upaya yang tiada. Yang dan yang keempatnya saya tidak nafikan bilangan kakitangan yang tidak mencukupi yang diletakkan di bawah pentadbiran Pejabat Kebajikan Daerah. Atas beberapa perkara yang disebut inilah sebenarnya menyumbang kepada penyebab ketidakcekapan pengurusan dan pentadbiran urus tadbir Kebajikan Masyarakat. Kita sedia maklum Pejabat Kebajikan Masyarakat merupakan tempat tumpuan masyarakat golongan yang memerlukan bantuan dan miskin. Takkanlah layanan yang popular, layanan kelas kedua ataupun *second class citizen*. Saya pertegaskan di sini bahawa rakyat yang memerlukan bantuan ini baik miskin, orang kurang upaya, warga emas ini dan lain-lain bukanlah *second class citizen*. Mereka sepatutnya dilayan sama rata. Kenapa ini berlaku kerana Kerajaan Barisan Nasional yang lalu di Selangor dan Persekutuan kini belum lagi memberikan rakyat menjadi eh agenda keutamaan mereka dan apatah lagi kepada isu-isu yang berhubung dengan rakyat sewajarnya. Tengok sahaja dalam bajet mini yang baru ini penambahan hanya 20 juta ringgit di peruntukan di bawah kebajikan. Saya rasa ini amat jumlah yang begitu kurang. Jadi kesimpulannya Puan Speaker penyelesaian yang telah saya tegaskan kepada Pengarah Kebajikan Negeri dan Persekutuan supaya premis Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah perlu pertamanya memberikan keselesaan, mudah pergi ke sana ada akses pengangkutan awam dan Alhamdulillah beberapa Pejabat Kebajikan Daerah telah pun ditempatkan di premis yang baru iaitu Kuala Selangor telah pun ditempatkan di tempat yang baru, Klang, Petaling telah ada tempat yang baru tetapi belum berpindah. Kuala Langat dan yang akan beberapa lagi pusat kebajikan daerah akan mengikuti. Alhamdulillah. Yang keduanya cadangan untuk menambah kakitangan juga telah dibuat setelah diberi tekanan, maka kakitangan kontrak selama 6 bulan telah diambil di bawah skim *i-cari* untuk memastikan *backlog* ataupun mana-mana data-data yang ataupun bantuan-bantuan yang masih tidak diselesaikan, diselesaikan dengan *biography*

YB TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker minta penjelasan.

PUAN SPEAKER: Silakan. Ok silakan Kg. Tunku.

TUAN LAM WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga saya ingin bertanya tentang pengambilan staf tambahan ini dan ingin bertanya penekanan ini juga akan diberi kepada pengambilan staf bukan bumiputera khususnya kaum India dan kaum Cina kerana memang ada yang datang ke pejabat kita untuk meminta bantuan kebajikan adalah kalangan orang India dan orang Cina yang betapa miskin dan pemahaman bahasa kebangsaan pada mereka itu amat rendah dan kadang kala ada yang tidak mampu bercakap dalam bahasa Cina pun hanya boleh bercakap dalam bahasa dialek yang kadang kala saya sendiri pun tak faham. Jadi ini adalah masalah yang kita hadapi dan adakah ada kriteria ini pernah dipertimbangkan dalam pengambilan staf dan kalau tiada saya minta supaya dimasukkan dan diperingatkan terima kasih.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Kg. Tunku. Cadangan ini juga telah saya kemukakan malah kita ingin meletakkan kakitangan ataupun ialah kakitangan yang boleh bertutur dalam bahasa isyarat. Ya, di mana juga sama ada di PBG ataupun di kawasan Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri supaya mudah berurusan dengan orang ramai. Dan yang ketiganya saya kata tadi bahawa kesimpulannya bahawa tambahan peralatan pekerja juga telah ditambah Alhamdulillah dengan ruang pekerjaan yang lebar dan besar itu dan dapat menempatkan banyak kerusi meja dan akhirnya kakitangan dapat bekerja dengan selesa.

YB TUAN DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Puan Speaker minta laluan.

PUAN SPEAKER: Siapa. Oh dipersilakan Taman Templer ok.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Saya nak bertanya berkenaan dengan kebajikan dan saya rasa dari segi pengambilan anak-anak angkat ni pun termasuklah dalam bidang kuasa Yang Berhormat EXCO. Saya hanya nak maklumkan bahawa saya khuatir sekarang ni ada satu *trend* baru dalam negeri kita mahu pun negara kita, di mana *expect-expect* dengan izin yang bekerja di sini ataupun yang mengajar di sekolah-sekolah antarabangsa di Selangor ataupun di Kuala Lumpur ini mengambil anak-anak angkat ini orang-orang Malaysia, rata-ratanya kalau orang Malaysia sendiri pun nak mengangkat nak mengambil anak angkat untuk menjadikan anak-anak angkat mereka maka menjadi punya susah mendapat kelulusan daripada Jabatan Kebajikan mahu pun daripada Pendaftaran Negeri atau Negara. Tetapi hari ini menjadi satu *trend* kalau kita lihat di Selangor sendiri atau pun di Kuala Lumpur ramai orang-orang *expect* orang putih dan sebagainya dia ada anak-anak India, Cina dan saya tak tahu Melayu ada ke tak tetapi menjadi anak-anak angkat mereka. Jadi ini menjadi satu khuatir mereka, anak-anak ini akan dibawa keluar dari negara kita. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Kebajikan Negeri mahupun Jabatan Pendaftaran Negeri untuk memastikan bahawa anak-anak ini tidak dijual dengan harga yang begitu banyak kerana saya mendapat maklum balas bahawa ada sampai 30 ribu ringgit anak-anak ini dijual. Saya akan mendapatkan maklumat terperinci yang diberikan kepada Yang Berhormat tetapi kalau boleh saya nak pastikan supaya Yang Berhormat dapat maklumkan kepada Jabatan Kebajikan Negeri mahupun Pendaftaran Negeri supaya memastikan anak-anak ini tidak dijual atau dimudahkan pengambilannya oleh orang-orang *expect* yang berada di negara kita. Terima kasih.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Taman Templer. Sebab soalan ini soalan baru saya rasa susah untuk saya jawab secara *detail* tetapi sebenarnya di bawah jawatankuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat kita hanya mengurus semua proses tetapi kelulusan itu dibuat oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Tetapi bagaimanapun menunggu maklumat lengkap jika ada Insha-Allah saya panjangkan kepada ataupun mengambil tindakan ataupun mengambil tindakan tentang perkara ini. Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat isu kebajikan

YB TUAN LE KIM SIN: Minta laluan.

PUAN SPEAKER: Ok silakan Kajang.

YB TUAN LE KIM SIN: Terima kasih kepada Puan Speaker dan juga Puan Exco. Soalan seperti yang dibangkitkan tadi berkaitan dengan pegawai kebajikan adanya yang kaum Tionghoa mahupun India ataupun kaum lain kita dapati pihak dalam soalan

waktu perbahasan sebelum ini telah dibangkitkan juga. Ada pegawai lantikan daripada BN daripada MCA merupakan kaum Tionghoa, ada daripada MIC kaum India yang duduk di dalam Pejabat Kebajikan Daerah dan bersama dengan pegawai kebajikan daerah yang diupah ataupun dilantik Kerajaan Pusat iaitu Kementerian Kebajikan. Maka kita nampak sudah kekurangan walaupun kita bagi sumbangan yang banyak tapi kita sudah di *hijack* dengan izin. Telah *hijack* sumbangan kita dan dari segi pengaruh politiknya pihak BN sudah merampasnya. Jadi keadaan ini memanglah berlaku di semakin banyak daerah yang sudah berlaku sebegini apakah tindakan yang kita boleh ambil.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Kajang. Dan isu pengambilan pekerja baru ataupun tambahan ini yang berlatarbelakangkan apa ni berlatarbelakangkan politik MCA, ada yang UMNO dan sebagainya dan saya juga telah pun mengutarakan perkara yang sama semasa perjumpaan saya dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan untuk di Negeri Selangor ini sebenarnya kita kena faham Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah bekerja di antara satu bumbung yang sama. Maknanya adanya Federal dan negeri duduk dalam satu jabatan yang sama dan peruntukan itu ada dua peruntukan daripada Federal dan Negeri. Sejauh yang saya tahu bahawa peruntukan daripada Negeri eh daripada Federal sampai kepada kita dalam tujuh bentuk peruntukan dan untuk Negeri hanya 11 peruntukan tetapi Alhamdulillah bagi saya setahu dalam pengetahuan saya tidak berlaku tidak berlaku perkara-perkara yang dikatakan em *political mileage* itu diambil oleh hanya Barisan Nasional. Tetapi jika ada aduan-aduan tersebut saya harap boleh diperpanjangkan kepada saya. Bagi saya kebajikan di bawah Kebajikan Masyarakat adalah kita mahukan duit rakyat sampai kepada rakyat dan yang penting di sini yang berlaku di negeri Selangor ini perebutan berlaku tidak sehebat mana. Alhamdulillah pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat telah pun melaksanakan polisi yang baru dan ada juga teguran yang dibuat dan ada juga pegawai yang telah ditukar kerana tidak melaksanakan seperti mana yang diminta. Itu jawapan dari saya.

Tentang soalan Tuan Speaker dari Subang Jaya isu kebajikan orang kurang upaya satu dialog telah dibuat pada 14 Oktober. 2008 banyak maklumat yang telah ditimbulkan oleh itu Jawatankuasa Tetap Kebajikan telah mengkaji semula, merancang dan memberikan penekanan bahawa isu-isu yang ditimbulkan ini perlu ditangani dengan baik. Di antara perkara yang ditimbulkan ialah isu pelekat ataupun *stickers* dan kawasan *parking* OKU yang ditimbulkan oleh Subang Jaya. Tetapi apa yang telah kita laksanakan ataupun keputusan yang diambil atau pun dipersetujui adalah pertamanya pemberian pelekat Orang Kurang Upaya ini bukan sahaja diberikan oleh MPSJ tetapi kita akan *standardizedkan*. Maknanya satu Selangor sama, ke seluruh Selangor dan akan dilancarkan tidak lama lagi. Yang keduanya penguatkuasaan yang lebih ketat kepada mereka yang salah gunakan kemudahan khusus untuk OKU ini seperti tempat *parking*, tandas OKU dan sebagainya. Dan yang ketiganya ada satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengaudit bangunan-bangunan, kawasan-kawasan awam seperti rekreasi, surau, kuil, tokong, pasar, sekolah-sekolah bagi memastikan *accessibility* ataupun kemudahan awam untuk orang kurang upaya ini ditepati. Dan sepatutnya akta telah ada tetapi penguatkuasaan tidak berlaku lagi. Dan yang keempatnya, perkara yang telah dipersetujui ialah memulakan langkah untuk menyediakan lebih banyak kenderaan yang sesuai untuk kemudahan orang kurang upaya sepertimana yang telah dimulakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Usaha-usaha ini dibuat bersama dengan PBT dan saya nampak alhamdulillah kesan positif dan perkara ini perlu diambil kira dengan baik. Ini semua adalah untuk mengiktiraf bahawa orang kurang upaya ini

adalah rakyat di Selangor ini yang perlu diperkasakan dan berhak dapat menikmati dan menggunakan semua kemudahan dan pembangunan yang dilaksanakan di Negeri Selangor ini seperti boleh pergi masjid, boleh pergi ke pusat membeli belah, tempat rekreasi dan sebagainya. Bukan lagi berkurung di rumah semata-mata.

Bagi soalan yang ditimbulkan oleh Sungai Panjang, tapi malangnya Sungai Panjang tidak ada di sini Puan Speaker, Yang Berhormat DUN Sungai Panjang menyatakan isu pusat jagaan kanak-kanak di sektor awam atau swasta perlu disediakan bagi memberi kemudahan sosial kepada ibu bapa di tempat kerja lebih-lebih lagi di dalam keadaan ekonomi yang meleset ini. Untuk makluman semua, terdapat 25 pusat jagaan kanak-kanak yang disediakan di tempat kerja sama ada di agensi kerajaan mahupun pihak swasta di Selangor. Namun begitu dengan data yang ada hanya terdapat kurang dari 10 pusat jagaan kanak-kanak yang didaftarkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara pusat jagaan kanak-kanak yang terdapat di seluruh Negeri Selangor termasuklah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Subang Jaya, SIRIM, Proton dan Angkasa. Untuk pengetahuan Yang Berhormat semua Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat belum mewajibkan menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak atau TASKA di tempat kerja walau bagaimanapun, sekiranya jabatan kerajaan ataupun pihak swasta yang mampu ingin menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak ini kita amat mengalu-alukan. Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Awam atau JPA telah pun mengeluarkan surat pekeliling perkhidmatan bil.13 tahun 2008 berkenaan pemberian subsidi yuran pengasuhan. Menurut pekeliling tersebut subsidi bulanan sebanyak RM180 diberikan kepada kakitangan awam berpendapatan isu rumah RM3000 ke bawah yang menghantar anak-anak mereka di pusat jagaan kanak-kanak harian. Subsidi tersebut akan dibayar terus kepada pusat jagaan tersebut dan sekiranya yuran melebihi jumlah RM180 kakitangan tersebut harus menanggung baki selebihnya. Saya harap dengan usaha ini paling kurang dapat membantu rakyat kita yang sekarang ini menghadapi masalah ekonomi.

Yang keempatnya isu yang ditimbulkan di bawah kebajikan ialah skim usia emas ataupun di bawah merakyatkan ekonomi Selangor. Yang Berhormat Sg. Pelek telah menimbulkan dua soalan pertamanya, kenapa pembayaran wang skim ini RM2500 dan bukan RM3500? Pada awalnya sememangnya cadangan ini jumlah yang diberikan (cadangan pada masa itu) akan diberikan kepada warga emas yang meninggal sebanyak RM3500 tetapi setelah mendapat maklum balas dari ramai ADUN dan ahli ataupun rakyat sendiri supaya ada peruntukan untuk manfaat mereka semasa hidup jadi pemberian ini dipecahkan kepada 2 fasa. Pertama kita bagi semasa warga emas itu meninggal dan keduanya semasa warga emas itu hidup. Tetapi bagi pihak Rangkaian Mesra Sendirian Berhad ataupun RMSB telah pun memulakan usaha ini dan insya-Allah pemberian kedua ini akan dilaksanakan pada tahun ini juga. Dan jadi cadangan dari Batu Caves yang mencadangkan pemberian ini dimulakan untuk warga emas berumur 75 tahun ke atas akan diambil kira dalam pemberian kedua ini. dan pemberian kedua ini kita akan berikan kepada warga emas dalam bentuk bantuan kesihatan, perubatan dan juga makanan. Itu yang paling kita fikirkan yang bermanfaat kepada warga emas selain dari bantuan-bantuan lain yang insya-Allah jika banyak CSR daripada korporat-korporat kita mungkin dapat banyak program-program yang kita laksanakan. Soalan kedua yang ditimbulkan oleh Sungai Pelek adalah kenapa borang beliau tidak dapat. Kita tidak pernah membuat polisi yang kita tidak membenarkan ADUN BN mengisi borang. Malah saya alu-alukan dan kalau Sungai Pelek inginkan borang tersebut boleh ambil selepas sidang dewan ini. Insya-Allah kita boleh berikan. Sepatutnya Sg. Pelek bertanya kepada kerajaan Barisan Nasional juga kenapa mengamalkan menerima peserta

TEKUN jika tandatangan ADUN BN saja diberikan di dalam borang itu. Oleh itu, saya ingin menyatakan di sini yang penting duit peruntukan itu adalah untuk rakyat mesti sampai kepada rakyat. Tanpa mengira latar belakang politik sama ada mereka ini orang mana-mana dan saya pasti yang orang miskin pun kadang-kadang tidak menjadi ahli-ahli mana-mana parti politik jadi usaha sebenarnya adalah memberikan yang terbaik, memastikan seramai mungkin ahli-ahli ataupun orang miskin yang mendapat manfaat tersebut. Silakan.

PUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Puan Speaker. Tadi EXCO yang berkenaan kata boleh dapatkan borang saya ucapkan terima kasih dan saya nak tanya juga jika sampaikan bantuan itu ada tak peluang bagi kita Yang Berhormat dari Barisan Nasional untuk sampaikan kepada mangsa itu. Terima kasih.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Boleh turut hadir tetapi yang sampaikanannya masih lagi ADUN-ADUN Pakatan Rakyat kerana ini adalah program Pakatan Rakyat.

Saya ingin meneruskan bahawa keseriusan kerajaan Pakatan Rakyat untuk memastikan manfaat ini ialah lebih serius jika kita bandingkan dengan tabung yang dilaksanakan oleh kerajaan sebelum ini iaitu tabung Jasamu. Ingin saya bagi satu statistik bahawa di dalam program tabung Jasamu walaupun pelaksanaan program selama sembilan setengah bulan tetapi peserta yang terlibat hanya sebanyak 3600 orang tetapi dengan adanya mekanisme tatacara kaedah pengagihan dan juga pengisian borang dan juga keseriusan kita mengambil maklum ataupun turun padang untuk mendapatkan nama daripada warga emas alhamdulillah pendaftaran sehingga 3hb Mac untuk warga emas walaupun baru dilancarkan selama 5 bulan peserta yang terlibat adalah 34,090 orang. Jadi kita nampak bukan isu borang tidak sampai kepada ADUN BN menyebabkan penyertaan ini tidak banyak, sebenarnya alhamdulillah mekanisme yang kita gunakan itu dapat dinikmati oleh semua rakyat. Dan itulah serba sedikit yang ada soalan daripada Kebajikan dan isu wanita Puan Speaker saya ingin menimbulkan bahawa dari sidang DUN ini Ahli Dewan Undangan Negeri tidak menimbulkan isu wanita dan kekeluargaan secara khusus walau bagaimanapun keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor Tuanku ada menyentuh isu pembangunan wanita secara khusus. Tapi rata-rata Ahli Dewan Undangan Negeri ada menyentuh isu keselamatan yang saya rasakan begitu berkait dengan wanita dan kekeluargaan. Isu Altantuya lagi banyak la yang diperkatakan. Oleh itu izinkan saya mengaitkan isu keselamatan ini dengan salah satu program dan usaha yang telah dimasukkan di bawah merakyatkan ekonomi Selangor iaitu Pusat Sehenti Krisis atau lebih dikenali dengan izin *One Stop Crisis Centre* (OSCC). Kerana saya tahu usaha ini jarang atau kurang mendapat pemahaman ataupun *coverage* jadi untuk itu ingin saya ceritakan perkara ini. *One Stop Crisis Centre* adalah usaha pembangunan wanita dari sudut kesedaran undang-undang dan faham hak-hak dan peruntukan akta-akta di bawah akta-akta hak wanita. Program ini adalah satu program kempen dan publisiti secara meluas dan berterusan yang dibuat di bawah kesedaran maklumat dan menyatakan komitmen Pakatan Rakyat kepada wanita dan keluarga khususnya berkenaan dengan satu pusat yang sepatutnya menjadi tempat yang pertama sekali difikirkan jika ada berlakunya insiden yang tidak diinginkan seperti keganasan rumah tangga gangguan seksual, penderaan kanak-kanak, rogol ataupun liwat. Pusat Sehenti Krisis atau *One Stop Crisis Centre* ini telah pun diwujudkan sejak tahun 1997 di mana sepatutnya berperanan meletakkan semua agensi yang terlibat dalam memberikan bantuan, perlindungan dan jaminan keselamatan kepada mangsa ini

ditempatkan berpusat. Iaitu di wad kecemasan hospital-hospital kerajaan. Agensi-agensi yang terlibat Puan Speaker adalah pihak Kementerian Kesihatan ataupun Hospital-Hospital Besar untuk memberikan rawatan dan pengesahan bukti-bukti jika ada keganasan dan sebagainya. Keduanya pihak polis untuk mengambil laporan dan bukti-bukti, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memberi perlindungan sementara sama ada jagaan atau tempat perlindungan dan juga jika ada khidmat kaunseling yang perlu diberikan. Yang keempatnya biro guaman iaitu jika pelaku perlu disabitkan kesalahan dan juga tidak dilupakan pihak NGO yang sentiasa memberi sokongan. Sebelum ini jika berlaku kes-kes begini mangsa terpaksa pergi berjumpa sendiri keempat-empat agensi ini dan akhirnya wanita terutamanya akan memilih untuk tidak melaporkan perkara ini kerana tidak mendapat layanan yang sewajarnya, mengambil masa kadang-kadang berminggu-minggu, malah ada situasinya maruah mereka tidak dijaga dengan baik. Oleh itu kebanyakan wanita ataupun mereka yang terdera ini memilih untuk berdiam diri. Kekal menjadi mangsa dan akhirnya pelaku bebas dan berleluasa. Di Selangor ini terdapat enam hospital yang menyediakan perkhidmatan ini iaitu Hospital Kajang, Hospital Klang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Selayang, Serdang dan Ampang. Yang telah diwujudkan sejak 1997 tetapi cuma segelintir saja rakyat yang mengetahui wujudnya perkhidmatan ini. dan yang lebih malangnya bila pelancaran ini dilaksanakan kita dapati hanya cuma 2% rakyat negeri Selangor ini yang mengetahui kewujudan *One Stop Crisis Centre* ini. Saya rasa termasuk Yang Berhormat dalam dewan ini baru dengar agaknya tentang *one stop crisis centre* ni. Belum lagi melawat. Betul atau tidak? Dan yang lebih memeranjatkan saya terutamanya kami yang memberikan publisiti pada OSCC ini agensi yang saya sebutkan tadi iaitu pihak Hospital, polis malah JKM pun rata-rata ada yang tidak mengetahui apakah *one stop centre* ini sendiri.

YB TUAN LAU WENG SAN: Puan Speaker minta penjelasan.

PUAN SPEAKER: Silakan Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih kepada Puan Speaker dan Yang Berhormat EXCO. Berkenaan dengan *One Stop Centre* ini saya ingin bertanya sama ada mungkinah atau bolehkah kita mengadakan *entity* atau *set up* yang sama di PPUM kerana saya telah meneliti risalah itu PPUM tidak ada di dalam padahal warga-warga Petaling Jaya kalau mereka dari kawasan miskin mereka bergantung sangat kepada PPUM untuk rawatan perubatan, kaunseling dan sebagainya. Saya rasa Puan Speaker mesti bersetuju dengan saya. PJ memang tidak ada hospital atau klinik kerajaan yang ada pun paling murah sekali ialah PPUM. Dan sekarang ini PPUM tidak dimasukkan, saya tahu sebabnya kerana PPUM terletak di Kuala Lumpur bersebelahan dengan PJ dan ini masalahnya mengapa saya mencadangkan supaya kita ambil balik Kuala Lumpur. Jadi saya ingin mencadangkan apakah mungkin kita boleh berbuat demikian dan saya minta pendapat daripada EXCO.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Ok terima kasih Kg. Tunku jawapan itu telah pun dijawab oleh beliau sendiri bahawa PPUM memang berada di bawah Kuala Lumpur. Program ini kita mulakan di Negeri Selangor dahulu tetapi sebenarnya untuk pengetahuan Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat bukan saja PPUM dapat meminta supaya perkhidmatan ini diperpanjangkan Hospital Banting, Hospital Sabak Bernam juga ya mengemukakan ingin memanjangkan program ini tetapi pihak Kementerian Kesihatan belum lagi menjawab permohonan saya kerana di dua tempat ini belum ada bilik sehenti bersepadu yang mana layanan kepada mangsa-mangsa ini adalah agak berbeza kerana apabila mereka pergi ke hospital sebenarnya mereka tidak

boleh menunggu sepatutnya mereka akan dibawa terus masuk ke satu bilik dan semua agensi ini akan mengambil tindakan kepada mangsa tersebut, jadi Insya-Allah jika diberikan kesempatan akan diperpanjangkan kepada Hospital Banting dan Sabak Bernam dan banyak juga daripada hospital-hospital kesihatan kecil inginkan perkara ini tetapi malangnya kita hanya beroperasi kepada pusat-pusat yang melaksanakan ataupun membuat kecemasan 24 jam. Jadi kita tahu bahawa kenapa ramai pihak yang tidak mengetahui, saya sambung Puan Speaker bahawa kenapa ini berlaku kerana tidak dapat lari dari mengaitkan bahawa kerajaan Barisan Nasional dulu 1997 ya telah adanya telah wujudnya wad kecemasan ataupun wad OICC ini tetapi kenapa tidak berikan *coverage* ataupun satu pendedahan yang lebih besar kerana saya yakin kerana usaha ini sebenarnya tidak mendatangkan keuntungan secara material kepada mereka yang hanya adalah isu-isu kebajikan tetapi ingin saya pertegas di sini 52 tahun statistik telah menunjukkan bahawa sebenarnya kerajaan Malaysia antara yang paling lewat melaksanakan deklarasi wanita sedunia. Agaknya pemimpin-pemimpin UMNO ini sibuk untuk mengejar jawatan atau mengekalkan jawatan jadi deklarasi-deklarasi dunia juga tidak dilaksanakan. Jadi saya begitu sedih, ingin juga saya menyampaikan di sini bahawa sekarang ini perlu juga ada banyak tempat perlindungan, pusat-pusat perlindungan seperti yang diwujudkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita seperti NUR, nampak saja cantik dan besar tetapi sebenarnya tidak mengambil nama-nama ataupun mereka-mereka yang di bawah mangsa-mangsa cadangan daripada Pakatan Rakyat Negeri Selangor jadi saya mengharapkan perkara ini perbetulkan kerana isu rakyat sepatutnya diberikan keutamaan. Oleh itu sekali lagi saya ulang kerajaan Pakatan Rakyat serius memastikan OACC ini berperanan sepertimana yang diharapkan dan mengesakan semua pihak yang terlibat memperbaiki perkhidmatan ini kerana kempen ini telah pun dimulakan semenjak Disember 2008 yang lalu dan akan diberikan akan disampaikan dan di perhebatkan ke 56 DUN bermula daripada 1 April yang akan datang. Saya dapati peranan yang dimainkan oleh pihak ini belum ke tahap yang memuaskan oleh itu saya ingin menyatakan di sini isu keselamatan dan perlindungan kepada wanita dan keluarga mestilah ditangani secara serius dan proaktif dan oleh semua pihak semoga kes-kes ini akan berkurangan dan pihak yang memperlakukan keganasan ini dibawa ke muka pengadilan kadang-kadang hanya penjara sahaja boleh menginsafkan mereka. Untuk makluman Puan Speaker, untuk sambutan Hari Wanita Sedunia peringkat Negeri Selangor pada 8 Mac yang lalu sama dengan ulang tahun Pakatan Rakyat telah memilih tema kembalikan kepada wanita, nikmat rasa aman dan selamat di Malaysia. Puan Speaker, Tuan Speaker dah bertukar ya, sambutan Hari Wanita Sedunia ya juga di peringkat dunia kali ini akan dibuat bulan depan bulan April dan malangnya ataupun tempat yang dicadangkan tahun ini akan berlaku di Mongolia. Kenapa, bagi menceritakan di dunia bahawa ada seorang wanita Mongolia yang bernama Altantuya yang telah dihancurkan begitu zalim di Malaysia dan yang lebih malang lagi tamparan hebat kepada rakyat Malaysia bahawa Selangor khususnya kerajaan di Selangor ini terpaksa menerima tamparan dan tempias yang berlaku. Ini adalah saya kemukakan perkara ini adalah untuk menyatakan isu keselamatan ini amat getir amat payah amat susah dan saya mohon kita sepakat untuk nikmat rasa aman dan selamat ini menjadi kenyataan kerana kita hari-hari tinggal dan berurusan dengan wanita ya, baik ibu kita adalah wanita, anak-anak perempuan kita atau isteri-isteri saudara, atau saudara perempuan kita dan jiran tetangga kita adalah wanita. Oleh itu, saya juga menyatakan di sini bahawa selain isu keselamatan, isu politik '*godanio*' juga perlu ditolak. Dan akhirnya Tuan Speaker, isu sains dan teknologi ingin saya nyatakan di sini kaitan dengan cadangan yang ditanya oleh Sg. Panjang apakah perancangan atau usaha-usaha untuk memberikan menambahkan pendapatan rakyat Negeri Selangor. Ingin saya nyatakan bahawa sebagai negara maju iaitu mesti

maju di sudut sains teknologinya, kerajaan sekarang mahu lebih ramai teknokrat dan pakar-pakar di Selangor ini baik di sudut kajian ataupun inovasi mereka ini dimartabatkan dan dibantu sehingga di patenkan dan digunakan semula untuk tujuan pembangunan dan perkhidmatan ataupun *industrial liaise* ataupun pembuatan di Negeri Selangor ini sekali gus memberikan peluang dan iktiraf kontribusi mereka kepada peluang-peluang. Saya ingin menyatakan di sini terutama kepada Sekinchan, tahukah kita bahawa *thumb-drive* yang kita gunakan itu adalah hasil seorang anak Selangor tetapi disebabkan ianya dipatenkan di Taiwan maka produk itu telah dijadikan produk Taiwan, alangkah malangnya kita. Kalau kita ambil ya produk *thumb-drive* ini yang telah di reka cipta oleh anak Sekinchan ini sebenarnya ia telah dijadikan satu produk di Negeri Selangor dan menambah pelaburan kepada kita ya. Oleh itu contoh bekerja saya ingin menyatakan di sini baru-baru ini kita dapati bahawa bagaimana spirulina dijumpai *strain*-nya di Selangor ini dan telah dipatenkan di Selangor. Kita mahukan lebih ramai sebenarnya rakyat Selangor ini yang berinovasi dan kreatif tak kiralah dia sama ada daripada golongan petani ataupun golongan nelayan ataupun golongan yang sederhana ataupun merupakan teknokrat yang intelektual tinggi, profesor dan sebagainya boleh berkreatif dan berinovasi di sudut penemuan-penemuan baru dan akhirnya boleh digunakan balik kepada rakyat dan juga mendatangkan pendapatan kepada kita. Kenapa saya bercerita tentang spirulina ini kerana bila perkara ini dipatenkan dan dimanfaatkan tidak kurang daripada 300 penduduk yang melaksanakan iaitu di Batang Kali ini melaksanakan projek ini yang sebenarnya rata-rata sekarang ini jatuh miskin disebabkan hasil getah yang turun tidak sampai RM300 atau patut RM400 sebulan dan sekarang ini telah dapat menikmati pekerjaan baru dan dibayar dengan baik. Jadi dengan mulanya teknologi dan inovasi ini saya yakin kerajaan Negeri Selangor dan rakyat Negeri Selangor sendiri akan mendapat manfaat yang baik. Ini akan mengambil kira dan melibatkan UNISEL dan KUIS untuk melahirkan teknokrat yang berinovatif dalam perancangan dan juga untuk menggunakan teknologi yang berdaya saing dan juga saya ingin menyatakan di sini bahawa sains dan teknologi ini kita akan bekerjasama dengan semua portfolio yang sedia ada bagi memastikan portfolio ini ataupun memastikan teknologi ini akan dimanfaatkan inovasi rakyat Selangor akan dipertingkatkan dan akhirnya akan mendapat manfaat untuk semua. Sekian, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Selat Klang.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum* WBT dan selamat sejahtera Tuan Speaker, Selat Klang mengambil peluang menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang di antara lain mengambil maklum teras utama misi membangunkan misi Negeri Selangor adalah melalui pendekatan yang holistik dan komprehensif yang menggabungkan segala komprehensif faktor jasad, akal dan roh yang melahirkan nilai-nilai murni hasil daripada jalinan hubungan berkesan manusia dengan penciptanya, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan persekitaran termasuk dengan alam sekitar. Inilah inti pati modal atau acuan *SPIES*, Sg. Pelek bukan *SPIES* sebagai pemacu pembangunan modal insan yang disebutkan dalam titah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Saya menyambut positif gesaan Bukit Antarabangsa agar kerajaan Negeri Selangor memberi perhatian khusus kepada pembangunan modal insan di UNISEL dan KUIS. Untuk memastikan generasi akan datang berkualiti tinggi hingga mampu bersaing di rantau ini dan di peringkat antarabangsa. Untuk makluman Bukit Antarabangsa dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya telah menjadualkan perbincangan khusus tentang penambahbaikan, pencapaian ataupun *performance* dengan izin serta

daya saing dan daya maju UNISEL dengan Naib Canselor UNISEL yang baru dilantik 1 Mac 2009 yang lepas dan bersama-sama tiga-tiga Naib Timbalan Canselor yang juga adalah baru dilantik dan pelbagai pihak pemangkin kejayaan yang berkaitan untuk mencoraki dan menjenamakan semula UNISEL, insya-Allah. Kerajaan baru selesai penyiasatan dan penilaian semula UNISEL dan INPENS dan hasil daripada penemuan-penemuan tersebut memberikan gambaran yang sebenarnya tentang sejarah dan prestasi UNISEL dan INPENS selama ini. Justeru kerajaan negeri telah melantik ke empat-empat pemegang-pemegang *post* kritikal yang baru ini setelah menilai meneliti mengambil kira pengalaman dan kewibawaan masing-masing. Setiap pelajar UNISEL, KUIS dan INPENS akan diberi pendedahan kepada pendidikan holistik yang menerapkan nilai-nilai universal yang terangkum dalam dasar pembangunan modal insan di Selangor sebagai satu usaha serius, Selangor melahirkan generasi khair ummah atau umat terbaik atau golongan terbaik. Kita akan mewajibkan *SPIES* ini kepada seluruh pelajar kerana kita memang merancang mengeluarkan graduan-graduan UNISEL, KUIS dan INPENS serta Institut Yayasan Selangor yang berjenama atau *branded* dengan izin yang akan melonjak kebarangkaliannya untuk berjaya dalam kerjaya sebagai pekerja atau sebagai usahawan jika dibandingkan dengan graduan lepasan IPT lain yang mengikuti kursus dalam bidang yang sama. Bukan sahaja graduan UNISEL, KUIS dan INPENS sebagai IPT milik kerajaan Selangor ini berjaya dalam kerjaya, mereka juga akan dijangka lebih berjaya dalam hidup berkeluarga, bermasyarakat dan menjadi modal insan yang benar-benar menguntungkan Negeri Selangor kerana mempunyai kepedulian sosial yang tinggi mesra rakyat dan mesra alam. Sifat rajin, amanah, berintegriti, jujur dan bertanggungjawab akan disuburkan sehingga menjadi budaya di UNISEL, KUIS, INPENS dan Institut Yayasan Selangor, insya-Allah. Benih-benih insan yang baik inilah akan menjadi pemangkin Gerakan bukan saja Reformasi bahkan transformasi masyarakat yang berpaksikan tauhid dan nilai-nilai murni untuk merealisasikan pembangunan lestari melalui pendekatan holistik bagi menjamin keamanan, kemakmuran dan kemajuan yang sekali gus prihatin tentang kebajikan rakyat seluruhnya sehingga menjulangkan Selangor sebagai negeri idaman semua orang. Matlamat kerajaan untuk menjadikan Selangor sebagai negeri yang baik dan mendapat keampunan serta keberkatan daripada Allah SWT seperti yang termaktub dalam surah Al-A'raaf ayat 96 yang bermaksud sekiranya penduduk-penduduk di sesebuah negeri beriman dan bertaqwa, hah ini Sekinchan dengar ya, sudah pasti Allah akan membuka keberkatan dari langit dan di bumi. Jadi kita harus mengambil iktibar dan memastikan kemakmuran, keselamatan kita mesti menjadi orang yang baik dan bertakwa. Untuk mencapai objektif ini sudah tentulah pihak tenaga pengajar dan pengurusan tertinggi IPT-IPT ini sendiri perlu memahami dan mengakui keperluan untuk menyerap dan menghayati konsep *SPIES* ini. Justeru seluruh pensyarah dan ketua-ketua jabatan sehinggalah ke Naib Canselor akan diwajibkan melalui kursus *SPIES*. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, Bahagian Sumber Manusia juga telah mewajibkan modul *SPIES* ini kepada semua latihan-latihan yang membabitkan penjawat-penjawat awam. Mana-mana pihak yang menentang dan menggagalkan usaha untuk membangunkan modal insan di mana-mana sahaja institusi pendidikan dan latihan, jabatan dan agensi kerajaan harus memahami risiko menentang dasar kerajaan negeri.

YB TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker, minta laluan.

TUAN SPEAKER: Ya silakan Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada EXCO yang berkaitan. Berkaitan dengan ini, prestasi pensyarah-pensyarah ataupun Jabatan-jabatan yang berkaitan dengan pencapaian dari segi *SPIES* dan juga nilai-nilai disebutkan, apakah KPI yang diletakkan untuk mengukur dan setakat mana pencapaian dari segi KPI yang diletakkan itu. Sekian, terima kasih.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Saya rasa saya habiskan ini lepas itu saya pergi ke KPI. Jadi untuk mencapai objektif ini sudah tentulah pihak tenaga pengajar dan pengurusan tertinggi IPT-IPT mengambilkan *SPIES* ini sebagai satu perkara yang terpenting bagi mengeluarkan modal insan yang terbaik. Menyentuh tentang pengantarabangsaan IPT-IPT negeri bagi makluman Bukit Antarabangsa dan semua Yang Berhormat, pada tahun 2008 sudah ada pelajar-pelajar pasca Ijazah telah diterima oleh Cambridge Universiti *Imperial College*, dan Oxford Universiti UK, untuk diselia bersama dan mereka telah mendapat pendedahan budaya kajian di universiti-universiti berprestij tinggi ini yang saya sebutkan tadi dan dengan kos tambang dan pengajian ditanggung oleh universiti tersebut, profesor-profesor daripada universiti tersebut juga, sering melawat UNISEL sendiri, selain itu UNISEL adalah tunjang kepada *International Islamic Academic Of Life Science Bio Technology* yang sebenarnya UNISEL sudah mempunyai tokoh-tokoh akademik serta saintis bertaraf dunia, ada yang menjadi *fellow* di *Islamic World Academic Science* atau penemu vaksin yang diiktiraf dunia, dan saya merujuk apa yang disebutkan oleh Batu Tiga itu tadi, EXCO Inovasi Sains dan Inovasi di mana vaksin ini ditemui oleh saintis anak Selangor, tetapi oleh kerana ianya di paten di luar negara kita rugi *interlektual property* ini.

Oleh kerana sebelum ini saya membuat pemerhatian bahawa ilmunan-ilmuan tidak diiktiraf tidak diberi penghargaan yang sepenuhnya sehingga mereka ini sebenarnya telah menguntungkan pihak-pihak daripada luar. Yang malang sebelum ini UNISEL dan KUIS digunakan sebagai gelanggang politik Kerajaan UMNO Barisan Nasional yang membantutkan potensi pencapaian kedua-dua institusi pengajian tinggi ini, di antara usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk mengantarabangsakan UNISEL dan KUIS adalah dengan menganjurkan *conference* antarabangsa. UNISEL telah diarah untuk menjadi sekretariat kepada Persidangan atau *Conference* Antarabangsa Sains ke 17 anjuran *Islamic World Academic of Sciences* yang akan diadakan pada 14-17hb. Disember di Shah Alam, DYMM Tuanku Sultan Selangor telah berkenan untuk merasmikannya. Dan *Conference Islamic Academic Sciences* ini akan mengumpul saintis terkemuka daripada semua negara OIC dan saintis-saintis jemputan-jemputan daripada barat.

Negeri Selangor juga akan menjadi tuan rumah kepada *Conference Of Muslim Education* yang akan diurusetikan oleh KUIS dengan kerjasama *Universiti of Cambridge*, penganjuran *conference* antarabangsa ini akan memberi peluang kepada para akademik UNISEL dan KUIS bahkan terbuka kepada semua IPT untuk membina jaringan hubungan dengan tokoh-tokoh dunia yang mempunyai pengalaman luas dalam kajian-kajian penulisan di jurnal-jurnal mahupun penulisan buku-buku ilmiah selain daripada satu cabang edutorism yang disebutkan oleh Sungai Panjang.

Untuk pengetahuan Bukit Antarabangsa dan Yang Berhormat sekalian, ini adalah di antara rangkaian program jejak ilmunan Kerajaan Negeri Selangor yang mahu menjadikan Selangor sebagai hub ilmunan, hub pendidikan maknanya menjadikan Selangor satu negeri yang magnetik yang mempunyai kuasa magnet untuk menarik

ilmuan-ilmuan dunia sehingga mahu bersama-sama di Selangor ini untuk mencurahkan dan berkongsi ilmu-ilmu mereka.

Kita juga akan memulakan program mentor-menter ilmuanku di mana ilmuan-ilmuan tempatan daripada pelbagai latar belakang dipertemukan kepada beberapa orang pelajar di UNISEL yang kita mulakan di UNISEL sebagai pendorong, pembimbing dan seterusnya memudahkan penulisan-penulisan buku berkelompok di kalangan ahli-ahli kumpulan tersebut. Dan juga sebagai pencetus minat dan memupuk budaya menulis di kalangan cerdik pandai akan datang, kita mahu sebanyak mungkin buku-buku ilmiah yang dikeluarkan di Selangor ini, dan juga sebagai nilai tambah kepada pemantapan kepada institusi pendidikan yang sedia ada, program untuk menyemarakkan pembudayaan ilmu Negeri Selangor akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Di mana dengan program ini diharapkan mahasiswa keluaran IPT akan berdaya saing dan mampu menjadi aset utama dalam membangunkan negeri. Program jejak ilmuan yang telah dilancarkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar pada 7hb. Jun, 2008 akan dilaksanakan secara sepadu pada tahun ini, berbekalkan *data base* yang sedia ada ilmuan-ilmuan ini akan dibawa ke seluruh Negeri Selangor untuk berkongsi ilmu kepakaran yang dimiliki bersama rakyat, semoga dengan program ini mampu menjadikan ilmuan dekat di hati rakyat Negeri Selangor, bukan sahaja kita mahu merakyatkan ekonomi kita mahu juga merakyatkan ilmuan-ilmuan kita. Pendedahan serta pemupukan minat untuk menjadi ilmuan di dalam pelbagai bidang akan dipupuk kepada generasi muda melalui program tunas ilmuan yang kita lakukan yang kita adakan di sekolah-sekolah menengah. Ia sebagai langkah awal untuk kita lahirkan pelapis kepada ilmuan yang sedia ada supaya ilmu yang dimiliki oleh ilmuan ini tidak akan terputus dan tetap berkesinambungan.

Re-branding atau penjenamaan semula yang dilaksanakan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor juga di antara entiti penting di dalam pelaksanaan untuk menyemarakkan lagi budaya ilmu di Negeri Selangor, malah saya amat tertarik dengan *bigpicture* yang digariskan oleh pihak PPAS ini di dalam pelaksanaan *Re-brandingnya* iaitu untuk menurunkan kadar jenayah di negeri Selangor apabila fungsi rangkaian-rangkaian perpustakaan di Negeri Selangor ini akan kita perhebatkan dan kita perkasakan sehingga menyebabkan perpustakaan menjadikan tempat alternatif yang menarik bagi remaja dan belia, bukan di tempat-tempat yang akan memungkinkan mereka melakukan jenayah dan gejala sosial dan kita Insya-Allah mahu menjadikan perpustakaan ini *second home* atau rumah kedua bagi rakyat di negeri Selangor. Pemantapan IPT Selangor.....

YB TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan,

YB PUAN DR. HALIMAH ALI: Sila..

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih EXCO, saya ingin bertanya tentang perpustakaan ini, dan tadi telah dinyatakan bahawa perpustakaan ini haruslah dijadikan sebagai *second home* kepada pemuda-pemudi kita, saya ingin bertanya apa masalah yang kita hadapi sekarang ini ialah bilangan buku dan juga judul buku yang ada di dalam perpustakaan kita amat berkurangan dari segi kepelbagaian bahasa itu sendiri sudah menjadi satu kelemahan yang besar, saya ingin bertanya dengan bertanya kepada Yang Berhormat EXCO sama ada peruntukan akan

diberi untuk menambahkan bilangan judul buku dalam bahasa yang lain termasuk bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin supaya ianya betul-betul menjadi satu pusat kepada semua pemuda-pemudi tanpa mengira kaum agama dan sebagainya. Terima kasih.

YB PUAN DR. HALIMAH BT.ALI: Terima kasih Kampung Tunku, saya rasa itu adalah pemerhatian yang sangat baik, dan insya-Allah walaupun sebelum ini peruntukan untuk perpustakaan adalah di antara yang agak diketepikan dipinggirkan jadi, dengan proses *re-branding* atau penjenamaan semula ini dan juga oleh kerana DYMM Tuanku sendiri adalah seorang ilmuan adalah seorang yang begitu *habit-reader* yang suka buku dan mempunyai koleksi-koleksi sendiri yang telah Tuanku sendiri telah menyatakan hasrat untuk memberi kepada rakyat untuk melihatkan koleksi-koleksi Baginda, saya yakin dan percaya kerajaan negeri Selangor yang ingin menjadikan Selangor menjadikan hub ilmuan ini akan memberikan perhatian khas dan memberikan peruntukan-peruntukan khas untuk membolehkan koleksi-koleksi buku yang pelbagai dan mempunyai mutu ilmu yang begitu tinggi Insya-Allah, untuk menarikkan untuk mencapainya misi kita untuk menjadikan perpustakaan sebagai rumah kedua, Insya-Allah.

Saya sambung sebentar jadi pemantapan IPT Selangor turut diberikan penekanan iaitu melalui agenda pengantarabangsaan IPT Selangor dengan memperkenalkan IPT-IPT Selangor di peringkat antarabangsa seperti yang saya sebutkan tadi, dan untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat kita telah pun menandatangani satu MOU dengan Khazanah Universiti semasa saya dan wakil UNISEL menghadiri Persidangan ke *16 World Academic University Science* pada bulan Ogos 2008 yang lalu dan mereka sebenarnya berminat dengan Bioteknologi yang dipelopori oleh UNISEL yang sebenarnya begitu kukuh dan sehingga sebenarnya tempat-tempat lain juga termasuklah Qatar, Bandung, dan Pakistan negara-negara OIC juga berminat dengan apa yang kita punyai di UNISEL itu sendiri.

Dan Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga menjunjung kasih di atas keprihatinan DYMM Sultan Selangor berkenaan konsep pendidikan yang menyeluruh dan seimbang antara ilmu aktiviti ko-kurikulum serta agama diberi penekanan dan bukan banyak penekanan kepada terhadap peperiksaan semata-mata bagi melahirkan rakyat pelapis yang berkualiti. Saya berharap segala program-program yang akan dilaksanakan di bawah pendidikan akan mampu membentuk generasi yang seimbang dalam segala aspek selari dengan falsafah pendidikan negara itu sendiri iaitu keseimbangan daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual, dan diperkukuhkan lagi dengan kemahiran, lima kemahiran utama yang kita tekankan di Selangor ini berbanding berbeza dengan yang ditekankan oleh pihak persekutuan iaitu membaca, menulis, mengira kita menambahkan lagi kita mahu rakyat di Selangor menambah dua lagi kemahiran utama, dua lagi M iaitu memikir dan mengamalkan jadi kita mahu rakyat di Negeri Selangor dilazimi memikir apa-apa sahaja yang dipilih apa sahaja yang dilakukan apa baik, apa buruknya, apa untung, apa ruginya dan begitu juga setelah mendapatkan ilmu dan kemahiran mereka harus mengamalkan ilmunya.

Dan untuk Kajang, menjawab soalan Kajang tadi, dan ada mungkin soalan-soalan daripada Yang Berhormat sebelum ini, cadangan supaya kerajaan negeri menggunakan KPI atau *Key performance Indicator* untuk memantau prestasi agensi kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan, penggunaan beberapa KPI atau petunjuk prestasi utama telah digunakan di 12 Pihak Berkuasa Tempatan PBT, 9 Pejabat Daerah/Tanah dan 10 bahagian seksyen di Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor serta beberapa lagi jabatan

atau agensi kerajaan negeri sejak tahun 2007. Sistem yang digunakan berasaskan *system balance score card* yang dinamakan sistem kad prestasi mulai tahun 2008 sistem kad prestasi telah dibuat atas talian dengan melaporkan 23 KPI pada PBT dan 21 KPI pada pejabat Daerah/Tanah. Laporan prestasi pegawai dan kakitangan kerajaan pula berdasarkan kepada Sasaran kerja Tahunan (SKT) setiap pegawai dan kakitangan tersebut melalui laporan penilaian prestasi tahunan. Sasaran kerja tahunan merujuk kepada KPI tertentu yang perlu dicapai oleh setiap pegawai bagi tahun yang dinilai, amalan yang sedia ada pada masa ini bagi menilai prestasi setiap penjawat awam adalah dengan mengguna pakai sistem pengurusan prestasi sebagai medium penilaian prestasi pada setiap tahun. Setiap pegawai akan dinilai oleh pegawai penilai pertama, dan pegawai penilai kedua iaitu Ketua Jabatan masing-masing, saya tahu Yang Berhormat-Yang Berhormat agak tidak sabar kerana mungkin yang dijawab ini adalah seolah-olah jauh jurangnya daripada apa yang diharapkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat-Yang Berhormat harus faham apakah amalan sebelum ini, apakah sejarah sebelum ini, supaya Yang Berhormat boleh memberikan input dan saranan-saranan, usul-usul yang lebih efektif dan berkesan. Jadi saya sambungkan kriteria penilaian merangkumi aspek-aspek berikut:

- a) Kegiatan dan sumbangan di luar tugas rasmi, maknanya macam besok kita nak buat program sahaja tugas luar rasmi.
- b) Latihan atau kursus yang dihadiri. Ini secara penilaian, kriteria.
- c) Penghasilan kerja. Kuantiti hasil kerja, kualiti hasil kerja, ketepatan masa dan keberkesanan hasil kerja.
- d) Pengetahuan dan kemahiran. Ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kerja. Pelaksanaan dasar peraturan arahan pentadbiran dan keberkesanan komunikasi.
- e) Kualiti peribadi, ciri-ciri kepimpinan. Ini juga dalam penilaian, kebolehan mengelola, disiplin, proaktif dan inovatif dan jalinan hubungan dan kerjasama.

Jadi penilaian ini dilaksanakan berdasarkan penetapan sasaran kerja tahunan jabatan atau agensi masing-masing. Dan sasaran kerja tahunan ini direncanakan pada awal tahun, dah tahu awal, kita dah lebih sikit dan ini sudah mula tahap setengah tahun pertama. Penilaian keseluruhan akan dilaksanakan pada penghujung tahun penilaian semasa.

Jadi ada soalan ketiga ya, ada satu lagi soalan selain daripada yang dibawakan oleh Kajang, tindakan bersesuaian diambil ke atas penjawat awam yang didapati berprestasi rendah selepas dinilai didapati prestasinya rendah. Jadi apa yang dilakukan selama ini. Ini gambaran, saya tidak mengatakan ini terbaik. Inilah dia selama ini. Pentadbiran ini sentiasa peka terhadap aspek pengurusan prestasi penjawat awam termasuk usaha meningkatkan kualiti kerja. Pegawai yang diklasifikasikan sebagai berprestasi rendah di jabatan atau agensi. Garis panduan pengurusan pegawai berprestasi rendah diperjelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1998.

Panel Pembangunan Sumber Manusia yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berperanan memantau prestasi dan merangka pembangunan kerjaya warga kerja dari semasa ke semasa. Prestasi penjawat awam

dinilai berdasarkan sistem pengurusan prestasi. Panel ini akan mengenal pasti penjawat awam yang berprestasi rendah dan melaksanakan program pemulihan seperti kursus motivasi, bengkel yang berorientasikan kecemerlangan. Antara tindakan yang sewajarnya diambil oleh Ketua Jabatan kepada pegawai yang berprestasi rendah adalah seperti berikut:

- 1) Tindakan dalam bentuk pembetulan dan penambahbaikan,
 - i) mengadakan perbincangan atau perundingan.
 - ii) Memberikan amaran secara lisan
 - iii) Memberikan amaran bertulis secara pentadbiran.
 - iv) Menukarkan pegawai kepada suasana kerja dan tanggungjawab yang baru.
 - v) Menghantar pegawai mengikuti kursus, bengkel, seminar yang sesuai dan berkaitan dengan aspek permasalahan yang dihadapi seperti aspek motivasi, keagamaan dan sebagainya.
- 2) Tindakan lain secara pentadbiran;
 - i) merujuk pegawai ke Lembaga Perubatan sekiranya pegawai didapati menghadapi masalah kesihatan mental atau fizikal.
 - ii) Merujuk pegawai kepada perkhidmatan kaunseling atau psikologi dan
 - iii) Merujuk pegawai ke hospital atau psikiatri.
3. Dalam bentuk hukuman.
 - iv) Penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam
 - v) Tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4(2) Peraturan-peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor Kelakuan dan Tatatertib 1995 sekiranya pegawai didapati mencemarkan nama perkhidmatan awam, kurang cekap atau kurang berusaha, tidak jujur atau tidak amanah, tidak bertanggungjawab, ingkar perintah atau cuai dan
 - vi) Sekiranya pegawai telah mencapai umur persaraan pilihan maka pegawai tersebut boleh diberikan nasihat untuk memohon persaraan awal.
 - vii) Jadi aduan berkenaan rasuah yang diamalkan di kalangan penjawat awam

YB TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker, minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ya

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Ya, sila, sila

YB TUAN LAU WENG SAN: Ingin saya bertanya tentang panel ini. Saya ingin bertanya, soalan pertama; apakah output panel ini. Yang kedua, bolehkah cadangan ini diterima supaya panel ini mengeluarkan satu, membentangkan satu laporan ke Dewan yang mulia ini dan kita boleh berbahas bersama tentang laporan ini. Saya difahamkan Tuan Speaker, kalau di Amerika Syarikat nak lantik Duta-duta ke luar Negara mesti mendapat kelulusan daripada Senat. Jadi saya kurang pasti sama ada cadangan saya ini boleh diterima pakai dan kalau boleh saya rasa ini adalah satu usaha yang cukup bagus untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan awam di Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Cadangan apa tu,

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya....

TUAN SPEAKER: Cadangan apa tu,

YB TUAN LAU WENG SAN: Cadangan supaya panel ini membentangkan satu laporan ke Dewan yang mulia ini dan kita bahaskannya.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Saya rasa di antara soalan-soalan mulut ye, mungkin Isnin atau Selasa kot ada dalam apa tu, saya rasa ye, mungkin kalau kita sempatlah. Jadi ada satu lagi aduan berkenaan dengan rasuah yang diamalkan di kalangan penjawat awam. Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha untuk menghindarkan penjawat awam daripada terjerumus dalam gejala rasuah ini. Bukan Pakatan Rakyat sahaja tetapi Kerajaan Pakatan Nasional pun sebelum ini kata berusaha, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan seperti bengkel, kursus, seminar dengan kerjasama penuh daripada pelbagai pihak antaranya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia. Sekiranya terdapat aduan berkaitan penglibatan penjawat awam di dalam gejala tidak bermoral ini, aduan secara rasmi boleh terus dikemukakan kepada SPRM. Siasatan lanjut akan dilaksanakan oleh Pegawai Penyiasat yang berkeelayakan dan berkemahiran untuk menentukan kesahihan aduan berkenaan. Pegawai boleh dituduh di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009. Jika aduan berkenaan adalah sah, maka tindakan mendakwa penjawat awam berkenaan ke mahkamah akan diambil dengan kadar segera oleh pihak berwajib. Tindakan tatatertib di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor Kelakuan dan Tatatertib 1995 akan dikenakan terhadap pegawai berdasarkan keputusan mahkamah.

Ada lagi soalan, ada yang apa, saya rasa EXCO PBT ada, sama ada dengan tak ada menjawab soalan ini. Cadangan menukarkan Ketua Jabatan yang terlalu lama di sesuatu jabatan di Pihak Berkuasa Tempatan dan juga saya rasa ada yang disebutkan tempat lain juga. Ini adalah satu cadangan yang telah, saya rasa telah banyak ditimbulkan dan memang salah satu cara untuk menyuntikkan semangat di jabatan yang baru dan memberi peluang pembangunan kerjaya dan mencegah pegawai terlalu lama berada di satu-satu tempat sehingga membuka ruang untuk membuat penyelewengan atau kronisme adalah boleh diambil kira dan Insya-Allah saya rasa Kerajaan Negeri Selangor secara kolektif akan melihat aduan-aduan ataupun keluhan-keluhan Yang Berhormat-Yang Berhormat ini.

Saya juga melihat perhatian Bukit Antarabangsa dengan Taman Templer, Taman Templer ada, ha... ada, ada lagi sorang aje, tak nampak, yang juga bimbang dengan kadar jenayah yang meningkat di Selangor. Seperti yang disebutkan di dalam Sinar ini, di lapor ke dalam Sinar ini Selasa 10 Mac ini penjual kereta maut ditetak di kepala. Mayat warga emas ditemui terikat 3 gigi mangsa patah dipercayai ditumbuk, warga emas ditumbuk ye. Memang kita hampir saya rasa setiap hari mendengar masalah-masalah yang berkaitan dengan jenayah ini khususnya di Selangor. Justeru saya minta kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat semua termasuk Yang Berhormat Taman Templer membantu menyebar luaskan keperluan pembangunan emosi rakyat di Selangor ini yang kita tekankan dalam *SPIES* supaya manusia tidak membunuh sewenang-wenangnya, supaya manusia tidak perlu menyamun untuk hidup senang kalau mereka dibangunkan kemampuan sosialnya dengan keupayaan menyara diri dan diselubungi dengan keprihatinan dan kepedulian tentang keselamatan dan keamanan orang lain.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan,

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Adakah sudah dimulakan sebarang kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan penjara-penjara di Selangor untuk mengadakan program *SPIES* kepada banduan.

YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Hulu Klang. Hulu Klang sentiasa ke hadapan. Saya baru nak menyatakan kita tengah merangka Jawatankuasa Induk menangani gejala sosial yang melibatkan polis, AADK Pemadam, JAIS. Masjid, NGO-NGO, PIBG, penjara serta pihak-pihak yang berminat untuk menangani masalah gejala sosial ini, menangani yang telah terjebak dan mencegah. Sebab itu kita tekankan konsep *SPIES* ini dan Insya-Allah ini satu-satu usul yang terbaik daripada Hulu Klang, Insya-Allah kita boleh, tapi nak kena bajet lebihlah, kalau semuanya nak *SPIES*.

Sungai Panjang juga mempersoalkan pemberian oleh Kerajaan Negeri Selangor 4juta ringgit kepada sekolah Tamil, sekolah cina dan sekolah agama rakyat yang dikatakan tidak adil. Saya setuju kalau ikut nisbah tetapi angka itu hanyalah panduan bagi kita memulakan bantuan kepada ketiga-tiga jenis sekolah yang telah sekian lama dianaktirikan oleh UMNO Barisan Nasional. Walaupun Sungai Panjang, dia tak ada ya, walaupun, Taman Templer tolong sampaikanlah. Walaupun Sungai Panjang seolah-olah memperjuangkan nasib Sekolah Agama Rakyat walhal Sungai Panjang semasa Sungai Panjang menjadi Menteri Besar, Sungai Panjang begitu sampai hati, tidak mempedulikan keadaan bangunan-bangunan sekolah yang tidak sempurna termasuk tandas yang rosak dan yang lebih membahayakan lagi ialah pendawaian-pendawaian di Sekolah Agama Rakyat termasuklah di dalam sekolah JAIS dilakukan dengan tidak mengikut speks dan saya sentiasa dihujani aduan-aduan daripada sekolah-sekolah ini sama ada sekolah JAIS ataupun Sekolah Agama Rakyat yang sentiasa kebimbangan kemungkinan besar berlakunya apa nama *short circuit*, litar pintas yang boleh mengakibatkan kebakaran dan kemusnahan total sekolah-sekolah tersebut. Jadi Insya-Allah, pasal keadilan Insya-Allah Pakatan Rakyat akan lebih ke hadapan dalam soal keadilan. Yang paling penting kita membantu yang paling memerlukan dan sekiranya 4 juta ringgit didapati tidak cukup untuk Sekolah Agama Rakyat seperti yang dikhuatiri, dibimbangi oleh Sungai Panjang, kita akan cari ikhtiar untuk menambahkannya, Insya-Allah, begitu juga yang lain.

Kampung Tunku. Saya menarik perhatian kepada ucapan Kampung Tunku mengenai masalah sosial masyarakat India di mana Kampung Tunku berpendapat bahawa Kerajaan Negeri Selangor seolah-olah hanya menugaskan EXCO Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang sahaja untuk bertanggungjawab ke atas apa-apa masalah mengenai orang India. Saya ingin menyatakan di sini, pendapat ini adalah jauh daripada kebenaran dan meleset. Sebenarnya berkali-kali dalam mesyuarat EXCO saya telah menegaskan bahawa semua EXCO harus bertanggungjawab ke atas masalah semua kaum. Maknanya EXCO keturunan Cina harus memikir dan menyelesaikan masalah tentang orang Melayu dan India selain dari kaumnya sendiri seperti yang dilakukan oleh YB Kinrara yang menghadihkan pembesar suara kepada masjid dan memberi sugu hati RM2,500.00 kepada surau. EXCO Melayu harus memikirkan masalah orang India dan Tionghoa selain daripada masalah orang Melayu. Begitu juga keturunan India bukan hanya memikirkan keperluan dan kepentingan orang India tetapi menggalas tanggungjawab orang Melayu dan orang Tionghoa bersama. Justeru, semua bangsa dan keturunan dijaga dengan baik dan teliti oleh semua EXCO dan Menteri Besar. Inilah bezanya kita Kerajaan Pakatan Rakyat berbanding dengan parti perkauman ala Barisan Nasional.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, minta laluan

YB TUAN SPEAKER: Ia, bagaimana Taman Templer.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Sila, sila, sila.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Yang Berhormat, Yang Berhormat tahu tak saya nak bertanya? Baru bagi sepuluh ribu. saya DUN Taman Templer dah berpuluh ribu dah bagi kat tokong Cina. Jadi apa yang nak kecohkan? Baru sepuluh ribu. EXCO setakat sepuluh ribu tu tak ada apalah. Saya rasa tak payahlah ulang. Ini kalau untuk bangsa lain tak ada masalah kita boleh tolong. Tapi janganlah ulang-ulang sangat sepuluh ribu tak ada apa sangat pun.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Ia, Taman Templer saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana ini adalah prinsip, prinsip Kerajaan Pakatan Rakyat. Sila, silakan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ok terima kasih. Bukan sepuluh ribu, sepuluh juta. Sepuluh juta ya. Ia, terima kasih Tuan Speaker dan juga YB EXCO. Sebenarnya saya menyambut baiklah saranan itu sebenarnya.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, minta pertanyaan. Nak tanya sikit. Untuk masjid bagi sepuluh juta, kalau macam tu memang saya rasa memang hebat, memang hebat.

YB TUAN LAU WENG SAN: Bukan kita cakap tentang sekolah, bukan tokong. Kita cakap tentang sekolah bukan tokong.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Dak, dak kata masjid bagi berapa sepuluh juta?

YB TUAN LAU WENG SAN: Bukan saya kata sekolah bukan tokong. Kita sekarang ini cakap tentang pendidikan bukan agama. Terima kasih. Ini dah lupa sikit. Saya ingin bertanya, saya sebenarnya menyambut saranan baik. Sebenarnya juga saya berpendapat yang sama iaitu semua masalah itu perlulah dikongsi bersama. Saya ingin bertanya sama ada cadangan saya ini boleh diterima atau tidak.

Pertama ialah kalau boleh tahun depan kita tingkatkan peruntukan tu sampai ke enam juta untuk SJKC, enam juta, bukan, bukan SJKC tetapi SJKC dan juga sekolah persendirian kemudian enam juta untuk SJKT kemudian enam juta yang lain kalau boleh, kalau boleh kita dapatkan lebih banyak. Saya rasa enam juta memang tak cukup. Itu adalah cadangan saya tapi kalau boleh dari segi peruntukan keagamaan kita kena mencari jalan.

Kemudian soalan yang kedua, sama ada EXCO boleh melibatkan ADUN bersama dalam pembahagian ataupun cadangan bagaimana kita hendak memberikan bantuan empat juta yang kita ada ini kepada SJKC termasuk juga SJKT empat juta juga supaya kita boleh bersama-sama memikirkan cara macam mana kita nak keluarkan. Sebab sekarang ini saya rasa, kami peranan sebagai ADUN hanyalah untuk mencadangkan, memberi kertas cadangan, surat kepada EXCO tapi sama ada dapatkah, tak dapat, sama ada diperlukan tidak boleh dapatkah, berapa boleh dapat itu di luar kawalan kita. Jadi saya rasa, saya ingin sangatlah nak mencadangkan supaya penglibatan ADUN dan juga juga dilibatkan bersama.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Terima kasih Kampung Tunku. Kampung Tunku ini sangat prihatin kepada semua. Saya baru nak masuk ke dalam itu sebab Kampung Tunku sendiri telah memasukkan yang syor untuk menambahkan peruntukan kepada enam juta kepada SJKC, SJKT. Dan dalam ulasan ataupun perbincangan Kampung Tunku itu ada menyebutkan enam juta daripada peruntukan JAIS. Jadi saya nak betulkan sikit. Saya menyokong seberapa banyak pun tak apa tapi biarlah rezeki, kalau Kerajaan Selangor mendapat rezeki yang banyak, kita akan boleh menambahkan lagi peruntukan-peruntukan ini. Saya ingin nak membetulkan apa yang disebutkan oleh Kampung Tunku masa perbincangan. Di mana Kampung Tunku mengatakan enam juta kepada SJKC itu tak ada masalah, SJKT tak ada masalah. Dan enam juta daripada peruntukan JAIS untuk pendidikan Islam. Jadi untuk pengetahuan Kampung Tunku dan Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, Sekolah Agama Rakyat, SAR bukan di bawah JAIS, bukan. Lagi banyak beban JAIS sebab JAIS sekarang ada SRA yang seratus sembilan puluh enam, SAR ada dua ratus lapan puluh lapan pun tak mampu sekarang ini.

YB TUAN NG SUEE LIM: Minta celah.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Sila, sila, sila.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat EXCO daripada Selat Klang ini. Dengar tadi dia cerita tentang pendidikan, tentang peruntukan saya dengar pun tengah syok pun dengan duit ni banyak, tengah berterbangan di sini sana, berjuta-juta. Tahniah dan syabas Kerajaan Pakatan Rakyat memang prihatin ya. Ini buat julung kali dan apa saya nak minta di sini adakah Kerajaan Negeri bercadang memberi sagu hati kepada dua pelajar daripada Sekinchan yang mendapat SPM enam belas A1. Yang dua ini di Semenanjung Malaysia *top* enam belas A1, nak beri sagu hati. Ha, ini daripada Sekinchan ini walaupun salah seorang perempuan itu daripada keluarga nelayan. Nelayan pun boleh dapat enam belas A1. Ini dia Sekinchan, jangan main.

YB TUAN SPEAKER: Itu menunjukkan bahawa beras dan ikan daripada Sekinchan itu berkhasiat.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Tahniah, tahniah kepada Yang Berhormat Sekinchan kerana pencapaian anak buahnya. Dan sebelum saya lupa apa yang disebutkan Kampung Tunku tadi memohon penglibatan ADUN-ADUN dalam pengagihan ini pada, untuk pengetahuan Kampung Tunku dan Yang Berhormat – Yang Berhormat sekalian, apabila kita membincangkan tentang mulanya sepuluh juta sekarang dua belas juta ini kepada tiga-tiga jenis sekolah ini kita telah melibatkan semua EXCO, semua EXCO sebenarnya. Dan kita hanya dalam proses untuk teknikal, untuk *delivery* sahaja. Tapi kalau Kampung Tunku dan mana-mana yang berminat boleh, boleh apalah, boleh bagi nama pada saya untuk kita, kita, kita bincang bersama bagaimanakah kita cara kita mengagihkan secara adil

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker, minta laluan.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Minta laluan?

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Sekejap aje.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Saya berapa minit lagi

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Satu aje. Nampaknya Tuan Speaker Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak begitu prihatin tentang permintaan Yang Berhormat daripada Sekinchan. Saya nak bagi tahu kepada Yang Berhormat Sekinchan kalau boleh mohon saya boleh dapatkan peruntukan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia. Menteri sendiri bagi sagu hati kepada dua pelajar cemerlang di Sekinchan.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Terima kasih Taman Templer. Belum jawab lagi, baru apa tadi. Untuk pengetahuan Sekinchan, masa '*Whistle Stop*' Pakatan Rakyat sambutan tahun, setahun Pakatan Rakyat memerintah, Insya-Allah EXCO dan ADUN-ADUN dan bersama rombongan konvoinya akan berhenti di Sekinchan dan masa itu kita akan memberi sumbangan istimewa kepada pelajar-pelajar cemerlang di Sekinchan. Menteri Besar sendiri Insya-Allah ya. Jadi kembali kepada yang saya sebutkan tadi. Ini nak dapat, nak dapat gambaran apa yang terjadi sebenarnya sebab mungkin ramai Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak faham apa itu Sekolah Rendah Agama di bawah JAIS, apa Sekolah Agama Rakyat SARS itu? Jadi ia, SARS. Sebenar SARS ini yang membantu Yang Berhormat – Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat ini kerana mereka ini tidak, tidak dipandang oleh Kerajaan sebelum ini. Jadi SAR ini adalah sekolah-sekolah yang didirikan oleh rakyat dengan duit mereka sendiri kerana JAIS tidak dapat menampung keperluan sekolah-sekolah agama di kawasan-kawasan mereka. Dan selama ini mereka hanya mendapat, tidak pernah mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri Selangor yang dahulu. Jadi ini SAR. Sebab itu Sekolah Agama Rakyat ini adalah di antara Sekolah Agama Rakyat yang di pinggir selama ini. dan kebanyakan mereka yang mendirikan SAR adalah terdiri daripada orang miskin, sama ada di pinggir Bandar ataupun di kampung. Justeru adalah tidak patut dan tidak adil sekiranya kerajaan negeri tidak memperuntukkan khas kepada mereka yang senasib dengan SJKC dan SJKT. Dan besarlah peluru Kampung Tunku hadiahkan kepada Sungai Panjang dan yang sewaktu dengannya sekiranya kita mengambilkan peruntukan daripada JAIS kerana JAIS ini sendiri ada tanggungjawabnya sendiri. Tapi

saya sangat setuju dengan cadangan Kampung Tunku dan Hulu Klang agar Kerajaan Negeri Selangor mewujudkan sistem kementerian untuk menjamin keberkesanan kerajaan. Sabah dan Sarawak yang begitu jauh ke belakang berbanding dengan pencapaian Kerajaan Negeri Selangor sudah pun mempunyai kementerian negeri sendiri. Jadi itu kalau mungkin di antara masalah-masalah yang kita timbulkan-timbulkan di sini selama beberapa hari kita bersidang ini. Mungkin sedikit sebanyak boleh kita minimakan kerana ada sistem daripada pembuat dasar sehingga pelaksana dan pemantauannya. Dia selari dan sekata, bukannya bercabang-cabang. Dan saya hampir semua Yang Berhormat-Yang Berhormat mengutarakan masalah yang puncanya ialah kualiti insan yang memegang jawatan penting dan kritikal.

YB TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat, Tuan Speaker minta laluan.

YB TUAN SPEAKER: Selat Klang, Kampung Tunku ada soalan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Boleh kami selaku ADUN menulis surat untuk berjumpa dengan Yang Berhormat untuk berbincang tentang perkara yang saya bagikan tadi dan saya rasa ianya ada sikit apa ni kita kena lakukan cepat sebab saya ada baca dalam internat yang Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang sudah mula sekarang ini nak edar, nak bagi bantuan kepada sekolah-sekolah ini. Dan saya rasa ada baiknya kalau kita lakukan cepat supaya ianya boleh memanfaatkan rakan-rakan kita di Perak.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Boleh, boleh. Sungai Pelek pun dah senyum, boleh Insya-Allah. Kita demokrasi dan Insya-Allah. Jadi hampir semua Yang Berhormat mengutarakan masalah-masalah yang puncanya ialah kualiti-kualiti insan yang memegang jawatan penting dan kritikal yang memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Itu yang ditimbulkan kecekapan dan ke tidak berkesannya yang masalah-masalah, pelaksana-pelaksana ataupun dengan izin *delivery system* kita masih dipersoalkan. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat kena, kena, kena faham bahawa kita ini baru memerintah selama setahun dan SPIES baru dibawa kepada kumpulan pertama. Semua Yang Dipertua PBT-PBT dan Datuk Bandar kecuali YDP Klang kerana mengikuti Kursus JUSA, yang Pegawai Daerah dan Tanah semua daerah dan tiga ketua pengarah jabatan-jabatan yang mengikuti SPIES pertama. Ini adalah satu, satu cara untuk kita membawakan mereka yang selama ini. Yang Berhormat kena faham juga bagaimanakah cara mereka berfikir selama ini, bekerja selama ini dan menyelesaikan masalah selama ini. Jadi kita hanya baru masukkan dalam Kursus *SPIES* untuk memberikan mereka peluang, ada satu cara lain untuk memerintah, mentadbir uruskan negeri ini. ataupun daerah-daerah, ataupun PBT-PBT mereka. Jadi ini mereka baru mendapat pendedahan pertama. Yang kita akan lakukan ialah kita akan membawakan kumpulan-kumpulan yang lain sehingga semua yang memegang jawatan-jawatan terpenting ini akan mengikuti Kursus *SPIES* ini dan kemudian kita akan susulkan dengan alumni *SPIES*. Dan pada alumni *SPIES* itu kita akan memberikan sedikit-sedikit input dengan izin *mine tuning* supaya dia selari dan seirama dengan cara Pakatan Rakyat memerintah. Inilah sekarang yang berlaku sekarang ini

YB TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker, minta celah.

YB TUAN SPEAKER: Ia, sebelum itu Yang Berhormat panjang lagikah?

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Tak habis lagi ni

YB TUAN LEE KIM SIN: Ia, minta celah.

YB TUAN SPEAKER: Agak berapa lama lagi? Agak berapa, sikit lagi? Baik kita teruskan dengan soalan daripada Kajang lepas itu kita berehat ya?

YB TUAN LEE KIM SIN: Berkaitan dengan Kursus *SPIES* yang dikenakan, dikatakan satu, kita hendakkan capai satu, satu anjakan minda dan kursus ini diberikan dan saya sendiri nampak interpretasi saya, kita nampak macam kita dah mula ada buruk sangka terhadap pegawai-pegawai yang lepas sebelum kita kenakan kursus. Dan *approach* ini saya anggap tak begitu eloklah dari segi *psychology*nya. Kita harus menganggap ini satu peningkatan bukannya satu orang kata ni minta izin iaitu macam *brainwash* ataupun *turnover* ya, terima kasih.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Nak jawab apa Kajang aje ya. Sebenarnya dalam Kursus *SPIES* Perdana dipanggil ini, khususnya untuk pimpinan-pimpinan penjawat awam tertinggi sebab itu mereka dikemudiankan sedikit kerana kita menyediakan modul-modul yang akan satu, tidak akan menyebabkan mereka benci kepada kita. Sebab mereka diberikan satu konsep di mana kalau ada gelas yang penuh walaupun apa yang diisi, dia akan melimpah kembali. Jadi mereka diberikan satu pendedahan bahawa mereka harus membuang apa-apa yang ada dulu, barulah boleh diisi yang lain. Yang kedua, saya telah memberikan satu, satu penekanan kepada konsultan supaya mereka ini tidak dimusuhi, tidak dipertakut-takutkan. Mereka ini kita berikan satu *a clean style, a fresh style*, dengan izin ya, supaya mereka ini dan adakah, ada, ada mungkin apa tak ada yang apa di sini, mungkin Yang Berhormat – Yang Berhormat boleh tanya-tanya kepada mereka yang telah melalui kursus *SPIES* ini apakah yang telah diberikan. Kursus *SPIES* Perdana pertama itu adalah pendedahan. *It's a welcome, welcome* kursus. Jadi apa, lain daripada apa yang kita lalui di Dewan ini kepada mereka. *It's a totally different approach*, Insya-Allah. Itu adalah satu peluang yang besar kerana kita harus adil kepada mereka setelah melalui sistem pentadbiran dan pemerintahan yang selama ini yang telah diterajui oleh Barisan Nasional. Dengan satu sistem yang sebegini, mereka perlu masa dan perlu sokongan dan dukungan dan motivasi daripada kita ini supaya mereka boleh bersama-sama mendukung matlamat dan tujuan kita, Insya-Allah.

YB TUAN SPEAKER: Yang Berhormat boleh kita tangguh selepas sembahyang Maghrib?

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Ok, ok terima kasih, terima kasih.

YB TUAN SPEAKER: Baik. Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 8.00 malam. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.15 malam

Dewan disambung semula

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Dewan disambung semula. Dipersilakan Selat Kelang.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Tuan Speaker, jadi kita Kerajaan Negeri Selangor mahu proses transformasi keadaan Negeri Selangor daripada yang menjadi juara *multi negative R* diatur yang menjuarai ragut, rogol, rempit, rakus, rasuah dan sebagainya termasuklah dadah, kita mahu melahirkan Selangor yang kita semua sebutkan Selangor yang cantik, indah tersusun, bebas banjir, jalan lancar, udara bersih, sihat, aman, sejahtera, makmur dan sebagainya maka kita harus menekan, mengambil berat tentang pembangunan modal insan ini. Kita lihat pembangunan yang tidak seimbang dan teratur yang menyebabkan kesesakan lalu lintas yang menimbulkan keresahan dan ketegangan, kita melihatkan sistem pengagihan kekayaan negeri yang tidak sama rata dan berlegar hanya pada segelintir orang kaya dan orang ternama kerana amalan kronik kronisme dan nepotisme yang menyebabkan sumber kekayaan serta posisi strategik Selangor tidak dapat dirasai oleh kebanyakan rakyat Selangor. Maka apabila Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor mengambil keputusan untuk menaikkan paras garis kemiskinan Negeri Selangor kepada pendapatan seribu lima ratus ringgit sekeluarga maka tiga puluh peratus daripada rakyat Selangor termasuk dalam golongan ini memandangkan wakil atau keadaan keperluan kehidupan semasa maka kita menaikkannya. Dan masalah banjir kita dan hari ini juga sekarang ini juga kita mendengar banjir kilat juga dirasai oleh kawasan Hulu Langat yang berpunca daripada pembangunan pesat yang tidak terancang dengan saliran air yang tidak sempurna, longkang dan parit yang tidak boleh menampung air hujan yang lebat yang mengakibatkan kemusnahan harta, mengambil masa dan tenaga yang timbulnya daripada kecuaihan pihak perancang, pihak pemaju dan sebagainya. Dan keselamatan yang tidak terjamin terutama sekali yang melihatkan wanita dan kanak-kanak kerana masyarakat masih lagi tidak mampu dan tidak bersepadu menghantar mesej membenci kejahatan, memulau kekerasan, menjauhi kezaliman, menghindar permusuhan dan sebagainya. Jadi oleh kerana itu kita harus membangunkan insan-insan di Selangor ini khususnya bagi mereka yang memegang jawatan-jawatan penting, pembuat-pembuat keputusan, pembuat-pembuat dasar, pelaksana-pelaksana dasar dan seluruh rakyat amnya. Begitu juga pendidik-pendidik yang berada di Selangor ini dan akhir sekali saya ingin mengingatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat bagi yang banyak disebutkan Yang Berhormat mengenai Ketua-Ketua Jabatan, Yang Dipertua-Yang Dipertua, Pegawai Daerah dan Tanah dan sebagainya seperti yang saya sebutkan tadi mereka ini telah mengharungi sistem pentadbiran dan pemerintahan mengikut neraca kerajaan UMNO Barisan Nasional yang jauh lebih sangat jauh sangat berbeza dari kita di mana ianya satu sistem arahan dan kerahan dan perlu dan wajib ditaati maka mereka ini seolah-olah tidak mampu membuatkan kerja dengan menunjukkan potensi, kreativiti, kemampuan diri mereka sendiri tidak terserlah selama ini, jadi oleh kerana mereka ini baru kita dedahkan kepada konsep *SPIES* Yang Berhormat-Yang Berhormat khususnya daripada Pakatan Rakyat harus memberikan mereka satu semangat baru memimpin mereka supaya mereka ini sebagai manusia yang Insya-Allah mempunyai hati yang bersih yang boleh dipimpin kita boleh bersama-sama berjuang dengan menggunakan, memanfaatkan sinergi bersama dengan mereka supaya mereka boleh membina dan

membangunkan Negeri Selangor ini secara lestari untuk manfaat kita semua, Insya-Allah. Jadi saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih. Sekian, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya Seri Andalas.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANGAM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut sama menggulung mengenai perkara-perkara yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Di dalam STANCO yang saya jaga perkara yang dibangkit semula lagi ialah berkenaan dengan denggi dan chikugunya di dalam Negeri Selangor, tempat-tempat ibadat selain Islam dan juga pekerja-pekerja lading di dalam Negeri Selangor. Yang Berhormat Taman Templer tak lagi di sini, Yang Berhormat Taman Templer telah membangkit mengenai isu demam denggi di kawasan Gombak dan saya percaya di kawasan-kawasan lain juga mengalami situasi yang sama. Untuk maklumat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Berhormat, Selangor merupakan sebuah negeri yang paling tinggi mencatat kes demam denggi di Malaysia, dan pada setiap tahun statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor menunjukkan kes-kes demam denggi ini ada dilaporkan tinggi. Jumlah keseluruhan kes denggi sehingga 7 Mac 2009 bagi Negeri Selangor ialah lima ribu tujuh ratus kes dengan jumlah kematian dua puluh dua orang. Bagi daerah Gombak pulak, sehingga 7 Mac 2009 kes denggi yang dilaporkan ialah empat ratus lima puluh sembilan kes dengan kematiannya ialah tujuh orang. Maklumat terkini hanya boleh dibentangkan setelah data-data yang diperoleh disemak dan disahkan pada tiap-tiap minggu. Semakan dan pengesahan amat perlu bagi memastikan data yang dikemukakan diyakini betul dan tiada lagi sebarang lagi perubahan. Pasal itu dia ada perbezaan di antara tujuh dan lapan tadi yang dia katakan pada hari itu. Bagi mengenai isu demam denggi di Negeri Selangor ini pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Pejabat Kesihatan Daerah dan Jabatan Unit Kesihatan PBT telah bekerjasama dalam melaksanakan pelbagai program-program yang menangani masalah tersebut. Pemantauan berkala juga dijalankan bagi memantau kes-kes denggi di kawasan *locality* wabak. Program-program yang sering diadakan adalah seperti menjalankan aktiviti pemeriksaan jentik-jentik, *aedes survey* dan *larva siding* untuk membunuh jentik-jentik di premis-premis kediaman, perniagaan, tapak-tapak projek, projek-projek terbengkalai dan tapak-tapak pasar. Penemuan jentik-jentik di kawasan premis adalah dikenakan notis ataupun denda kepada individu atau syarikat yang tidak menjaga kebersihan di premis berkenaan. Saya nak bagi statistik sedikit untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berminat. Di Negeri Selangor kita telah membuat pemeriksaan atas tiga belas jenis premis di seluruh Negeri Selangor. Dari tiga belas jenis premis ini yang tiga tertinggi ialah nombor satu ialah tapak binaan di mana kita telah memeriksa empat ratus tujuh puluh tapak. Dan dari empat ratus tujuh puluh tapak, dua ratus sembilan puluh lapan menunjukkan positif untuk wabak denggi. Itu ialah enam puluh tiga perperatus empat peratus. Nombor dua Yang Berhormat yang tertinggi dengan wabak denggi di kawasan Negeri Selangor ialah sekolah-sekolah di Negeri Selangor. Sekolah-sekolah di Negeri Selangor satu ribu satu ratus tujuh puluh lima diperiksa dan darinya satu ratus sembilan puluh sekolah telah mendapatkan catatan positif dan nombor tiga ialah projek terbengkalai. Dengan ini pada hari ini Kementerian Pendidikan Negeri Selangor telah arahkan semua sekolah di Negeri Selangor untuk mengadakan gotong royong pada hari ini. Untuk empat jam saya diberitahu, semua sekolah dari pagi telah membersihkan kawasan mereka masing-masing di dalam Negeri Selangor. Ini sebab saya telah bagi amaran kepada Pejabat Pendidikan kalau dua kompaun telah bagi pada satu sekolah, yang tiga itu ialah kita akan menutup sekolah itu terus menerus. Bagi rumah kosong

atau bangunan yang terbiar, pemilik rumah atau bangunan akan dikenal pasti dan seterusnya tindakan notis akan diberi kepada pemilik premis-premis. Sekiranya masih ingkar, tindakan kompaun akan dikenakan. Pihak PBT akan menjalankan pembersihan di kawasan tersebut apabila didapati pemilik tidak menjalankan kerja-kerja pembersihan. Walau bagaimanapun, segala kos pembersihan akan ditanggung oleh pemilik melalui *direct billing* ataupun cukai pintu. Selain itu semasa aktiviti kawalan dijalankan kaedah kawalan *terma fogging* dan *ulv* perlu dijalankan secara serentak kerana didapati amat berkesan dalam memastikan kawasan tersebut bebas aedes. Kawalan secara berkesan turut diadakan dengan menjalankan operasi bersepadu yang melibatkan kerjasama anggota-anggota Pejabat Kesihatan Daerah dan PBT dari kawasan lain di kawasan *hot spot* utama bagi membantu menurunkan tempoh berlakunya wabak di kawasan tersebut.

YB PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ya, silakan.

YB PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya adakah *fogging* ini dijalankan secara berkala atau pun hanya dilakukan setelah terima ada kes kejadian kematian ataupun mereka yang terjangkit.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANGAM: Tuan Speaker, Rawang, *fogging* ini kita perlu buat bila ada kes-kes yang tentukan kes itu kes demam denggi di dalam kawasan. *Fogging* itu tidak boleh dibuat bila-bila masa dan terusnya sebab *fogging* itu ialah satu-satu caranya untuk mendapatkan *effect* nya dalam empat puluh lapan jam untuk bunuhkan semua bukan sahaja, *fogging* tu bukan sahaja bunuhkan nyamuk tu tetapi ia bunuh seluruh bukan telur keseluruhan lain *insect-insect* yang ada di dalam kawasan, so *fogging* itu tidak boleh buat terus tiap-tiap minggu kita *fog* satu tempat, kalau kita buat begitu *you are going to have* dengan izin *you are going to have environmental disaster in your hands*. So *fogging* itu boleh buat bila kita tentukan kes itu adalah positif dengan denggi di kawasan itu, lepas itu sahaja kita buat *fogging* untuk kawasan itu. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kebersihan bermula dari rumah. Kesedaran pemilik rumah tentang *hot spot* tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes di dalam kawasan rumah amat perlu agar pembiakan nyamuk dapat dihapuskan. Seterusnya aktiviti gotong royong di sesuatu kawasan dapat menghapuskan tempat-tempat pembiakan. Di samping gotong royong program berbentuk seminar dan kursus juga diadakan dengan melibatkan orang ramai bagi memantapkan lagi maklumat mengenai demam denggi. Justeru itu amat digalakkan agar setiap ADUN kawasan dengan kerjasama Jawatankuasa Penduduk dapat memberi kesedaran ini dengan menganjurkan gotong royong di kawasan masing-masing. Selain itu perbincangan bersepadu yang melibatkan ADUN, Pejabat Kesihatan Daerah dan juga PBT akan dapat mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi di kawasan masing-masing dan terus mencari jalan penyelesaian.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Penjelasan, Tuan Speaker, penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ya, Sila.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Adakah itu satu saranan, permintaan, arahan agar ADUN-ADUN memberi kerjasama. Soalan saya, pertama adakah itu

arahan, kalau arahan adakah *time frame* dan apakah *target* yang nak dicapainya oleh ADUN penglibatan ADUN.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANGAM: Kalau saya nak bagi arahan kepada ADUN-ADUN tak betul la, tetapi saya mintalah semua ADUN-ADUN yang saya katakana pada jawapan saya fahamilah demam denggi ini, kalau tanpa kefahaman demam denggi ini kita susahnyanya kita nak hapuskan penyakit ini. Kita boleh menurunkan kes-kes denggi di dalam kawasan melalui gotong royong seberapa program yang kita ada. So lanjutkan lah program-program ini di dalam kawasan dan ADUN-ADUN boleh minta PBT-PBT dan kerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri. Saya diberitahu baru-baru ini dengan mengadakan enam puluh bilion *mini budget* ni separuh dari itu telah diagihkan kepada Kementerian Kesihatan untuk mereka di saya difahamkan mereka akan mengambil kerja-kerja pekerja-pekerja lebih dalam setiap daerah untuk denggi sahaja, dia suruh untuk mengambil pekerja-pekerja untuk menghadapi dengan *problem* ini. Tetapi di dalam PBT kita sendiri ya, saya nak bangkitkan isu masalah kekurangan pekerja ataupun kakitangan di Pejabat Kesihatan di PBT, STANCO saya dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri telah mengenal pasti beberapa faktor utama yang menyebabkan peningkatan wabak denggi di Negeri Selangor. Antara lain ialah kekurangan kakitangan dan tenaga kerja di Unit Kesihatan di dalam Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh yang demikian saya berharap Yang Dipertua PBT agar segera mengambil kakitangan bagi menjalankan tugas-tugasnya. Kita sedar PBT menghadapi kesukaran kerana kekurangan kakitangan untuk menyelia dan mengawasi kawasan pentadbiran perbandaran yang semakin besar ekoran pertumbuhan penduduk di sebuah kawasan PBT tersebut. Masalah di Negeri Selangor ialah sembilan puluh peratus di Negeri Selangor kita katakan telah pun dimajukan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Mintak laluan.

TUAN SPEAKER: Ya, Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Tuan Speaker. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa PBT-PBT mesti mengambil orang tambahan. Saya nak bertanya untuk PBT-PBT yang defisit belanjawan ataupun yang tidak mempunyai pendapatan yang banyak, adakah STANCO Yang Berhormat akan bantu atau mintak tambahan daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANGAM: Saya telah bagi arahan kepada Ketua-Ketua Jabatan Kesihatan di seluruh PBT untuk bagi maklumat tentang kakitangan yang ada sekarang. Dalam mesyuarat yang saya telah adakan dengan mereka, saya boleh katakan sembilan puluh lima peratus daripada mereka katakan mereka tak cukup kakitangan di dalam pejabat masing-masing, so inilah saya katakan di sini perhatian kena diberikan oleh Yang Dipertua-Yang Dipertua PBT kepada Pejabat Kesihatan di dalam PBT. Dengan izin, *don't take it very lightly* sekarang masalahnya ialah pada tahun ini sahaja kita nampak berbanding dengan 2008 tiga bulan yang pertama dan tiga bulan pada 2009 peningkatan kematian melalui denggi di Negeri Selangor memang naikkan dia lebih dari seratus peratus, so masalah ini ialah itu, tak apa kalau tak cukup dana saya kawan saya PWN yang akan cuba tolong kita di dalam perkara ini kerana kita berdepan dengan nyawa dan orang-orang di dalam kawasan kita. Ini ialah satu-satu masalah, Jalan Templer tidak ada di sini lagi. Ini adalah salah satu masalah dia di Selayang, PBT Selayang ini kawasan dia memang luas dari Rawang sampai dekat dengan Kuala Lumpur, so memang tidak boleh dikawal katakan, Jabatan

Kesihatan dari Selayang, jadi memang mereka kena dengan segera mengambil kakitangan menghadapi masalah denggi ini. So, tuan-tuan dan puan-puan, *I mean* Yang Berhormat oleh yang demikian, sesuatu kaedah itu tidak akan berjaya tanpa kita mengenal pasti dan mengatasi kelemahan yang ada. Tanpa kerjasama pastinya sesuatu program tersebut menjadi sia-sia. Justeru itu sesuatu kaedah operasi yang dijalankan akan dipastikan pemberitahuan umum dua hari sebelum operasi. Notis tentang kepentingan *fogging* dan pembasmian tempat pembiakan juga ditampak di lokasi yang mudah dilihat. Pada kebiasaannya operasi bersepadu ini akan dijalankan pada hari Sabtu dan Ahad. Selain daripada kesedaran orang ramai mengenai penjagaan kebersihan bagi membasmi pembiakan nyamuk aedes mereka juga amat perlu bagaimana demam denggi ini berlaku. Kebanyakan kes-kes kematian berlaku apabila pesakit lewat hadir ke klinik atau hospital untuk menerima rawatan seperti mana yang berlaku di Gombak. Pesakit yang beranggapan demam yang dialami adalah demam biasa dan dalam tempoh mereka merasa demam mereka telah baik telah baik pada masa tersebut adalah tempoh yang kritikal sekiranya rawatan lanjut tidak diberikan. Oleh yang demikian, pemantauan berkesan telah dijalankan di mana setiap klinik, Pejabat Kesihatan Daerah dan juga hospital telah diarahkan untuk menjalankan kaedah pemantauan pesakit dengan menggunakan kad denggi. Pesakit yang disahkan denggi dan dibenarkan pulang mestilah menjalani pemeriksaan harian di mana-mana klinik dengan menunjukkan kad denggi. Sekiranya pesakit ini mematuhi keadaan yang diperkenalkan ini nescaya kadar kematian dapat diturunkan. Mengenai kenyataan YB Taman Templer berkenaan jumlah terkini kematian kes denggi di Gombak ialah lapan orang bukan tujuh orang sesuatu kes kematian perlulah melalui proses audit kematian terlebih dahulu sebelum dipastikan ianya berpunca daripada demam denggi. Setelah mengesahkan daripada audit kematian diperolehi barulah sesuatu maklumat itu dapat disahkan untuk dilaporkan. Di sini Tuan Speaker saya nak katakan memang semua Yang Berhormat-Yang Berhormat dapatkan aduan dari penduduk-penduduk yang katakan mereka pergi hospital dan mereka tidak masuk hospital dan di hantar balik sahaja dengan darah diambil untuk diperiksa. Sekarang kita hadapi masalah yang besar di hospital, tak cukup katil untuk semua penyakit yang datang dengan demam untuk dia ditetapkan di dalam hospital, sebab itu di mana kita jumpa ada *clinical sign* dengan denggi caranya sekarang ialah untuk mengambil darah dan hantar mereka balik ke rumah dan dalam proses dua puluh empat jam mereka dikawal diminta balik dari hospital untuk mengambil darah tiap-tiap hari sebelum mereka boleh dipastikan, Tetapi kalaulah ada *sign-sign clinical sign* yang menunjukkan bahawa dia kritikal dan perlu di *admitkan* pada waktu itu dia akan dimasukkan ke hospital terus menerus. Jangan kita apa itu, susah sangat orang-orang kata saya pergi hospital dan dia orang suruh saya balik. Sebab tidak ada cukup tempat, itulah keadaannya yang kita akan ikut pada masa ini. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam menghadapi situasi demam denggi di Negeri Selangor ini kerjasama semua pihak amat perlu dalam memberi kesedaran orang ramai dalam turut serta menghapuskan nyamuk aedes dalam kawasan masing-masing. Dengan adanya kerjasama dan kesedaran ini satu program yang diadakan dapat memberi kesan yang diharapkan. Tuan Speaker, saya nak jawab beberapa soalan yang ditanya tentang rumah ibadat selain Islam di dalam Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Ya, Sijangkang nak minta laluan.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Ini berkaitan dengan denggi tadi. Berkaitan dengan denggi saya lihat adalah satu perkara yang serius, sudah tentu pencegahan itu lebih baik daripada merawat. Adakah, saya ingin bertanya sama ada

berapa peratus setakat ini combi-combi telah diwujudkan di Negeri Selangor dan kalau melihat *trend* yang terkini di Kuala Langat kita lihat bahawa kes-kes ini di kampung-kampung telah menunjukkan pertambahan kes-kes berbanding dengan taman-taman. Adakah ini disebabkan oleh faktor migrasi itu sendiri ataupun ada satu bentuk *trend* yang lain daripada nyamuk aedes yang membawa demam denggi ini.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANGAM: Tuan Speaker dan Sijangkang, terima kasih untuk soalan itu. Memang kita pada bulan sepuluh 2008 dengan kerjasama WHO dengan rakan-rakan kita dari Singapura dan beberapa kawasan dekat dengan Malaysia kita telah difahami bahawa bulan Januari dan Februari ini kita akan mendapatkan satu *trend* di mana kita akan nampak *spike of dengue* akan kita adakan. Ini ialah satu fenomena di seluruh dunia bukan sahaja di Malaysia, satu-satu Negara dekat dengan kita macam Singapura pun dengan apa yang kita kata kerja mereka untuk bersihkan kawasan dan sebagainya Singapura pun menghadapi dengan denggi dua bulan ini. Dan mulai dari November kalau tak silap saya dalam *press conference* yang kita selalu ada lepas Mesyuarat EXCO pada bulan November itu lah yang saya katakan kerjasama dengan penduduk dalam kawasan itu penting sekali untuk kita hadapi masalah ini. Pada waktu itu saya yang katakan bahawa tiap-tiap keluarga bagi sepuluh minit untuk bersihkan kawasan rumah dan kawasan di luar rumah. Kalau kita mengikut itu sajarah cukup untuk kita menghadapi masalah ini, tetapi *trend* dia ialah kita tak tau pasal apa banyak kajian dilakukan dan sekarang *in the process* tetapi malangnya kita tak tau macam mana trend dia meningkat tiap-tiap dua tahun kalau *you* tengok *figure* dia *dengue will spike every two years once*, ini ialah *trend* dia dan tapi *trend* ke tak *trend* kita mesti melakukan kerja kita untuk menurunkan kes-kes denggi sebab kematian itu anggaran dia enam puluh tiga peratus ialah *from the very young in the community, very young* dari dua puluh satu sampai empat puluh satu. Enam puluh tiga peratus yang kematian denggi ialah *the young aged group*. Tuan Speaker, rumah ibadat selain Islam, Kerajaan Negeri Selangor sedang berusaha mencari pendekatan yang lebih munasabah untuk mengatasi masalah rumah-rumah ibadat selain Islam, *sorry*, didirikan di dalam kawasan lapang, rizab jalan, sungai dan di atas tanah persendirian. Lantaran itu, kerajaan berharap semua pihak dapat memberikan kerjasama untuk mencari jalan penyelesaian yang tak sama bagi menyelesaikan permasalahan ini. Permasalahan ini timbul ekoran sikap kerajaan Barisan Nasional yang lalu yang bersikap tutup mata tidak mengambil peduli tidak mengambil sebarang tindakan penguatkuasaan terhadap pembinaan rumah-rumah ibadat tempoh hari. Saya ingin mengulas kepada perkara yang dibangkit oleh YB Bukit Melawati berhubung enam belas kuil dibina di kawasan estet di Kuala Selangor. Kerajaan buat masa ini tidak bercadang membeli tapak-tapak ini untuk rumah-rumah ibadat tersebut. Sebaliknya Kerajaan Negeri akan meminta pihak estet untuk memberikan hak milik tanah kepada pihak kuil di lokasi sedia ada ataupun memberi tapak ganti apabila pihak estet bercadang membangunkan estet mereka pada masa hadapan. Kerajaan juga bercadang untuk mengiktiraf kuil-kuil atau tokong yang telah lama beroperasi di sesebuah *locality* itu tetapi tidak dapat didaftarkan di sebabkan permasalahan melibatkan hak milik tanah dan sebagainya. Rumah-rumah ibadat ini akan turut diberikan bantuan oleh pihak Kerajaan Negeri. Saya ingin mengingatkan Pejabat-Pejabat Tanah dan Daerah dalam PBT agar melicinkan dan mempercepatkan proses pendaftaran rumah-rumah ibadat ini serta menyegerakan penyerahan hak milik tanah bagai rumah-rumah ibadat ini kerana pejabat saya telah mendapat banyak aduan mengatakan pihak Pejabat Tanah sengaja melengah-lengahkan permohonan mereka walaupun permohonan telah dibuat beberapa tahun yang lalu. Yang Berhormat Speaker, saya nak jawab soalan tentang alam sekitar yang telah dibangunkan oleh

ADUN Sekinchan. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat ADUN, bau busuk yang dibangkitkan oleh YB ADUN Sekinchan adalah merujuk kepada aktiviti memproses baja najis ternakan ayam telur di Batu 20, Mukim Ijok daerah Kuala Selangor. Dalam hal ini, pihak syarikat telah mengambil beberapa tindakan untuk mengurangkan bau termasuk melakukan semburan enzim secara dua puluh empat jam, menggunakan *automatic timer*. Namun demikian, masalah ini masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Tindakan terkini yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah Kuala Selangor adalah mengarahkan supaya aktiviti pengumpulan najis ayam untuk dijadikan baja dihentikan. Notis-notis berkaitan bagi menghentikan kacau ganggu telah pun dikeluarkan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

YB TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Ok, tapi tak boleh panjang.

YB TUAN NG SUEE LIM: Sikit-sikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat EXCO daripada Seri Andalas kerana menjawab soalan saya apa yang dibangkitkan. Bagaimanapun saya nampak, tentang bau busuk yang dikeluarkan oleh Syarikat Lay Hong, Lay Hong dan Syarikat Evergreen Organic fertilizer yang dua *company* ini dia ada sama tetapi yang di Batu 20 Ijok ini, ini di kawasan YAB. Ijok. Ini memang saya sedia maklum, ini akan ditutup akan diambil tindakan keras tetapi yang saya maksudkan tadi cawangan dia di Batu 14, Jalan Sempadan, Kapar. Batu 14, Jalan Sempadan, Kapar. Kalau tak silap saya sewaktu YB. Tuan Speaker sebagai ADUN waktu tu pernah kita buat demonstrasi di situ sampai sekarang dah lebih daripada 8 hingga 10 tahun masalah ini tidak selesai. Apabila kita kompelin, ada tindakan, dia sembur tapi waktu malam bau busuknya makan pun tak larat. Tolong ambil tindakan segera. Sekian, terima kasih.

YB TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih, Sekinchan. Saya akan bawa isu ini kepada alam sekitar dan apa tindakan akan diambil, akan kita tulis terus kepada YB. Sekinchan dalam jawapan kita.

Aduan dari Sg. Burung, aduan yang ADUN Sg. Burung, aduan yang dibangkitkan oleh YB. ADUN Sg. Burung adalah merujuk kepada kilang-kilang yang mengeluarkan asap di sekitar Kapar khususnya di kawasan perindustrian Sg. Peloh, Kapar, Klang yang terletak bersebelahan kawasan perumahan Aman Perdana. Untuk makluman Ahli YB. terdapat sebanyak 132 premis industri yang beroperasi di kawasan perindustrian Sg. Peloh buat masa ini. Di mana jarak di antara kawasan perindustrian ini dengan kawasan perumahan adalah sekitar 60 meter hingga 350 meter sahaja. Sebanyak 59 premis yang terletak pada jarak hanya 66 meter dari kawasan perumahan terhampir dan dari jumlah tersebut 29 premis adalah merupakan industri berasaskan kayu yang mempunyai potensi tinggi menyebabkan pencemaran habuk dan asap. Selebihnya adalah industri berasaskan logam. Sebuah kilang memproses racun makhluk perosak, sebuah kilang membuat arang dari habuk kayu dan sebuah kilang memproses arang batu. Industri-industri ini telah wujud sebelum pembangunan kawasan perumahan Aman Perdana dibangunkan yang mana pembangunannya telah tidak mengambil kira keperluan zon penampakan yang mencukupi bagi memisahkan kawasan perindustrian

dengan kawasan perumahan yang memerlukan sekurang-kurangnya 500 meter bagi mengelakkan masalah pencemaran yang berterusan dari industri seumpamanya ini.

Dari pemantauan Jabatan Alam Sekitar kini masih terdapat dua premis industri berasaskan kayu yang masih menyebabkan pencemaran asap hitam yang ketara dan masih belum mematuhi sepenuhnya kepada perundangan alam sekitar. Di samping itu, terdapat juga sebuah industri menyebabkan pelepasan asap putih yang kandungannya utamanya adalah wap air yang mematuhi perundangan tetapi masih menyebabkan kacau ganggu kepada perumahan berdekatan disebabkan pembangunan perumahan yang terlalu hampir. Jabatan akan terus berusaha memastikan kedua-dua premis di atas mematuhi sepenuhnya keperluan perundangan alam sekitar dalam masa terdekat. Namun demikian, pada keseluruhannya *residue politer* masih akan dirasai oleh penduduk di kawasan ini disebabkan pembangunan kawasan perumahan ini sudah berada di dalam kawasan yang sepatutnya dijadikan zon penanaman.

Tuan Speaker, sedikit dengan pekerja-pekerja ladang yang ditimbulkan masalah rumah mereka. Saya melalui STANCO pekerja-pekerja ladang akan mengadakan satu seminar khas untuk kita memformulasikan satu polisi baru untuk Kerajaan Pakatan di negeri Selangor dengan rumah-rumah pekerja-pekerja ladang di seluruh negeri Selangor. Seminar ini akan dianjurkan oleh STANCO pekerja-pekerja ladang dan dipengerusikan oleh YB. Kota Damansara dan kita haraplah dengan mengadakan seminar ini, STANCO pekerja ladang-ladang dengan STANCO perumahan akan bekerja bersama-sama untuk dapatkan satu formula baru yang kita akan bawa kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk lulusan untuk kita mengadakan polisi yang tetap dengan rumah-rumah untuk pekerja-pekerja di ladang di negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Terima kasih. Kota Anggerik.

YB TUAN HAJI YAACOB BIN SAPARI: *Bismillahi rahmani rahim, assalamualaikum WBT.* Tuan Speaker, sebelum mulakan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat ADUN yang masih ada berada dalam Dewan ini. Saya kira inilah ADUN-ADUN yang benar-benar dapat berperanan untuk membela nasib rakyat yang menggunakan Dewan yang mulia ini dengan sebaik-baiknya untuk membahaskan dasar-dasar Kerajaan Negeri agar kami barisan EXCO mengambil *point-point* yang baik, ini berbeza dengan ADUN-ADUN UMNO dan Barisan Nasional yang menyepi sejak pagi lagi.

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah portfolio saya. Tuan Speaker, YB. Sg. Panjang yang tidak bersama pada hari ini telah membangkitkan perkara-perkara berikut: pertama langkah-langkah meningkatkan hasil padi, aktiviti menambah sumber pendapatan, usaha meningkatkan pendapatan nelayan, usaha menambah bahan mentah untuk IKS khususnya kerepek. Pelaksanaan ladang rakyat. Walau bagaimanapun soal tempe tidak disebut dalam Dewan pada kali ini.

Kerajaan Negeri telah mensasarkan purata pengeluaran padi adalah 7.5 tan sehektar berbanding purata semasa ialah sekitar 5 tan sehektar. Bagi tujuan tersebut 3 perkara sedang diberi tumpuan iaitu menambah baik sumber pengairan, meningkatkan kecekapan input pertanian iaitu benih, baja dan racun. Memantapkan sumber manusia. Bagi menambah sumber pendapatan Kerajaan akan memberi pendekatan kepada aktiviti pertanian mengikut kampung. Contohnya, aktiviti tanaman tembikai di Bukit

Cherakah dan cendawan di Kuala Selangor. Program bumi hijau juga merupakan aktiviti yang diteruskan pada tahun ini. *Burn agriculture*. Kerajaan juga mencadangkan ketua-ketua kampung membantu penduduk meningkatkan pendapatan dalam kampung masing-masing melalui pembangunan kebun terbiar dan aktiviti tanaman kontan. Untuk makluman YB. Sg. Panjang, projek ternakan ikan patin yang disebut semalam cuma masih diteruskan cuma sekarang telah dipindahkan ke *Ban Canal* di Tg. Karang setelah dikaji air di *Ban Canal* hanya boleh digunakan untuk ternakan pada bulan Januari hingga September kerana pada kebiasaannya pada bulan Oktober hingga Disember PH air adalah pada paras 3 dan 4 di mana ia tidak sesuai untuk ternakan. Bagi nelayan, Kerajaan Negeri sedang mengkaji semula bantuan lengkap kepada nelayan yang berlesen. Kerajaan akan memperuntukkan RM28 ribu bagi nelayan mendapatkan sampan *fiber glass* 24 kaki, enjin 60 kuasa kuda dan 40 keping jaringan bersaiz 3 inci. Ini bertujuan bagi membolehkan nelayan menangkap ikan di sekitar 1 hingga 1.5 batu nautika. Walaupun begitu kajian sedang dijalankan di Pelabuhan Klang, bagi melihat sama ada dengan bantuan tersebut mampu atau tidak nelayan yang dibantu memperoleh pendapatan RM5,000.00 sebulan. Yang sekarang ni ada 3 nelayan yang kita pilih untuk percubaan. Kerajaan Negeri juga telah menumpukan Kuala Langat dan Sepang sebagai zon pengeluar kerepek khususnya kerepek ubi. Ia itu hutan-hutan miskin akan dijadikan kawasan tanaman ubi. Kawasan seluas 100 ekar telah berjaya dibangunkan. Selain itu pada tahun 2009, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah menyediakan lagi kawasan seluas 64.3 hektar bagi penanaman ubi kayu dan kawasan seluas 182.8 hektar bagi tanaman pisang. Di samping PKPS akan membuka kawasan seluas 200 ekar untuk dijadikan ladang ubi dan program ini bermula pada bulan Mac ini. Sementara itu, sebuah kilang memproses kerepek yang memenuhi piawaian HACCP, GMP dan Halal akan dibangunkan. Kini ia berada dalam peringkat penyediaan pelan bangunan. Sementara itu ladang rakyat adalah satu pendekatan bagi membantu pesawah menambah pendapatan terutama mereka yang memiliki tanah kurang daripada 3 ekar. Pesawah yang terpilih tidak akan memiliki ladang rakyat tetapi hanya sekadar menyewa sahaja. Kawasan Raja Musa seluas 200 ekar telah dikenal pasti untuk ditanam dengan nanas N36 dengan bantuan Lembaga Nanas Malaysia. Kerajaan kini sedang menyediakan pelan pembangunan dan bajet.

YB. Sekinchan pula telah membangkitkan isu pengurangan bantuan baja subsidi dari asal iaitu 15 beg baja campuran, 6 beg baja urea dan 6 beg baja tambahan NPK. Untuk makluman YB. Sekinchan bantuan ini adalah bantuan daripada Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian telah mengeluarkan dasar pengiraan baru bantuan baja iaitu petani yang mempunyai tanah sawah seluas 1.215 hektar layak dapat bantuan 15 beg baja campuran, 6 beg urea, 6 beg NPK tambahan. Manakala kawasan kurang daripada 1.215 hektar maka bantuan adalah 14 beg baja campuran, 5 beg urea, 5 beg NPK. Dasar bantuan baru ini hanya diberi mengikut keluasan tanah sebenar sahaja.

YB. Kota Damansara, telah mencadangkan pembangunan tanah kosong untuk aktiviti pertanian. Kerajaan Negeri kini sedang mengambil pendekatan untuk menjadikan lot-lot kedai di Bukit Beruntung dan Lembah Beringin sebagai kawasan pertanian menggunakan teknologi moden. Kawasan tersebut sesuai untuk dijadikan lokasi pengeluaran cendawan, ikan keli dalam kanvas dan pusat pemasaran ikan hiasan. Pendekatan tersebut perlu dijalankan kerana Negeri Selangor sebenarnya mempunyai kawasan pertanian yang sangat terhad.

Tuan Speaker, berkaitan dengan isu program usahawan, YB. Sg. Air Tawar bertanya mengenai pembangunan aktiviti keusahawanan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang

Berhormat, Kerajaan Negeri menawarkan kursus dan latihan kepada mereka yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri menganjurkan secara bersama program-program keusahawanan dengan badan-badan bukan Kerajaan. Bagi memupuk minat di dalam bidang keusahawanan. Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan yang besar dalam program memupuk minat keusahawanan berikutan peruntukan sedia ada sangat terhad kepada mereka yang memulakan perniagaan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan pihak Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi mewujudkan lebih banyak usahawan berikutan program di bawah AIM banyak memasarkan, menasarkan peluang-peluang memulakan perniagaan dalam bidang bimbingan dan pemantauan.

Untuk makluman Tuan Speaker, dalam program usahawan ada 4 yang disediakan. Pertama untuk usahawan mikro di mana program untuk membasmi kemiskinan bandar. Program ini dibuat bersama Amanah Ikhtiar Malaysia. Jadi peranan YB. ADUN ialah untuk mencari peserta-peserta untuk program ini dan program ini khusus untuk wanita-wanita sahaja sebab pengalaman Amanah Ikhtiar Malaysia, memberi bimbingan dan bantuan pada orang laki-laki sebahagian besar tak bayar hutang. Yang Kedua, ialah program untuk menambah minat dalam bidang keusahawanan, ia ini kursus-kursus. Yang Ketiga program meningkatkan usahawan sedia ada. Yang keempat ialah cuba untuk bawa usahawan-usahawan ini keluar negara.

YB. PUAN GAN PEI NEI: Soalan minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ya! Rawang. Sila.

YB. PUAN GAN PEI NEI: Berkenaan dengan program AIM iaitu Amanah Ikhtiar Malaysia itu, saya ingin tanyakan sama ada program itu akan dijalankan mengikut DUN ataupun macam mana sebab setahu saya sebelum ini ada program diadakan dalam kampung. Kampung Melayu Bt. 16 yang mana di bawah DUN Taman Templer tetapi pihak saya cuba untuk hantar peserta ke program itu tetapi dikatakan bahawa Rawang tunggu kali yang lain. Lain kali so saya nak tahu sama ada agensi ni adalah di bawah Kerajaan Negeri atau pun di bawah Kerajaan Persekutuan.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Agensi ini adalah sebuah NGO di bawah Kerajaan Persekutuan dengan dana Kementerian Kewangan, walau bagaimanapun untuk kali ini AIM telah bersama dengan UPEN untuk buat program-program ini dan kalau Yang Berhormat berminat boleh berhubung dengan pejabat saya.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah menyediakan dana industri kecil, bagi menambah pengeluaran dan peningkatan kualiti produk yang dihasilkan. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri turut mempromosi produk-produk IKS yang telah dikenal pasti berpotensi melalui program satu daerah satu produk dan menaja penglibatan usahawan yang layak menyertai program-program promosi yang dianjurkan oleh Kerajaan ataupun swasta.

Tuan Speaker, saya rasa selepas Pilihan raya 8 Mac yang lalu, baru lah rakyat Selangor menikmati sedikit kebebasan yang mana dewan-dewan yang ada di Negeri Selangor bebas digunakan oleh mana-mana parti politik atau mana-mana pertubuhan di Negeri Selangor. Yang Berhormat Sg. Air Tawar membangkitkan isu penggunaan balai-balai raya yang didirikan di atas tanah milik individu atau persendirian atau balai-balai raya yang dikunci. Untuk makluman Tuan Speaker dan Ahli Berhormat, Pejabat-pejabat

Daerah telah mengambil alih semua balai-balai raya yang dibina di atas tanah Kerajaan. Walau bagaimanapun bagi balai-balai raya yang dibina atas tanah individu, sukar untuk Pejabat Daerah mengambil alih semula memandangkan ianya di bina di atas tanah individu dan melibatkan isu perundangan. Sebahagian besar dewan-dewan di kawasan Sabak Bernam dan Kuala Selangor di bina di atas tanah individu. Untuk makluman Yang Berhormat Sg. Air Tawar, di daerah Sabak Bernam sahaja terdapat 55 balai raya yang dibina di atas tanah milik individu dan selebihnya sebanyak 72 buah balai raya didirikan di atas tanah Kerajaan Negeri. Hanya beberapa buah balai raya yang dibina di atas tanah milik individu daerah Sabak Bernam yang boleh digunakan pakai oleh penduduk-penduduk kampung. Penggunaan balai raya tersebut adalah bergantung di atas budi bicara pemilik tanah bagi mendapatkan keizinan dan kebenaran untuk menggunakan balai raya tersebut.

Tuan Speaker, selepas bertahan Kerajaan Pakatan Rakyat semua kunci pintu balai raya yang didirikan di atas tanah Kerajaan Negeri telah ditukar kepada yang baru. Perkara ini berlaku kerana JKKK yang terdahulu enggan memulangkan kunci balai raya kepada Pejabat Daerah. Justeru itu, Kerajaan Negeri terpaksa mengarahkan semua Pejabat Daerah untuk menukarkan kunci pintu kepada yang baru demi keselamatan dan kebaikan penduduk kampung. Sehingga kini balai-balai raya yang didirikan di atas tanah Kerajaan Negeri telah digunakan oleh penduduk-penduduk kampung melainkan balai raya yang didirikan di atas tanah milik individu.

Berkaitan dengan soalan, Kg. Tunku dan Kajang, kawasan hutan yang dimaksudkan adalah Hutan Simpan Jeloh yang mana dalam mesyuarat MMKN 27/2006 pada 18 November 2006 kawasan tersebut telah dijadikan untuk, dibenarkan untuk pembalakan. Lesen pembalakan dikeluarkan pada 17 Ogos 2007. Hutan Simpan Jeloh seluas, semua sekali seluas 900 ekar baki 202 hektar telah pun diberikan kepada PKPS untuk dijadikan, ditanam semula dengan getah. Ketika ini pembalakan telah pun habis dijalankan dan sedang ditanam dengan getah. Ini menggambarkan Yang Berhormat Kajang, bagaimana rakusnya Kerajaan Barisan Nasional, telah meluluskan lesen pembalakan tersebut dan memang ada kesannya kepada banjir di kawasan Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIM: Tuan Speaker, nak mencelah sedikit.

TUAN SPEAKER: Ya Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIM: Terima kasih kepada Tuan Speaker dan juga EXCO Pertanian. Berkaitan dengan kes yang disebutkan di Kajang, susulan yang kami jalankan telah mendapati pihak yang akan membuatkan tanaman ladang getah mereka sudah akan mulakan kerja penanaman dan dinyatakan oleh seorang kontraktor ataupun pengusaha penanaman ladang getah ni mereka kata sudah bayar premium dan amatlah mengejutkan kenapa tanah, pajakan tanah pun diberikan kepada pihak swasta. Dalam kes sebegini pihak yang bertanggungjawab, siapakah yang membenarkan pembalakan di tempat Hutan Simpan yang merupakan tadahan air yang kawasan sensitif alam sekitar tanpa membuat sebarang EIA dan juga rundingan dengan JPS dan juga pihak tempatan.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Untuk makluman Yang Berhormat Kajang, kelulusan dibuat pada tahun 2006. Lesen dikeluarkan pada 17 Ogos 2007. Jadi semua kelulusan dan premium telah dibayar sebelum itu. Itu yang dibuat tentang kawasan tersebut dan ini di bawah program pembalakan semula.

Berkaitan dengan kuari Bukit Lagong yang disebut oleh Paya Jaras. Ini masalahnya Tuan Speaker, Kerajaan terdahulu telah meluluskan pembangunan di kawasan hampir dengan kawasan kuari. Akibatnya sekarang kita menanggung susah kerana program yang mereka buat walaupun memang peraturan menyatakan bahawa pembangunan boleh dibuat 500 meter daripada kawasan kuari dan kawasan kuari Bukit Lagong ini adalah kawasan kuari terbesar yang sekarang ini membekalkan 60% kuari untuk Lembah Klang dan dijangka usia kuari ini akan mencapai 30 tahun lagi. Hari tu, saya telah berbincang dengan semua pengusaha-pengusaha dengan Pejabat Hutan dan Pejabat Daerah supaya dicari jalan alternatif keluar dan saya diberitahu bahawa seandainya jalan ini dibuat kos untuk masuk ke lebuhraya sekitar RM40 juta.

Tidak ada aktiviti membawa kuari-kuari ini di waktu malam seperti di dakwa oleh Paya Jaras. Jadual pengeluaran kuari ialah 8.00 pagi sampai 1.00 tengah hari, 2.00 petang sampai 5.00 petang. Pada hari Jumaat 8.00 pagi sampai 12.15 tengah hari, 2.45 petang hingga 5.00 petang. Telah sebut, tidak ada pengeluaran kuari di waktu malam.

Berkaitan kenyataan daripada Yang Berhormat Bukit Melawati, saya telah minta supaya Pejabat Tanah mengukur semula sempadan sungai di kawasan Assam Jawa dan saya diberitahu dalam masa sebulan atau 2 bulan ini *paper* untuk di bawa ke MTES dan ini telah dipersetujui oleh Pejabat Tanah. Saya harap Pejabat Tanah akan percepatkan proses ini.

Berkaitan dengan KKSBB, KSSB – Kumpulan Semesta yang diberi amanah untuk menguruskan aktiviti perlombongan pasir. Sebagaimana Yang Berhormat maklum, bahawa Kerajaan Negeri memutuskan semua operasi berkaitan perlombongan pasir dikendalikan oleh MBI in *Corporated* iaitu Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. KSSB telah mengawal harga. Dakwaan daripada Kuala Kubu berkaitan KSSB, untuk makluman KSSB tidak mengawal harga pasaran *end-user* pasir di Selangor. KSSB hanya menjual pasir kepada pembeli-pembeli yang merupakan pembekal kepada *end-user*. Pembeli-pembeli ini lah yang menentukan harga pasaran semasa pasir di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur setelah mengambil kira kos pengangkutan, kos operasi dan kos keuntungan mereka. Harga jualan pasir KSSB *x-mind* adalah menurut harga yang ditawarkan oleh pembeli-pembeli tersebut dalam tender-tender. Untuk makluman, proses penentuan harga ditentukan oleh tender di mana pembeli-pembeli akan menawarkan tender berapakah harga yang mereka sanggup beli dan harga ini ditentukan oleh penender-penender. Harga jualan pasir sebelum penubuhan KSSB adalah bergantung sepenuhnya kepada kehendak pengusaha-pengusaha pasir berlesen ataupun secara haram. Penipuan jumlah kuantiti jualan sebenar berbanding jumlah royalti dibayar sangat berleluasa. Sigma yang mengatakan harga pasir selepas penubuhan KSSB mahal, adalah tidak berasas. KSSB hanya menjual pasir cuci konkrit yang menepati piawaian BS882 bagi kegunaan *batching plan* bagi membuat konkrit. Adalah rendah tidak dapat diterima kerana pendapat yang mengatakan harga dahulu adalah rendah tidak dapat diterima secara langsung kerana pasir yang dimaksudkan bukanlah konkrit *wash sand* iaitu *dumping sand* atau pasir kotor tanpa spesifikasi kejuruteraan yang khusus. Pada masa ini industri menyambut baik kewujudan KSSB kerana mereka mendapat bekalan *wash concrete sand* yang konsisten, berkualiti, harga asas yang tetap dan berpatutan.

Tuan Speaker, akhirnya Tuan Speaker, saya nak menjual pantun.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya! Kg. Tunku minta laluan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker, satu pertanyaan terhadap EXCO iaitu sama ada EXCO boleh bekalkan jawapan ini dalam bentuk sama ada surat ataupun dalam bentuk elektronik kepada semua ADUN. Agar kita dapat perjelaskannya dengan lebih terperinci kepada semua mana-mana pihak yang datang bertanya berkenaan dengan soalan ini.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya tiada halangan untuk memberi jawapan-jawapan secara bertulis pada semua Yang Berhormat berkaitan KSSB bahkan maklumat yang lebih luas boleh kita berikan pada KSSB. Akhirnya Tuan Speaker, saya nak bagi satu pantun pada UMNO dan Barisan Nasional khususnya Sg. Panjang.

Orang Melayu memanggil abang,
Orang Jawa panggil kang,
kedua-duanya sama-sama,
nampaknya Sg. Panjang selesa jadi pembangkang,
elok lah kekal selama-lamanya.

Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, memandangkan semua Ahli EXCO telah pun membuat penggulungan maka dengan ini saya tangguhkan Dewan sehingga hari Isnin, 16 Mac 2009 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 9.05 malam